

**ANALISIS WACANA WARKAH-WARKAH SOSIAL
MELAYU TRADISI ABAD KE-17 HINGGA KE-19**

MUHAMMAD HISYAM BIN HALIAH

**AKADEMI PENGAJIAN MELAYU
UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR**

2019

**ANALISIS WACANA WARKAH-WARKAH SOSIAL
MELAYU TRADISI ABAD KE-17 HINGGA KE-19**

MUHAMMAD HISYAM BIN HALIAH

**DISERTASI DISERAHKAN SEBAGAI MEMENUHI
KEPERLUAN BAGI IJAZAH SARJANA PENGAJIAN
MELAYU**

**AKADEMI PENGAJIAN MELAYU
UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR**

2019

UNIVERSITI MALAYA
PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN

Nama: **Muhammad Hisyam bin Haliah**

No. Matrik: **JGA 150027**

Nama Ijazah: **Ijazah Sarjana Pengajian Melayu**

Tajuk Kertas Projek/Laporan Penyelidikan/Disertasi/Tesis (“Hasil Kerja ini”):

Analisis Wacana Warkah-Warkah Sosial Melayu Tradisi Abad ke-17 hingga ke-19

Bidang Penyelidikan: **Analisis Wacana**

Saya dengan sesungguhnya dan sebenarnya mengaku bahawa:

- (1) Saya adalah satu-satunya pengarang/penulis Hasil Kerja ini;
- (2) Hasil Kerja ini adalah asli;
- (3) Apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hakcipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hakcipta telah dinyatakan dengan sejelasnya dan secukupnya dan satu pengiktirafan tajuk hasil kerja tersebut dan pengarang/penulisnya telah dilakukan di dalam Hasil Kerja ini;
- (4) Saya tidak mempunyai apa-apa pengetahuan sebenar atau patut semunasabahnya tahu bahawa penghasilan Hasil Kerja ini melanggar suatu hakcipta hasil kerja yang lain;
- (5) Saya dengan ini menyerahkan kesemua dan tiap-tiap hak yang terkandung di dalam hakcipta Hasil Kerja ini kepada Universiti Malaya (“UM”) yang seterusnya mula dari sekarang adalah tuan punya kepada hakcipta di dalam Hasil Kerja ini dan apa-apa pengeluaran semula atau penggunaan dalam apa jua bentuk atau dengan apa juga cara sekalipun adalah dilarang tanpa terlebih dahulu mendapat kebenaran bertulis dari UM;
- (6) Saya sedar sepenuhnya sekiranya dalam masa penghasilan Hasil Kerja ini saya telah melanggar suatu hakcipta hasil kerja yang lain sama ada dengan niat atau sebaliknya, saya boleh dikenakan tindakan undang-undang atau apa-apa tindakan lain sebagaimana yang diputuskan oleh UM.

Tandatangan Calon

Tarikh:

Diperbuat dan sesungguhnya diakui di hadapan,

Tandatangan Saksi

Tarikh:

Nama:

Jawatan: Penyelia / Pensyarah

ABSTRAK

Kewujudan warkah sosial Melayu membuktikan wujudnya komunikasi yang merentas sempadan dalam kalangan masyarakat tempatan ataupun dengan pihak asing. Namun begitu, masyarakat kini masih memandang warkah Melayu sebagai sebuah teks biasa sahaja. Kewujudan warkah Melayu menggambarkan bahawa masyarakat Melayu mampu menghasilkan wacana tersendiri. Oleh itu, kajian ini untuk menganalisis satu daripada unsur wacana, iaitu dimensi tekstual dalam warkah sosial Melayu.

Kajian dimensi tekstual yang merangkumi aspek struktur teks, kohesi, nahu, dan leksikalisasi memerihalkan teks dari segi bentuk dan makna. Kajian dimensi tekstual dapat membuktikan ketinggian nilai sesepucuk warkah sebagai dokumentasi peristiwa komunikatif masyarakat Melayu. Kajian ini melibatkan kaedah penyelidikan kepustakaan dan kaedah analisis teks. Sebanyak 21 pucuk warkah sosial Melayu yang diperturunkan daripada sumber sekunder dijadikan bahan kajian. Selaras dengan penggunaan pendekatan kualitatif, pengolahan data berdasarkan kerangka Konseptual Wacana Tiga Dimensi oleh Fairclough (1992&1995) dan hanya menfokuskan dimensi tekstual.

Struktur teks warkah sosial Melayu memperlihatkan susunan yang berurutan, iaitu dimulai dengan kepala surat, cap, kata-kata pujian, kandungan, prapenutup, dan penutup. Proses tersebut mempunyai perkaitan antara satu sama lain sebagai sebuah kesatuan. Meskipun begitu, kewujudan variasi struktur menggambarkan bahawa komponen tersebut bukanlah bersifat mutlak. Aspek kohesi pula yang digambarkan oleh unsur rujukan, penggantian, elipsis, penghubung, pernyataan semula, dan kolokasi melihat hubungan semantik suatu unsur linguistik dengan unsur linguistik yang lain untuk melahirkan sebuah teks yang utuh.

Pengaplikasian aspek nahu modaliti dalam wacana warkah bertindak sebagai unsur perintah dan informasi daripada pengirim kepada sasarannya. Modaliti menyerlahkan hubungan interpersonal daripada sikap pengirim terhadap sebarang pernyataan yang dilakukan. Penumpuan leksikalisasi metafora pula memanipulasikan sejumlah kata yang terangkum daripada satu domain kepada domain yang lain. Metafora tersebut melibatkan metafora perkembangan motor, metafora cinta, metafora pertanian, dan metafora nasib. Kesimpulannya, wacana warkah dapat menggambarkan peristiwa komunikatif dalam konteks ketika itu yang menyerlahkan jalinan makna ideasional, interpersonal, dan teks.

ABSTRACT

The existent of the Malay social letters has proven that there is a form of communication across the boundry amongst the local communities or between the foreign party with the Malay communities. However, the Malay community still regards the Malay letters as an ordinary form of text. The existent of Malay letters portrays the ability of the Malay community to produce its own discourse. Therefore, this research to analyse the one part of discourse element which is textual dimension in the Malay social letters.

The research of textual dimension that consist of the structure of text, cohesion, grammatical, and lexicalisation aspect describes text in its form and meaning. The research of textual dimension proves the value of letters as a document of communication events of the Malay community. This research methods involves library research and text analysation. As many as 21 Malay letters have been collected from the secondary source of data for a research material. This is in line with the used of qualitative approach, the processing data based on the framework of the Three Dimensional Conception of Discourse by Fairclough (1992 & 1995) and the focusing only on textual dimension.

The text structure of the Malay social letters is arranged in order of the heading, seal, compliments, content, preclosing, and closing. This process is interconnected with each other to form a unity. However, the existent of such variation in structure showed that components are not compulsory traits. The cohesion aspect that described by reference element, substitution, ellipsis, conjunction, reiteration, and collocation involved in the relationship of semantic an element of linguistic with another linguistic element which will produce an excellent text.

The application aspect of modality grammar in letters discourse is aiming an order and information element from the sender to the intended receiver. The act of applying modality in the Malay letters highlights the interpersonal relationship of the sender's attitude against any form of statement that is being made. The focus of metaphor lexicalisation manipulates a number of words which incorporates from one domain to another. The metaphor involved the motor development metaphor, love metaphor, agricultural metaphor, and fate metaphor. In conclusion, the letters discourse is able to show the communication events based on the context of that time through the formation of ideational meaning, interpersonal, and text.

University of Malaysia

PENGHARGAAN

“Dengan nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Penyayang”

Alhamdulillah ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan izin, hidayah, dan kurnia-Nya dapat saya sempurnakan penulisan kajian ini.

Seribu penghargaan dan ucapan terima kasih saya dahulukan kepada Prof. Madya Dr. Ab. Razak Ab. Karim selaku penyelia bagi kursus pengajian ini. Segala nasihat, bimbingan, idea, dan tunjuk ajar daripada beliau banyak membantu saya merealisasikan impian ini dengan sebaik-baiknya. Ucapan terima kasih juga saya tujukan kepada semua warga Akademi Pengajian Melayu (APM), terutama Pejabat Ijazah Tinggi APM yang meleraikan kekusutan dan memudahkan perjalanan kajian ini.

Ucapan penghargaan juga saya abadikan kepada anggota keluarga yang sentiasa menyokong saya dalam apa-apa perkara untuk menggapai cita-cita. Terima kasih kerana menjadi tulang belakang. Tidak lupa juga kepada Arni Johan, Aishah Fauzi, Ain Amira Adnan, Syukeri Hashim, Nur Liyana Rifhan, Maznida Mahadi, dan Datuk Abang Salehuddin Abang Shokeran yang memberikan dorongan dan semangat kepada saya sepanjang tempoh pengajian. Akhir kata, sekali lagi, ucapan terima kasih kepada semua pihak yang membantu saya dalam penulisan ini sama ada secara langsung atau tidak langsung. Penghargaan ini akan aku kenangi di sepanjang hayatku.

Ikhlas daripada:

Muhammad Hisyam Haliah

Dewan Bahasa dan Pustaka Malaysia

KANDUNGAN

Abstrak.....	iii
Abstract.....	v
Penghargaan.....	vii
Kandungan.....	viii
Senarai Rajah.....	xiv
Senarai Jadual.....	xv
Senarai Singkatan.....	xvi
Senarai Lampiran.....	xvii

BAB 1: PENDAHULUAN

1.0 Pengenalan.....	1
1.1 Sorotan Literatur.....	1
1.1.1 Kajian Manuskrip Warkah-Warkah Melayu.....	2
1.1.2 Kajian Wacana Orientasi Barat.....	17
1.1.3 Kajian Wacana di Malaysia.....	24
1.2 Permasalahan Kajian.....	34
1.3 Objektif Kajian.....	36
1.4 Bahan Kajian.....	36
1.5 Batasan Kajian.....	39
1.6 Kaedah Kajian.....	39
1.7 Kepentingan Kajian.....	41
1.8 Konsep Operasional.....	42
1.8.1 Warkah Sosial.....	42
1.8.2 Wacana.....	43
1.8.3 Analisis Wacana.....	43

1.8.4	Struktur Teks.....	44
1.8.5	Kohesi.....	45
1.8.6	Modaliti.....	46
1.8.7	Metafora.....	47
1.9	Rumusan.....	48

BAB 2: METODOLOGI KAJIAN DAN TEORI KAJIAN

2.0	Pengenalan.....	49
2.1	Metodologi Kajian.....	49
2.1.1	Kaedah Penyelidikan Kepustakaan.....	49
2.1.2	Kaedah Analisis Teks.....	50
2.1.2.1	Pemilihan dan Pengumpulan Data.....	50
2.1.2.2	Pendekatan Analisis.....	52
2.1.2.3	Proses Penganalisan Data.....	52
2.2	Kerangka Teori.....	56
2.2.1	Konseptual Wacana Tiga Dimensi oleh Fairclough (1992).....	56
2.2.1.1	Dimensi Analisis Tekstual.....	63
	(a) Struktur Teks.....	64
	(b) Kohesi.....	66
	(c) Nahu.....	67
	(d) Leksikalisasi.....	70
2.2.1.2	Dimensi Analisis Amalan Wacana.....	72
	(a.) Proses Penghasilan Wacana.....	73
	(b.) Proses Penyebaran Wacana.....	75
	(c.) Proses Penggunaan Wacana.....	76

2.2.1.3	Dimensi Analisis Praktis Sosial.....	76
2.3	Rumusan.....	79

BAB 3: STRUKTUR TEKS WARKAH-WARKAH SOSIAL

3.0	Pengenalan.....	81
3.1	Struktur Warkah Sosial.....	81
3.1.1	Kepala Surat.....	85
3.1.2	Cap.....	94
3.1.3	Kata-Kata Pujian.....	107
3.1.4	Kandungan.....	115
3.1.5	Prapenutup.....	127
3.1.6	Penutup.....	135
3.2	Variasi Warkah Sosial.....	143
3.2.1	Warkah Tanpa Kepala Surat.....	144
3.2.2	Warkah Tanpa Cap.....	145
3.2.3	Warkah Tanpa Kata-Kata Pujian.....	147
3.2.4	Kandungan Penutup di Luar Acuan Komponen.....	149
3.2.5	Warkah Tanpa Prapenutup.....	151
3.2.6	Penggunaan Tandatangan dalam Warkah.....	153
3.3	Rumusan.....	154

BAB 4: KOHESI DALAM WARKAH-WARKAH SOSIAL

4.0	Pengenalan.....	158
4.1	Konsep Kohesi.....	158
4.2	Kohesi Tatabahasa.....	160
4.2.1	Kohesi Rujukan.....	161
4.2.1.1	Rujukan Peribadi.....	162
	(a) Kata Ganti Diri Pertama.....	163
	(b) Kata Ganti Diri Ketiga.....	171
4.2.1.2	Rujukan Penunjuk.....	175
4.2.2	Kohesi Penggantian.....	182
4.2.2.1	Penggantian Nominal.....	182
4.2.2.2	Penggantian Verbal.....	189
4.2.2.3	Penggantian Klausa.....	193
4.2.3	Kohesi Elipsis.....	196
4.2.3.1	Elipsis Nominal.....	196
4.2.3.2	Elipsis Verbal.....	202
4.2.4	Kohesi Penghubung.....	203
4.2.4.1	Penghubung Tambahan.....	204
4.2.4.2	Penghubung Pertentangan.....	211
4.2.4.3	Penghubung Sebab Musabab.....	215
4.2.4.4	Penghubung Tempoh.....	220
4.3	Kohesi Leksikal.....	227
4.3.1	Pernyataan Semula.....	228
4.3.1.1	Pengulangan Unsur atau Kata yang Sama.....	229
4.3.1.2	Pengulangan Sinonim atau Sinonim Hampir.....	234
4.3.1.3	Pengulangan Superordinat.....	237

4.3.2	Kolokasi.....	241
4.4	Rumusan.....	246

BAB 5: NAHU DAN LEKSICALISASI DALAM WARKAH-WARKAH SOSIAL

5.0	Pengenalan.....	250
5.1	Modaliti dalam Warkah Sosial.....	250
5.1.1	Modaliti Perintah.....	255
	(a) Hendak.....	256
	(b) Boleh.....	260
	(c) Patut.....	263
5.1.2	Modaliti Informasi.....	266
	(a) Pengetahuan.....	267
	(b) Keupayaan.....	273
	(c) Keizinan.....	277
5.2	Leksikalisasi dalam Warkah-Warkah Sosial.....	281
5.2.1	Metafora Perkembangan Motor.....	284
	(a) Kewibawaan Kuasa Positif.....	285
	(b) Kewibawaan Kuasa Negatif.....	289
5.2.2	Metafora Cinta.....	294
5.2.3	Metafora Pertanian.....	301
5.2.4	Metafora Nasib.....	304
5.3	Rumusan.....	308

BAB 6: PENUTUP

6.0	Pendahuluan.....	313
6.1	Rumusan.....	313
6.2	Cadangan.....	320
	BIBLIOGRAFI.....	323
	LAMPIRAN.....	329

University of Malaya

SENARAI RAJAH

Rajah 2.1: Model Konsepsi Wacana Tiga Dimensi Fairclough (1992).....59

Rajah 2.2: Pendekatan Analisis Wacana Tiga Dimensi Fairclough.....61

University of Malaya

SENARAI JADUAL

Jadual 1.1: Warkah Sosial Melayu Abad ke-17.....	37
Jadual 1.2: Warkah-Warkah Sosial Melayu Abad ke-18.....	37
Jadual 1.3: Warkah-Warkah Sosial Melayu Abad ke-19.....	38
Jadual 2.1: Aras Analisis Wacana Tiga Dimensi Fairclough (1992:1995).....	60
Jadual 4.1: Pengklasifikasian Kohesi oleh Halliday & Hasan (1976).....	160
Jadual 5.1: Jumlah Kekerapan Modaliti dalam Warkah Sosial Melayu.....	254

University of Malaya

SENARAI SINGKATAN

EIC : East India Company

VOC : Vereenigde Oostindische Compagnie

University of Malaya

SENARAI LAMPIRAN

Lampiran A: Surat Raja Kimaleha Salahak Abdul Khadir Ibn Syahbuddin di Anbom kepada Gabenor Syarikat Hindia Timur pada 23 Mei 1658	329
Lampiran B: Surat Tunku Baginda Raja Mahkota di Anak Sungai kepada Orang Kaya Jeneral (J.C. Collet) di Bengkulu pada 1712	332
Lampiran C: Surat Sultan Gandam Syah Muko-Muko kepada Syarikat Hindia Timur Inggeris (EIC) pada September 1733	334
Lampiran D: Surat isteri Raja Muda Selangor kepada Francis Light di Pulau Pinang	337
Lampiran E: Surat Saudagar Rahsia Raja Kelantan kepada Gubernur Pulau Pinang pada 23 Jamadilawal 1209	339
Lampiran F: Surat Gurnadur Reynier de Klerk di Batavia kepada Sultan Muhammad Bahauddin di Palembang pada 7 Mei 1779	340
Lampiran G: Surat Enci' Lu Nga dari Perlis kepada Kapitan Light Dewa Raja pada 5 April 1785	341
Lampiran H: Surat Sultan Ibrahim dari Selangor kepada Gubernur Pulau Pinang, Francis Light pada 6 April 1786	346
Lampiran I: Surat Sultan Alauddin dari Perak kepada Gurnadur, Francis Light pada 23 Julai 1787	347
Lampiran J: Surat Sultan Mahmud Syah dari Johor dan Pahang kepada Senyur Gurnadur Francis Light pada 10 November 1787	348

Lampiran K: Surat Sultan Mansur Riayat Syah dari Terengganu kepada Gurnadur, Francis Light pada 4 Februari 1792	349
Lampiran L: Surat Sultan Mahmud Syah dari Johor dan Pahang kepada T. S. Raffles di Melaka pada 5 Januari 1811	354
Lampiran M: Surat Engku Sayid Muhammad Zain al Kudsi dari Lingga kepada T.S. Raffles di Melaka pada 6 Januari 1811	355
Lampiran N: Surat Sultan Syarif Kasim dari Pontianak kepada T. S. Raffles di Melaka pada 22 Mac 1811	357
Lampiran O: Surat Sultan Abdul Jalil Khaliluddin dari Siak kepada Lord Minto pada 30 Mei 1811	360
Lampiran P: Surat Raja Jaafar, Yang Dipertuan Riau kepada C.P.J. Elout di Batavia pada 6 Ogos 1820	362
Lampiran Q: Surat Susuhunan Ratu Hussain Diyauddin dari Palembang kepada Baron van der Capellen di Batavia pada 14 April 1823	365
Lampiran R: Surat Sultan Ismail dari Bima kepada Baron van der Capellen di Batavia pada 7 Oktober 1823	366
Lampiran S: Surat Sultan Ahmad dari Terengganu kepada Baron van der Capellen di Batavia pada 19 Mac 1824	370
Lampiran T: Surat Datuk Suliwatang dari Lingga kepada Baron van der Capellen di Batavia pada 2 April 1824	373

Lampiran U: Surat Sultan Muhammad Fadl dari Sulu kepada Gabenor Hong
Kong, Sir. John Francis David, 1845

377

University of Malaya

BAB 1

PENDAHULUAN

1.0 Pengenalan

Kewujudan warkah Melayu sebagai medium komunikasi yang berlingkungan antara masyarakat Melayu atau dengan pihak asing telah membawa dimensi baharu dalam kehidupan masyarakat Melayu untuk memperkenalkan pandangan mereka. Kepelbagaian aspek yang diperkatakan dalam warkah menjadi sumber penting meneroka persekitaran politik, ekonomi, sosial, peradaban, falsafah, dan sejarah bagi sesebuah negara. Oleh sebab itu, wujudnya kepentingan melahirkan sebuah kajian terhadap warkah-warkah sosial Melayu, terutama dari aspek pengajian wacana pada aras tekstual. Kajian warkah sosial tradisi dari perspektif wacana dapat menggambarkan dan mendedahkan kepada khalayak tentang peristiwa komunikatif yang wujud dalam konteks ketika itu. Oleh itu, bab ini akan membincangkan perihal sorotan literatur yang melibatkan kajian manuskrip warkah Melayu, kajian wacana orientasi Barat, dan kajian wacana di Malaysia, permasalahan kajian, objektif kajian, bahan kajian, batasan kajian, kaedah kajian, kepentingan kajian, dan konsep operasional yang digunakan.

1.1 Sorotan Literatur

Perbincangan sorotan literatur adalah untuk menyingkap secara ringkas tentang pendokumentasian kajian-kajian oleh para sarjana dan penyelidik terdahulu yang dianggap relevan dengan kajian analisis wacana ini. Huraian secara kritis ini dibahagikan kepada tiga tumpuan utama, iaitu kajian manuskrip warkah-warkah Melayu, kajian wacana orientasi Barat, dan kajian wacana di Malaysia.

1.1.1 Kajian Manuskrip Warkah-Warkah Melayu

Kajian terhadap warkah-warkah Melayu kurang mendapat perhatian oleh para pengkaji tempatan mahupun pengkaji luar oleh sebab warkah Melayu sukar untuk dibaca kerana mempunyai pelbagai ejaan yang tidak seragam, tulisan yang kabur, dan tulisan yang terlalu halus. Walaupun begitu, di sebalik kesukaran itu, terselit pelbagai ilmu masyarakat tradisional yang masih belum dikaji oleh masyarakat kini (Ab. Razak Ab. Karim, 2002, p. iii). Warkah-warkah Melayu ini boleh dikelaskan kepada dua varian, iaitu warkah sosial dan warkah perjanjian.

Menurut Ab. Razak Ab. Karim (1998, p. 70), warkah sosial ialah warkah yang dihantar oleh raja, pembesar ataupun orang tertentu kepada orang lain untuk mendapatkan bantuan atau pertolongan, hal peribadi, perdagangan, perniagaan ataupun sebagainya. Warkah-warkah ini juga terdapat dalam pelbagai jenis dan orang yang mengirimnya juga boleh dibahagikan kepada beberapa golongan. Warkah perjanjian pula ialah warkah persetujuan atau persetujuan bersama antara pihak-pihak yang terlibat. Perjanjian boleh melibatkan individu dengan individu ataupun pihak tertentu dengan pihak lain. Usaha menjalankan kajian tentang manuskrip warkah Melayu ini sememangnya berjaya merungkai banyak kepentingan dalam perkembangan komunikasi masyarakat Melayu terdahulu. Segala hal politik, ekonomi, sosial, dan peribadi masyarakat Melayu yang melibatkan golongan raja, bangsawan, pihak luar, dan masyarakat Melayu biasa dapat ditelusuri menerusi peristiwa komunikasi dalam warkah Melayu.

Misalnya, Gallop (1991) dalam *Golden Letter: Writing Traditions of Indonesia* antara sarjana asing yang komited mengkaji khazanah yang berorientasikan manuskrip warkah-warkah Melayu. Melalui kajian buku ini, beliau mendokumentasikan sejumlah

seni penulisan warkah Melayu yang bertebaran di sekitar Indonesia. Penjelasan dan pendedahan awal tentang susur galur seni penulisan warkah Melayu ini menjadi penanda aras untuk meneliti perkembangan sosiobudaya masyarakat Melayu lampau ketika menjalankan proses komunikasi. Perbincangannya lebih terarah terhadap bentuk, teknik, dan gaya penulisan penghasilan sesepucuk warkah oleh golongan masyarakat Melayu di Indonesia. Namun begitu, inisiatif yang dijalankan beliau ini menjadi pencetus dan membuka lembaran baharu kepada penyelidik lain. Kajiannya sedikit sebanyak menelusuri khazanah warkah Melayu dalam bidang politik, ekonomi, dan sejarah organisasi sebagai warisan negara bangsa yang cukup bernilai.

Manifestasi daripada kajian itu, satu lagi kajian telah diusahakan oleh Gallop (1994) yang membincangkan secara rinci terhadap manuskrip warkah-warkah Melayu yang terdapat di sekitar Nusantara. Bukunya yang berjudul *The Legacy of Malay Letter* membawa satu dimensi yang penting sebagai sumber utama untuk memerihalkan keadaan politik, ekonomi, dan persejarahan diplomatik di Kepulauan Melayu sehingga memberikan kesan terhadap pembinaan sesebuah negara kini. Perbincangan dimulakan dengan amalan surat-menyurat yang berlaku dalam kalangan masyarakat Melayu, iaitu amalan yang diterapkan untuk meninjau kesahihan sumber bagi bidang ilmu surat-menyurat. Oleh itu, mereka membandingkan surat-surat yang terdapat di alam Melayu dengan berpandukan Kitab Terasul Melayu.

Penelitian kajian diteruskan dengan kerja-kerja mendokumentasikan beberapa adat istiadat yang lazimnya membayangi tradisi penulisan warkah Melayu. Berpandukan 100 paparan warkah Melayu yang antaranya menjangkau hampir empat abad, iaitu warkah yang terawal dikatakan pada abad ke-16 sehinggalah abad ke-20, beliau merungkai sepuluh unsur seni utama dalam penulisan warkah Melayu. Beliau

membahagikan surat-surat tersebut berdasarkan golongan yang dianggap penting dalam hubungan komunikasi dengan masyarakat Melayu. Antaranya, surat-surat awal (1500-1750), surat-surat Francis Light (1786-1794), surat-surat Raffles (1810-1824), surat-surat Farquhar (1818-1822), dan surat-surat terkemudian, iaitu dua buah karya berkaitan amalan surat-menyurat dalam kalangan orang Melayu oleh Munshi Abdullah dan Raja Ali Haji. Pada akhir perbincangan, beliau menegaskan bahawa pengenalan teknologi percetakan dalam dunia Melayu pada akhir abad ke-19 dilihat sebagai faktor amalan manuskrip Melayu ini kian dipinggirkan. Kesimpulannya, kajian ini dianggap komprehensif kerana membawa banyak pendedahan tentang dunia komunikasi masyarakat Melayu, terutama tradisi warkah Melayu yang membekalkan maklumat penting bagi suatu peristiwa dan zaman tertentu.

Seterusnya, kajian *Warkah-Warkah Melayu Lama sebagai Satu Genre* oleh Ab. Razak Ab. Karim (1998) ialah sebuah kajian ilmiah terawal oleh sarjana tempatan yang membincangkan secara empirikal tentang warkah Melayu lama sebagai satu genre. Menerusi penggunaan warkah-warkah Melayu yang wujud dari abad ke-16 hingga abad ke-19, beliau membuktikan bahawa binaan warkah Melayu lama sama ada warkah sosial atau warkah perjanjian boleh diangkat sebagai sebuah genre berdasarkan ciri-ciri yang telah dikenal pasti. Pewajaran tersebut dilihat dari aspek bentuk, teknik, kandungan, dan jaringan sosial dalam warkah Melayu tersebut. Beliau juga mengutarakan huraian tersebut dengan pendekatan genre oleh Swales (1990) dan model sociolinguistik oleh Dell Hymes (1974) sebagai rujukan utama untuk menyokong kajiannya. Penelitian terhadap aspek struktur warkah Melayu telah menimbulkan pandangannya tersendiri terhadap komponen-komponen yang lazimnya mendasari sesebuah binaan warkah Melayu. Antaranya, seperti kepala surat, cap, kata puji-pujian, kandungan warkah, prapenutup, penutup, dan tandatangan. Komponen-komponen ini

pula dibezakan berdasarkan variasi warkah sama ada warkah sosial atau warkah perjanjian.

Di samping itu, kajian beliau juga menyentuh strategi komunikasi dan kesopanan dalam warkah-warkah tersebut. Penggunaan unsur kesantunan sama ada dengan kaedah langsung atau kaedah tak langsung dalam penulisan warkah merupakan penelitian aspek yang agak baharu dan menarik serta jarang disentuh oleh mana-mana pengkaji lagi. Ternyata pendedahan tersebut membuka mata khalayak bahawa strategi komunikasi juga digunakan oleh jurutulis warkah Melayu lama untuk menimbulkan kesopanan antara pengirim dan penerima warkah tersebut. Misalnya dalam warkah Melayu, aspek kesantunan ditentukan menerusi perbezaan taraf sosial, kewujudan kuasa, menjaga air muka, kepatuhan kepada tajuk, dan patuh kepada peraturan surat-menyurat. Rumusannya, beliau menegaskan bahawa warkah Melayu lama merupakan satu genre yang tersendiri dan berbeza daripada manuskrip-manuskrip lain, terutama dari segi bentuk, teknik, dan isi kandungan yang diaplikasikan.

Kajian oleh Raja Mashittah Raja Ariffin (1999) yang berjudul *Bahasa Melayu dalam Warkah Melayu Terpilih* sebuah kajian yang digembleng untuk meneliti secara mendalam aspek-aspek linguistik dalam lapan pucuk warkah Melayu terpilih antara abad 16 hingga abad ke-19. Surat tersebut antaranya, surat Sultan Abu Hayat dari Ternate kepada King John III Portugal pada tahun 1521, surat Sultan Abu Hayat Ternate kepada King John III Portugal pada tahun 1522, surat keizinan berniaga untuk Kapten Inggeris di Aceh pada tahun 1602, surat Sultan Iskandar Muda Aceh, Sultan Perkasa Alam Johan kepada King James I pada tahun 1615, surat Sultan Gandam Syah dari Muko-Muko kepada Syarikat Hindia Timur pada 1733, surat Sultan Kedah kepada Francis Light, Gabenor Pulau Pinang, pada 24 Mei 1792, surat Farquhar dari Singapura

kepada Raja Bendahara Pahang Tun Ali pada 13 Jun 1819, dan surat Munsyi Abdullah kepada E. Dulaurier di Paris pada 1 Ogos 1847.

Pendekatan linguistik sistemik, analisis komponen makna, dan konteks telah dijadikan sebagai panduan utama untuk meninjau secara diakronik penggunaan bahasa Melayu dalam warkah-warkah tersebut. Perbincangan melibatkan aspek pengaplikasian sistem ejaan Jawi, aspek morfologi, dan perbendaharaan kata. Kajian beliau ini juga berhasrat untuk mendapatkan gambaran penggunaan bahasa Melayu yang wujud untuk mengesan persamaan dan perbezaan ciri-ciri linguistik. Hasil kajian menunjukkan bahawa wujudnya pengaruh bahasa Arab, bahasa Inggeris, dan Sanskrit dalam sistem ejaan Jawi dalam warkah tersebut. Misalnya, penggunaan ejaan pinjaman daripada bahasa Inggeris dominan digunakan untuk merujuk nama khas seperti nama orang dan nama tempat. Aspek morfologi pula memperlihatkan dominannya proses pengimbuhan di samping proses pemajmukan dan penggandaan. Menurutnya, meskipun proses pengimbuhan berlaku pada kata dasar dalam warkah Melayu terpilih, namun kata lisan telah mempengaruhi secara langsung penulisan warkah apabila mengalami peleburan imbuhan. Seterusnya, dalam aspek perbendaharaan kata pula, beliau menyenaraikan beberapa penemuan seperti kata arkaik, kata halus, kata lisan, kata pinjaman, dan penggunaan kata ganti nama, pangkat dan gelaran. Pada akhir perbincangan, beliau menegaskan wujudnya persamaan dan perbezaan sama ada sistem ejaan, morfologi, dan perbendaharaan kata. Hal ini secara tidak langsung menunjukkan bahawa penggunaan bahasa Melayu berdasarkan zaman sesebuah warkah Melayu dikarang.

Kajian tentang warkah Melayu diteruskan penelitiannya menerusi kajian *Surat Sultan Ahmad Tajuddin Halim Syah II (1804-1845): Suatu Pengenalan* oleh Wan Shamsudin Mohd Yusof (2006). Dalam makalah ini, beliau mengimplementasikan

kajiannya terhadap sejumlah warkah kiriman yang ditulis dalam bentuk surat beradab oleh Sultan Ahmad Tajuddin Halim Syah II kepada beberapa pihak. Perbincangan terhadap manuskrip warkah oleh baginda ini dimulai dengan kupasan tentang kesilapan atau ralat ketika kerja-kerja transliterasi yang menjejaskan makna tujuan asalnya. Seterusnya, beliau menelusuri sepintas lalu riwayat hidup baginda yang mempengaruhi tindak-tanduk penulisan warkah, kepentingan kandungan dari sudut sejarah, perbendaharaan bahasa, dan kesusasteraan Melayu lama.

Menurut beliau, penulisan warkah oleh baginda dapat dibahagikan kepada tiga zaman utama seperti zaman awal, iaitu warkah yang diutuskan sebelum tahun 1821, terutama kepada kerajaan Siam. Zaman kedua apabila Kedah mula dikuasai oleh Siam dan corak perutusannya terarah kepada pihak Inggeris di Pulau Pinang untuk mendapatkan suaka politik. Zaman ketiga pula ialah zaman keberangkatan pulang ke takhta sekitar tahun 1843 dan 1844 untuk menuntut hak ke atas Kerian. Dalam bahagian terakhir makalah ini, beliau meneliti teknik dan penggunaan bahasa dalam surat baginda. Misalnya dari sudut teknik penulisannya, surat oleh baginda dilihat menepati syarat atau kelaziman yang diperlukan dalam sesepucuk surat beradat seperti penggunaan kepala surat, kata puji-pujian, dan cap mohor. Dari aspek penggunaan bahasa, warkah tersebut menggambarkan tahap bahasa, budaya, dan keintelektualan penulisannya yang dapat dilihat daripada perbendaharaan kata, bahasa perbandingan, dan retorik yang diterapkan berdasarkan konteks. Kesimpulannya, kajian terhadap manuskrip khazanah diraja Melayu dianggap penting kerana menjadi sumber utama persejarahan Kedah dari segi politik, ekonomi, dan hubungan diplomatik.

Ab. Razak Ab. Karim (2006a) dalam *Surat Ahmad Tajuddin Halim Syah: Stilistik Penulisan Warkah Melayu Lama* kali ini meninjau peranan gaya penulisan surat Melayu oleh Sultan Ahmad Tajuddin Halim Syah. Dalam kajian ini, perbincangan dimulakan dengan komponen yang membentuk warkah-warkah tersebut seperti kepala surat, cap, kata puji-pujian, kandungan, prapenutup, dan penutup yang kebanyakannya dihantar kepada Raffles, Phillips, dan Lord Minto. Meskipun begitu, gaya penulisan komponen prapenutup hanya wujud dalam warkah Lord Minto sebagai penerimanya sahaja. Perbincangan komponen tersebut dari aspek gaya penulisan memperlihatkan setiap warkah memperagakan bentuk dan teknik yang tersendiri sesuai dengan pemeran yang terlibat. Misalnya, dalam komponen kepala surat yang diaplikasikan pada zaman baginda tidak menggunakan nama tuhan seperti yang menjadi kelaziman dalam warkah sultan lain. Dari aspek bahasa, penggunaan kata *al-mustahaq* berleluasa manifestasi kepentingan kandungan warkah yang hendak dimaklumkan kepada penerima. Dari aspek kedudukan cap dalam warkah pula, beliau menegaskan bahawa rata-rata cap di sebelah kanan di bahagian paling atas. Kedudukan tersebut dikaitkan dengan sifat ketelitian jurutulis warkah kerana baris pertama setiap warkah akan dimulai pada bahagian kelopak luar cap atau kubah masjid yang terdapat pada cap. Rumusnya, kajian ini membuktikan bahawa peranan pengarang warkah menonjolkan stilistik penulisannya penting untuk mengerakkan peristiwa komunikatif tersebut yang mewakili suara Sultan Ahmad Tajuddin Abdul Halim.

Ab. Razak Ab. Karim (2006b) sekali lagi mengangkat kewujudan penting warkah Melayu sebagai kajiannya yang berjudul *Warkah-Warkah Sultan Muhammad pada Tahun 1839 (1254 Hijrah) di Kelantan: Satu Kajian Struktur Warkah*. Menerusi kajian ini, beliau menegaskan bahawa pentingnya struktur warkah dalam sesepucuk warkah sebagai panduan yang menjadi pegangan kepada jurutulis warkah. Aspek ini penting

oleh sebab wujudnya sekatan hubungan sosial antara pengirim dengan penerima warkah. Seperti kelaziman binaan warkah sosial, kajian ini juga memperlihatkan enam komponen utama yang mendasarinya, iaitu kepala surat, cap, kata-puji-pujian, kandungan warkah, prapenutup, dan penutup warkah. Beliau menegaskan bahawa tujuh warkah oleh Sultan Muhammad menonjolkan binaan yang sama dengan kebanyakan warkah sosial Melayu sezamannya. Walau bagaimanapun, kelainan juga terserlah apabila pemilihan kepala surat dipengaruhi sepenuhnya oleh kandungan warkah. Misalnya, jika baginda ingin memperkatakan keseriusan sesuatu perkara, kepala surat yang digunakan ialah *al-mustahaq*. Sebaliknya, *Qauluhu-al haq* membayangkan kandungan warkah yang bersifat kurang penting. Kepala surat juga menentukan kata puji-pujian dan prapenutup dalam warkah baginda. Sebagai contoh, kepala surat *al-mustahaq* hanya dipadankan dengan kata puji-pujian ringkas yang hanya memaklumkan nama dan gelaran baginda. Beliau menyimpulkan bahawa situasi dan konteks menentukan penulisan warkah-warkah Sultan Muhammad. Hal ini dikatakan demikian kerana faktor peperangan saudara yang berlaku mempengaruhi secara langsung pemilihan kepala surat, kata puji-pujian, dan prapenutup warkah.

Berikutnya pula, kajian buku yang berjudul *Illuminasi dalam Surat-Surat Melayu Abad ke-18 dan ke-19* oleh Mu'jizah (2009) sebuah kajian yang mapan tentang kewujudan warkah-warkah iluminasi antara raja di sekitar Nusantara dengan kuasa Belanda. Warkah Melayu tradisi bertulis tangan dan dihiasi dengan dekorasi yang berwarna-warni bukan sahaja mempamerkan keindahannya tetapi juga sebagai sebuah dokumen penting bagi persejarahan tempatan. Hal ini dikatakan demikian kerana warkah Melayu mengandungi pelbagai maklumat diplomatik, senario politik, perdagangan, dan kompleksnya hubungan antara pihak sultan dengan kuasa luar. Menurutnya, iluminasi ialah hiasan untuk mengisi sisi-sisi surat dan teks sebagai pusat

pada bahagian tengah halaman muka sesepucuk warkah. Beliau menambah bahawa ada warkah yang memperlihatkan lakaran iluminasi pada keseluruhan muka dan menjadi latar teks. Oleh itu, berdasarkan 50 surat beriluminasi yang ditranskripsikan, beliau menyenaraikan dan menghuraikan sebanyak tiga jenis iluminasi utama dalam warkah berkenaan, iaitu gaya tebaran, empat sisi, dan tiga sisi. Menurutnya, gaya tebaran merangkumi hiasan seluruh halaman muka surat. Gaya empat sisi pula ialah hiasan yang terdapat pada keempat-empat sisi halaman surat. Gaya tiga sisi pula memperlihatkan hiasan terletak pada tiga sisi utama, yakni sisi atas, kanan, dan kiri. Misalnya, warkah Sultan Bima kepada Baron van der Capellen mempunyai lakaran iluminasi pada setiap sisi warkahnya. Beliau menyimpulkan bahawa surat Melayu beriluminasi ini penting sebagai simbol kekuasaan dalam hubungan diplomasi antara kerajaan. Walaupun hanya menumpukan aspek iluminasi warkah dan sedikit tentang struktur warkah, namun kajian ini tetap diangkat sebagai satu kajian penting dalam pendokumentasian warkah Melayu di Nusantara.

Kajian oleh Agus Syahrani (2012) dalam *Warkah-Warkah Sultan Pontianak: Analisis Genre* sekali lagi menonjolkan kepentingan warkah Melayu lama untuk dikupas dengan pendekatan genre. Kajian ini dihasilkan untuk membuktikan warkah-warkah Sultan Pontianak sebagai satu genre tersendiri berdasarkan teori genre Swales (1981), iaitu melihat genre sebagai teks, genre sebagai proses, dan genre sebagai peristiwa komunikatif. Berpandukan 13 pucuk warkah Sultan Pontianak, perbincangan kajian dimulakan dengan penelitian tentang komponen warkah tersebut berdasarkan pandangan Ab. Razak Ab. Karim (1998), iaitu kepala surat, cap, kata puji-pujian, kandungan, prapenutup, dan penutup. Misalnya, penggunaan kepala surat dalam warkah Sultan Pontianak memperlihatkan tiadanya penerapan unsur alam dan unsur lain sebaliknya hanya nama-nama tuhan sahaja.

Kajian diteruskan dengan pembincangan tentang strategi komunikasi dan aspek kesopanan yang dianjurkan dalam sesepucuk warkah. Dengan pendekatan strategi komunikasi dan kesopanan Asmah Omar (1984&1992), beliau menyatakan bahawa kaedah langsung lebih ketara digunakan berbanding dengan kaedah tak langsung, terutama dalam tiga komponen seperti kata puji-pujian, kandungan, dan prapenutup. Sebaliknya, aspek kesopanan pula ditentukan berdasarkan beberapa faktor atau sekatan yang perlu dipatuhi. Menurutnya, terdapat perkaitan strategi komunikasi dengan kesopanan lantaran dalam strategi komunikasi terdapat aspek kesopanan seperti tutur kata dan tingkah laku sopan. Akhir sekali, menerusi pewajaran warkah Sultan Pontianak sebagai sebuah genre dapat ditentukan berdasarkan bentuk, teknik, dan juga kandungannya. Susunan bentuknya memperlihatkan bahawa warkah Melayu sebagai jaringan utuh, manakala teknik pula memperlihatkan strategi komunikasi dan kesopanan masyarakat zaman tersebut. Kandungannya pula manifestasi kesepaduan berhubung perkara yang dipersetujui dalam kandungan warkah tersebut. Beliau menyimpulkan bahawa warkah Sultan Pontianak dapat memerikan jaringan sosial yang utuh untuk membangunkan hubungan keseluruhan peristiwa bahasa yang tersemat dalamnya.

Penyelidikan terhadap warkah Melayu sebagai korpus kajian seterusnya hadir daripada kajian *Illuminasi dalam Warkah-Warkah Sosial* oleh Ab. Razak Ab. Karim (2014). Dalam kajiannya kali ini, beliau meneliti aspek iluminasi ataupun hiasan yang terdapat pada warkah-warkah sosial membawa simbolik kepentingan tertentu kepada pengirim mahupun penerima warkah. Hal ini dikatakan demikian kerana iluminasi yang diterapkan dalam warkah banyak dipengaruhi oleh keadaan sosial masyarakat Melayu dahulu. Menurut beliau, hal seperti ini tidak akan dijumpai dalam warkah perjanjian lantaran warkah jenis ini hanya mementingkan kandungan teks. Kebanyakan unsur iluminasi dalam warkah sosial ini menegenahkan unsur alam daripada bahagian flora.

Namun, dinyatakan di sini unsur yang berkonsepkan fauna tidak dijadikan sebagai figura dalam iluminasi warkah tersebut. Hal ini bertitik tolak daripada pegangan masyarakat Islam yang melarang penggunaan unsur fauna kerana bertentangan dengan ajaran Islam secara umumnya. Oleh itu, beliau menyimpulkan bahawa iluminasi warkah dalam alam Melayu dapat dibahagikan kepada dua, iaitu iluminasi penuh dan iluminasi sebahagian muka surat. Tiga unsur penting untuk membentuk iluminasi ialah kandungan teks warkah, bingkai warkah, dan iluminasi dalaman.

Kajian oleh Suryadi (2015), *A Linguistic Kaleidoscope of The Malay Letter* pula mengupas ciri-ciri bahasa yang terkandung dalam warkah kesultanan Buton di Sulawesi Selatan dalam abad ke-18. Menurut Suryadi, warkah-warkah Melayu ialah sumber penting untuk menelusuri perkembangan sejarah bahasa Melayu. Hal ini dikatakan demikian kerana penggunaan Melayu lingua franca dalam warkah-warkah yang muncul dari segenap Nusantara telah dipengaruhi oleh dialek yang pelbagai sekali gus merevolusikan perkembangan bahasa Melayu berkurun lamanya. Oleh itu, kajian ini menumpukan aspek leksikal dan frasa dalam lima warkah sultan Buton, Sultan Muhyiuddin Abdul Gafur pada akhir abad ke-18. Dalam makalah ini, beliau telah mendokumentasikan secara ringkas tentang sejarah kesultanan Buton. Dari sudut sejarah, kerajaan Buton satu daripada rakan sekutu sejak zaman VOC. Perikatan tersebut diisytiharkan oleh Sultan Dayanu Ihsanuddin dan wakil VOC, Kapten Apolonius Scotte pada tahun 1613. Perikatan dengan VOC bertujuan untuk mendapatkan perlindungan politik bagi melindungi kedaulatan yang diancam oleh Makasar dan Ternate.

Dalam analisis, beliau menjelaskan elemen linguistik dalam warkah untuk memahami kelaziman penulisan warkah dalam bahasa Melayu klasik, misalnya menerusi perkembangan imbuhan makna awalan *me-* (*memeri, menenga*), imbuhan *ber-* (*bermasak, bertakut*) yang merujuk kata kerja tak transitif, dan awalan *di-* (*diketakuti, ditalikan, dimintakan*). Selanjutnya, beliau berbahas tentang struktur ayat warkah yang terbina daripada pernyataan yang bertele-tele. Ayat baharu biasanya ditandakan oleh kata seperti *maka, adapun, tambahan lagi, dan demikianlah*. Kata *syahdan* kerap digunakan untuk memulakan perenggan baharu, manakala kata *bahwa, waba'dahu, sebermula, dan seperkara lagi* untuk memulakan perenggan. Namun, bagi beliau, kata-kata tersebut menunjukkan variasi penggunaannya dari satu kawasan ke satu kawasan. Selain itu, beliau juga meneliti unsur sinonim yang digunakan secara lewah, iaitu daripada gabungan perkataan Arab dan Melayu, gabungan perkataan Melayu dan Arab, dan gabungan perkataan Melayu dengan Melayu (pinjaman bahasa Arab) seperti “*waad perjanjian*”, “*akhir al-satarnya*”, dan “*warta khabar*”. Bagi Suryadi, unsur lewah ini disebabkan oleh pengaruh bahasa lisan dalam penulisan warkah Melayu. Yang berikutnya pula, beliau menyenaraikan pinjaman kata daripada bahasa asing, terutama bahasa Arab yang menjadi bahasa pinjaman sumber yang berpengaruh dalam perkembangan leksikal bahasa Melayu. Selain itu, kata pinjaman barat seperti Portugis, Belanda, dan Inggeris juga digunakan oleh sebab pertembungan budaya, dan perdagangan yang berlaku antara kerajaan. Kesimpulannya, beliau menegaskan warkah Sultan Muhyiuddin seperti warkah-warkah yang lain, yang dipengaruhi oleh unsur tempatan dalam elemen fonologi, morfologi, dan sintaksis yang menyumbang kepada perkembangan bahasa Melayu.

Kajian yang dijalankan oleh Salmah Jan Noor Muhammad (2015), iaitu *Warkah sebagai Medium Diplomatik Kesultanan Melayu dalam Menjalinkan Hubungan dengan Kuasa Barat* pula meneliti elemen diplomatik yang terdapat dalam warkah antara sultan Melayu dengan penguasa Barat. Menurut beliau, warkah ialah medium penting untuk mengukuhkan hubungan diplomatik antara kerajaan. Hubungan tersebut mempunyai matlamat bersama untuk bersatu bagi memenuhi kelompongan yang ada dalam pemerintahan kerajaan. Kajian warkah tersebut melibatkan penguasa Barat seperti Stamford Raffles, Francis Light, dan Lord Minto. Kajian yang diketengahkan melibatkan kaedah kualitatif dengan mengimplementasikan Teori Diplomasi Islam yang diperkenalkan oleh Wang Yong Bao (Ahmed Musa). Antara ciri elemen penting teori diplomasi ini ialah (a) mengirim surat, (b) memberikan hadiah, (c) menguasai bahasa asing, dan (d) menggunakan kod rahsia. Berdasarkan analisis beliau, beberapa elemen telah dikenal pasti bagi membuktikan warkah sebagai medium penting dalam urusan diplomatik antara kerajaan Melayu dengan Barat. Elemen tersebut ialah (i) kata pengiktirafan sebagai pemula bicara, (ii) kesantunan berbahasa, dan (iii) iringan bingkisan hadiah.

Kata pengiktirafan sebagai pemula bicara oleh pengirim adalah untuk mengangkat martabat penerima sebagai individu yang berpengaruh, berjaya, dan mempunyai moral yang baik. Kata-kata ini merujuk penguasa Barat tersebut yang mempunyai kemahiran dalam strategi peluasan kuasa yang dapat memberikan motivasi kepada sultan Melayu dalam pemerintahan. Antara warkah yang mengaplikasikan strategi ini ialah warkah sultan Abdul Jalil Khalilluddin dari Siak kepada Lord Minto pada 30 Mei 1811, warkah Raja Muda Perlis kepada Gabenor Light, dan warkah R. de Klerk di Batavia kepada Sultan Muhammad Bahauddin di Palembang pada 7 Mei 1779. Bagi beliau, kata-kata pengiktirafan bersifat konstruktif dan ikhlas dalam usaha pengirim menjalinkan dan

mengekalkan hubungan diplomatik. Seterusnya, aspek kesantunan berbahasa dalam warkah pula terserlah apabila adanya penggunaan kata sapaan yang menjadi unsur wacana penting dalam komunikasi dan hubungan diplomatik ini. Oleh itu, kata sapaan seperti *sahabat*, *Seri Paduka*, *Senyur Gurnadur* (Tuan/Encik gabenor) menggambarkan strategi pengirim membina hubungan diplomatik yang kukuh tanpa mewujudkan sebarang salah faham. Selain itu, penggunaan bahasa persis juga digunakan oleh sultan Melayu, iaitu mengungkapkan isi dengan betul, dan tersusun serta menyampaikan makna tanpa mengelirukan. Hal ini penting kerana penyampaian maklumat yang jelas dapat menggambarkan niat sebenar pengirim. Elemen selanjutnya melibatkan bingkisan hadiah yang dititipkan bersama-sama warkah. Pemberian hadiah yang berupa senjata dan haiwan ini dilihat sebagai strategi diplomatik yang memperlihatkan sumber kewangan kerajaan Melayu ketika itu. Bagi beliau, bingkisan hadiah bukan sahaja atas dasar hubungan dan menimbulkan rasa hormat, malah cara ini dapat mewujudkan persefahaman jauh tentang isu yang melibatkan kepentingan politik, ekonomi, dan sosial kerajaan. Beliau menyimpulkan bahawa warkah ialah medium berkesan untuk mengukuhkan hubungan diplomatik kerajaan dan hubungan interpersonal antara sultan Melayu dengan pihak barat.

Kajian *Hati Budi Melayu dalam Warkah Melayu Lama* oleh Isnariah Idris et.al. (2017) menyerlahkan kepelbagaian ilmu yang terkandung dalam warkah Melayu lama. Dalam kajian ini, mereka menelusuri keperibadian hati budi orang Melayu terutama dalam perilaku dan pemikiran ketika menyampaikan mesej. Bagi mereka, hati budi ialah elemen minda dan jiwa dalam diri seseorang yang dimanifestasikan dalam bentuk perlakuan, pekerti, norma, dan pemikiran. Mereka memilih warkah Melayu abad ke-19 sebagai bahan kajian lantaran fungsinya sebagai saluran komunikasi masyarakat dahulu yang mempunyai bentuk dan gaya penulisan yang tinggi nilai budinya. Dengan

menumpukan warkah Sultan Brunei kepada Raja Sarawak, James Brooke pada 1852, warkah Sultan Muhammad dari Selangor kepada E. A. Blundell pada 8 Januari 1856, warkah Datu' Kelana Putera dari Semujung dan Datu' Laila Maharaja dari Rembau kepada Gabenor Negeri-Negeri Selat pada 13 Januari 1858, Surat Raja Ahmad dari Kedah kepada E. A. Blundell pada 30 Ogos 1856, dan warkah Raja Ali Haji kepada H. von de Wall, mereka menganalisis nilai hati budi dengan berpandukan komponen teras hati budi Melayu susunan Hashim Haji Musa (2008).

Analisis membuktikan bahawa terdapat lapan hati budi yang terkandung dalam warkah, iaitu halus budi bahasa dan pekerti, hormat dan khidmat dalam pergaulan dan dengan tetamu, setia kepada ketua yang adil, terpuji, dan benar, menanam budi dan membalas budi, sifat kasih sayang, kejujuran dan keikhlasan, berbaik sangka terhadap sesama makhluk, dan sifat amanah. Analisis juga menunjukkan kebanyakan warkah dimulakan dengan kata-kata aluan yang menggambarkan keikhlasan oleh pengirim dengan menggunakan pelambangan yang halus budi bicaranya. Ada juga diperihalkan dalam karangan warkah tentang hati budi orang Melayu yang suci dan tidak berburuk sangka dengan pihak lain. Misalnya, keperibadian rasional Sultan Brunei yang tidak terus mempercayai perkhawaran buruk tentang James Brooke sehingga dibuktikan. Sikap ini sekali gus menyerlahkan kemurnian hati budi dan semangat setiakawan sekalipun berbeza status bangsa. Kesimpulannya, kajian ini sedikit sebanyak telah mendokumentasikan bahawa hati budi Melayu mampu memberikan gambaran keperibadian yang unggul seterusnya menjadi teras dan paksi keutuhan kerajaan Melayu lama dengan kuasa luar.

1.1.2 Kajian Wacana Orientasi Barat

Jika ditinjau dari sudut sejarah, perkembangan bidang analisis wacana melalui tempoh yang agak panjang. Misalnya, Dede Oetomo (1993, p. 6) menyatakan bahawa pengajian wacana bermula daripada tradisi peradaban Hindu lagi. Pengkajian terhadap teks Veda satu pencetus lahirnya perkembangan linguistik di India yang bertujuan untuk mengekalkan peranan agama dan ritual tertentu terhadap teks yang diperturunkan.

Bronislaw Malinowski dalam kajiannya semasa menterjemahkan teks-teks bahasa Kirwinia ke dalam bahasa Inggeris di gugusan Kepulauan Pasifik Selatan (Trobriad) sekitar tahun 1923 menyedari bahawa timbulnya keperluan mewujudkan bidang wacana untuk mengaitkan peristiwa bahasa dengan keadaan tempat sesebuah teks itu ditemui. Atas dasar inilah, Malinowski telah menggariskan beberapa pedoman umum yang berkaitan dengan kajian analisis wacana, terutama faktor yang melibatkan persekitaran sosial atau faktor bukan linguistik. Oleh itu, beliau menyatakan bahawa sesebuah bahasa dapat digambarkan menerusi perlakuan yang boleh dihuraikan melalui fungsi kesedaran emotif kehidupan masyarakat (Sanat Md. Nasir 2002, p. 4). Beliau beranggapan bahawa bahasa mestilah dikaji dalam situasi sosial berdasarkan tujuan dan faktor status ujaran itu dijalankan, di samping aspek budaya penuturnya sama ada secara praktikal atau secara ritual.

Tradisi analisis wacana terus mendapat tempat yang memberangsangkan oleh tokoh-tokoh bahasa Barat yang lain. Sebagai contoh, aliran Firth (1935) dikatakan sebagai tunjang utama yang membicarakan perihal analisis wacana secara tuntas. Hal ini turut diperakui oleh Asmah Omar (1980, p. 14) yang mengatakan bahawa analisis wacana oleh Firth mula berkembang di Great Britain. Menurut beliau, aliran ini mengaitkan hubungan bahasa dengan persekitaran sosial, iaitu makna tutur sebenarnya

diperoleh daripada konteks situasi yang melatarinya. Kewujudan aliran ini juga dikatakan manifestasi konsep keperihalan keadaan sosial oleh Malinowski. Nada yang sama juga diutarakan oleh Coulthard (1977, p. 3) yang menegaskan bahawa Firth yang mengkaji proses lisan ada mengaitkan keperihalan keadaan oleh Malinowski meskipun beliau sendiri menumpukan bidang fonologi.

Peranan mengembangkan bidang analisis wacana ini di Barat khususnya Amerika Syarikat diteruskan pula oleh Zellig Sabbetai Harris pada tahun 1952. Kertas kerja beliau yang berjudul *Discourse Analysis* yang dimuatkan dalam jurnal *Language* (1952) merupakan kajian yang diilhamkan daripada ketidakpuasan hati beliau terhadap kajian yang begitu banyak dalam bidang sintaksis. Oleh sebab itu, kajian analisis wacana yang membincangkan penyebaran unsur-unsur linguistik dalam teks dan hubungan antara teks tersebut dengan keadaan sosialnya menjadi pilihan beliau (Tarigan, 1995, p. 30). Selain itu, beliau juga menolak aspek makna dan kaitan makna dengan keperihalan keadaan seperti yang terdapat dalam petikan tersebut:

The method is formal, depending only on the occurrence of morphemes as distinguishable elements; it does not depend upon the analyst's knowledge of the particular meaning of each morpheme.

(Harris, 1952)

Kesannya, perkembangan analisis wacana memperlihatkan wujudnya dua aliran atau tradisi yang berbeza di Barat, iaitu aliran Amerika Syarikat dan aliran Eropah. Misalnya, kajian wacana aliran Eropah dipelopori oleh tokoh-tokoh daripada pemikiran Prague atau Prague School of Linguistics yang berpangkalan di Czechoslovakia seperti Mathesius (1939). Kebanyakan mereka membawa pedoman Perspektif Tugas Ayat atau *Functional Sentences Perspective*. Kajian beliau selanjutnya berkenaan dengan struktur

maklumat dan struktur tema menjadi asas sistem struktural runtutan teks dalam bidang analisis wacana (McCarthy, 1991, p. 5). Aliran linguistik Praha yang dipelopori oleh Mathesius dan Palek ini juga sedikit sebanyak mempengaruhi aliran tatabahasa Halliday (1961). Aliran Halliday seterusnya berkembang dan dikenali dengan nama linguistik sistemik, teori sistemik atau tatabahasa sistemik yang bertitik tolak daripada linguistik skala dan kategori sebelum ini.

Hal ini berbeza pula dengan aliran analisis wacana di Amerika, iaitu kebanyakan tradisi ini dipengaruhi oleh aliran etnometodologi. Aliran etnometodologi menyarankan bahawa penyelidikan pelbagai jenis lakuan bahasa oleh masyarakat hendaklah dijalankan dalam pelbagai latar budaya dan sosial yang bersifat semula jadi. Hymes (1964 & 1968) ialah tokoh yang mendasari aliran ini, iaitu kajian wacananya yang berteraskan bidang antropologi yang berjudul etnografi pertuturan. Melalui wacana jenis ini, beliau melihat pertuturan sebagai unsur penting budaya perlakuan.

Berdasarkan pandangan Sanat Md. Nasir (2002, p. 5), terdapat satu lagi aliran di Amerika Syarikat, iaitu aliran tatabahasa stratifikasi (1966). Aliran tatabahasa ini mengandaikan bahawa struktur bahasa terbina daripada pelbagai tingkat sosial atau dipanggil strata. Hubungan antara rujukan strata ini wujud dalam bentuk realisasi. Dikatakan bahawa pertengahan dekad 60-an merupakan zaman permulaan bagi tokoh-tokoh untuk membincangkan soal analisis wacana moden. Sebaliknya, apabila menjangkau tahun 70-an, muncul pula kajian analisis wacana yang bersifat sistematik dan berorientasikan kajian bebas yang melangkaui beberapa disiplin ilmu lain (van Dijk, 1985, p. 4). Menurut beliau lagi, peralihan konsep pemikiran ini berlaku atas beberapa faktor, antaranya berlaku anjakan dalam kajian bahasa seperti penentangan terhadap tatabahasa formal dan tatabahasa transformasi generatif (aliran TG). Selain itu,

kesedaran terhadap pentingnya variasi penggunaan bahasa dengan konteks sosial seperti yang berlaku dalam bidang sociolinguistik juga menyebabkan kajian wacana berkembang.

Oleh itu, muncullah kajian oleh Halliday dan Hasan (1976) berjudul *Cohesion In English* yang mengangkat satu aspek penting dalam pengkajian analisis wacana, iaitu aspek kohesi. Kajian oleh mereka ini juga boleh dikatakan antara kajian kohesi terawal yang mentakrifkan kohesi sebagai sistem hubung pradigmatik dalam komponen tekstual model sistemik. Sebelum itu, mereka menegaskan bahawa istilah teks yang sering digunakan dalam bidang linguistik itu merangkumi segala hal yang berkaitan perenggan, ucapan lisan, tulisan yang bersifat menyatukan. Oleh itu, untuk menyatukan kesemua unsur tersebut, mereka bersepakat untuk menerapkan unsur-unsur kohesi dalam kajiannya. Bagi mereka, unsur kohesi mementingkan aspek semantik, iaitu merujuk hubungan makna yang wujud antara teks dan kohesi sekali gus menggambarkan sebuah teks yang utuh. Hal ini bermaksud sesebuah teks yang utuh terbina daripada makna logikal, tatabahasa, leksikal, dan unsur tekstual. Mereka akhirnya merumuskan bahawa kohesi melibatkan dua unsur penting yang harus dikuasai, iaitu merangkumi kohesi tatabahasa dan leksikalisasi. Pendekatan kohesi mereka ini juga menjadi perintis dan rujukan oleh pengkaji wacana yang lain sama ada pengkaji antarabangsa mahupun tempatan.

Kemudian, de Beaugrande & Dressler (1981) antara individu yang menyemarakkan perkembangan analisis wacana dekad 80-an khususnya perkembangan linguistik teks dan unit wacana yang lebih bersifat holistik dan interdisiplin. Kajiannya yang termuat dalam buku *Introduction to Text Linguistics* ialah percubaan melahirkan pernyataan umum kepada kemunculan baharu teks sains dan wacana. Mereka

mengusahakannya untuk mensintesis tradisi yang melampaui batas ayat dengan pendekatan kajian interdisiplin dalam penghasilan, penerimaan, dan penggunaan teks dalam interaksi manusia yang terlibat. Dalam bahagian tekstualiti, mereka membahagikan ciri-ciri wacana kepada tujuh standard aspek tekstualiti, iaitu melibatkan aspek kohesi, koherensi, tujuan, penerima dan khalayak, bermaklumat, situasi, dan interteks.

Van Dijk (1985, p. 8) sekali lagi menyatakan bahawa dekad 80-an pula menyaksikan bermulanya bidang analisis wacana dikaji dari aspek sains biasa atau sosial. Hal ini timbul ekoran daripada bertambahnya minat sehingga bidang analisis wacana lebih bersifat bersepadu, bebas, dan interdisiplin. Sebagai contoh, kajian van Dijk (1985) berjudul *Discourse Analysis as a New Cross Discipline* yang termuat dalam bukunya *Handbook of Discourse Analysis (1st.vol.)* menegaskan bahawa kajian sesebuah wacana lahir daripada dimensi masyarakatnya. Oleh sebab itulah, beliau telah mengutarakan sebuah model analisis wacana yang melihat kepentingan kognitif sosial. Hal ini bermaksud setiap analisis teks mestilah berpandukan pendekatan psikologi sosial yang melihat pemikiran pewacana sebagai pemangkin utama menentukan penghasilan wacananya. Baginya, analisis wacana ialah keperluan interdisiplin. Sifatnya yang kompleks menyebabkan pewacana perlu melakukan pilihan spesifik bergantung pada tujuan dan fungsi wacana yang dihasilkannya kepada khalayak.

Fairclough (1992) dalam kajiannya *Discourse and Social Change* mula membahaskan kepentingan menganalisis wacana secara kritis untuk melihat penggunaan bahasa dari dua sudut, iaitu cara amalan wacana dibentuk berdasarkan faktor-faktor sosial dan cara amalan wacana tersebut memberikan kesan kepada aspek sosial. Oleh itu, beliau telah melahirkan sebuah kerangka yang dikenali sebagai Model

Konsepsi Tiga Dimensi Wacana. Teori analisis wacana sosial ini menggabungkan kaedah analisis wacana berorientasikan linguistik dan pemikiran sosial dan politikal. Beliau juga menegaskan bahawa analisis wacana merujuk semua bahasa lisan dan bahasa tulisan yang digunakan. Beliau menyarankan agar istilah wacana mewakili bahasa yang digunakan sebagai satu pembentukan praktis sosial melebihi daripada kepentingan individu atau tindak balas pemboleh ubah situasi.

Kajian-kajian tradisi Barat selanjutnya mula memperlihatkan peralihan dan minat yang mendalam terhadap kajian wacana kritis. Misalnya, kajian oleh van Dijk (1998) yang berjudul *Ideology: A Multidisciplinary Approach* sekali lagi membicarakan kepentingan penganalisan wacana secara kritis. Dalam perbincangannya ini, beliau menegaskan bahawa pendekatan secara kritis melihat peranan wacana secara bersepadu. Baginya, wacana perlulah mampu menginterpretasikan struktur dalaman sesebuah ideologi dan juga fungsi ideologi pewacana terhadap sasaran masyarakatnya. Oleh itu, beliau menghubungkan struktur mikro dan makro yang hadir dalam amalan sosial, iaitu dengan bahasa mewakili unsur mikro. Amalan budaya pula dilihat sebagai unsur mikro yang berlingkaran dalam proses sosial. Baginya, penjelasan hubungan antara struktur wacana, proses interaksi, dan situasi sosial mestilah dijalankan secara eksplisit. Pendek kata, pewacana akan merancang pengucapan berdasarkan kognitif mereka yang mewakili keseluruhan situasi sosial.

Kupasan H.G. Widdowson (2007) dalam *Discourse Analysis* adalah untuk menelusuri peranan wacana dalam kajian linguistik. Menurut beliau, kajian wacana secara umumnya memerlukan individu untuk membina makna yang wujud dalam teks. Namun begitu, sesebuah wacana tidak seharusnya berlingkungan dalam individu tertentu sahaja, sebaliknya tujuannya haruslah meliputi kumpulan sosial dan komuniti

yang dimiliki mereka. Wacana yang dibina sama ada ringkas atau kompleks pada asasnya lahir daripada niat untuk merujuk sesuatu bagi tujuan tertentu. Bagi beliau, analisis wacana kritis memperlihatkan penggunaan bahasa untuk kuasa sosiopolitik, iaitu wacana sebagai satu genre yang mewakili praktis sosial. Tegasnya, analisis tekstual hanya dapat memerihalkan teks, iaitu bahasa yang dihasilkan dalam proses komunikasi, sebaliknya tidak dapat memerihalkan cara manusia membuat rundingan terhadap hubungan antara teks dengan konteks yang wujud. Bagi tujuan itu, pewacana sedaya upaya akan menerapkan pilihan leksikal dan nahu dalam wacananya. Beliau menyimpulkan bahawa analisis wacana tidak hanya dijelaskan secara ideasional, sebaliknya mewakili realiti ideologikal masyarakat sekali gus dapat mempengaruhi dan memujuk khalayak bagi menyatakan komitmen terhadap wacana.

Seterusnya, penelitian tentang wacana dan politik pula telah dibincangkan oleh Paul Chilton dan Christina Schaffner (2011) dalam *Discourse and Politics*. Mereka beranggapan bahawa walaupun kajian bahasa tidak pernah merangkumi keperihal politik, namun sesetengah ahli falsafah politik sedar akan kewujudan unsur retorik sebagai lakuan keyakinan terhadap wacananya. Bagi mereka, analisis wacana politik berkait rapat dengan lakuan bahasa yang bersifat politikal. Oleh itu, lakuan politikal (bahasa) selalunya akan melibatkan perihal kuasa. Berdasarkan analisis terhadap transkripsi teks ucapan bekas Perdana Menteri Britain, John Major, mereka mendokumentasikan analisis teks wacana melibatkan unsur pragmatik (interaksi dalam kalangan pemeran), semantik (makna, struktur leksikal), dan sintaksis (organisasi ayat). Unsur lakuan bahasa dalam wacana politik melibatkan perwakilan (kenyataan benar), arahan (perintah, permintaan), ekspresi (bersyukur, menyalahkan), dan pengisytiharan (mengumumkan pilihan raya, isytihar perang). Penggunaan unsur metafora pula ialah mekanisme semantik yang wujud dalam wacana politik. Dari perspektif interaktif,

metafora melindungi pewacana daripada membuat pernyataan langsung (ancaman muka). Dari aspek sintaksis pula, mereka menegaskan bahawa ada dua aspek organisasi ayat dalam wacana politik, iaitu tematik dan topikalisasi. Kesimpulannya, unsur pragmatik, semantik, dan sintaksis dapat memperlihatkan hubungan antara pewacana dengan pihak lain yang wujud semasa ujaran sebenar teks.

1.1.3 Kajian Wacana di Malaysia

Bidang analisis wacana di Malaysia dikatakan mula dipelopori oleh Yunus Maris pada tahun 1966 (Abdullah Hassan, 1978, p. 164-169 & Wong Khek Seng, 1992, p. 442). Beliau individu yang bertanggungjawab memperkenalkan kaedah analisis wacana dalam konteks bahasa Melayu. Menurut beliau, hanya dengan pengaplikasian teori keperihalanan keadaan berupaya untuk menjelaskan dengan sepenuhnya penggunaan kata ganti nama dan makna ungkapan. Menerusi teori ini juga, bahasa yang dituturkan oleh pemeran bahasa dikatakan tepat dengan keadaan atau apa-apa yang dilakukan (Wong Khek Seng, 1995, p. 13-14). Walau bagaimanapun, Sanat Md Nasir (2002, p. 9) menjelaskan bahawa tiada penggunaan istilah wacana atau pernyataan kajian struktural yang melebihi tingkat ayat yang dibincangkan dalam artikel tersebut.

Perkembangan analisis wacana diteruskan pula dengan kajian yang dijalankan oleh Harimurti Kridalaksana (1978) yang berjudul *Keutuhan Wacana* yang termuat dalam jurnal Dewan Bahasa. Artikel tersebut membincangkan aspek keutuhan wacana sebagai satu daripada aspek analisis wacana yang penting untuk menimbulkan penjalinan antara teks. Menurut beliau, keutuhan wacana boleh ditelusuri melalui penggunaan empat aspek utama yang membinanya, iaitu hubungan leksikal, hubungan nahu, hubungan fonologi, dan hubungan semantik. Beliau menyatakan bahawa

penganalisan aspek-aspek tersebut menentukan sesebuah data itu sebuah wacana ataupun sekadar sekumpulan ayat biasa.

Seterusnya, melalui Asmah Omar (1980a & 1980b), perkembangan penyelidikan wacana terus hangat diperbincangkan. Dalam jurnal Dewan Bahasa yang berjudul *Analisa Wacana*, beliau mendefinisikan wacana sebagai unit bahasa yang melebihi batas ayat. Oleh itu, wacana boleh terdiri daripada ayat, sejumlah ayat, ceraiian, bab, buku, siri buku atau sebagainya yang memperlihatkan kesatuan dan hubungan antara fikiran dan perkembangan akaliah yang terkandung dalamnya. Beliau juga menyatakan bahawa wacana haruslah mempunyai tujuan yang menentukan penggunaan yang dikenali sebagai selenggaraan. Dengan itu, tujuan sesebuah wacana dianjurkan mempengaruhi jenis ayat yang akan dikemukakan. Hubungan antara penutur dengan pendengar dalam wacana menunjukkan bahawa penutur dapat menguasai keadaan yang menimbulkan wacana. Begitu juga hubungan penutur dengan masyarakat akan menentukan penggunaan gaya wacana, seperti bersahaja atau tidak bersahaja. Seterusnya, unsur yang penting untuk menimbulkan jalinan dalam wacana ialah susunan atur, iaitu wacana itu mestilah diatur berdasarkan waktu, tempat, sebab dan akibat. Akhir sekali, beliau menyimpulkan bahawa analisis wacana tidak membelakangkan kepentingan bahasa. Baginya, tidak semua peristiwa bahasa dapat dihuraikan dengan rumus tatabahasa, malah mestilah dilihat dalam konteks yang lebih luas.

Menyedari kepentingan analisis wacana, kajian berkaitan wacana terus berkembang dengan rancaknya apabila banyak kajian mula dijalankan sama ada dalam bentuk buku, seminar, kertas kerja, tesis atau disertasi. Misalnya, Sato Hirobumi (1991) dengan kajian *Analisis Nahu Wacana Bahasa Melayu Klasik Berdasarkan Teks Hikayat Hang Tuah* menetengahkan kajian bentuk ayat dalam wacana berlandaskan aspek nahu

wacana. Selain itu, pengaplikasian nahu wacana bertujuan untuk melihat peranan ayat sebagai unsur kesatuan yang membentuk dan menghubungkan setiap ayat dalam satu keteraturan fikiran. Hal ini untuk melihat hubungan antara susunan ayat yang bersifat logik dengan susunan maklumat yang terkandung dalamnya. Beliau juga menerapkan teori linguistik struktural fungsian dalam kerangka kajiannya.

Dengan penggunaan istilah susunan maklumat lama dan maklumat baharu, beliau meneliti aspek kohesi yang berlaku dalam teks Hang Tuah berpandukan model kohesi daripada Halliday dan Hasan (1976). Beliau hanya menggunakan satu aspek, iaitu komponen tekstual untuk menerangkan perkaitan bahasa yang wujud dalam wacana. Bagi beliau, penerangan tentang struktur wacana dari segi bentuk luaran memerlukan penganalisan terhadap bentuk ayat untuk membentuk kesatuan dalam sesebuah wacana. Menurut beliau, ayat-ayat yang terdapat dalam nahu wacana dapat memperlihatkan unsur ketenunan nahuan atau leksikal yang dapat dikaitkan dengan susunan maklumat dalam wacana. Pada akhir kajiannya, beliau menonjolkan pola-pola dasar susunan maklumat dan susunan ayat yang logikal dalam sesebuah wacana.

Kajian tesis kedoktoran oleh Sanat Md. Nasir (1996) yang berjudul *Tautan dalam Wacana Bahasa Melayu Akhbar: Analisis Rencana Pengarang Utusan Zaman (1957-1961)* dijalankan untuk menghuraikan unsur tautan dalam rencana berunsur akhbar Melayu. Kajian analisis yang berunsur tekstur wacana ini membandingkan tautan yang didapati dari aspek jenis, subjenis tautan dan dari aspek tahun selain menguji model tautan yang digunakan. Kajian tautan ini merupakan kajian komponen tekstual terhadap teks daripada pengarang Utusan Zaman dengan berasaskan Model Tautan Pindaan (Sanat:1996), iaitu asas daripada model Halliday dan Hasan (1976).

Tautan tersebut menjadi komponen penting dalam pembentukan sesebuah wacana sebagai satu sistem linguistik yang menghubungkan unit teks. Beliau telah membahagikan tiga jenis tautan tersebut, iaitu tautan perulangan, tautan kolokasi, dan tautan ayat. Misalnya dalam tautan perulangan, beliau telah memasukkan unsur perulangan yang melibatkan parafrasa, paralelisme, dan tautan perulangan struktur dan makna. Hasilnya, beliau mendapati bahawa Model Tautan pindaan lebih berupaya untuk menampung kelompangan dalam model Halliday & Hasan (1976). Beliau merumuskan bahawa tautan satu fenomena hubungan yang ditandai dengan pelbagai peranti tautan yang bertujuan untuk melahirkan sebuah teks yang utuh. Melaluinya, wacana akhirnya dapat dilihat sebagai unit bahasa yang melangkaui batas ayat sekali gus berpeluang untuk menghuraikan hakikat bahasa.

Idris Aman (2001) dalam kajian *Wacana dan Kepimpinan: Satu Analisis Terhadap Perutusan Perdana Menteri Mahathir Mohamad* pula menegaskan bahawa wacana satu daripada proses sosial yang berlaku. Proses yang dibahaskan dalam kajian ini bersifat praktis atau amalan ideologi pemimpin terhadap khalayak masyarakat. Oleh itu, beliau menggunakan korpus wacana kepimpinan oleh Mahathir Mohamad untuk menjelaskan cara bahasa dimanfaatkan. Berpandukan kerangka analisis wacana kritis oleh Fairclough (1992), wacana dilihat sebagai suatu proses sosial. Kerangka analisis oleh Fairclough menganjurkan bahawa analisis wacana haruslah dilihat melalui tiga dimensi, iaitu dimensi tekstual, dimensi amalan wacana, dan dimensi praktis sosial. Menerusi analisis amalan wacana, wacana kepimpinan dihasilkan dengan pelibatan secara langsung oleh pewacana, disebar dan digunakan bagi kepentingan antara dua pihak, iaitu pemimpin dan rakyat.

Misalnya, analisis dimensi tekstual memperlihatkan pemanfaatan hanya dua unsur, iaitu unsur nahu dan unsur leksikalisasi. Didapati bahawa kajian ini memanfaatkan banyak nahu modaliti permintaan yang bersifat obligasi pelbagai aras, metafora pertanian dan api, kata alternatif, dan kata kunci bersifat ketenteraan. Analisis dimensi sosial pula memperlihatkan penggunaan dua praktis kepimpinan, iaitu kepimpinan ketegasan dan kepimpinan berorientasikan khalayak. Akhir sekali, beliau merumuskan wacana kepimpinan oleh Mahathir Mohamad memainkan peranan penting dalam pengukuhan dan penerusan kuasa pucuk kepimpinan kerajaannya.

Seterusnya, kajian oleh Hasnah Mat Adnan (2002) yang berjudul *Analisis Tautan dan Runtutan dalam Teks Klasik dan Moden* telah mengaitkan dua komponen pembentukan wacana, iaitu unsur tautan dan runtutan dalam *Hikayat Iskandar Zulkarnain* dan cerpen *Impian Gadis Pelumba*. Pemilihan dua buah genre yang berbeza adalah untuk melihat variasi jenis-jenis tautan dan runtutan lantaran karya tersebut daripada dua laras yang berbeza. Kajian ini mengesan tahap tautan dan runtutan untuk menimbulkan kefahaman terhadap teks selain melihat hubungan antara tautan dan runtutan yang ada. Bagi tujuan analisis tautan, model yang dikemukakan oleh Halliday dan Hasan (1976) dijadikan sandaran. Untuk tujuan runtutan, model oleh Dressler & de Beaugrande (1981) diaplikasikan. Kajian ini juga meninjau aspek angkubah sosial untuk melihat tahap kefahaman wacana dalam kalangan pembaca, terutama yang melibatkan aspek runtutan.

Hasil kajian menunjukkan bahawa sekurang-kurangnya terdapat satu ikatan tautan dalam kedua-dua laras tersebut. Jenis dan subjenis tautan yang disenaraikan mengikut model Halliday & Hasan (1976) didapati hadir dalam kedua-duanya sekali. Bagi aspek runtutan pula, kajian menunjukkan bahawa responden perlu membaca sebanyak tiga

atau empat kali bagi teks klasik berbanding dengan hanya dua kali dalam teks moden. Beliau merumuskan bahawa unsur tautan dan runtutan merupakan unsur yang saling berkaitan dalam sesebuah teks. Kajian juga membuktikan sesebuah wacana yang mempunyai nilai tautan bergantung pada penggunaan jenis dan subjenis yang betul dan dianggap sesuai. Sebaliknya, tahap runtutan pula diukur melalui tahap dan kualiti kefahaman pembaca yang dibantu oleh faktor keterbacaan terhadap teks.

Kajian oleh Suraya Jantan (2009) yang berjudul *Analisis Konteks dan Wacana dalam Novel Kawin-Kawin* adalah untuk menyingkap penggunaan komponen dalam konteks seperti latar, peristiwa bahasa, dan hubungan yang memainkan peranan penting bagi melahirkan komunikasi yang berkesan. Menurut beliau, sesebuah wacana perlulah menampakkan interaksi antara ketiga-tiga komponen tersebut supaya pengungkapan kata-kata oleh pemeran yang terlibat bersesuaian dengan situasi dan keadaannya. Dengan memilih novel *Kawin-Kawin* oleh Azizi Haji Abdullah, beliau menganalisis amalan konteks dan wacana dengan berpandukan teori SPEAKING yang dipelopori oleh Dell Hymes (1968). Pada asasnya, teori ini memperlihatkan usahanya menunjukkan komponen yang perlu wujud dalam sesuatu peristiwa bahasa, melalui latar dan tempat, pemeran, tujuan dan matlamat, bentuk ujaran, nada, alat, norma interaksi, dan genre.

Dapatan kajian dibincangkan secara tuntas dalam tiga bab utama, iaitu bab tiga membicarakan perihal latar, bab empat tentang peristiwa bahasa dan bab lima mengupas perihal hubungan antara pemeran. Perbincangan tentang latar yang wujud dalam novel kajian merangkumi latar tempat, latar masa, dan latar masyarakat. Peranan latar amat penting untuk mewujudkan sesuatu konteks. Didapati bahawa, pengarang novel begitu kreatif mengaplikasikan latar bagi melahirkan kesan imaginatif kepada pembaca untuk

menyelami konteks yang digagaskan. Seterusnya, kupasan tentang peristiwa bahasa pula menitikberatkan gerak laku dalam sesuatu interaksi yang dapat menggambarkan kesan, perasaan, tanggapan, dan persepsi antara pemeran. Baginya, Azizi Haji Abdullah bijak mengolah strategi komunikasi bagi memerihalkan perhubungan antara watak supaya aturan komunikasi tidak bercanggah dengan norma komunikasi dalam masyarakat. Yang berikutnya, analisis aspek hubungan antara pemeran menentukan bentuk wacana yang dihasilkan. Hubungan tersebut meliputi antara pemeran yang dipengaruhi oleh faktor status sosial, jantina, umur, dan hubungan kekeluargaan. Beliau menegaskan hubungan yang wujud dalam novel ini kebanyakan hubungan tidak formal. Pada akhir kajian, beliau menyimpulkan bahawa gabungan tiga komponen ini akan melahirkan peristiwa komunikasi yang bersifat interaktif dalam penceritaan novel ini.

Yang berikutnya, kajian *Analisis Wacana dari Sudut Kata Adjektif Berdasarkan Teori Tatabahasa Fungsional* oleh Norita Rahmad (2011) pula meneliti pengajian wacana dengan penumpuan kepada kata adjektif. Dengan pendekatan teori Tatabahasa Fungsional oleh Halliday (1985), beliau mengupas penggunaan kata adjektif dalam bahan sastera menerusi peranannya sebagai Tema (*theme*) dan Rema (*rheme*) dalam usaha memberikan fungsi dan makna tertentu. Kajian ini juga berusaha untuk membincangkan hubungan Tema Bertanda-Rema, Tema Tak Bertanda-Rema, Tema Tanya Rema atau Tema Elipsis-Rema yang mempunyai hubungan metafungsi. Hubungan ini akhirnya berupaya untuk memperlihatkan keupayaan teks dan latar seperti yang diperihalkan oleh penulis dalam karyanya.

Menerusi analisis kajiannya, penggunaan kata adjektif dalam setiap Tema-Rema mempunyai peranan tersendiri untuk memberikan gambaran makna. Makna tersebut mengandungi fungsi sosial yang boleh ditelusuri dari sudut makna ideasional,

interpersonal, dan tekstual serta meliputi komponen Tema, pemeran, dan gaya bahasa. Menurutnya lagi, makna yang dilahirkan boleh merujuk kuasa teks kepada penulis, kuasa makna kepada pembaca, dan kesepadanan latar berdasarkan teks kajian. Tambahan pula, peranan konteks juga ialah perkara yang tidak boleh dikesamping memandangkan setiap inti dalam cerpen tersebut ialah makna daripada perkataan yang terkarang dalam setiap konteks. Oleh itu, beliau menegaskan bahawa teks dalam karya kreatif adalah sebagai galakan untuk menyalurkan makna-makna tertentu atau tersirat kepada pembaca.

Kajian wacana yang bertujuan untuk memperagakan identiti seseorang pewacana pula dapat dilihat secara empirikal menerusi kajian oleh Rohaidah Haron (2012) yang berjudul *Bahasa dan Identiti: Analisis Wacana Umno Najib Razak*. Menurut beliau, penerokaan identiti dari sudut linguistik, yakni wacana merupakan landasan terbaik untuk mentafsir proses sosial yang terangkum dalamnya. Oleh itu, dengan berbekalkan sebanyak enam siri ucapan UMNO Najib Razak, beliau menerapkan penganalisan wacana secara kritis memandangkan pendekatan tersebut berupaya untuk menelusuri peranan sosial sebenar dalam masyarakat. Dengan alasan itu, beliau mengaplikasikan analisis wacana tiga dimensi sebagai panduan utama untuk meneliti aspek dimensi kewacanaan, teks, dan identiti pewacana tersebut.

Berdasarkan kajian, beliau mengesan bahawa wujud dua identiti UMNO, iaitu identiti sedia ada dan identiti yang dihajatkan. Yang dimaksudkan dengan identiti sedia ada ialah keadaan wacana yang bertujuan untuk pemerksaan bangsa. Sebaliknya, identiti yang dihajatkan pula berkisar tentang pengunggulan Melayu-UMNO. Menurutnya lagi, dua identiti tersebut boleh dihubungkan cara pemanfaatannya melalui dua sifat utama wacana dan dua ciri teks. Misalnya, dua sifat wacana diamati menerusi

aspek intertekstualiti dan interdiskursiviti, manakala dua ciri teks pula ditandai oleh aspek nahu dan leksikalisasi. Cara tersebut dapat membuktikan bahawa wujudnya hubungan saling berkaitan antara identiti dengan sifat wacana dan ciri tekstual. Akhir sekali, beliau menegaskan bahawa wacana politik bukanlah sekadar bicara politik, sebaliknya mampu menjawab persoalan identiti. Hal ini dikatakan demikian kerana wacana dapat menterjemahkan bentuk identiti pemimpin politik mengukuhkan kepercayaan rakyat terhadap teraju kepimpinannya.

Kajian oleh Azhar Md. Sabil (2012) yang bertajuk *Warkah-Warkah Perjanjian Melayu Abad Ke-19: Analisis Wacana Kritis* pula membicarakan perihal warkah-warkah perjanjian Melayu lama sebagai proses budaya yang terkandung dalam kehidupan masyarakat Melayu. Perbincangan dilakukan dengan menggunakan pendekatan analisis wacana kritis yang dikemukakan oleh Fairclough (1992). Penggunaan model Konsepsi Tiga Dimensi melibatkan tiga dimensi, iaitu dimensi tekstual, dimensi amalan wacana, dan dimensi praktis sosiobudaya. Penggunaan model tersebut bertujuan untuk menghuraikan struktur teks warkah perjanjian Melayu sebagai ciri tekstual yang mendasari sesebuah wacana. Untuk menganalisis struktur teks ini, beliau juga menerapkan pandangan struktur teks warkah Melayu oleh Ab. Razak Ab. Karim (1998) memandangkan Fairclough (1992) tidak menghuraikan struktur teks bercorak manuskrip dalam modelnya. Struktur warkah Melayu ini perlu dianalisis untuk membuktikan bahawa warkah perjanjian Melayu lama tersebut sebagai wacana yang tersendiri.

Kajian ini juga meninjau aspek kohesi dalam wacana warkah perjanjian Melayu. Aspek ini melihat hubungan sosial antara pengguna dengan penerima menerusi penggunaan bahasa yang sebenar. Beliau mengaplikasikan model oleh Halliday &

Hasan (1976) bagi tujuan analisis kohesi ini. Oleh itu, kajian kohesi menemukan beberapa unsur yang mendasarinya, iaitu kohesi rujukan, pengguguran, penggantian, penghubung, dan leksikal. Amalan wacana pula melibatkan proses penghasilan, proses penggunaan, dan proses penyebaran. Penggunaan ketiga-tiga aspek ini sebagai pentafsiran dan penjelasan terhadap sesebuah teks. Aspek pentafsiran melibatkan cara-cara pemprosesan teks, manakala aspek penjelasan melibatkan faktor-faktor sosial yang mendasari keberhasilan teks tersebut. Misalnya, proses penggunaan dibahagikan mengikut fungsi wacana ini dihasilkan, seperti tujuan memberi dan menerima, tujuan akur atau ingkar, dan tujuan anugerah dan tanggungjawab. Rumusannya, kajian ini bersifat holistik, terutama melibatkan analisis wacana secara lebih mendalam dan kritis, khususnya terhadap warkah-warkah perjanjian Melayu lama.

Kajian oleh Rohaizah Ab. Karim (2014) berjudul *Analisis Wacana Ucapan Perdana Menteri Keenam Sempena 100 Hari Menakhoda Negara* tidak terkecuali menerapkan teori analisis wacana tiga dimensi oleh Fairclough (1992) terhadap teks ucapan pemimpin. Kajian ini mengenal pasti unsur wacana dari dimensi tekstual. Unsur-unsur dimensi tekstual tersebut melibatkan tumpuan terhadap struktur teks, tautan, nahu, dan leksikalisasi. Perbincangan struktur teks menemukan tujuh struktur generik yang mewakili teks, iaitu aspek kesyukuran, retrospeksi, matlamat, tindakan, iltizam, makluman, dan ajakan. Beliau juga mengetengahkan model Komponen Fungsian Sistem Semantik oleh Halliday dan Hasan (1976) untuk meneliti aspek tautan dalam teks ucapan tersebut. Bagi aspek tautan, beliau menyatakan bahawa pewacana telah memanfaatkan hampir kesemua unsur tautan yang dianjurkan oleh Halliday dan Hasan (1976). Walau bagaimanapun, huraian bahagian tautan tersebut disesuaikan dalam bahasa Melayu berlandaskan pandangan Nik Safiah Karim et.al. (2008). Perbincangan unsur nahu pula memperlihatkan pewacana, yakni Najib Razak lebih

berusaha untuk menonjolkan diri atau bersifat “mempromosikan diri” dengan penggunaan ayat aktif yang dominan. Seterusnya, bagi aspek leksikalisasi, beliau lebih meneliti penggunaan kata alternatif dan metafora yang telah dipraktikkan oleh pewacana.

Berdasarkan penelitian terhadap kajian-kajian yang telah dilakukan oleh pengkaji terdahulu, didapati bahawa kajian analisis wacana terhadap warkah-warkah Melayu masih kurang dijalankan. Semestinya, situasi ini memberikan isyarat bahawa masih banyak khazanah bernilai yang masih belum dirungkaikan, khususnya aspek kebahasaan yang terangkum bersama. Di samping itu, terdapat banyak kajian yang menerapkan pengaplikasian Konseptual Wacana Tiga Dimensi oleh Fairclough (1992) sebagai kerangka asas analisis kajian. Namun, kebanyakannya menyentuh secara komprehensif atau holistik, iaitu rata-ratanya jarang memberikan tumpuan khusus kepada satu-satu aspek. Walau bagaimanapun, kajian oleh Rohaizah Ab. Karim (2014) seakan mirip dengan kajian ini lantaran tumpuan analisis wacananya hanya terhadap dimensi tekstual. Oleh itu, kajian ini secara tidak langsung mengisi kelompangan yang ada sekali gus membekalkan penemuan baharu dalam kajian wacana di Malaysia.

1.2 Permasalahan Kajian

Kewujudan warkah sosial Melayu membuktikan bahawa berlakunya komunikasi yang merentasi pelbagai sempadan antara masyarakat tempatan ataupun masyarakat Melayu dengan pihak asing yang telah berlangsung lebih empat ratus tahun. Peranan warkah Melayu sebagai dokumen rasmi mendukung gagasan dan kepentingan tertentu bagi individu, masyarakat dan negara sebagai wadah perhubungan politik, ekonomi, perdagangan, dan sebagainya. Namun, di sebalik ketinggian peradaban dan peranan yang dimilikinya, warkah Melayu hari ini masih lagi dipandang sepi sebagai lembaran

kertas semata-mata. Situasi ini seterusnya menyaksikan bahawa kurangnya pengkajian terhadap warkah Melayu dari pelbagai sudut bidang ilmu.

Masyarakat masih memandang warkah Melayu sebagai sebuah teks biasa sahaja. Namun, tanpa disedari, kewujudan warkah Melayu pada asasnya telah bergerak seiring dengan perkembangan penggunaan bahasa Melayu tinggi melibatkan situasi rasmi yang terkarang dalamnya. Hal ini sekali gus menggambarkan bahawa masyarakat Melayu lampau telah berupaya untuk menghasilkan wacana yang tersendiri sebagai medium komunikasi penting pada zaman tersebut. Menyedari hakikat inilah, kupasan tentang cara penggunaan dan pemanfaatan sebenar bahasa atau tujuan penghasilan amalan wacana yang ada perlu dikemukakan.

Tidak dinafikan bahawa wujud kajian analisis wacana terhadap warkah Melayu dengan pelbagai pendekatan. Namun, kebanyakan melihatnya secara komprehensif dan tumpat. Dengan kata lain, tiada kajian yang menjurus secara langsung terhadap huraian bahasa pada aras tekstual. Lantaran itu, ketinggian nilai sesepucuk warkah akan lebih menonjol apabila kajian wacana menumpukan sepenuhnya aspek pemerihaln teks. Pemerihaln teks melibatkan proses menghuraikan bentuk dan makna teks melalui empat sifat teks seperti struktur teks, kohesi, nahu, dan leksikalisasi. Oleh sebab wacana manifestasi bahasa yang benar-benar digunakan dan sebagai sumber wibawa, maka analisis wacana warkah Melayu perlu dilakukan bagi paparan masyarakat. Hal ini dikatakan demikian kerana kajian wacana ini sangat penting dalam pendokumentasian semula peristiwa komunikatif dan persekitaran sosiobudaya masyarakat Melayu lama.

1.3 Objektif Kajian

Kajian ini dijalankan untuk mencapai tiga objektif, antaranya:

- 1.3.1 mengenal pasti dimensi tekstual dalam warkah sosial Melayu,
- 1.3.2 mengklasifikasikan dimensi tekstual dalam warkah sosial Melayu,
- 1.3.3 menganalisis dimensi tekstual dalam warkah sosial Melayu.

1.4 Bahan Kajian

Untuk merealisasikan kajian ini, bahan berupa warkah-warkah sosial Melayu dipilih untuk dijadikan sebagai data kajian. Pemilihan warkah-warkah sosial tersebut adalah dari abad ke-17 hingga abad ke-19. Warkah sosial ini bermula dengan warkah Raja Kimaleha Salahak Abdul Khadir Ibn Syahbuddin di Ambon kepada Gabenor Syarikat Hindia Timur pada 23 Mei 1658 dan berakhir dengan warkah Sultan Muhammad Fadl dari Sulu kepada Gabenor Hong Kong, Sir. John Francis David, 1845. Sebanyak 21 pucuk warkah sosial yang dikaji. Warkah-warkah tersebut membicarakan pelbagai perkara yang berkaitan dengan hal-hal peribadi, politik, ekonomi, perdagangan, dan sebagainya. Selain itu, pengirim warkah juga terdiri daripada pelbagai pihak, antaranya raja atau sultan, golongan kerabat seperti raja muda dan isteri raja muda, para pembesar, pegawai Belanda, dan para saudagar. Penerima warkah pula kebanyakannya terdiri daripada pegawai Inggeris, pegawai Belanda, dan seorang sultan.

Pemilihan warkah-warkah sosial sebagai bahan kajian bertitik tolak daripada keistimewaan yang terdapat pada warkah-warkah Melayu itu sendiri. Pengelasan warkah Melayu sebagai satu genre yang tersendiri berdasarkan bentuk, teknik, dan kandungannya telah membezakan warkah Melayu daripada teks-teks yang lain (Ab. Razak Ab. Karim, 2006c, p. 112-113). Oleh itu, yang berikut merupakan bahan kajian

warkah sosial Melayu pada abad ke-17 hingga abad ke-19 yang menjadi tumpuan perbincangan kajian ini:

Jadual 1.1: Warkah Sosial Melayu Abad ke-17

Bil.	Bahan Kajian	Sumber
1	Surat Raja Kimaleha Salahak Abdul Khadir Ibn Syahbuddin di Ambon kepada Gabenor Syarikat Hindia Timur pada 23 Mei 1658. (Lampiran A)	Gallop (1991)

Jadual 1.2: Warkah-Warkah Sosial Melayu Abad ke-18

Bil.	Bahan Kajian	Sumber
2	Surat Tunku Baginda Raja Mahkota di Anak Sungai kepada Orang Kaya Jeneral (J.C. Collet) di Bengkulu pada 1712. (Lampiran B)	Gallop (1994)
3	Surat Sultan Gandam Syah Muko-Muko kepada Syarikat Hindia Timur Inggeris (EIC) pada September 1733. (Lampiran C)	Gallop (1994)
4	Surat isteri Tunku Raja Muda Selangor kepada Francis Light di Pulau Pinang pada Jumaat 28 Safar. (Lampiran D)	Gallop (1994)
5	Surat Saudagar Rahsia Raja Kelantan kepada Gubernur Pulau Pinang pada 23 Jamadilawal 1209. (Lampiran E)	Gallop (1994)
6	Surat Gurnadur Reynier De Klerk di Batavia kepada Sultan Muhammad Bahauddin di Palembang pada 7 Mei 1779. (Lampiran F)	Gallop (1994)
7	Surat Enci' Lu Nga dari Perlis kepada Kapitan Light Dewa Raja pada 5 April 1785. (Lampiran G)	Gallop (1994)
8	Surat Sultan Ibrahim dari Selangor kepada Gubernur Pulau Pinang, Francis Light pada 6 April 1786. (Lampiran H)	Gallop (1994)
9	Surat Sultan Alauddin dari Perak kepada Gurnadur, Francis Light pada 23 Julai 1787. (Lampiran I)	Gallop (1994)

10	Surat Sultan Mahmud Syah dari Johor dan Pahang kepada Senyur Gurnadur Francis Light pada 10 November 1787. (Lampiran J)	Gallop (1994)
11	Surat Sultan Mansur Riayat Syah dari Terengganu kepada Gurnadur, Francis Light pada 4 Februari 1792. (Lampiran K)	Gallop (1994)

Jadual 1.3: Warkah-Warkah Sosial Melayu Abad ke-19

Bil.	Bahan Kajian	Sumber
12	Surat Sultan Mahmud Syah dari Johor dan Pahang kepada T. S. Raffles di Melaka pada 5 Januari 1811. (Lampiran L)	Gallop (1994)
13	Surat Engku Sayid Muhammad Zain al Kudsi dari Lingga kepada T. S. Raffles di Melaka pada 6 Januari 1811. (Lampiran M)	Gallop (1994)
14	Surat Sultan Syarif Kasim dari Pontianak kepada T. S. Raffles di Melaka pada 22 Mac 1811. (Lampiran N)	Gallop (1994)
15	Surat Sultan Abdul Jalil Khaliluddin dari Siak kepada Lord Minto pada 30 Mei 1811. (Lampiran O)	Gallop (1994)
16	Surat Raja Jaafar, Yang Dipertuan Riau kepada C.P.J. Elout di Batavia pada 6 Ogos 1820. (Lampiran P)	Gallop (1994)
17	Surat Susuhunan Ratu Hussain Diyauddin dari Palembang kepada Baron van der Capellen di Batavia pada 14 April 1823. (Lampiran Q)	Gallop (1994)
18	Surat Sultan Ismail dari Bima kepada Baron van der Capellen di Batavia pada 7 Oktober 1823. (Lampiran R)	Gallop (1994)
19	Surat Sultan Ahmad dari Terengganu kepada Baron van der Capellen di Batavia pada 19 Mac 1824. (Lampiran S)	Gallop (1994)
20	Surat Datuk Suliwatang dari Lingga kepada Baron van der Capellen di Batavia pada 2 April 1824. (Lampiran T)	Gallop (1994)
21	Surat Sultan Muhammad Fadl dari Sulu kepada Gabenor Hong Kong, Sir. John Francis David, 1845. (Lampiran U)	Gallop (1994)

1.5 Batasan Kajian

Seperti yang telah dijelaskan sebelum ini, kajian ini hanya memberikan tumpuan terhadap satu jenis manuskrip warkah Melayu lama, iaitu warkah-warkah sosial Melayu terpilih. Walaupun pemilihan warkah-warkah tersebut dibuat secara rawak dan tiada ketetapan yang mutlak, namun pada asasnya kajian ini juga menitikberatkan beberapa kriteria pemilihannya sebagai bahan kajian. Antaranya seperti pemeran yang terlibat, kandungan atau perkara yang diperkatakan, dan kepentingan warkah tersebut kepada persekitaran masyarakat pada zaman berkenaan.

Rentetan daripada itu, sebanyak 21 pucuk warkah yang dipilih tersebut rata-ratanya melibatkan peristiwa komunikatif yang berlaku sekitar abad ke-17, abad ke-18, dan abad ke-19 dan tergolong dalam pertimbangan atau kriteria tersebut. Selain itu, harus dinyatakan bahawa kesemua data kajian tersebut merupakan bahan bertulis dalam bentuk tulisan Jawi (naskhah asal) berserta dengan tulisan Rumi sebagai naskhah transliterasi yang telah sedia ada dijalankan.

1.6 Kaedah Kajian

Kajian ini melibatkan dua kaedah utama, iaitu kaedah penyelidikan kepustakaan dan kaedah analisis teks. Kaedah penyelidikan kepustakaan untuk mendapatkan rujukan awal tentang analisis wacana daripada bahan sekunder seperti buku ilmiah, disertasi, tesis, kertas-kertas kerja, monograf, jurnal, artikel, makalah, dan laporan persidangan oleh pengkaji tempatan dan pengkaji antarabangsa. Rujukan tersebut penting bagi meneliti variasi falsafah, penghujahan, dan pemikiran para pengkaji memperkatakan perihal warkah Melayu dan analisis wacana dalam sesebuah bahasa, selain sebagai medium mewujudkan tatakkerja bagi mengisi kelompangan skop kajian yang ada.

Kaedah analisis teks pula ialah proses pengumpulan data kajian melalui penyelidikan secara langsung dan terperinci terhadap teks kajian. Kaedah ini merangkumi pemilihan dan pengumpulan data, pendekatan analisis data, dan proses penganalisan data. Bagi aktiviti pengumpulan data, penting untuk ditentukan terlebih dahulu jenis korpus yang dipilih dan diaplikasikan dalam kajian. Untuk tujuan tersebut, pemilihan bahan kajian wacana melibatkan warkah sosial Melayu.

Manuskrip warkah sosial Melayu ini adalah daripada dua sumber sekunder yang membicarakan warkah-warkah Melayu lama secara komprehensif. Sepucuk surat diperturunkan daripada buku *Golden Letters: Writing Traditions of Indonesia* oleh Gallop (1991) dan 20 pucuk surat daripada buku *The Legacy of The Malay Letters* juga oleh Gallop (1994). Paparan warkah-warkah bertulisan Jawi sebagai naskhah asal dalam kedua-dua buah buku tersebut telah dimuatkan dengan transliterasi dalam bahasa Melayu atau tulisan rumi. Warkah-warkah tersebut kemudiannya dicerakin mengikut tarikh atau tahun surat dan mengikut pengirim dan penerima warkah yang terlibat dalam proses komunikasi warkah tersebut. Misalnya, *Surat Raja Kimaleha Salahak Abdul Khadir Ibn Syahbuddin di Ambon kepada Gabenor Syarikat Hindia Timur pada 23 Mei 1658*. Kaedah tersebut adalah untuk memudahkan proses pengecaman data untuk penganalisan.

Proses analisis dimensi tekstual pula melibatkan pendekatan kualitatif, iaitu pendekatan yang terarah pada huraian dan menekankan konsep sosiobudaya yang merangkumi aspek-aspek seperti pengalaman, pendapat, dan pemahaman individu secara mendalam. Analisis teks juga merangkumi gabungan dua pendekatan utama dalam teori kebahasaan, iaitu analisis wacana dan pendekatan tatabahasa fungsional. Selaras dengan penerapan pendekatan kualitatif, pengolahan data berdasarkan kerangka

Konseptual Wacana Tiga Dimensi oleh Fairclough (1992&1995), iaitu tumpuan terhadap analisis dimensi tekstual seperti struktur teks, kohesi, nahu, dan leksikalisasi. Analisis dilakukan terhadap perenggan, gugusan ayat, dan leksikal bergantung pada setiap keperluan unsur dimensi tekstual tersebut.

1.7 Kepentingan Kajian

Perkembangan pengajian wacana bahasa Melayu semakin mendapat perhatian dalam kalangan peneliti bahasa sama ada yang berorientasikan makro atau mikro dengan pendekatan yang bervariasi. Lantaran itu, kajian ini juga akan menambah kajian wacana bahasa Melayu yang sedia ada berdasarkan keistimewaan yang ditonjolkan. Apatah lagi kajian ini mengangkat manuskrip warkah-warkah sosial Melayu sebagai bahan utama pengkajian wacana dari sudut dimensi tekstual. Kajian dimensi tekstual yang meneliti struktur teks, kohesi, nahu, dan leksikalisasi ialah sebuah kajian yang kurang atau jarang-jarang sekali disentuh oleh mana-mana penyelidik yang lain.

Selain itu, kajian ini juga dapat menggambarkan kepada masyarakat Melayu tentang teknik atau struktur penulisan warkah-warkah sosial Melayu yang seakan dilupakan meskipun tradisinya masih lagi diwarisi dalam penulisan sesetengah warkah hari ini. Kewujudan kajian ini bakal menyingkap kegemilangan penulisan warkah sebagai medium komunikasi masyarakat Melayu pada peringkat domestik dan dengan pihak asing supaya dihayati generasi kini. Kajian ini juga dapat menjadi nilai tambah kepada kajian sains sosial yang lain sama ada melibatkan kajian sosiobudaya, sejarah, ekonomi, falsafah, peradaban, dan sebagainya. Hal ini dikatakan demikian kerana warkah-warkah sosial Melayu menyediakan pelbagai sumber utama kajian tentang politik, hubungan diplomatik dan sosial, ekonomi, dan perdagangan. Aspek-aspek

tersebut sangat berkait dengan perkembangan tamadun, kebudayaan dan falsafah masyarakat Melayu hingga kini.

1.8 Konsep Operasional

1.8.1 Warkah Sosial

Etimologi perkataan warkah daripada perkataan bahasa Arab, iaitu *waroqah* yang membawa maksud kertas (Kamus Lengkap Bahasa Arab, 1998, p. 377). Perkataan sosial pula membawa maksud segala yang berkaitan dengan kehidupan bermasyarakat (Kamus Dewan, 2005, p. 1518). Hal ini bermaksud peranan sosial bersifat kebersamaan dan kebergantungan, iaitu menggambarkan hubungan antara manusia dengan manusia, hubungan manusia dengan kelompok lain, dan hubungan manusia dengan organisasi. Lahirnya hubungan ini untuk menyebarkan kemahuan individu dalam masyarakat.

Menurut Ab. Razak Ab. Karim (2006c, p. 22), warkah sosial warkah yang dihantar oleh raja, pembesar ataupun orang-orang tertentu kepada orang lain dengan tujuan tertentu seperti meminta bantuan atau pertolongan, hal-hal peribadi, perdagangan, perniagaan atau sebagainya. Warkah sosial mempunyai struktur yang berlainan dengan warkah perjanjian. Warkah jenis ini terdapat dalam pelbagai bentuk dan individu yang mengirimnya juga boleh dibahagikan kepada beberapa golongan. Warkah sosial lebih bersifat umum dan tidak melibatkan banyak perkara rahsia atau lebih banyak soal peribadi dikemukakan kepada para penerima. Tambah beliau lagi, ada beberapa komponen utama binaan sesepucuk warkah seperti kepala surat, cap, kata puji-pujian, kandungan, prapenutup, dan penutup.

1.8.2 Wacana

Wacana unit bahasa yang melebihi batas ayat. Dengan itu, wacana boleh terdiri daripada ayat, sejumlah ayat, ceraiian, bab buku, siri buku atau sebagainya yang memperlihatkan kesatuan dan hubungan antara butir-butir fikiran dan perkembangan akaliah dalamnya (Asmah Hj. Omar, 1980a, p. 11). Menurut beliau lagi, wacana mengambil kira sekatan atau kendala makna seperti dalam pengkajian ayat. Namun, hanya dalam wacana, sekatan makna bersifat bebas-bahasa dan universal. Misalnya, wacana hendaklah mempunyai tujuan, hubungan penutur-pendengar, hubungan penulis-pembaca, hubungan pewacana dengan masyarakat, dan unsur susun atur.

Van Dijk (1985, p. 1-2) pula mengatakan bahawa wacana merujuk semua bentuk penggunaan bahasa sebenar yang melibatkan predominaan peranannya dalam pengajian teks dan perbualan. Satu percubaan telah dilakukan untuk mengaplikasikan mekanisme teoritikal nahu untuk memerihalkan struktur wacana yang melampaui batas ayat. Hasilnya, wacana dilihat melebihi peranan nahu, iaitu bertindak sebagai aturan tepat untuk menuturkan sesuatu bahasa. Menurutnya lagi, sesuatu pengucapan bukan melibatkan objek statik sahaja tetapi merangkumi penyempurnaan dinamik, iaitu bentuk aksi. Misalnya dalam wacana lisan, bukan hanya melibatkan pembentukan gramatikal tetapi aktiviti nonverbal atau paraverbal seperti intonasi, gestur, ekspresi wajah, dan posisi badan.

1.8.3 Analisis Wacana

Harris (1952, p. 355) menegaskan bahawa analisis wacana haruslah dijalankan terhadap unsur linguistik, iaitu morfem, kata, frasa, dan ayat sesuatu teks berdasarkan penyebarannya yang melingkungi kesamaan, ataupun sekadar yang diulang-ulang. Dalam erti kata lain, analisis wacana merujuk pemenggalan satu-satu wacana kepada

unsur-unsur dasar atau bahagian komponennya melalui kaedah penyebaran baku. Analisis ini memberikan gambaran tentang pembinaan sesebuah teks daripada unsur-unsur linguistik. Orientasi analisis wacana juga memerikan struktur teks atau jenis teks dan peranan unsur-unsur tersebut dalam struktur berkenaan. Dengan cara ini, penghasilan sesebuah wacana memperlihatkan tujuan tertentu dengan sebaik-baiknya untuk menentukan penyusunan wacana atau teks yang dijalankan.

Menurut McCarthy (1991, p. 5), analisis wacana kajian tentang hubungan antara bahasa dengan konteks penggunaannya. Hal ini bermaksud analisis wacana bertindak untuk menghuraikan sesuatu wacana atau teks tersebut dengan penyusunan yang sewajarnya. Aspek yang ditekankan dalam analisis wacana bukan hanya tentang ayat dari aspek nahu semata-mata, namun juga melibatkan penggunaan unit-unit tersebut dalam konteks pertuturan sebenar. Secara tidak langsung, analisis wacana memberikan perhatian terhadap hubungan antara fitur dalaman sesuatu teks untuk mendapatkan gambaran sebenar tentang struktur teks tersebut.

1.8.4 Struktur Teks

Setiap genre teks mempunyai struktur yang tersendiri dan memperlihatkan variasi antara satu teks dengan teks yang lain. Oleh itu, struktur teks ialah cara untuk menghuraikan pembinaan sesebuah teks. Bagi Fairclough (1992, p.77), struktur teks menitikberatkan “seni bina” sesebuah teks dengan cara atau kaedah tertentu yang menggabungkan beberapa elemen atau siri tertentu untuk membentuk dan menghuraikan wacana atau teks. Menurut Fairclough lagi (1992, p. 234), analisis struktur teks merungkaikan cara sesuatu topik itu diperkenalkan, diperkembangkan, dan dipertahankan. Struktur teks mampu memberikan pemahaman empirikal tentang sistem pengetahuan dan kepercayaan dalam sesebuah wacana. Daripada analisis struktur teks, hubungan sosial

dan identiti sosial yang terdapat dalam struktur teks juga dapat dirungkaikan. Analisis juga dapat menentukan individu atau cara tertentu yang mampu memaparkan sesuatu agenda dalam teks.

Bagi van Dijk (1978, p. 38) pula, wacana semestinya mempunyai struktur. Struktur tersebut boleh merangkumi struktur bentuk dan struktur makna. Struktur bentuk merujuk khusus tentang organisasi sesebuah wacana. Dengan analisis struktur teks, tahap interpretasi penghasilan dan sifat wacana dapat ditelusuri sekali gus membayangkan hala-tuju (*purpose driven*) sesebuah wacana. Baginya, struktur teks bertindak sebagai satu skema yang menyediakan bentuk bagi sesuatu pengisian wacana. Struktur teks tersebut boleh memperlihatkan susunan secara mendatar atau hierarki. Faktor tersebut dapat menentukan kehadiran komponen yang mendahului dan komponen yang mengikuti dalam wacana. Hal ini dikatakan demikian kerana struktur tersebut manifestasi satu proses yang diikuti oleh proses lain untuk menandakan kesatuan yang dikenali genre.

1.8.5 Kohesi

Halliday & Hasan (1976, p. 6) mentakrifkan kohesi sebagai satu aspek semantik yang merujuk hubungan makna dalam teks sekali gus menterjemahkannya sebagai sebuah teks yang utuh. Kohesi wujud apabila adanya interpretasi terhadap beberapa elemen dalam wacana yang bergantung antara satu sama lain sehingga mampu melahirkan teks padu. Menurut mereka, terdapat tiga komponen utama fungsi semantik yang mendasari pembinaan kohesi, iaitu ideasional, interpersonal, dan tekstual. Ideasional komponen sistem linguistik yang berkaitan dengan ekspresi kandungan. Interpersonal pula komponen yang berkisar tentang fungsi sosial, perasaan, dan konatif dalam bahasa. Komponen tekstual pula sebagai pembentukan sesebuah teks dalam sistem linguistik

untuk menjadikannya sebagai teks yang relevan, bertaut dengan unsurnya sendiri, dan dengan situasi konteks.

Mereka membahagikan kohesi kepada dua aspek utama, iaitu kohesi tatabahasa dan kohesi leksikal. Seterusnya, mereka memperincikan kohesi tatabahasa melibatkan kajian unsur perujukan, penggantian, elipsis, manakala kohesi leksikal pula ialah kajian tentang ikatan kata yang merangkumi unsur pernyataan semula dan kolokasi. Mereka juga menjelaskan bahawa kohesi penghubung sebenarnya berada antara kedua-dua jenis kohesi tersebut. Namun, kohesi penghubung lebih terarah kepada tautan tatabahasa tetapi mengandungi komponen leksikal dalamnya.

1.8.6 Modaliti

Menurut Hodge & Kress (1979, p. 127), modaliti dalam wacana adalah untuk menyerlahkan sudut pandangan atau sikap penutur terhadap ujaran yang dihasilkan. Oleh itu, modaliti biasanya diimplementasikan oleh penutur atau pewacana untuk menunjukkan komitmen, kebenaran, kesungguhan, pengesahan, dan keyakinan terhadap keseluruhan atau sebahagian daripada wacananya. Lantaran itu, modaliti mampu memberikan isyarat bahawa ujaran atau wacana yang dipersembahkan sebagai sah, berautoriti, dan boleh dipercayai. Bagi beliau, yang lebih utama modaliti dapat memperlihatkan sikap terhadap hubungan antara pengetahuan dan kuasa. Hal ini dikatakan demikian kerana kewujudan modaliti secara umumnya dapat mentafsirkan darjah kekuasaan terhadap hubungan sosial yang ingin dihasilkan sama ada bertunjangan makna usulan ataupun pernyataan biasa.

Fowler (1985, p. 72) juga menegaskan bahawa keberadaan modaliti adalah sebagai peranti untuk menentukan sikap pewacana bagi pernyataan yang dilontarkannya terhadap sasaran. Bagi beliau, modaliti dalam wacana bermatlamatkan pengesahan, jangkaan, obligasi, dan keizinan. Sikap modaliti yang terangkum dalam medan pengesahan bertujuan untuk menggesa pewacana mengekspresikan keyakinan yang tinggi atau rendah terhadap kebenaran sesuatu pernyataannya. Matlamat menerusi jangkaan pula memperlihatkan peristiwa baharu yang berkemungkinan tinggi berlaku. Tuntutan modaliti menerusi obligasi pula menyerlahkan penilaian pewacana terhadap komitmen penerima melaksanakan sesuatu tindakan. Seterusnya, bagi tujuan keizinan, modaliti pula bertindak untuk membenarkan penerima atau sasaran melakukan sesuatu tindakan.

1.8.7 Metafora

Metafora satu set pemetaan daripada satu domain sumber yang konkrit kepada satu domain sasaran yang bersifat abstrak. Komponen yang abstrak ini dijelaskan dengan berbantuan unsur-unsur yang sepadan daripada komponen yang lebih konkrit (Lakoff & Johnson, 2003, p. 23). Secara konvensinya, metafora sebagai alat imaginasi puitika dan dandanan retorik yang dihasilkan oleh pelaku bahasa. Biasanya, metafora digambarkan sebagai ciri-ciri bahasa yang lebih berkaitan dengan leksikal berbanding dengan tafsiran dan tindakan. Atas alasan inilah, metafora dapat menyatakan tujuan analitikal, iaitu cara pewacana menstrukturkan sistem pengetahuan dan kepercayaan terhadap tanggapannya. Menurut mereka lagi, metafora berlegar-legar dalam kehidupan seharian bukan sahaja dalam bahasa tetapi dalam setiap tafsiran dan tindakan seseorang. Metafora sebagai sistem konseptual yang mendefinisikan realiti harian kita terutamanya realiti sosial.

Metafora menurut *Dictionary of Language and Linguistics* (1973, p. 140) satu bentuk kiasan yang wujud dalam namaan atau istilah deskriptif yang diaplikasikan terhadap seseorang atau objek. Kiasan itu bukannya merujuk secara langsung terhadap sifatnya tetapi hanyalah membayangkan suatu perbandingan. Istilah metafora campuran merujuk kombinasi dua atau lebih, secara kerapnya ialah ketidakserasian metafora yang berbeza. *Dictionary of Linguistics* (1960, p. 135) juga mentakrifkan metafora sebagai bahasa kiasan, iaitu sesuatu perkataan yang disandarkan kepada konsep yang lain. Metafora ialah cara stilistik bahasa untuk menggambarkan sesuatu konsep dengan merujuk konsep yang lain. Metafora mempunyai dua subjek yang berbeza, iaitu subjek utama dan subjek kedua.

1.9 Rumusan

Penelitian bab ini memperlihatkan bahawa masyarakat Melayu lampau berupaya untuk melahirkan alat perhubungan sosial menerusi penulisan surat-surat Melayu. Sememangnya, peristiwa komunikatif yang tersemat mampu diterokai menerusi pendekatan wacana. Hal ini dikatakan demikian kerana warkah sosial Melayu sebagai genre tersendiri yang dapat membezakannya daripada teks-teks yang lain. Oleh itu, penumpuan sorotan literatur menelusuri pendokumentasian kajian tentang manuskrip warkah-warkah Melayu, kajian wacana orientasi Barat dan kajian wacana di Malaysia. Kemudian, permasalahan kajian menyingkap signifikan sesuatu isu yang ingin diperkatakan dalam kajian ini sehingga kepentingan isu yang diperkatakan dapat dimanifestasikan oleh objektif kajian. Bahan dan batasan kajian pula memperkatakan pemilihan bahan untuk dianalisis dan fokus penumpuan kajian. Juga termuat dalam bab ini antaranya kepentingan kajian, kaedah kajian, dan konsep operasional yang diterapkan untuk mempresentasikan perbincangan lanjut.

BAB 2

METODOLOGI KAJIAN DAN TEORI KAJIAN

2.0 Pengenalan

Dalam bab ini, tumpuan perbincangan akan menjurus perkara-perkara yang melibatkan metodologi kajian dan kerangka teoretis bagi tujuan kajian ini. Metodologi bagi kajian ini ialah kaedah penyelidikan kepustakaan dan kaedah analisis teks yang melibatkan proses pemilihan dan pengumpulan bahan, pendekatan analisis data, dan proses penganalisan data. Sebaliknya, kupasan mendalam tentang teori bagi analisis kajian diletakkan di bawah subtopik kerangka teori, iaitu warkah-warkah Melayu sosial terpilih akan dikupas berdasarkan Konseptual Wacana Tiga Dimensi yang dianjurkan oleh Fairclough (1992). Melalui pendekatan ini, sifat empirikal hubungan antara wacana dan peranan sosial yang melingkungi sesebuah wacana dapat dirungkaikan. Dengan memberikan tumpuan khusus terhadap aspek tekstual, kajian wacana ini berhasrat untuk menghuraikan bentuk dan makna teks pada tahap mikro amalan wacana.

2.1 Metodologi Kajian

Metodologi yang diterapkan dalam kajian ini ialah kaedah penyelidikan kepustakaan dan kaedah analisis teks. Yang berikut diperjelas setiap kaedah tersebut.

2.1.1 Kaedah Penyelidikan Kepustakaan

Kaedah penyelidikan kepustakaan adalah untuk mendapatkan bahan-bahan berbentuk sekunder sama ada dalam bentuk cetakan atau bentuk dalam talian. Kajian terlebih dahulu mengumpul sejumlah bibliografi dan bahan yang berkaitan dengan bidang kajian. Bahan-bahan berikut antaranya kajian buku ilmiah, disertasi, tesis, kertas-kertas

kerja, monograf, jurnal, artikel, makalah, dan laporan persidangan oleh pengkaji tempatan dan pengkaji antarabangsa. Maklumat kepustakaan melalui kajian-kajian lepas penting sebagai panduan dan rujukan awal tentang kajian analisis wacana.

Kelangsungan pembacaan dengan kaedah kepustakaan memperlihatkan hubungan timbal balik. Misalnya, kaedah ini boleh bertindak sebagai penampung kelompangan dalam kajian lepas dan menyokong sebarang pernyataan atau dapatan yang diperoleh dalam kajian wacana ini. Rujukan yang bervariasi berupaya untuk melihat kepelbagaian falsafah dan pemikiran para pengkaji tentang analisis wacana. Kaedah tersebut juga sebagai medium untuk mewujudkan tatakkerja kajian dalam bab-bab yang lain. Misalnya, rujukan buku ilmiah adalah untuk mendapatkan lembaran tentang model kerangka analisis wacana oleh Fairclough (1992) yang menjadi tunjang utama penganalisan data-data kajian.

2.1.2 Kaedah Analisis Teks

Kaedah analisis teks suatu proses pengumpulan data kajian melalui penyelidikan secara langsung dan terperinci terhadap bahan kajian atau teks kajian. Oleh itu, kerja untuk mengolah dan menganalisis teks berlandaskan beberapa perancangan, iaitu pemilihan dan pengumpulan data, pendekatan analisis data, dan proses penganalisan data.

2.1.2.1 Pemilihan dan Pengumpulan Data

Untuk memulakan aktiviti pengumpulan data, terlebih dahulu ditentukan jenis korpus yang dipilih dan digunakan dalam kajian ini. Seperti yang dinyatakan sebelumnya, pemilihan bahan kajian wacana melibatkan warkah Melayu lama dan difokuskan terhadap warkah sosial sahaja. Keistimewaan warkah Melayu lama sebagai sebuah

genre yang tersendiri dan berbeza daripada genre bahan-bahan lain menjadi faktor pemilihan warkah Melayu sebagai bahan utama kajian ini.

Oleh hal yang demikian, manuskrip warkah sosial Melayu ini ialah warkah yang diperturunkan daripada sumber sekunder, iaitu dua buah buku utama yang membicarakan warkah-warkah Melayu lama. Sepucuk surat diperturunkan daripada buku *Golden Letters: Writing Traditions of Indonesia* oleh Gallop (1991) dan 20 pucuk surat daripada buku *The Legacy of The Malay Letters* juga oleh Gallop (1994). Harus dinyatakan di sini bahawa paparan warkah-warkah bertulisan Jawi sebagai naskhah asal dalam kedua-dua buah buku tersebut telah dilampirkan dengan transliterasi dalam bahasa Melayu atau tulisan rumi. Semua teks yang dikutip merangkumi warkah-warkah sosial yang membicarakan perihal ekonomi, politik, dan perkara peribadi antara golongan Melayu dengan pihak penjajah sama ada Inggeris atau Belanda yang berpangkalan di Kepulauan Melayu.

Warkah-warkah tersebut kemudiannya dikategorikan mengikut tarikh atau tahun surat, iaitu warkah yang wujud pada abad ke-17, abad ke-18, dan abad ke-19. Warkah tersebut juga dikelaskan mengikut pemeran yang terlibat, yakni melibatkan pengirim dan penerima warkah. Misalnya, *Surat Raja Kimaleha Salahak Abdul Khadir Ibn Syahbuddin di Ambon kepada Gabenor Syarikat Hindia Timur pada 23 Mei 1658*. Kaedah tersebut memudahkan proses pengenalpastian data untuk penganalisan. Seterusnya, pembacaan teliti dilakukan terhadap data atau teks kajian untuk memastikan bahawa wacana berkenaan benar-benar mengandungi aspek tekstual yang akan diteliti.

2.1.2.2 Pendekatan Analisis Data

Proses analisis wacana ini menerapkan pendekatan kualitatif, iaitu pendekatan yang terarah pada huraian dan menekankan konsep sosiobudaya seperti pengalaman, pendapat, dan pemahaman individu secara lebih mendalam. Selain itu, penghuraian kaedah dengan pendekatan kualitatif berupaya untuk membina tujuan bagi melengkapkan teori, meningkatkan kefahaman, dan menjelaskan kejadian secara verbal (Asmah Omar, 2001, p. 34). Kajian ini juga ialah kajian analisis teks hasil gabungan dua huraian pendekatan utama dalam teori kebahasaan, iaitu analisis wacana (penggunaan bahasa sebenar berdasarkan konteks) dan pendekatan tatabahasa fungsional.

2.1.2.3 Proses Penganalisan Data

Analisis data bagi kajian ini bersifat empirik kerana perbincangan berdasarkan data yang terkandung dalam teks. Proses analisis data dimulakan setelah keseluruhan data selesai ditentukan, dikumpul, dan dikenal pasti. Selaras dengan pendekatan kualitatif, penghuraian data bersifat deskriptif dengan berasaskan kerangka tiga dimensi oleh Fairclough (1992&1995). Kajian hanya menumpukan dimensi tekstual berserta dengan cabang-cabangnya.

Pada dasarnya, proses penganalisan data melibatkan empat langkah, iaitu persampelan, kategori, sistem perhitungan, dan unit catatan. Bagi tujuan analisis ini, kaedah persampelan adalah untuk memilih sampel yang bersesuaian dengan objektif kajian. Oleh itu, sebanyak 21 pucuk warkah sosial abad ke-17 hingga ke-19 dianalisis bagi menghuraikan komponen tekstualnya. Analisis aspek tekstual seperti struktur teks, kohesi, nahu, dan leksikalisasi dilakukan dan ditumpukan terhadap perenggan, gugusan ayat, dan leksikal bergantung pada setiap keperluan dimensi tekstual tersebut. Misalnya, analisis struktur teks mulanya dilakukan menerusi bacaan secara melayap dan

mengimbas 21 pucuk warkah sosial. Kaedah melayap ialah bacaan pantas terhadap keseluruhan warkah secara sepintas lalu bagi mendapatkan idea utama. Seterusnya, kaedah mengimbas dilakukan untuk mengesan dan mengenal pasti kedudukan maklumat atau organisasi komponen warkah seperti yang digagaskan oleh Ab. Razak Ab. Karim (1998). Setiap komponen mempunyai jaringan yang utuh antara satu ayat dengan ayat yang lain. Analisis aspek kohesi pula dilakukan menerusi tumpuan terhadap perenggan dan ayat bagi meneliti perkembangan tematik teks. Oleh itu, analisis terlebih dahulu mengenal pasti unsur kohesi penting dalam kategori kohesi tatabahasa dan kohesi leksikal. Kemudian, analisis ditumpukan pula terhadap cara unsur-unsur tersebut dipertaut daripada satu ayat kepada ayat lain atau mengikut konteks.

Analisis nahu modaliti pula dilakukan menerusi pengekodan binari. Menerusi pengekodan binari, ayat atau kenyataan yang mengaplikasikan unsur modaliti akan dikodkan mengikut kekerapan kehadirannya dalam warkah. Kekerapan penggunaan modaliti yang tertentu akan dapat menggambarkan sikap-sikap pewacana terhadap pernyataannya. Selanjutnya, analisis leksikalisasi metafora juga dikenal pasti menerusi kaedah kategori dengan tumpuan terhadap penggunaan leksikal di luar konteks penggunaannya yang sebenar yang wujud dalam ayat. Analisis dimensi tekstual dapat menjelaskan bentuk dan makna teks yang diandaikan memiliki rangkaian makna ideasional, interpersonal, dan tekstual. Walau bagaimanapun, beberapa pengubahsuaian terhadap pendekatan Fairclough juga dilakukan bagi kajian ini. Hal ini selaras dengan saranan oleh Fairclough (1992, p. 225) semasa menjelaskan kaedah analisisnya, iaitu:

What follow is not to be regarded as a blueprint, as there is no set procedure for doing discourse analysis; people approach it in different ways according to the specific nature of the project, as well as their own view of discourse. The points below, therefore, should be treated as

general guidelines, which identify the main elements and considerations which apply to discourse analyses, on the basis of the theoretical position I have set out above.

Oleh hal yang demikian, akibat daripada kekangan waktu, data yang agak besar dan justifikasi dan matlamat analisis, terdapat unsur-unsur tertentu daripada dimensi tekstual yang hanya diberikan penumpuan dalam analisis kajian ini. Selain itu, kajian ini juga mengaplikasikan beberapa pendekatan lain bagi analisis setiap dimensi tekstual yang dianggap bersesuaian dengan keperluan kajian warkah Melayu ini. Oleh itu, analisis data terlebih dahulu mengenal pasti struktur teks sesepucuk warkah sosial Melayu mengikut pandangan Ab. Razak Ab. Karim (1998) seperti kepala surat, cap, kata puji-pujian, kandungan, prapenutup, dan penutup. Di samping itu, kewujudan variasi struktur dalam warkah-warkah sosial ini juga diteliti sebaik-baik mungkin. Komponen struktur teks ini dijalin mengikut urutan sehingga dapat menimbulkan kesinambungan penulisan sebagai wacana yang utuh dan padu. Proses analisis struktur teks penting kerana dapat menginterpretasikan aras penghasilan dan jenis wacana. Analisis tersebut juga dapat menggambarkan pemahaman terhadap sistem pengetahuan, kepercayaan serta andaian tentang hubungan sosial dan identiti sosial yang terbina.

Daripada data ini, perbincangan juga melibatkan unsur kohesi yang terkandung dalam warkah sosial Melayu. Proses menganalisis unsur kohesi berpandukan pendekatan kohesi oleh Halliday & Hasan (1976). Bagi mereka, kohesi dapat ditelusuri menerusi alatan tatabahasa dan alatan leksikal. Oleh itu, proses analisis kohesi ini menimbangankan peranti atau alat yang digunakan untuk mengesan wujudnya keserasian hubungan makna antara bentuk ayat atau bahagian-bahagian dalam warkah Melayu. Hubungan tersebut dapat digambarkan oleh unsur rujukan, penggantian, elipsis, penghubung, pernyataan semula, dan kolokasi.

Kajian juga memperlihatkan analisis tentang aspek nahu dan leksikalisasi. Untuk aspek nahu, kajian hanya menfokuskan penggunaan unsur modaliti. Sebaliknya, bagi aspek leksikalisasi, penumpuan khusus diberikan kepada unsur metafora. Analisis terhadap dua unsur tersebut dilakukan kerana kedominannya dalam komunikasi warkah sosial ini berbanding dengan subjenis yang lain. Tambahan pula, kehadiran modaliti dan metafora lebih mudah dikenal pasti dalam wacana warkah sosial yang berbahasa Melayu klasik. Dalam warkah sosial Melayu, lakuan bahasa yang ketara ialah tindakan performatif. Oleh itu, analisis modaliti berketepatan untuk memahami bentuk sikap pengirim terhadap darjah hubungan sosial yang ingin dihasilkan dengan penerima warkah. Analisis metafora yang mentafsirkan perkataan berdasarkan hubungan satu-banyak pula memperlihatkan tindakan pewacana mempamerkan makna ideologi daripada makna harfiahnya. Fungsi metafora sebagai retorik dan manipulatif dalam penulisan warkah sarana terbaik mempengaruhi individu atau kelompok tertentu yang berkaitan dengan kelangsungan warkah. Di samping itu, penghuraian bahasa oleh Asmah Haji Omar (2009), Nik Safiah Karim et.al. (2008) dan model kamus menjadi rujukan utama untuk menghuraikan modaliti dan metafora.

Seterusnya, proses terakhir melibatkan penulisan dapatan analisis. Dapatan dianalisis dan diinterpretasikan mengikut unit catatan seperti yang telah ditetapkan. Huraian bagi setiap penganalisan data dibincangkan dalam tiga bab dapatan utama. Dapatan untuk struktur teks dibincangkan dalam bab tiga, manakala dapatan kohesi pula diperlihatkan secara mendalam dalam bab empat. Dapatan nahu modaliti dan leksikalisasi metafora diperjelas dalam bab lima.

2.2 Kerangka Teori

Kajian ini satu usaha untuk menerapkan kerangka analisis wacana yang dianjurkan oleh Fairclough (1992&1995) dengan tumpuan khusus terhadap aspek tekstual yang tersemat dalam wacana warkah sosial Melayu. Dengan pendekatan *critical discourse analysis* (CDA), pada asasnya beliau berhasrat untuk menyediakan sebuah teori dan metod untuk kajian kebahasaan. Kerangka tersebut meninjau secara empirikal hubungan antara wacana dan peranan sosial yang melingkungi sesebuah wacana yang dikenali sebagai pendekatan Konsepsi Wacana Tiga Dimensi (*Three Dimensional Conception of Discourse*). Yang berikut akan dijelaskan lebih lanjut tentang pendekatan analisis wacana tiga dimensi yang diaplikasikan dalam kajian warkah sosial Melayu ini.

2.2.1 Analisis Konseptual Wacana Tiga Dimensi (*Three Dimensional Conception of Discourse*) oleh Fairclough (1992)

Fairclough (1992, p. 62) menggunakan istilah wacana yang sinonim oleh pengkaji linguistik untuk membicarakan banyak istilah seperti penggunaan bahasa (*language use*), parole, dan pelaksanaan (*performance*). Menurutnya, wacana ialah penggunaan bahasa lisan atau tulisan dan diperluas agar meliputi segala amalan semiotik (amalan yang memberikan makna tertentu) seperti fotografi dan komunikasi nonverbal (Fairclough, 1995, p. 54). Pernyataan tersebut dicetuskan kerana hasrat beliau melahirkan sebuah teori sosial kebahasaan yang berupaya untuk menggabungkan kaedah analisis wacana yang berlandaskan linguistik dan pemikiran sosial. Fairclough (1992, p. 63-64) juga melabelkan wacana sebagai bentuk praktis sosial dan bukannya semata-mata melibatkan aktiviti individu atau menggambarkan tindak balas angkubah situasi. Wacana haruslah dilihat dengan praktis sosial kerana wacana satu cara tindakan, iaitu manusia berkemungkinan akan melakukan tindakan kepada orang lain untuk menunjukkan representasinya. Terdapat pertalian dialektikal antara wacana dan struktur

sosial seperti hubungan antara praktis sosial dan struktur sosial. Hubungan ini memperlihatkan peranan struktur sosial sebagai syarat dan dampak bagi amalan wacana yang dihasilkan.

Bertitik tolak daripada kenyataan tersebut, beliau menegaskan bahawa analisis wacana ialah usaha yang dilakukan untuk melihat teks berfungsi dalam praktis sosiobudaya. Untuk merealisasikannya, analisis haruslah mementingkan bentuk tekstual, struktur, dan pengorganisasian pada semua aras, iaitu aspek fonologi, nahu, leksikalisasi serta organisasi teks yang merangkumi sistem pertukaran (ambil giliran), struktur generik, dan struktur argumentasi. Dalam erti kata lain, Fairclough (1992, p. 64) beranggapan bahawa wacana merupakan satu bentuk dan kekangan oleh struktur sosial yang bersifat secara langsung atau tidak langsung menerusi norma-norma dan persetujuannya sendiri seperti hubungan, identiti, dan institusi yang menjadi sandarannya. Wacana sebagai praktis yang bukan hanya memperkenalkan dunia tetapi juga berfungsi sebagai menandakan dunia, membentuk, dan membina dunia dalam makna.

Lantaran itu, beliau berpandangan bahawa terdapat tiga aspek yang selalunya merangka sesebuah wacana, antaranya:


- i. identiti sosial subjek atau pemeran, kedudukan subjek dan jenis sendiri,
- ii. hubungan antara manusia, dan
- iii. sistem pengetahuan dan kepercayaan

Ketiga-tiga aspek tersebut dengan tiga fungsi bahasa dan dimensi makna dapat diwujudkan dan saling berhubungan dalam kesemua wacana menerusi peranan identiti, hubungan (*relational*), dan ideasional. Menurut beliau lagi, “fungsi identiti” berkaitan dengan cara sesebuah identiti sosial dibentuk dalam wacana. Azhar Sabil (2012, p. 68) menjelaskan bahawa fungsi identiti merujuk pengguna atau pemeran yang menzahirkan identiti secara langsung atau tidak langsung dengan menggunakan kata ganti nama atau kata sapaan yang telah sedia ada dalam komuniti sosial. Secara tidak langsung, taraf atau kedudukan sosialnya dapat dikenal pasti. Fungsi “hubungan” pula merujuk cara hubungan sosial antara pemeran dalam wacana dilakukan dan dikendalikan. “Fungsi ideasional” pula memerihalkan cara teks menggambarkan dunia dan prosesnya, entiti dan hubungan. Menurut beliau, fungsi identiti dan fungsi hubungan tersebut boleh terangkum bersama-sama dengan pendekatan fungsi interpersonal oleh Halliday (1978).

Walau bagaimanapun, Fairclough (1992, p. 65) telah menambah satu lagi fungsi wacana, iaitu fungsi tekstual seperti yang dianjurkan oleh Halliday. Fungsi tekstual menitikberatkan cara sesuatu maklumat yang tersurat dan tersirat, maklumat yang lama atau dipersembahkan sebagai unsur baharu, memetik topik atau tema, cara sebahagian teks dihubungkan untuk mendahului dan mengikuti sebahagian teks yang lain dan perihal situasi sosial yang berada “di luar” teks. Fairclough (1992, p. 69) menegaskan sekali lagi bahawa wacana harus dihasilkan dengan mengambil kira proses sosial yang mendasarinya. Oleh itu, analisis wacana menurut beliau haruslah melihat penggunaan bahasa dari dua sudut yang berbeza. Yang pertama dilihat menerusi faktor sosial seperti kuasa, ideologi, dan amalan. Yang kedua daripada cara atau amalan wacana tersebut memberikan impak kepada identiti, hubungan sosial, pengetahuan, dan kepercayaan khalayak.

Untuk mencapai matlamatnya, Fairclough (1992, p. 72) telah memperkenalkan sebuah pendekatan universal untuk menghuraikan wacana dari pelbagai sudut pemerhatian yang dikenali sebagai Pendekatan Konsepsi Wacana Tiga Dimensi. Menerusi pendekatan ini, beliau membuat percubaan membawa tiga tradisi analitikal, iaitu setiap satunya saling memerlukan dalam tujuan analisis wacana (lihat rajah 2.1). Menurut Fairclough (1995, p. 97), yang dimaksudkan dengan wacana tiga dimensi ialah sebarang wacana mestilah dianalisis secara bersepadu dan serentak menerusi:

- i. teks wacana, lisan dan tulisan,
- ii. amalan wacana (berkaitan dengan proses penghasilan, penyebaran dan penggunaan teks),
- iii. praktis sosial



Rajah 2.1: Model Konsepsi Wacana Tiga Dimensi Fairclough (1992)
(Sumber: Dipetik dan diubah suai daripada Fairclough (1992, p. 73))


Menurut beliau lagi, wacana tiga dimensi tersebut juga dihubungkan secara langsung dengan kaedah analisis wacana tiga dimensi. Kaedah analisis wacana ini melibatkan tiga aras yang sejajar dengan wacana tiga dimensi seperti yang disebutkan di atas, iaitu:

Jadual 2.1: Aras Analisis Wacana Tiga Dimensi Fairclough (1992:1995)

Dimensi Wacana	Analisis Dimensi Wacana
Teks	Aspek pemerihalan tentang teks (berkaitan dengan struktur teks, kohesi, nahu, dan leksikal)
Amalan Wacana	Aspek pentafsiran hubungan antara proses wacana dan teks (berkaitan dengan proses penghasilan, penyebaran, dan penggunaan wacana)
Praktis Sosial	Aspek penjelasan hubungan antara proses wacana dan proses sosial (berkaitan dengan pelbagai situasi yang berorientasikan politik, ekonomi, kepercayaan, falsafah, dan seumpamanya)

(Sumber: Dipetik dan diubahsuaikan daripada Fairclough (1995, p. 97)

Penjelasan tentang konsep wacana tiga dimensi dan kaedah analisis wacana tiga dimensi boleh dipersembahkan dan digambarkan secara grafik melalui rajah di bawah:



Rajah 2.2: Pendekatan Analisis Wacana Tiga Dimensi Fairclough

(Sumber: Fairclough, 1992, p. 73 & 1995, p. 98)

Melalui rajah yang dikemukakan oleh Fairclough di atas, dapat dilihat bahawa amalan wacana berfungsi sebagai perantara perkaitan dialektikal antara teks dan praktis sosial. Oleh itu, terdapat tiga proses bagi analisis wacana tiga dimensi yang terlibat, iaitu pemerihaln, pentafsiran, dan penjelasan. Pemerihaln untuk memberikan gambaran tentang istilah “apa” tentang wacana. Teks merujuk penghasilan bahasa daripada proses wacana sama ada yang terdiri daripada lisan mahupun tulisan (Fairclough, 1995, p. 96). Aspek pemerihaln pula memainkan peranan penting dalam usaha merungkai dan mengeluarkan bentuk-bentuk yang mendasari sesebuah pembinaan teks.

Seterusnya, aras pentafsiran bertujuan untuk menjawab persoalan “bagaimana”. Aras ini berkaitan secara langsung dengan cara wacana tersebut dihasilkan, disebarkan, dan digunakan dalam khalayak pengguna wacana. Dalam erti kata lain, proses wacana yang hendak dijalankan haruslah mengambil kira aspek sosiokognitif penghasilan dan interpretasi teks. Proses penghasilan, penyebaran, dan penggunaan menggambarkan cara analisis amalan wacana. Aras penjelasan pula memperlihatkan sesebuah wacana untuk menjawab persoalan “mengapa”. Terdapat beberapa faktor yang mendorong sesebuah wacana diaplikasikan dalam masyarakat penggunaanya. Mengikut Fairclough (1995, p. 134), sesebuah wacana haruslah dianalisis dalam pelbagai aras organisasi sosial. Misalnya, berdasarkan konteks situasi, konteks sosial, konteks institusi, dan konteks budaya yang luas. Oleh sebab itulah, amalan wacana dan praktis sosial perlu dianalisis secara bersepadu untuk memberikan penjelasan holistik tentang objektif yang benar-benar tepat bagi penghasilan sesebuah wacana.

Berdasarkan penerangan di atas, dapat disimpulkan bahawa analisis wacana menurut Fairclough (1992) perlu dilakukan pada tiga aras utama, iaitu pada aras dimensi tekstual, dimensi amalan wacana, dan dimensi praktis sosial. Hal ini adalah untuk mendapatkan suatu gambaran penggunaan bahasa dalam skop yang lebih luas. Yang berikut akan diperjelas secara terperinci tentang ketiga-tiga dimensi tersebut.

2.2.1.1 Dimensi Analisis Tekstual

Dimensi analisis wacana yang pertama ialah analisis dimensi tekstual. Teks dihasilkan daripada proses diskursif sama ada secara lisan atau bertulis yang mampu melahirkan potensi makna. Makna secara umumnya bersifat heterogen, sebuah kelainan yang kompleks, saling bertindan, dan kadangkalanya mempunyai makna kontradiksi. Oleh itu, teks mempunyai sifat yang berbelah bahagi dan terbuka kepada interpretasi yang pelbagai. Pentafsir kebiasaannya akan mengurangkan kebarangkalian yang berlainan pendapat dengan memilih makna yang khusus atau satu set kecil makna alternatif. Seseorang penyelidik boleh menggunakan kedua-dua makna untuk sebarang kemungkinan pembentukan dan untuk makna yang lahir daripada interpretasi (Fairclough, 1992, p. 75).

Tambahnya lagi, analisis teks juga sebagai suatu proses untuk memerihalkan atau menghuraikan bentuk dan makna teks yang dilakukan pada tahap mikro amalan wacana. Secara amnya juga, analisis teks ini menggambarkan suatu proses jalinan makna ideasional, interpersonal, dan teks yang sering kali dikaitkan persamaannya dengan pendekatan oleh Fairclough (1992) sendiri. Analisis ini untuk melihat fungsi bahasa atau wacana dari sudut identiti, hubungan, dan ideasional seperti yang dibincangkan sebelum ini.

Lantaran itu, beliau telah mengemukakan empat bentuk atau sifat tekal teks yang boleh dimanfaatkan untuk tujuan analisis, iaitu struktur teks, kohesi, nahu, dan leksikalisasi. Menurut beliau, struktur teks lazimnya dikaitkan dengan organisasi berskala besar yang dimiliki oleh sesebuah teks. Unsur kohesi pula dapat dikaitkan dengan cara klausa dan ayat dihubungkan untuk menimbulkan satu kesinambungan. Unsur nahu pula melihat cara penggabungan perkataan yang akhirnya membentuk klausa dan ayat. Sebaliknya, unsur leksikalisasi pula selalunya berkaitan dengan penggunaan kata-kata khusus yang bertujuan untuk mentafsirkan identiti seseorang pewacana. Seterusnya, akan diperjelas di bawah ini setiap kupasan aspek tekstual, iaitu struktur teks, kohesi, nahu, dan leksikalisasi.

(a) Struktur Teks

Yang dimaksudkan dengan analisis struktur teks ialah cara menghuraikan pembinaan sesebuah teks. Menurut Fairclough (1992, p.77), struktur teks menitikberatkan “seni bina” teks dengan kaedah tertentu yang menggabungkan beberapa elemen atau siri tertentu untuk membentuk wacana. Pernyataan tersebut dapat dilihat daripada petikan di bawah:

‘Text structure’... also concerns the architecture of texts, and specifically higher-level design features of different types of texts: what elements or episodes are combined in what ways and what orders to constitute...

(Fairclough, 1992, p. 77)

Idris Aman (2006, p. 76) pula menggunakan istilah struktur generik untuk merujuk sifat wacana. Struktur generik memberikan tumpuan kepada elemen-elemen atau bahagian-bahagian yang membentuk dan menghuraikan wacana atau teks. Menurutnya lagi, struktur generik ini memberikan pemahaman tentang sistem pengetahuan dan kepercayaan dalam sesebuah wacana yang boleh dihuraikan secara empirikal. Daripada analisis struktur teks, hubungan sosial dan identiti sosial dalam struktur teks juga mampu dirungkaikan. Menurut Fairclough lagi (1992, p. 234), analisis struktur teks merungkaikan cara sesuatu topik itu diperkenalkan, diperkembang, dan dipertahankan. Analisis juga dapat menentukan individu atau cara tertentu yang mampu memaparkan sesuatu agenda dalam teks. Bagi wacana yang berorientasikan dialog, analisis struktur mementingkan pemahaman tentang kawalan komunikasi. Kawalan atau kendala itu merangkumi pihak yang mengawal komunikasi, ambil giliran yang wujud, dan struktur pertukaran dalam wacana tersebut.

Oleh itu, untuk menelusuri aras pentafsiran sesebuah wacana, hendaklah terlebih dahulu dianalisis komponen binaan atau struktur generik yang mendasari sesebuah teks yang dihasilkan. Setiap genre teks mempunyai strukturnya yang tersendiri dan memperlihatkan variasi antara satu teks dengan teks yang lain. Ab. Razak Ab. Karim (1998) mendapati bahawa dalam kajian wacana warkah Melayu, sesepucuk warkah yang dihantar mempunyai binaan atau struktur yang telah ditetapkan ataupun menjadi panduan utama. Menurutnya, dalam warkah sosial Melayu, ada enam komponen struktur yang mendasarinya, iaitu kepala surat, cap, kata puji-pujian, isi atau kandungan warkah, prapenutup, dan penutup. Walaupun Fairclough (1992) tidak membincangkan secara mendalam tentang analisis struktur teks dalam penulisannya, namun baginya, struktur teks berkaitan dengan skala besar organisasi yang dimiliki oleh teks.

(b) Kohesi

Kohesi satu unsur teks yang bertujuan untuk memperlihatkan cara klausa dihubungkan dengan klausa yang lain untuk membentuk ayat dan cara ayat dijalin untuk membentuk unit-unit teks yang lebih besar. Jalinan tersebut boleh dicapai dengan pelbagai cara, antaranya melalui penggunaan unsur leksikalisasi daripada bidang makna yang sama, pengulangan kata, penggunaan sinonim hampir, perujukan, penggantian (kata ganti nama, kata sandang pasti, pengguguran kata sama, dan kata penunjuk), dan kata penghubung (Fairclough, 1992, p. 77). Maklumat-maklumat yang berkaitan dengan jalinan ini relevan untuk menghuraikan penggunaan pendekatan mod retorik sesebuah teks oleh pewacana sama ada berbentuk ekspositori, naratif, argumentatif, pemujukan atau penghujahan. Menurut Fairclough:

These schemata and particular aspects of them such as argumentative structure of texts, vary across discourse types, and it is interesting to explore such variations as evidence of different modes of rationality, and changes in modes of rationality as discourse practices change. At one level analysis of cohesion focuses upon functional relations between clauses, and can be used to investigate such rhetorical schemata in various types of text.

(Fairclough, 1992, p.77)

Menurutnya lagi, untuk memperoleh suatu tafsiran yang setepat mungkin tentang aspek mikro pengajian wacana, kajian wacana haruslah bersandarkan pada teori bahasa yang bersesuaian dengan situasi perbincangannya. Oleh sebab itu, kajian wacana yang diutarakan oleh Fairclough ini menyarankan penggunaan teori bahasa yang bersifat multifungsi. Oleh itu, Fairclough (1992, p. 77) mengesyorkan agar penjelasan huraian aspek kohesi menggunakan pendekatan yang pernah dibawa oleh Halliday & Hasan (1976). Menurut Fairclough (1992, p. 77) *“In looking at ‘cohesion’ (see Halliday and*

Hasan 1976; Halliday 1985), one is looking at how clauses are linked together into sentences, and how sentences are in turn linked together to form large units in texts.”

Pendekatan kohesi oleh Halliday & Hasan (1976) menerusi Komponen Tiga Makna Fungsian Bahasa melihat aspek kohesi sebagai hubungan makna yang wujud dalam wacana. Melalui hubungan ini, pelbagai bentuk ayat dan bahagian-bahagian yang mendasari sesebuah wacana dapat dihuraikan sebaik-baiknya. Halliday & Hasan (1976) yang mengaplikasikan model pertautan ini dalam kajian bahasa Inggeris mengatakan bahawa kohesi dapat diamati melalui alatan tatabahasa (*grammatical device*) dan alatan leksikal (*vocabulary device*). Seterusnya, mereka memperincikan kohesi tatabahasa kepada rujukan, penggantian, elipsis, dan penghubung manakala kohesi leksikal pula terdiri daripada pernyataan semula dan kolokasi.

(c) Nahu

Fairclough (1992, p. 75) menyatakan bahawa aspek nahu penting dalam kajian analisis wacana yang kebiasaannya dihubungkan dengan unsur klausa ataupun “ayat mudah”. Menurutnya, elemen utama klausa dikenali sebagai “kumpulan” atau “frasa” dan klausa tersebut mengalami proses penggabungan untuk membentuk ayat yang lebih kompleks. Fairclough (1992, p. 75) menjelaskan bahawa unsur nahu atau klausa bersifat multifungsi. Hal ini dikatakan demikian kerana unsur tersebut kombinasi daripada fungsi ideasional, interpersonal (identiti dan hubungan), dan makna tekstual yang berperanan untuk menyerlahkan kewibawaan pewacana.

Perkara yang sama juga diutarakan oleh Halliday (1985, p. 30) menerusi kenyataannya, iaitu “*is a more advanced account of a form of grammar particularly useful in discourse analysis.*” Menurutnya lagi, analisis teks yang tidak bersandarkan

pada aspek nahu hanya sebagai ulasan terhadap teks semata-mata sekiranya terdapat individu yang mengabaikan peranan nahu dalamnya. Untuk tujuan itu, Fairclough (1992, p. 75) menyatakan bahawa penghuraian aspek nahu melibatkan tiga elemen utama, iaitu ketransitifan, tema, dan modaliti.

i. Ketransitifan

Ketransitifan ialah klausa yang dihasilkan dalam sesebuah wacana yang berperanan untuk melihat aliran proses dan pemeran tertentu yang dominan diaplikasikan. Unsur ketransitifan juga meneliti apa-apa pilihan klausa yang digunakan atau digemari sama ada klausa aktif ataupun klausa pasif yang sekali gus memperlihatkan fungsi ideasional bahasa. Di samping itu, unsur ini juga untuk meninjau kesignifikanan proses nominalisasi. Secara tidak langsung, tumpuan utama yang akan diberikan ialah soal pelaku (subjek), unsur yang hendak ditegaskan, dan alasan-alasan penanggungjawaban.

ii. Tema

Pemerihalan dari aspek tema pula untuk melihat struktur tematik dalam sesebuah teks. Analisis terhadap struktur tematik diandaikan dapat menjelaskan struktur pengetahuan dan amalan sosial yang melatarinya. Selain itu, aspek tema ini juga diilhamkan untuk menentukan kehadiran tema bertanda yang lebih kerap. Jikalau ada, diuraikan pula faktor atau motivasi kehadirannya. Menerusi pemerihalan tema ini, fungsi tekstual bahasa dapat dihubungkan dengan sejasnya. Menurut Halliday (1985, p. 38), tema boleh bertindak sebagai elemen yang berperanan sebagai titik tolak daripada mesej tersebut (*point of departure of the message*), iaitu yang lazimnya berkaitan dengan klausa sebagai struktur mesej. Klausa itu terdiri daripada tema dan rema dan tema diletakkan pada bahagian pertama.

iii. Modaliti

Fungsi interpersonal bahasa atau wacana dapat pula dihuraikan melalui aspek modaliti. Modaliti manifestasi darjah kemesraan dalam konteks hubungan sosial antara pewacana dan khalayak. Menurut Idris Aman (2006, p. 159), modaliti tentang kepelbagaian sikap atau perasaan pewacana terhadap teks atau wacana yang dihasilkan seperti komitmen, kebenaran, kesungguhan, pengesahan, keyakinan, kepastian, dan sebagainya. Melalui penggunaan modaliti tertentu, sikap atau kuasa sesuatu ujaran dapat mentafsirkan hubungan sosial yang wujud. Oleh yang demikian, yang menjadi tumpuan ialah jenis modaliti yang kerap diaplikasikan sama ada modaliti tersebut bersifat subjektif atau objektif (Fairclough, 1992, p. 236).

Menurut Idris Aman (2006, p. 160) lagi, huraian modaliti bahasa Melayu kurang menonjolkan makna interpersonal. Misalnya, huraian modaliti oleh Asmah Haji Omar (2009) hanya menjelaskan penggunaan unsur modaliti berasaskan ciri suasana kepada perbuatan atau keadaan yang dirujuk oleh kata kerja leksikal. Suasana atau situasi yang dinyatakan oleh Asmah Haji Omar (2009) ialah aspek ideasional modaliti tetapi masih lagi mempunyai perkaitan dengan sikap yang ingin diutarakan oleh seseorang pewacana. Asmah Haji Omar (2009, p. 126-130) membahagikan modaliti kepada sepuluh, iaitu kehendak (hendak, mahu), keupayaan atau keizinan (boleh, dapat), kemestian (mesti, wajib, harus), kebarangkalian atau kemungkinan (mungkin), keengganan (enggan), dan keperluan (perlu).

Fairclough (1992, p. 236) menegaskan fungsi interpersonal dan ideasional modaliti bermula dengan mengenal pasti kedominan jenis modaliti yang dimanfaatkan pengirim warkah. Cara tersebut akan dapat memberikan gambaran sikap atau perasaan menerusi penggunaan modaliti tertentu. Seterusnya, jenis modaliti itu akan dikaitkan

dan diinterpretasikan dengan derajat hubungan sosial yang wujud antara pengirim dan penerima warkah yang mempengaruhi kelangsungan wacana yang dihasilkan.

(d) Leksikalisasi

Analisis aspek leksikalisasi biasanya dihubungkan dengan fungsi ideasional bahasa. Menurut Fairclough (1992, p. 77), leksikalisasi satu proses “memberikan kata” kepada dunia yang berlaku secara berlainan dalam waktu dan tempat yang berlainan dan ditujukan kepada kelompok manusia yang berlainan. Dalam erti kata lain, satu perkataan boleh merujuk banyak makna dan banyak kata boleh melambangkan satu makna. Oleh itu, analisis leksikalisasi mengandaikan bahawa teks yang berbeza motif atau jenis akan menerapkan unsur leksikal yang bervariasi. Antara yang diberikan perhatian dalam kerangka analisis ini ialah kehadiran kata alternatif yang dapat dikaitkan dengan signifikan politikal dan ideologi, kata yang digunakan secara berlebihan (*overwording*), metafora, dan makna kata (*word meaning*) atau kata kunci (Fairclough, 1992, p. 185-198).

i. Kata Alternatif

Menurut Fairclough (1992, p. 190-191), kebiasaannya akan wujud alternatif untuk menandakan pemberian makna khususnya terhadap domain pengalaman, iaitu tafsiran daripada kebiasaan teoretikal, kebudayaan atau perspektif ideologi. Menurutnya lagi, perbezaan perspektif terhadap domain-domain pengalaman sekali gus berupaya untuk mempengaruhi perbezaan cara memperkatakannya. Oleh hal yang demikian, kata alternatif merujuk cara pewacana memperkatakan sesuatu makna, iaitu banyak perkataan boleh diaplikasikan untuk menjelaskan dan memaksudkan satu makna (Idris Aman, 2006, p. 202).

ii. Kata Berlebih-lebihan

Pengaplikasian kata berlebih-lebihan khususnya yang memiliki makna yang sama atau hampir sama dalam sesebuah ayat atau perenggan menyebabkan maknanya menjadi bertindan lapis (Idris Aman & Maserah Shabudin, 2012, p. 811). Kata berlebih-lebihan ini boleh diandaikan sebagai kata yang mempunyai darjah makna yang luar biasa tingginya, iaitu melibatkan banyak kata yang menjurus sinonim hampir (Fairclough, 2001, p. 96). Beliau menegaskan bahawa penerapan unsur ini dalam wacana berperanan untuk mengesan hubungan makna yang bersignifikan secara ideologi kesan daripada penggunaan kaedah leksikal ini.

iii. Metafora

Secara tradisinya, metafora sering berlegar-legar dalam kategori bahasa figuratif, iaitu makna yang lebih abstrak daripada makna biasanya atau dijelaskan secara kiasan. Kehadiran metafora dalam wacana merupakan perkara lumrah, lantaran metafora yang memanipulasikan penggunaan kata lazimnya terkandung dalam semua jenis bahasa dan wacana. Penggunaan metafora dalam wacana memberikan pertimbangan kepada pewacana untuk mengorganisasikan cara berfikir, bertindak, menggambarkan sistem kepercayaan, dan pengetahuan secara fundamental (Fairclough, 1992, p. 194). Menurutnya lagi, metafora merupakan kunci cara pewacana merepresentasi sebuah realiti dan membezakannya dengan elemen yang lain. Metafora dalam pengajian wacana bukan hanya memperlihatkan dandanan stilistik atau keindahan sastera semata-mata. Sebaliknya, juga boleh bertindak menentukan sama ada realiti itu dimaknai dan dikategorikan sebagai positif atau negatif.

iv. Makna Kata atau Kata Kunci

Tumpuan makna kata menunjangi cara sesuatu makna perkataan yang hadir dalam lingkungan perbahasan yang lebih luas, iaitu cara menstrukturkan hubungan antara perkataan dan makna perkataan yang membentuk hegemoni (Fairclough, 1992, p. 77). Dengan erti yang lebih mudah, analisis melalui makna kata ini mementingkan pentafsiran kata melibatkan hubungan satu-banyak atau satu kata boleh merangkumi makna yang banyak (Idris Aman, 2006, p. 192). Hal ini bermaksud kata yang diaplikasikan oleh pewacana mempunyai makna yang fleksibel untuk merujuk bidang atau situasi yang secara langsung berbeza daripada makna literal kata tersebut. Pemanipulasian makna kata tersebut juga menyerlahkan kewibawaan cara berfikir pewacana menginterpretasikan wacananya.

Sememangnya, wujud makna kata yang tidak stabil dari segi makna kesan daripada perubahan makna yang berlaku. Atas alasan inilah, Fairclough (1992) mengesyorkan model gantian, yakni melihat potensi makna kata kunci berasaskan teksnya. Model kamus juga boleh dimanfaatkan untuk melihat potensi makna kata yang berkaitan untuk dihubungkannya dengan pemikiran dan idea yang dihasilkan oleh pewacana (dipetik dalam Idris Aman, 2006, p. 192).

2.2.1.2 Dimensi Analisis Amalan Wacana

Amalan wacana (*discursive practice*) seperti yang telah dinyatakan sebelum ini ialah proses tentang penghasilan, penyebaran dan penggunaan teks. Dalam erti kata lain, analisis dilakukan untuk memahami cara wacana tersebut dihasilkan, disebarkan, dan digunakan. Menurut Fairclough (1992, p. 78), pentafsiran proses-proses tersebut juga berbeza antara jenis wacana berdasarkan faktor sosial. Hal ini bermaksud teks atau wacana dihasilkan dengan kaedah spesifik dalam konteks yang kompleks. Menurut

beliau lagi, analisis amalan wacana melibatkan analisis wacana pada aras makro yang mempunyai kaitan secara terus terhadap binaan sesebuah wacana. Yang berikut dihuraikan secara mendalam setiap proses amalan wacana yang merangkumi proses penghasilan wacana, proses penyebaran wacana, dan proses penggunaan wacana.

(a) Proses Penghasilan Wacana

Analisis proses penghasilan wacana berkaitan dengan kaedah reproduksi. Analisis proses penghasilan wacana ini boleh ditelusuri melalui pengaplikasian kaedah intertekstualiti dan interdiskursiviti.

i. Intertekstualiti

Proses intertekstualiti suatu keadaan yang memperlihatkan penyerapan teks dan binaan teks daripada teks yang lain (Fairclough, 1992, p. 93). Dalam erti kata lain, intertekstualiti ialah cara pewacana memanfaatkan teks-teks khusus yang lain dalam penghasilan sebuah teks yang baharu. Dengan cara ini, sesebuah wacana bersifat mapan hasil daripada kepelbagaian teks yang mendasari penghasilan wacana tersebut. Menurut Fairclough (1992, p. 84-85), intertekstualiti pada dasarnya boleh diaplikasikan dalam tiga aras amalan wacana yang menonjolkan peranannya yang tersendiri. Misalnya, pada aras penghasilan, intertekstualiti berfungsi untuk menghuraikan tentang persejarahan teks (*historical text*). Pada aras penyebarannya pula, intertekstualiti meneroka rangkaian pergerakan teks dan perubahan sesebuah teks kepada teks yang lain. Sebaliknya, pada aras penggunaannya, intertekstualiti membantu pentafsir menegaskan apa-apa jua teks lain dalam proses pentafsirannya.

Berdasarkan pandangan Fairclough (1992, p. 117-123), intertekstualiti boleh digambarkan melalui kaedah representasi wacana, kaedah praandaian, kaedah penafian, kaedah ironi, dan kaedah metawacana. Yang berikut diperjelas huraian kelima-lima kaedah melalui intertekstualiti:

- i. Representasi wacana kaedah yang memperlihatkan sesuatu ujaran dilaporkan dan cara penggunaan petikan lain dalam teks atau wacana yang diperkatakan.
- ii. Praandaian kaedah menyatakan maklumat lama (*given*) oleh penghasil wacana dan maklumat tersebut dianggap telah dikuasai oleh khalayak wacana sama ada pendengar atau pembaca.
- iii. Penafian kaedah menggunakan ayat-ayat berbentuk negatif (*negative statement/ sentences*) untuk menimbulkan pedebatan atau polemik dalam wacana.
- iv. Ironi cara pewacana menghasilkan ujaran atau teks lain untuk mendukung makna bertentangan yang lazimnya berbaur negatif.
- v. Metawacana (*metadiscourse*) cara pewacana membezakan aras yang berlainan dalam teksnya. Metawacana membayangkan bahawa pewacana dalam keadaan untuk menguasai atau memanipulasi wacana yang menyebabkannya ingin berada di luar wacananya sendiri.

ii. Interdiskursiviti

Interdiskursiviti cara membentuk sesebuah teks atau wacana dengan memanfaatkan genre dan wacana lain yang berbeza dan mempunyai kaitan secara langsung terhadap intertekstualiti (Fairclough, 1995, p. 135). Idris Aman (2010, p. 108) menegaskan bahawa interdiskursiviti menonjolkan penjalinan wacana yang diperkatakan dengan wacana atau genre lain sama ada secara tunggal atau campuran. Oleh itu, unsur interdiskursiviti mengesan seandainya ada unsur kepatuhan pewacana terhadap bentuk kebiasaan (*convension*) ataupun berlakunya sebarang inovatif terhadap wacana. Wacana atau genre daripada sumber lain tersebut boleh berupa wacana yang bersifat naratif,

hortatori, prosedural, ekspositori, dan seumpamanya. Kaedah interdiskursiviti ini juga dapat menginterpretasikan dan mengesan faktor-faktor di luar teks yang dapat mempengaruhi tindak tanduk pewacana menghasilkan sebuah teks, seperti yang ditegaskan oleh Fairclough:

'animator', the person who actually makes the sounds, or the marks on the paper, author, the one who put the words together and is responsible for the wording, and principal the one whose position is represented by the words.

(Fairclough, 1992, p. 78)

(b) Proses Penyebaran Wacana

Apabila berbicara tentang penyebaran wacana, tentunya akan melibatkan medium atau landasan yang digunakan oleh pewacana untuk menyebarkan wacana kepada khalayak sama ada dalam bentuk lisan ataupun tulisan. Secara tidak langsung, pewacana mempunyai pilihan menentukan saluran yang memiliki kebolehcapaian yang tinggi agar matlamat utama wacana dapat disampaikan kepada sasarannya. Walau bagaimanapun, alat penyebaran wacana ini bergantung pada keadaan zaman wacana dihasilkan.

Idris Aman (2006, p. 80-81) menjelaskan bahawa analisis penyebaran wacana mengambil kira faktor khalayak, iaitu sama ada wacana disasarkan kepada pihak khusus (*addressee*) atau pihak yang bukan disasarkan secara langsung. Namun, pihak tersebut dapat dikaitkan sebagai sebahagian daripada pendengar atau pembaca (*hearer*). Di samping itu, analisis penyebaran ini juga merangkumi pihak yang mewakili kelompok tertentu atau secara langsung kepada individu tertentu. Menurut beliau lagi, proses penyebaran menitikberatkan sebarang proses transformasi wacana yang berlaku sehingga mampu diakses melangkaui teknologi, masa, dan bahasa.

(c) Proses Penggunaan Wacana

Idris Aman (2006, p. 81) menegaskan bahawa proses penggunaan wacana mempunyai pertalian terus dengan analisis dimensi amalan sosial (*sociocultural practice*). Analisis proses penggunaan wacana mentafsirkan kegunaan atau manfaat akan diperoleh dengan terhasilnya wacana tersebut oleh pewacana sendiri (*animator*), pihak khusus (*addressees*), pihak bukan disasarkan secara langsung tetapi dianggap sebagai sebahagian pendengar atau pembaca (*hearer*) dan pihak luar yang berkepentingan (*overhearer*) (Fairclough, 1992, p. 79-80).

2.2.1.3 Dimensi Analisis Praktis Sosial

Analisis praktis sosiobudaya (*sociocultural practice*) menekankan hubungan sosial yang berlaku di luar wacana menentukan dan mempengaruhi wacana yang dihasilkan. Hal ini bermaksud amalan praktis sosiobudaya menjelaskan faktor kekuasaan yang wujud dalam komuniti sosial berupaya untuk menaakul, menyebarkan, dan menerima sebarang ideologi dalam wacana yang dihasilkan (Fairclough, 1992, p. 86).

Oleh sebab itu, untuk menghasilkan sesebuah wacana sama ada lisan atau tulisan, pewacana haruslah menimbangkan khalayak yang terdiri daripada pelbagai latar belakang sosial untuk memastikan kebolehpasaran wacana tersebut. Seterusnya, Fairclough (1992, p. 226 & 238) menyarankan agar pewacana haruslah mengenal pasti dan menjelaskan secara logikal persoalan amalan sosial dan hubungannya dengan struktur sosial dalam wacana tersebut. Misalnya, amalan perubahan sosial, sistem nilai dan pengetahuan, hubungan, dan identiti. Dengan pengaplikasian praktis sosial ini, segala orientasi tentang nilai, ideologi (politik), kepercayaan, falsafah, dan budaya yang melingkari masyarakat pengguna wacana dapat dijelaskan secara tuntas. Atas alasan inilah, Fairclough (1995, p. 134) mengesyorkan bahawa wacana haruslah dianalisis

dalam pelbagai aras organisasi sosial. Misalnya, berdasarkan konteks situasi, konteks sosial, konteks institusi, dan konteks budaya yang luas.

Kesimpulannya, pendekatan wacana oleh Fairclough melalui model Konsepsi Wacana Tiga Dimensi menekankan kepentingan wacana sebagai praktis sosial. Hal ini dikatakan demikian kerana sesebuah wacana dapat menggambarkan cara tindakan, iaitu cara representasi pewacana ke atas dunianya. Di samping itu, wacana juga mempunyai pertalian dialektikal antara wacana dan organisasi sosial, iaitu organisasi sosial merupakan syarat dan kesan bagi amalan wacana. Bagi Fairclough (1992, p. 234), kerangka analisisnya mengesyorkan tiga cara lengkap untuk menghuraikan sifat kompleks peristiwa sosial dalam sesebuah wacana yang berupaya untuk merentasi disiplin ilmu.

Bersandarkan huraian dan penjelasan model kerangka di atas, analisis Konsepsi Tiga Dimensi Wacana oleh Fairclough (1992) pada asasnya dijadikan sebagai model utama kajian. Walaupun model wacana Fairclough bersifat kritis, iaitu melibatkan tiga rangkaian dimensi yang saling berkaitan seperti dimensi tekstual, amalan wacana, dan praktis sosial. Namun, bagi konteks atau keperluan kajian ini, kajian hanya meninjau fenomena bahasa secara jernih (*linguistics proper*) atau wacana bukan kritis. Wacana bukan kritis cenderung melihat bahasa sebagai telus atau satu sudut tanpa mengambil kira kepadatan proses atau faktor sosial dalam wacana yang dihasilkan (Idris Aman, 2001, p. 42).

Penganalisan 21 pucuk warkah sosial abad ke-17 hingga abad ke-19 dari aspek tekstual penting kerana mampu memerihalkan pembentukan dan makna teks yang dapat memanipulasi dan mempengaruhi tindak balas khalayak terhadap warkah yang

diutuskan. Hal ini dikatakan demikian kerana analisis tekstual dapat memperlihatkan kesan performatif dan kesan ideologi yang wujud dalam warkah. Analisis tekstual secara serentak mewakili aspek dunia komunikasi, memanifestasikan hubungan sosial antara pemeran terlibat, menggambarkan sikap, dan secara kohesifnya menghubungkan antara bahagian teks dan menghubungkan teks dengan konteks situasi. Kesemua ciri tersebut dapat diperihalkan oleh peranan struktur teks, kohesi, nahu, dan leksikalisasi yang terkandung pada aras tekstual. Oleh hal yang demikian, analisis tekstual terhadap warkah dilihat sangat berketepatan kerana kesemua aspek itu tersemat dalam wacana warkah.

Kewujudan warkah Melayu sebagai medium komunikasi yang berlingkungan antara masyarakat Melayu atau dengan pihak asing menjadi sumber penting meneroka persekitaran politik, ekonomi, sosial, peradaban, dan sejarah bagi sesebuah kerajaan pada waktu itu. Oleh sebab itu, pertimbangan dimensi tekstual penting kerana dapat menentukan potensi sesuatu perkara yang dihajatkan, selain mempengaruhi tahap kefahaman dan ketepatan makna maklumat yang ingin disampaikan menerusi warkah. Selain itu, analisis dimensi tekstual juga dapat memberikan kesan tertentu kepada maksud yang ingin disampaikan oleh pengirim warkah.

Lantaran itu, kajian ini menfokuskan dimensi tekstual sahaja, iaitu analisis yang menumpukan proses penghuraian sifat teks wacana yang merangkumi struktur teks, kohesi, nahu, dan leksikalisasi. Untuk analisis aspek nahu dan leksikalisasi, kajian hanya tertumpu terhadap unsur modaliti dan metafora memandangkan bilangan teks yang agak banyak dan wujudnya kekangan dan kesukaran untuk meneliti subjenis-subjenis yang lain. Tambahan pula, unsur modaliti dan metafora merupakan dua unsur

dominan dan lebih mudah dikenal pasti dalam komunikasi warkah sosial yang berbahasa Melayu klasik ini.

2.3 Rumusan

Bab ini menghuraikan metodologi kajian yang digunakan secara terperinci yang merangkumi kaedah penyelidikan kepustakaan dan kaedah analisis teks. Tatacara dalam kaedah analisis teks disusuri oleh pendekatan analisis data kajian sehinggalah kepada proses penganalisan data wacana dapat mengungkapkan kerencaman fenomena linguistik yang berlaku berdasarkan peristiwa komunikatif dalam warkah. Oleh itu, kerangka teori wacana kritis Konseptual Wacana Tiga Dimensi yang disarankan oleh Fairclough (1992) dijadikan sebagai kerangka asas untuk merungkaikan persoalan tekstual wacana warkah sosial Melayu.

Dengan pendekatan ini, beliau membuat percubaan membawa bersama-sama tiga tradisi analitikal, iaitu sebarang wacana dianalisis secara bersepadu yang melibatkan dimensi tekstual wacana, dimensi amalan wacana, dan dimensi praktis sosial. Walaupun model wacana Fairclough diklasifikasikan sebagai wacana kritis, iaitu analisis wacana yang boleh menyumbangkan kepada analisis sosial dan budaya yang bergabung dengan analisis tekstual. Namun, kajian wacana warkah ini bersifat bukan kritis kerana hanya menfokuskan dimensi tekstual, iaitu analisis yang menumpukan proses penghuraian sifat teks wacana seperti struktur teks, kohesi, nahu, dan leksikalisasi.

Untuk analisis aspek nahu dan leksikalisasi, kajian hanya tertumpu terhadap unsur modaliti dan metafora. Pendekatan lain juga diaplikasikan untuk menyokong tujuan penganalisan setiap dimensi tekstual tersebut, iaitu pendekatan yang dianggap bersesuaian dengan wacana warkah sosial Melayu ini. Misalnya, analisis struktur teks

menggunakan saranan Ab. Razak Ab. Karim (1998) manakala analisis kohesi menerapkan pendekatan kohesi oleh Halliday dan Hasan (1976). Pendekatan nahu Asmah Haji Omar (2009) dipraktikkan bagi tujuan analisis nahu modaliti dan model kamus pula diaplikasikan bagi analisis leksikalisasi metafora.

University of Malaya

BAB 3

STRUKTUR TEKS WARKAH-WARKAH SOSIAL

3.0 Pengenalan

Warkah sosial Melayu ialah manuskrip Melayu yang terbina dengan struktur atau generik tersendiri. Oleh sebab itu, penting dikenal pasti terlebih dahulu komponen-komponen yang mendasari pembinaan sesepucuk warkah Melayu sebagai sebuah bentuk wacana yang mantap. Lantaran itu, bab ini akan membincangkan satu unsur dimensi tekstual, iaitu struktur teks warkah-warkah sosial yang terbina daripada enam komponen utama. Komponen-komponen utama tersebut disusun mengikut urutan, iaitu dimulai dengan kepala surat, cap, kata-kata pujian, kandungan, prapenutup, dan penutup. Kesemua komponen ini akan dibincangkan secara terperinci dalam bahagian yang berikutnya. Struktur teks warkah sosial Melayu memperlihatkan perkaitan antara satu sama lain sekali gus menyerlahkan kesatuan yang dikenali sebagai genre.

3.1 Struktur Warkah Sosial

Dalam usaha mengenal pasti sesepucuk warkah yang dihasilkan, unsur komponen yang mendasarinya haruslah dirungkaikan terlebih dahulu. Langkah ini penting untuk melihat sifat autentik yang ada pada sesepucuk warkah. Hal ini seperti yang dinyatakan oleh Ab.

Razak Ab. Karim (2006c, p. 2):

Secara umumnya, sepucuk warkah yang dihantar kepada seseorang penerima mestilah mempunyai binaan atau struktur yang telah ditetapkan ataupun menjadi panduan. Panduan inilah yang akan menjadi ikutan dan juga pegangan kepada pengirim surat disebabkan orang yang menerima surat berkemungkinan mempunyai peranan

status ataupun lebih tinggi statusnya berbanding pengirim surat tersebut. Pada zaman dahulu, stratifikasi sosial yang terdapat dalam masyarakat Melayu klasik begitu tegar dan perkara ini juga telah mempengaruhi penulisan surat-surat zaman tersebut.

Sehubungan dengan itu, Gallop (1994, p. 33) telah mendokumentasikan beberapa adat istiadat utama yang melibatkan upacara perutusan sesepucuk warkah Melayu secara umum. Menurut beliau, adat istiadat surat-menyurat Melayu melalui banyak pemeringkatannya dan bersifat kompleks. Adat tersebut bermula dengan pemilihan sehelai kertas yang sesuai dan hanya akan berakhir apabila surat tersebut dibacakan di hadapan orang yang ditujukannya. Beliau menyatakan bahawa setiap adab tersebut merangkumi sepuluh unsur, iaitu:

- 1.Reka bentuk dan hiasan
- 2.Cap mohor
- 3.Kepala surat
- 4.Kata-kata pujian
- 5.Kandungan
- 6.Hadiah
- 7.Penutup
- 8.Alat
- 9.Utusan
- 10.Adab mengiring surat

Meskipun begitu, beliau beranggapan bahawa komponen atau tatacara surat-menyurat ini bukanlah bersifat mutlak. Hal ini dikatakan demikian kerana komponen ini boleh diperluas atau diringkaskan cirinya berdasarkan keperluan pengirim dan tujuan urusan surat-menyurat. Oleh itu, bagi perincian yang khusus bagi tujuan menghuraikan struktur warkah sosial Melayu, pandangan Ab. Razak Ab. Karim (1998) digunakan sebagai rujukan utama. Namun begitu, beliau tidak mengambil kira aspek reka bentuk dan hiasan, hadiah, sampul surat, utusan, dan adat mengiring surat seperti yang diutarakan Gallop (1994). Hal ini dikatakan demikian kerana aspek tersebut tidak relevan dengan kajiannya yang lebih tertumpu terhadap bentuk-bentuk bahasa dalam warkah Melayu sebagai sebuah genre. Secara umumnya, struktur warkah sosial Melayu terdiri daripada enam komponen utama (Ab. Razak Ab. Karim, 1998, p. 70) seperti yang kelihatan di bawah:

1. Kepala Surat
2. Cap
3. Kata Puji-pujian
4. Kandungan warkah
5. Prapenutup
6. Penutup

Lazimnya, keenam-enam komponen ini menjadi panduan dan rujukan utama bagi pengkaji-pengkaji warkah untuk menentukan struktur sesepucuk warkah sosial Melayu. Oleh hal yang demikian, berdasarkan 21 pucuk warkah kajian, didapati bahawa warkah-warkah tersebut memiliki persamaan dan keseragaman dari segi susunan komponen seperti yang diutarakan oleh Ab. Razak Ab. Karim (1998) tentang struktur warkah

sosial Melayu. Kesemua komponen seperti kepala surat, cap, kata-kata pujian, kandungan, prapenutup, dan penutup diaplikasikan dengan sebaik-baik mungkin dalam warkah-warkah kajian.

Walaupun terdapat beberapa pucuk surat yang dikarang di luar daripada kebiasaannya, namun variasi yang wujud pada surat tersebut masih lagi utuh dan relevan sebagai warkah sosial. Hal ini dikatakan demikian kerana warkah-warkah tersebut masih mempunyai komponen utama yang membentuknya. Di samping itu, terdapat sekurang-kurangnya enam pemeran yang terlibat sebagai pengirim dan penerima warkah yang boleh dicerakinkan seperti yang berikut:

1. Sultan Melayu dengan Pegawai Inggeris
2. Sultan Melayu dengan Pegawai Belanda
3. Kerabat diraja dengan Pegawai Inggeris
4. Pembesar dengan Pegawai Belanda
5. Saudagar dengan Pegawai Inggeris
6. Pegawai Belanda dengan Sultan Melayu

Dalam kajian ini, keenam-enam komponen struktur binaan warkah sosial Melayu pada abad ke-17 hingga ke-19 berpandukan falsafah struktur seperti pandangan Ab. Razak Ab. Karim (1998). Oleh itu, yang berikut merupakan perbincangan secara mendalam dan menyeluruh setiap komponen yang menjadi tunjang kepada pembinaan struktur teks warkah-warkah sosial. Komponen tersebut ialah kepala surat, cap, kata-kata pujian, kandungan, prapenutup, dan penutup.

3.1.1 Kepala Surat

Kepala surat ialah unsur kelaziman utama dan terawal dalam sesepucuk warkah sosial. Pemilihan dan penggunaan komponen ini berupaya untuk mempengaruhi dan memberikan bayangan awal tentang gaya penulisan komponen lain, terutama aspek kandungan, kata-kata pujian, dan prapenutup warkah. Biasanya, kepala surat ditandai dengan kewujudan ungkapan atau frasa berbentuk kaligrafi ringkas daripada bahasa Arab. Selain itu, kepala surat juga dicorakkan dengan pelbagai motif yang mendukung gambaran tertentu kepada pengirim atau penerima warkah. Kedudukan kepala surat ini juga kebiasaannya di bahagian teratas pada sesepucuk warkah dan terletak di tengah-tengah (Ab. Razak Ab. Karim, 2006c, p. 3).

Ab. Razak Ab. Karim (2006c, p. 3) menyatakan bahawa rata-rata warkah sosial yang wujud hanya mempunyai satu kepala surat dalam surat yang sama. Walau bagaimanapun, terdapat beberapa pucuk surat yang mengaplikasikan lebih daripada satu kepala surat. Hal ini juga diperkatakan oleh Gallop (1994, p. 56) bahawa terdapat sesetengah surat yang memiliki dua kepala surat dalam surat yang sama dan jarang-jarang sekali terdapat tiga kepala surat. Warkah-warkah yang melibatkan surat izin berdagang, titah dan surat tauliah lazimnya tidak diletakkan kepala surat. Di samping itu, pengaplikasian kepala surat dalam warkah juga haruslah menitikberatkan perbezaan stratifikasi sosial antara pengirim dengan penerima warkah. Perkara ini juga diberikan penegasan oleh M. Abdul Nasir (tanpa tarikh) dalam kitab *Tarasul* yang menyatakan bahawa:

Tiap-tiap surat itu ada kepalanya dibubuh pada sebelah atas satar surat itu, tetapi masing² dengan tempatnya, karena orang itu pun masing² dengan pangkat dengan tempatnya.

Beliau juga menginterpretasikan bahawa kedudukan kepala surat dalam sesepucuk warkah membawa definisi atau konotasi yang tertentu. Misalnya, jika kepala surat tersebut di sebelah kiri bermaksud orang yang rendah pangkatnya. Di kedudukan tengah-tengah pula menggambarkan orang tersebut memiliki taraf sosial yang sama manakala kepala surat di kanan pula melibatkan warkah raja atau pembesar. Berdasarkan warkah sosial terpilih ini, kebanyakan kepala surat yang digunakan ialah ungkapan ringkas dalam bahasa Arab seperti kewujudannya dalam surat-surat Melayu yang lain. Ada surat yang menggunakan nama yang merujuk kekuasaan dan sifat Tuhan. Selain itu, ada surat yang menggunakan ungkapan biasa dan ada penulis warkah yang menggunakan ungkapan merujuk perumpamaan alam semula jadi. Penggunaan kepala surat berbahasa Arab dalam warkah kajian diperturunkan kepada tiga bahagian utama seperti yang berikut:

Ungkapan kepala surat merujuk nama dan sifat Tuhan

<i>Qawl al-Haqq</i>	(Kata-Nya yang maha benar)
<i>Ya Fattah al-qulub</i>	(Hai Yang maha membuka segala hati)
<i>Qawluh al-Haqq wa kalamuh al-sidq</i>	(Kata-Nya yang maha benar dan ucapan-Nya tulus)
<i>Qawluh al-Haqq</i>	(Perkataan-Nya yang maha benar)
<i>Ya qadi al-hajat</i>	(Hai yang menimbangkan segala maksud)

Ungkapan kepala surat merujuk kata-kata biasa

<i>Al-mustahaqq</i>	(yang mustahak)
---------------------	-----------------

Ungkapan kepala surat merujuk perumpamaan alam semula jadi

<i>Al-shams wa-al-qamar</i>	(matahari dan bulan)
<i>Al-shams wa-al-qamar wa-al-nujum</i>	(matahari dan bulan dan bintang)
<i>Nur al-shams wa-al-qamar</i>	(cahaya matahari dan bulan)
<i>Wa-al-nujum wa-al-shams wa-al-qamar</i>	(dengan bintang dan matahari dan bulan)
<i>Ya nur al-shams wa-al-qamar</i>	(hai cahaya matahari dan bulan)

(Sumber terjemahan kepala surat dipetik daripada Gallop (1994, p. 60))

Dari aspek penggunaan ungkapan-ungkapan ringkas bahasa Arab di atas, kebanyakan pemilihan kepala surat tersebut mengambil kira aspek hubungan antara pengirim dengan penerima serta matlamat warkah tersebut dihasilkan. Di samping itu, kajian ini mendapati bahawa penggunaan kepala surat ini juga bertindak sebagai suatu kaedah doa ataupun harapan semoga apa-apa yang dihajati dalam tujuan penulisan warkah itu dapat ditunaikan atau dilaksanakan oleh penerima warkah tersebut.

Penggunaan kepala surat berunsur ketuhanan, *Qawluh al-haq*, dominan dimanfaatkan dalam penulisan warkah sosial Melayu yang dikaji. Penggunaannya dapat dilihat dalam enam pucuk surat yang melibatkan pengirimnya daripada sultan, kerabat, pembesar, manakala pegawai Inggeris dan Belanda sebagai penerima warkah. Misalnya, dalam surat Raja Jaafar, Yang Dipertuan Riau kepada C.P.J. Elout di Batavia pada 6 Ogos 1820 (Lampiran P), surat Sultan Gandam Syah Muko-Muko kepada Syarikat Hindia Timur Inggeris (EIC) pada September 1733 (Lampiran C), surat Sultan Ismail dari Bima kepada Baron van der Capellen di Batavia pada 7 Oktober 1823 (Lampiran R), surat Datuk Suliwatang dari Lingga kepada Baron van der Capellen di Batavia pada 2 April 1824 (Lampiran T), surat isteri Tunku Raja Muda Selangor kepada Francis Light di Pulau Pinang pada Jumaat 28 Safar (Lampiran D) dan surat Engku Sayid

Muhammad Zain al Kudsi dari Lingga kepada T. S. Raffles di Melaka pada 6 Januari 1811 (Lampiran M).

Kata *al-Haqq* yang bermaksud “Yang maha benar” atau “ada berpatutan” (Muhammad Idris Rauf al-Marbawi, 1990, p. 141) merupakan nama dan sifat yang hanya merujuk Allah. Kebiasaannya, kata ini tidak bersendirian tetapi digandingkan dengan kata *qawluh* yang membawa maksud “perkataan” atau “berkata” (Muhammad Idris Rauf al-Marbawi, 1990, p. 149). Apabila digabungkan kata-kata tersebut, akhirnya akan membentuk frasa bahasa Melayu yang bermaksud “perkataan-Nya yang maha benar”. Seperti yang dimaklumkan sebelum ini bahawa penggunaan frasa ini sebagai kepala surat ditafsirkan dengan pelbagai takrifan bergantung pada kandungan warkah yang diperkatakan. Misalnya dalam warkah Sultan Gandam Syah Muko-Muko kepada Syarikat Hindia Timur Inggeris (EIC) pada September 1733 (Lampiran C), pemanfaatan kepala surat jenis ini secara tidak langsung menyerlahkan sumpah, janji, dan penegasan kebenaran oleh baginda terhadap kandungan yang memperkatakan komitmen baginda memperkenankan pihak EIC membina pangkalan di Muko-Muko.

Selain itu, terdapat juga warkah kajian yang mengaplikasikan ungkapan *Qawluh al-haqq* bersama-sama dengan ungkapan *wa kalamuh al-sidq* yang bermaksud “ucapan-Nya tulus” (Gallop, 1991, p. 60). Penggabungan ungkapan tersebut akhirnya membentuk frasa *Qawluh al-haqq wa kalamuh al-sidq*. Penggunaan ungkapan ini juga menjadi kelaziman oleh pengarang warkah Melayu untuk merujuk frasa “kata-Nya yang maha benar dan ucapan-Nya tulus” dalam bahasa Melayu. Wilkinson (1913, p. 184) menegaskan bahawa kepala surat yang paling sesuai antara raja-raja Melayu Nusantara dan pegawai-pegawai Eropah ialah *Qawluh al-haqq* yang dipadankan dengan *wa kalamuh al-sidq*. Pernyataan tersebut dapat dilihat pada petikan di bawah:

The saying is the Truth; appropriate when two rulers correspond: common on letters from native rulers to the Governor and vice versa. And the writing is the most sincere; A variant or continuation of the preceding heading. It is used under similar circumstances. Another variants is al-mustahak: 'the truth.

Penggunaan kepala surat yang merangkaikan dua ungkapan menjadi *Qawluh al-Haqq wa kalamuh al-Sidq* ini boleh dilihat dalam surat Susuhunan Ratu Hussain Diyauddin dari Palembang kepada Baron van der Capellen di Batavia pada 14 April 1823 (Lampiran Q), surat Sultan Syarif Kasim dari Pontianak kepada T. S. Raffles di Melaka pada 22 Mac 1811 (Lampiran N), surat Sultan Mahmud Syah dari Johor dan Pahang kepada Senyur Gurnadur Francis Light pada 10 November 1787 (Lampiran J) dan surat Gurnadur Reynier de Klerk di Batavia kepada Sultan Muhammad Bahauddin di Palembang pada 7 Mei 1779 (Lampiran F).

Seterusnya, terdapat juga penggunaan ungkapan yang jarang digunakan seperti *Ya Fattah al-qulub* dan ungkapan *Ya qadi al-hajat*. Ungkapan *Ya Fattah al-qulub* yang merujuk “*Hai yang maha membuka segala hati*” (Gallop, 1994, p. 60) tercatat dalam surat Sultan Alauddin dari Perak kepada Gabenor Francis Light pada 23 Julai 1787 (Lampiran I). Kata *al-Fattah* yang bermaksud “Yang maha membuka” (Muhammad Idris Rauf al-Marbawi, 1990, p. 76) juga satu nama dan sifat eksklusif bagi Allah. Kata ini digandingkan dengan kata *al-qulub* yang membawa maksud “hati” (Muhammad Idris Rauf al-Marbawi, 1990, p. 150). Penggunaan ungkapan ini berperanan sebagai kaedah doa atau harapan agar Tuhan membuka hati Francis Light untuk memberikan perlindungan kepada negeri Perak. Hal ini dikatakan demikian kerana kekayaan negeri Perak mula mengundang kecemburuan dan rebutan daripada pihak luar sehingga ada pihak tertentu yang mahu merampas negeri Perak secara kekerasan. Oleh hal yang

demikian, warkah dengan kepala surat yang tercatat nama Tuhan boleh dikatakan sebagai harapan baginda supaya terbuka hati Francis Light merealisasikan permintaan tersebut.

Ungkapan *Ya qadi al-hajat* yang bermaksud “Hai yang menimbangkan segala maksud” (Gallop, 1994, p. 60) pula terkandung dalam surat Sultan Ismail dari Bima kepada Baron van der Capellen di Batavia pada 7 Oktober 1823 (Lampiran R). Kata *Ya qadi* kata yang mewakili sifat Allah yang bermaksud “hai yang menimbangkan” (Muhammad Idris Rauf al-Marbawi, 1990, p. 160). Berdasarkan pengertian kata-kata tersebut, penggunaan kepala surat ini dapat menggambarkan bahawa hajat yang dipohon pengirim haruslah dipertimbangkan dengan sewajarnya oleh penerima warkah. Menurut Ab. Razak Ab. Karim (2006c, p. 75), penggunaan kata *Ya* atau “Hai” oleh pengirim merupakan penanda vokatif, iaitu berfungsi sebagai permintaan ataupun pengharapan daripada pengirim kepada penerima warkah. Hal ini dibuktikan melalui inti yang diperkatakan dalam surat tersebut, iaitu Sultan Ismail berkenan ke Betawi untuk bertemu dengan Gabenor Belanda dengan harapan agar pembaharuan kontrak perjanjian perdagangan mendapat pertimbangan yang sewajarnya.

Seterusnya, penggunaan kepala surat ungkapan biasa, *al-mustahaqq*, dengan maksud “yang mustahak” atau “yang patut dapat” (Muhammad Idris Rauf al-Marbawi, 1990, p. 141) dalam surat Enci’ Lu Nga dari Perlis kepada Kapitan Light Dewa Raja pada 5 April 1785 (Lampiran G) menggambarkan kepentingan dan mustahaknya sesuatu perkara yang ingin disampaikan. Semestinya, surat tersebut perlu diberikan perhatian yang sewajarnya oleh penerima warkah. Penggunaan kepala surat tersebut untuk mendapatkan keutamaan dan tindak balas segera daripada Kapitan Light Dewa Raja. Misalnya dalam surat ini, Enci’ Lu Nga selaku pengirim warkah memaklumkan

bahawa orang suruhannya, iaitu Cin Ca Yang telah berangkat ke Ujung Salang untuk menjalankan aktiviti perdagangan. Beliau berharap agar Francis Light dapat membantu dan memberikan keutamaan kepada Cin Ca Yang daripada segenap perkara di Ujung Salang sehinggalah selamat tiba di Perlis.

Di samping itu, penggunaan ungkapan atau perumpamaan dalam bentuk metafora matahari, bulan dan bintang yang ditandai oleh ungkapan dalam bahasa arab seperti *al-shams*, *al-qamar*, dan *al-nujum* diaplikasikan dalam surat daripada sultan dan raja-raja Melayu kepada pegawai Inggeris dan Belanda (Ab. Razak Ab. Karim, 2006, p. 24). Penggunaan metafora cakerawala *al-shams* yang bermaksud matahari (Muhammad Idris Rauf al-Marbawi, 1990, p. 325), *al-qamar* yang mendukung makna bulan, (Muhammad Idris Rauf al-Marbawi, 1990, p. 155) bintang yang dirujuk oleh kata *al-nujum* (Muhammad Idris Rauf al-Marbawi, 1990, p. 302) dan ciri-ciri yang berkaitan dengan sifatnya membawa peranan, pengertian atau simbol tertentu kepada pengirim atau penerima warkah.

Sebagai contoh, surat Sultan Ibrahim dari Selangor kepada Gabenor Pulau Pinang Francis Light pada 6 April 1786 (Lampiran H) berupaya untuk menggambarkan kekuasaan baginda dan Light. Kepala surat *al-syams wal-al-qamar* (matahari dan bulan) dapat dikaitkan secara langsung dengan kandungan warkah yang mengisyaratkan pemimpin sebagai matahari dan bulan yang mampu menerangi rakyat di bawahnya. Baginda nekad mengutus surat kepada Light hanya untuk menyampaikan permintaan agar dapat menumpangkan Haji Kasim dan dua orang anaknya ke Mekah dengan kapal. Pada pihak Light atau British pula, sudah menjadi kelaziman pihak tersebut menjalankan tradisi dan peranan perkapalan untuk membawa dan menumpangkan jemaah haji dari Timur (Gallop, 1994, p. 140). Penggunaan kepala surat ini menyatakan

simbol kekuasaan yang dapat menerangi dan membantu rakyat yang bernaung di bawahnya.

Penggunaan kepala surat ini dapat dilihat lagi dalam warkah-warkah lain dengan kandungan warkah yang pelbagai sifatnya seperti surat Sultan Mansur Riayat Syah dari Terengganu kepada Gabenor Francis Light pada 4 Februari 1792 (Lampiran K), surat Sultan Ahmad dari Terengganu kepada Baron van der Capellen di Batavia pada 19 Mac 1824 (Lampiran S), surat Sultan Abdul Jalil Khaliluddin dari Siak kepada Lord Minto pada 30 Mei 1811 (Lampiran O) dan surat Sultan Mahmud Syah dari Johor dan Pahang kepada T. S. Raffles di Melaka pada 5 Januari 1811 (Lampiran L). Penggunaan ungkapan perumpamaan unsur alam oleh pihak sultan pada dasarnya timbul daripada kesedaran baginda tentang perbezaan agama dengan pemimpin Eropah. Oleh sebab itu, faktor ini telah mempengaruhi baginda untuk tidak menggunakan kata-kata yang menggambarkan sifat Allah sebagai kepala surat. Tambahan pula, pemilikan eksklusif nama-nama Allah dan dianggap suci bagi umat Islam juga menjadi faktor kepala surat berunsur ketuhanan tidak digunakan sewenang-wenangnya oleh sesetengah sultan untuk berhubung dengan pihak asing.

Seperti yang telah dinyatakan sebelum ini bahawa kedudukan kepala surat mentafsirkan makna-makna yang tertentu. Daripada 21 pucuk surat, hanya dua pucuk warkah yang menunjukkan kepala suratnya di sebelah kiri manakala 15 surat menunjukkan kepala suratnya di tengah-tengah. Selain itu, terdapat satu keunikan yang jarang ditemukan apabila ada sepucuk surat yang mempunyai kepala surat di ketiga-tiga kedudukan tersebut. Seterusnya, sebanyak tiga pucuk surat yang tidak mempunyai kepala surat (akan dijelaskan dalam bahagian variasi warkah).

Misalnya, kepala surat di sebelah kiri adalah daripada surat Datuk Suliwatang Lingga kepada Baron van der Capellen pada 2 April 1824 (Lampiran T) dan surat Engku Sayid di Lingga kepada T. S. Raffles di Melaka pada 6 Januari 1811 (Lampiran M). Penggunaan kepala surat ini di sebelah kiri boleh ditelusuri oleh pemeran yang terlibat dalam tujuan warkah. Surat pertama daripada Datuk Suliwatang, seorang pembesar, yang memegang jawatan di bawah pentadbiran Seri Paduka Yang Dipertuan Besar al-Sultan Abdul Rahman Syah dan Yang Dipertuan Muda Raja Jaafar. Semestinya, taraf sosial Datuk Suliwatang sebagai seorang pembesar dilihat lebih rendah daripada Tuan Besar Baron van der Capellen yang ketika itu merupakan Gabenor Jeneral Belanda dan India. Beliau berkuasa untuk memberikan arahan kepada kapal-kapal perang Belanda menjalankan misinya. Surat kedua pula daripada kerabat diraja, Engku Sayid Muhammad Zain ibn al-marhum al-Habib Abdul Rahman al-Kudsi, yang berada di bawah tadbir Seri Paduka Sultan Mahmud kepada Raffles. Raffles pada ketika itu mempunyai jawatan yang dianggap lebih tinggi sebagai Leftenan Gabenor di Jawa dan menjadi wakil kepercayaan kepada Lord Minto, Gabenor Jeneral di Benggala.

Walau bagaimanapun, pentafsiran taraf sosial dengan kedudukan kepala surat suatu yang subjektif dan bukanlah bersifat mutlak. Hal ini dikatakan demikian kerana terdapat surat daripada golongan kerabat kepada pegawai Inggeris, iaitu surat isteri Tunku Raja Muda Selangor kepada Francis Light sebagai Gabenor yang bertarikh 29 Safar bersamaan dengan hari Jumaat (Lampiran D), kepala suratnya di tengah-tengah. Sedangkan kepala surat di tengah-tengah menggambarkan surat orang yang sama tarafnya. Hal ini juga berlaku dalam surat Sultan Ismail dari Bima kepada Baron van der Capellen di Batavia pada 7 Oktober 1823 (Lampiran R) yang mempunyai tiga kepala surat di ketiga-tiga bahagian, iaitu di tengah, di kiri dan di kanan surat tersebut. Ab. Razak Ab. Karim (2006c, p. 3) menyatakan bahawa garis panduan tentang kedudukan

kepala surat bukanlah penanda mutlak yang perlu diikuti oleh penulis warkah-warkah zaman lampau. Hal ini dikatakan demikian kerana terdapat pengarang warkah yang kurang menitikberatkan pedoman dan tatacara tersebut dan kebanyakan kepala surat dalam warkah Melayu lama di bahagian tengah-tengah surat.

Dapat disimpulkan bahawa penggunaan kepala surat ialah unsur pembukaan wacana bagi sesepucuk warkah sosial Melayu. Penggunaan kepala surat dengan ungkapan yang merujuk nama-nama tuhan membayangkan makna tersirat sebagai kaedah doa. Hal ini bertujuan agar setiap harapan yang dijunjung oleh pengirim dapat ditunaikan atau dimakbulkan. Ungkapan biasa pula menggambarkan bentuk penegasan daripada pengirim terhadap warkahnya. Sebaliknya, ungkapan metafora alam pula membayangkan simbol-simbol tertentu bagi pemeran yang terlibat. Pendek kata, pemilihan dan penggunaan kepala surat sangat berkait rapat dengan kandungan warkah yang ingin diketengahkan. Tambahan pula, letaknya kedudukan kepala surat itu juga membawa konotasi tertentu yang berkaitan dengan hubungan sosial antara pemeran yang terlibat.

3.1.2 Cap

Dari segi sejarah, penggunaan cap dikatakan berleluasa pada abad ke-17 dan abad ke-18 sehinggalah melangkaui abad ke-19. Kebanyakan cap digunakan dalam dokumen yang berupa warkah Melayu lama. Dokumen tersebut termasuklah dokumen tentang perjanjian, kontrak, pas perkapalan, permit perjalanan, dan dokumen-dokumen pelabuhan. Pernyataan ini dapat dilihat menerusi Gallop (1991, p. 98):

Our knowledge of Indonesian seal is largely based on the thousand of seals on manuscript documents from the eighteenth and nineteenth centuries. Most of these documents are letters, but they also include

contracts, treaties, travels permits, ship's passes, and harbour documents; and very occasionally, seals are impressed in books either as signs of ownership or to verify authorships.

Pengaplikasian cap mohor dalam sesepucuk warkah sosial Melayu satu identiti yang sangat penting bagi individu yang terlibat oleh sebab cap melambangkan status sosial pemilik cap. Pengaplikasiannya ditentukan dan dipengaruhi oleh kedudukannya dalam stratifikasi sosial. Dalam dunia komunikasi masyarakat tempatan, warkah Melayu lama menunjukkan bahawa hanya golongan tertentu berupaya untuk memiliki cap. Pemilikan eksklusif cap oleh golongan atasan atau golongan bangsawan seperti raja-raja, pembesar, kerabat raja, para saudagar, dan pegawai-pegawai asing berperanan sebagai penanda identiti atau pengenalan diri apabila mengutuskan warkah.

Dengan itu, ketulenan sesepucuk warkah Melayu dapat diketahui oleh penerima dengan kehadiran cap tersebut. Hal ini dikatakan demikian kerana surat-surat itu bukannya ditulis oleh pengirimnya sendiri, tetapi ditulis oleh jurutulis warkah yang berpengalaman (Gallop, 1994, p. 44). Dengan penurunan cap dalam warkah, secara tidak langsung menunjukkan adanya perakuan persetujuan oleh pemilik cap tentang setiap perihal yang ditulis selain melambangkan tingkat sosial pemiliknya. Bagi penerima warkah pula, dengan terteranya cap terutama cap yang sama oleh individu yang sama memudahkan ia untuk mengesahkan dan mengenal diri sebenar pengirim warkah. Hal ini dikatakan demikian kerana cap aspek penting menyalurkan maklumat terperinci tentang nama pengirim, gelaran jawatan, tarikh, dan latar tempat bagi sesetengah warkah. Ada sesetengah penerima warkah merujuk maklumat dalam cap sekiranya sesepucuk warkah tidak membekalkan maklumat asas peribadi tersebut dalam komponennya yang lain.

Setiap kata-kata atau ungkapan dalam cap lazimnya menggunakan bahasa yang pelbagai bergantung pada tujuan atau keadaan sosiopolitik dan individu yang menghantarnya. Menurut Ab. Razak Ab. Karim (2006, p. 83), sesetengah cap warkah yang digunakan oleh jurutulis memperlihatkan adanya unsur alih kod, iaitu bahasa Arab, bahasa Belanda bercampur aduk dengan bahasa Melayu, terutamanya pada kata atau antara ayat. Ada juga pengirim yang menggunakan bahasa Melayu atau bahasa Arab sahaja dalam cap mereka. Oleh itu, berdasarkan 21 pucuk surat, hanya sepucuk surat yang tidak memperlihatkan penggunaan cap (akan dijelaskan dalam variasi warkah). Kajian mendapati bahawa golongan sultan, pegawai Belanda, pembesar, kerabat raja dan saudagar memiliki dan menggunakan cap apabila mengutus surat. Penggunaan cap menjadi lambang rasmi kepada diri pengirim warkah tersebut.

Misalnya, penggunaan cap dalam 15 pucuk surat oleh para sultan menunjukkan kekuasaan dan keagungan para sultan yang memerintah sesebuah kerajaan pada ketika itu. Sebagai contoh, surat oleh Sultan Kimaleha Salahak Abdul Kadir dari Ambon kepada Gabenor Syarikat Hindia Timur pada 23 Mei 1658 (Lampiran A) dikatakan surat kedua terawal dalam sejarah pengaplikasian cap (Ab. Razak Ab. Karim, 2006, p. 6). Pada cap tersebut tertera nama baginda, tarikh surat, dan ucapan selawat ke atas Nabi Muhammad S.A.W. Secara tidak langsung, ucapan selawat menunjukkan bahawa terdapatnya pengaruh Islam yang kuat terhadap tulisan pada cap berkenaan. Cap tersebut tertera rangkaian kata“(tengah) *Abdul Kadir ibn Syahbuddin bi-al-‘-r-a-? hijrat salahu alahi wasalam 1067* (bingkai) *La illaha illa Allah Muhammad rasul Allah la illaha illa Allah Muhammad rasul Allah* (Gallop, 1991, p. 128).

Turut ditemui dalam bahan kajian ini ialah cap yang dimiliki oleh pegawai Belanda, iaitu dalam surat Gurnadur Reynier de Klerk di Batavia kepada Sultan Muhammad Bahauddin di Palembang pada 7 Mei 1779 (Lampiran F). Kedudukan sosial beliau yang tinggi sebagai gabenor Belanda di Batavia pada ketika itu memungkinkan beliau untuk memiliki sebuah cap dan menurunkan cap dalam warkah yang diutuskannya. Kandungan cap beliau tidaklah sekompleks cap yang dimiliki oleh para sultan. Namun, cap yang hanya menunjukkan akronim *VOC* itu dapat melambangkan status sosial dan identiti rasmi beliau sebagai gabenor yang mewakili kerajaan Belanda. Kelainan juga terlihat pada warkah ini apabila penggunaan capnya mendahului dan berada di atas kepala surat.

Selain itu, penggunaan cap juga turut menjadi kelaziman oleh para pembesar dan kaum kerabat diraja apabila mengutus warkah. Cap oleh golongan pembesar dapat dilihat pada sepucuk surat, iaitu surat Datuk Ibrahim Suliwatang dari Lingga kepada Baron van der Capellen di Batavia pada 2 April 1824. Peranan penting golongan pembesar menjalankan arahan berkaitan urusan pentadbiran negeri, selain sebagai wadah menghubungkan antara rakyat dengan raja dilihat menjadi pemangkin pemilikan cap oleh mereka. Datuk Suliwatang yang ketika itu di bawah perintah Seri Paduka Yang Dipertuan Besar al-Sultan Abdul Rahman dan Yang Dipertuan Muda Raja Jaafar telah memiliki sebuah cap yang ditulis "*bahawa cap ini dikurniakan Yang Dipertuan Muda kepada Ibrahim dijadikan Suliwatang tarikh sanat 1224*". Cap ini sekali gus membuktikan bahawa peranan yang dimainkan oleh para pembesar dalam perencanaan pentadbiran sesebuah kerajaan Melayu sememangnya besar sehingga dibenarkan pemilikan cap untuk digunakan dalam warkah.

Seterusnya, pengaplikasian cap oleh golongan kerabat diraja dalam surat Engku Sayid Muhammad Zain al Kudsi dari Lingga kepada T. S. Raffles di Melaka pada 6 Januari 1811 (Lampiran M) memaparkan ungkapan seperti *Bi-'llah ta'ala al-wathiq meterai al- [?musamma] al-sayid Muhammad Zain ibn Abdul Rahman al-Kudsi sanat* (Gallop, 1994, p. 211). Beliau putera al-marhum Sultan Abdul Rahman al Kudsi di Lingga yang ketika itu dalam tadbir Seri Paduka Baginda Sultan Mahmud. Penggunaan cap oleh kerabat diraja memperlihatkan kelayakan golongan tersebut memiliki cap sebagai pengenalan diri apabila mengutus warkah kepada pihak Inggeris. Dengan cara ini, penggunaan cap dapat menggambarkan ketinggian peranan dan taraf oleh golongan yang mempunyai kaitan langsung dengan istana Melayu pada ketika itu.

Di samping itu, penggunaan cap oleh golongan saudagar juga membawa konotasi penting, khususnya dalam urusan ekonomi dan perdagangan. Surat pertama ialah surat saudagar Rahsia Raja di Kelantan kepada Gubernur Pulau Pinang pada 23 Jamadilawal 1209 (Lampiran E), manakala surat yang kedua pula ialah surat Enci' Lu Nga dari Perlis kepada Kapitan Light Dewa Raja pada 5 April 1785 (Lampiran G). Surat pertama ditandai dengan cap "*Rahsia Raja Kelantan*" manakala surat kedua tertera "*Encik' Lu Nga di Kedah*" (Gallop, 1994, p. 202). Berdasarkan pemerhatian terhadap cap yang digunakan, penggunaan ayat yang ringkas untuk memperkenalkan diri mendukung kepentingan atau agenda ekonomi dan perdagangan kepada mereka selaku seorang saudagar. Penggunaan cap tersebut menunjukkan nilai tinggi surat yang dikirim sekali gus membezakan golongan saudagar dengan rakyat biasa. Hal ini menepati stratifikasi sosial masyarakat Melayu yang menganggap golongan pedagang atau saudagar mempunyai kedudukan yang agak tinggi dan istimewa dalam masyarakat.

Dari aspek kedudukan cap pada warkah sosial pula menunjukkan variasinya yang tersendiri. Hal ini dikatakan demikian kerana ada pendapat yang menyatakan bahawa kedudukan cap membawa pengertian tertentu, terutama tentang status individu yang terlibat. Pendapat yang dikemukakan oleh Winstedt (1919) dapat dijadikan panduan untuk menjelaskan makna kedudukan sesebuah cap pada warkah Melayu seperti yang berikut:

Maka apabila ada surat-surat daripada Kerajaan atau Yang Dipertuan dipakailah cap-cap itu ditekankan di sebelah kanan warkahnya sejajar dengan baris yang pertama pada ruang puji-pujian itu dan cap segala pegawai dipukulkan sebelah kanan jua tetapi sejajar dengan penghabisan puji-pujian dan jika cap orang kebanyakan hanya di kaki surat.

Walau bagaimanapun, tafsiran tentang makna di sebalik kedudukan cap adalah kabur dan bukannya mutlak yang mesti dipatuhi oleh mana-mana penulis warkah. Yang pasti, kedudukan cap dalam warkah melambangkan status dan kuasa kepada pengirim dan penerima surat. Namun begitu, kenyataan tersebut juga dibayangi dengan kesukaran untuk mengenal dan membuat ramalan tentang tujuan penggunaannya yang sebenar. Perkara ini diperakui oleh Wilkinson (1907), iaitu:

Even the published Malay 'polite-letter-writer' (Tarasul) show no true logical arrangement their specimen of correspondence; they only approximate to the correct form. Although we can see from them that there must have been principles underlying Malay letter-writing in the past, we cannot deduce what those principles were.

Oleh itu, sebanyak 16 pucuk surat yang memperlihatkan pengaplikasian cap di sebelah kanan surat sejajar dengan baris-baris yang mengandungi kata-kata pujian. Surat-surat tersebut melibatkan para sultan atau raja, Yang Dipertuan, pembesar, kerabat raja dan para saudagar sebagai pengirimnya. Penggunaan cap seumpama ini dapat dibuktikan menerusi warkah-warkah yang berikut:

1. Surat Raja Kimaleha Salahak Abdul Khadir Ibn Syahbuddin di Ambon kepada Gabenor Syarikat Hindia Timur pada 23 Mei 1658. (Lampiran A)
2. Surat Enci' Lu Nga dari Perlis kepada Kapitan Light Dewa Raja pada 5 April 1785. (Lampiran G)
3. Surat Sultan Ibrahim dari Selangor kepada Gubernur Pulau Pinang, Francis Light pada 6 April 1786. (Lampiran H)
4. Surat Sultan Alauddin dari Perak kepada Gurnadur, Francis Light pada 23 Julai 1787. (Lampiran I)
5. Surat Sultan Mahmud Syah dari Johor dan Pahang kepada Senyur Gurnadur Francis Light pada 10 November 1787. (Lampiran J)
6. Surat Sultan Mansur Riayat Syah dari Terengganu kepada Gurnadur, Francis Light pada 4 Februari 1792. (Lampiran K)
7. Surat Saudagar Rahsia Raja Kelantan kepada Gubernur Pulau Pinang pada 23 Jamadilawal 1209. (Lampiran E)
8. Surat Sultan Abdul Jalil Khaliluddin dari Siak kepada Lord Minto pada 30 Mei 1811. (Lampiran O)
9. Surat Sultan Syarif Kasim dari Pontianak kepada T. S. Raffles di Melaka pada 22 Mac 1811. (Lampiran N)
10. Surat Sultan Mahmud Syah dari Johor dan Pahang kepada T. S. Raffles di Melaka pada 5 Januari 1811. (Lampiran L)
11. Surat Engku Sayid Muhammad Zain al Kudsi dari Lingga kepada T. S. Raffles di Melaka pada 6 Januari 1811. (Lampiran M)
12. Surat Raja Jaafar, Yang Dipertuan Riau kepada C.P.J. Elout di Batavia pada 6 Ogos 1820. (Lampiran P)
13. Surat Susuhunan Ratu Hussain Diyauddin dari Palembang kepada Baron van der Capellen di Batavia pada 14 April 1823. (Lampiran Q)

14. Surat Sultan Ismail dari Bima kepada Baron van der Capellen di Batavia pada 7 Oktober 1823. (Lampiran R)
15. Surat Sultan Ahmad dari Terengganu kepada Baron van der Capellen di Batavia pada 19 Mac 1824. (Lampiran S)
16. Surat Datuk Suliwatang dari Lingga kepada Baron van der Capellen di Batavia pada 2 April 1824. (Lampiran T)

Selain itu, terdapat juga tiga pucuk surat yang menurunkan penandaan capnya di kedudukan tengah-tengah pada bahagian atas surat tersebut. Kedudukan cap sebegini dapat dilihat dalam surat Tunku Baginda Raja Mahkota di Anak Sungai kepada Orang Kaya Jeneral (J.C. Collet) di Bengkulu pada 1712 (Lampiran B), surat Sultan Gandam Syah Muko-Muko kepada Syarikat Hindia Timur Inggeris (EIC) pada September 1733 (Lampiran C), dan surat Gurnadur Reynier de Klerk di Batavia kepada Sultan Muhammad Bahauddin di Palembang pada 7 Mei 1779 (Lampiran F).

Sebelum ini juga, rata-rata surat memperlihatkan hanya sebuah cap yang digunakan atau diperturunkan dalam satu-satu surat. Namun begitu, kelainan wujud dalam warkah Sultan Muhammad Fadl dari Sulu kepada Gabenor Hong Kong, Sir. John Francis David, 1845 (Lampiran U) yang menggunakan dua jenis cap pada surat tersebut. Cap pertama ialah *al-qahir bi-intithal awamir Allah [al-] adil* al-sultan Muhammad Fadl *sanat 1258 al-Salam 'ala mau ittaba 'al-huda* di sebelah kanan seperti kelaziman. Cap kedua yang tertera nama "al-Sultan Muhammad Fadl sanat 1258" berserta dengan tandatangan baginda pula berada selepas penutup warkah, iaitu bahagian tengah di bawah surat tersebut (Gallop, 1994, p.227). Wujudnya kelainan pengaplikasian cap kedua dari segi kedudukan dan penggunaan tandatangan mungkin disebabkan penulis mencampuradukkan gaya penulisan warkah sosial (cap) dan penurunan tandatangan dalam warkah perjanjian sebagai penegasan berganda terhadap kesahan surat.

Seterusnya, aspek kandungan sesebuah cap juga memainkan peranan menyalurkan mesej tertentu. Kata-kata yang terdapat dalam cap penting sebagai penentu taraf atau status seseorang pengirim warkah (Ab. Razak Ab. Karim, 2006c, p. 26). Berdasarkan bahan kajian, kandungan yang tertera dalam cap dapat dibahagikan kepada tiga bahagian, iaitu cap yang memaparkan nama, gelaran jawatan, dan tarikh, yang kedua memaparkan nama dan gelaran jawatan dan ketiga cap yang memaparkan nama dan latar tempat.

Cap yang mempunyai kandungan jenis pertama terdapat dalam 13 pucuk surat. Sebagai contoh, cap dalam surat Sultan Mahmud Syah dari Johor dan Pahang kepada Senyur Gurnadur, Francis Light pada 10 November 1787 (Lampiran J) memaparkan ayat *Sultan Mahmud Riayat zill Allah fi al-'alam ibn Sultan Abdul Jalil al-marhum Rahmat Allah 'alayh / hijrat nabi sallallahu alaihi wassalam seribu seratus tujuh puluh lima 5 salam Allah ta'aala fi dunyai wa-al akhirat* (Gallop, 1994, p. 203). Pada cap tersebut, tertera nama sultan, gelaran jawatan, dan tarikh cap untuk menunjukkan kemuliaan dan kekuasaan yang dimiliki. Selain itu, dibingkiskan juga sepotong doa pada penghujung ayat tersebut sebagai doa kepada sultan agar memperoleh rahmat di dunia dan akhirat. Berikutnya, penggunaan cap dalam surat Sultan Abdul Jalil Khaliluddin dari Siak kepada Lord Minto pada 30 Mei 1811 (Lampiran O) yang tertera *al-Malik al-Wahid bi-'llah al-Sultan Abdul Jalil Khaliluddin ibn al-Sultan Sayid al-Syarif Abdul jalil Saifuddin ibn maulana al-Habib marhum Sultan Uthman ibn al-Syeikh Ali Baalawi sanat 1225* (Gallop, 1994, p. 218) juga memperlihatkan kemuliaan, keagungan dan kedudukan istimewa baginda, lebih-lebih lagi dalam cap tersebut dinyatakan jurai keturunan baginda yang terperinci.

Cap yang memaparkan maklumat seperti nama dan gelaran jawatan pula terdapat dalam lima pucuk surat, iaitu surat Tunku Baginda Raja Mahkota di Anak Sungai kepada Orang Kaya Jeneral (J.C. Collet) di Bengkulu pada 1712 (Lampiran B), surat Sultan Mansur Riayat Syah dari Terengganu kepada Gurnadur, Francis Light pada 4 Februari 1792 (Lampiran K), surat Sultan Gandam Syah Muko-Muko kepada Syarikat Hindia Timur Inggeris (EIC) pada September 1733 (Lampiran C), surat Gurnadur Reynier de Klerk di Batavia kepada Sultan Muhammad Bahauddin di Palembang pada 7 Mei 1779 (Lampiran F), dan surat Engku Sayid Muhammad Zain al Kudsi dari Lingga kepada T. S. Raffles di Melaka pada 6 Januari 1811 (Lampiran M). Misalnya, cap oleh Sultan Mansur tertera nama dan gelaran jawatan baginda *Al-Sultan Mansur Riayat Syah zill Allah fi al-'alam ibn al-sultan Zainal Abidin* (Gallop, 1994, p. 203).

Cap dalam surat Enci' Lu Nga dari Perlis kepada Kapitan Light Dewa Raja pada 5 April 1785 (Lampiran G) dan surat Saudagar Rahsia Raja Kelantan kepada Gubernur Pulau Pinang pada 23 Jamadilawal 1209 (Lampiran E) pula hanya memuatkan penggunaan nama dan latar tempat pada cap tersebut. Misalnya, tertera nama "Rahsia Raja Kelantan" dan "Enci' Lu Nga di Kedah" (Gallop, 1994, p. 202). Penggunaan cap sebegini oleh golongan saudagar sememangnya penting untuk mempromosikan dan mengiklankan identiti diri mereka berdasarkan latar tempat mereka menjalankan aktiviti perdagangan. Dengan kaedah ini, mereka mudah mendapatkan perhatian yang lebih daripada pegawai Inggeris dan Belanda pada ketika itu semata-mata bagi tujuan kepentingan perdagangan.

Jika diteliti terhadap contoh-contoh cap yang dikemukakan sebelum ini, ternyata kandungan dalam cap tersebut ditulis dalam bahasa yang berlainan. Berdasarkan bahan kajian, penggunaan bahasa dalam cap boleh dibahagikan kepada empat bahagian, iaitu:

1. bahasa Melayu,
2. bahasa Arab,
3. bahasa Melayu dan bahasa Arab, dan
4. bahasa Melayu, bahasa Arab, dan bahasa Belanda

Cap yang menggunakan bahasa Melayu sahaja antaranya surat Saudagar Rahsia Raja Kelantan kepada Gubernur Pulau Pinang pada 23 Jamadilawal 1209 (Surat Rahsia Raja Kelantan) (Lampiran E), surat Enci' Lu Nga dari Perlis kepada Kapitan Light Dewa Raja pada 5 April 1785 (Enci' Lu Nga di Kedah) (Lampiran G), surat Sultan Gandam Syah Muko-Muko kepada Syarikat Hindia Timur Inggeris (EIC) pada September 1733 (Lampiran C), dan surat Datuk Suliwatang dari Lingga kepada Baron van der Capellen di Batavia pada 2 April 1824 (Lampiran T). Kebanyakan pengirim surat ini daripada golongan saudagar, pembesar, dan seorang sultan. Misalnya, Sultan Gandam Syah hanya mencatatkan nama baginda "Seri Sultan Gandam Syah" tanpa menggunakan kata-kata gelaran dan pujian yang ditulis dalam bahasa Arab seperti yang menjadi kelaziman pada cap sultan-sultan yang lain. Golongan pembesar dan saudagar pula tidak akan menggunakan kata gelaran dan sifat yang baik memandangkan kata-kata tersebut hak istimewa golongan diraja sahaja.

Yang berikutnya penggunaan cap berbahasa Arab. Penggunaannya menyerlah dalam sembilan pucuk warkah yang melibatkan para sultan dan kerabat sebagai pengirim. Antara cap yang menggunakan bahasa Arab adalah seperti yang berikut:

1. *Al-mutawakkil bi-al-malik al-haqq al-mubin al-Sultan huwa ajdar al-Sultan Ibrahim hawa ajdar al-muwarithin ibn al-marhum al-Sultan Salihuddin.*
2. *Al-Sultan Mansur Riayat Syah zill Allah fi al'alam ibn al-Sultan Zainal Abidin.*
3. *Al-Qahir bi-initithal awamir Allah [al-] 'adil al-sultan Muhammad Fadl al-salam 'ala mau ittaba 'al-huda.*
4. *Bi-'llah ta'aala al-wathiq meterai al [musamma] al-sayid Muhammad Zain ibn Abdul Rahman al-Kudsi.*

Dalam contoh 1 hingga 3 di atas menunjukkan kata-kata bahasa Arab sering digunakan oleh para sultan untuk menterjemahkan tanda kepujian atau sifat baik baginda semasa memerintah kerajaan pada ketika itu. Walau bagaimanapun, contoh keempat memperlihatkan bahawa golongan kerabat tidak terkecuali menggunakan ungkapan bahasa Arab bagi tujuan menzahirkan status sosial yang dimiliki golongan istana Melayu pada zaman tersebut.

Penggunaan cap berbahasa Melayu dan bahasa Arab pula terdapat dalam dua surat sahaja, iaitu cap “alamat Seri Paduka Ratu Husain Diauddin *fi balad* Palembang Darussalam” (Gallop, 1994, p. 223) dan cap “Maulana Paduka Seri Sultan Alauddin Mansur Syah Iskandar Muda *Khalifah al-Rahim* ibn Sultan Muhammad Syah *zill Allah fi al-'alam*” (Gallop, 1994, p. 223). Contoh-contoh ini menunjukkan bahawa terdapat percampuran antara bahasa Arab dan bahasa Melayu dengan penggunaan beberapa perkataan yang dikatakan berasal daripada bahasa Sanskrit, tetapi telah sebatikan dari segi penggunaan oleh masyarakat Melayu, iaitu kata *raja*, *paduka* dan *seri* (Wilkinson, 1959, p. 934, 827 & 1085). Penerapannya juga sekali lagi membuktikan bahawa agama Islam memberikan pengaruh besar terhadap penulisan warkah oleh masyarakat Melayu dahulu.

Seterusnya, masing-masing terdapat sepucuk surat yang memperlihatkan penggunaan bahasa Melayu dan bahasa Belanda dan bahasa Melayu, bahasa Arab dan bahasa Belanda pada cap warkah tersebut. Misalnya cap “Paduka Seri Sultan Ismail Raja Bima/ PADOKA SIRIE SULTAN JAMAEEL CONING VAN BIEMA” (Gallop, 1994, p. 224) dan cap “*al-Wathiq bi rabb al ‘arsh* raja Muda ibn Sultan raja haji al-marhum / RADJA JAPPAR ONDER KONING VAN RAIUW” (Gallop, 1994, p. 222). Dalam cap-cap tersebut, kata-kata bahasa Belanda dengan huruf Rumi tulisan besar di bahagian luar bulatan cap tersebut. Justifikasi penggunaan bahasa Belanda menurut Ab. Razak Ab. Karim (2006c, p. 6) adalah untuk memudahkan pihak Belanda mengenali pengirim warkah di samping menggambarkan bahawa pihak sultan itu dalam pengaruh pemerintahan kerajaan Belanda.

Kesimpulannya, pengaplikasian cap dalam sesepucuk warkah sosial merupakan elemen terpenting dalam struktur teks warkah sosial Melayu. Dengan paparan cap, pengirim dapat memperlihatkan status sosial dan kekuasaan yang dimilikinya selain membezakannya dengan golongan lain. Penggunaan cap membuktikan bahawa pemilikannya bukanlah suatu yang sewenang-wenangnya. Hanya golongan atasan seperti sultan, para pembesar, kerabat, saudagar, dan pegawai asing yang berhak memiliki cap. Kadangkalanya, cap juga menandakan persetujuan yang telah diakui oleh pemilik cap tentang keseluruhan kandungan warkah yang terkarang. Kedudukan dan rangkaian kata dalam cap mendukung peranan penting sebagai penentu taraf atau kekuasaan pengirim dalam stratifikasi sosial berkaitan dengan politik, ekonomi, dan perdagangan. Kata-kata tersebut penting untuk membekalkan maklumat tepat dan tambahan kepada penerima warkah sebagai penanda autentik sesepucuk warkah.

3.1.3 Kata-Kata Pujian

Penggunaan kata-kata pujian satu penanda identiti yang sangat penting dalam penulisan warkah sosial Melayu. Kebiasaannya, kata-kata pujian ini terkandung pada baris awal sesepucuk warkah sosial Melayu. Menurut Gallop (1994, p. 62), penulisan kata-kata pujian untuk menyatakan nama, gelaran, dan alamat pengirim dan penerima surat serta kata pujian yang tinggi melangit dengan kaedah tertentu kepada penerima. Pengirim seolah-olah mahu mengiklankan diri sendiri serta mengagung-agungkan penerima warkah. Pada masa yang sama, penggunaan kata-kata pujian menimbulkan unsur pemujukan atau pembuka komunikasi sebelum menyatakan hasrat dan tujuan sebenar penulisan warkah. Penerapan kata-kata pujian juga diharapkan dapat membuka hati penerima warkah menunaikan segala hasrat yang diminta. Hal seperti ini juga diperkatakan oleh Ab. Razak Ab. Karim (2006c, p. 27) yang menyatakan bahawa:

Penggunaan kata puji-pujian yang meleret-leret dan panjang lebar merupakan suatu bentuk pujian untuk membuka jalan kepada penulis mengutarakan permintaan atau hajatnya dalam sesepucuk warkah. Kata puji-pujian berfungsi sebagai *phatic communion* yang bermakna pembuka komunikasi.

Tanpa disedari bahawa penggunaan kata-kata pujian ini dapat menggambarkan keunggulan dan keagungan istana kerajaan Melayu pada ketika itu. Hal ini dikatakan demikian kerana tradisi penggunaan kata-kata pujian pada asasnya bersumberkan tatacara surat-menyurat Parsi pada waktu tersebut (Gallop, 1994, p.62). Situasi tersebut semakin terserlah apabila tradisi penggunaan kata-kata pujian dalam warkah juga dipraktikkan oleh sesetengah pegawai Barat seperti Inggeris dan Belanda ketika mengutuskan warkah kepada masyarakat Melayu tempatan.

Apabila mengarang kata-kata pujian, penulis warkah haruslah terlebih dahulu mempertimbangkan latar belakang pemeran yang terlibat sama ada pengirim dan penerima warkah. Pertimbangan status atau stratifikasi dalam lingkungan masyarakat dan sekatan sosial yang menentukan kedudukan mereka dalam masyarakat penting terhadap kelangsungan warkah tersebut. Hal ini dikatakan demikian kerana melalui kata-kata pujian, gambaran tentang kekuasaan, keistimewaan, dan kebaikan individu terlibat menentukan hala tuju sesepucuk warkah tersebut sama ada diberikan keutamaan ataupun tidak.

Berdasarkan bahan kajian, sebanyak 20 pucuk warkah sosial mengaplikasikan kata-kata pujian pada awal struktur warkah dan hanya terdapat sepucuk warkah yang tidak mempraktikkannya, iaitu warkah Tunku Baginda Raja Mahkota di Anak Sungai kepada Orang Kaya Jeneral (J.C. Collet) di Bengkulu pada 1712 (Lampiran B). Berbagai-bagai cara penulisan kata-kata pujian telah digunakan oleh sultan, pembesar, kerabat, pegawai Belanda, dan saudagar kepada penerima surat, yang rata-ratanya pegawai Inggeris dan pegawai Belanda serta seorang sultan Melayu. Kata-kata pujian tersebut dalam bentuk yang meleret-leret dan panjang lebar. Di samping itu, ada surat yang menyatakannya secara ringkas sahaja dan banyak bergantung pada kepentingan kandungan yang ingin disampaikan. Tidak kiralah ukuran kepanjangannya, sesungguhnya penggunaan kata-kata pujian ialah lakuan bahasa yang mempunyai kepentingan tersendiri kerana seakan kewajiban bagi pengirim menyatakannya sebelum mengemukakan hasrat.

Beberapa unsur yang dikenal pasti dan digunakan dalam kata-kata pujian boleh diklasifikasikan sebagai bentuk strategi komunikasi dengan pendekatan langsung. Unsur-unsur tersebut melibatkan kaedah pengisytiharan nama pengirim dan penerima

warkah berserta dengan jawatan yang disandang, kata-kata pujian yang bersifat kemesraan, kata-kata pujian dengan penilaian kehandalan, kata-kata pujian yang melambangkan konsep ruang, kata-kata pujian dengan konsep waktu, dan kata-kata pujian dengan kaedah doa. Namun begitu, harus ditekankan di sini bahawa unsur-unsur ini bukanlah bersifat wajib yang perlu ada kesemuanya dalam struktur kata-kata pujian. Sebagai contoh, kata-kata pujian panjang dalam warkah surat Sultan Mansur Riayat Syah dari Terengganu kepada Gurnadur, Francis Light pada 4 Februari 1792 (Lampiran K) mempunyai hampir kesemua unsur yang telah dinyatakan:

Bahawa ini warkat al-ikhlas yang terbit daripada fuad al-zakiah serta kasih sayang yang tiada berhingga iaitu daripada Seri Sultan Mansur ibn al-marhum al-Sultan Zainal Abidin yang di atas takhta kerajaan negeri Terengganu Darussalam barang diwasilkan Tuhan Khaliq al-'alam apalah kiranya kepada pihak kekasih kita dan sahabat kita iaitu anak kita Gurnadur yang ada istikam serta memegang perintah dan daerah Bandar Pulau Pinang. Barang bertambah² kebesarannya dan kemuliaannya dan dipanjangkan Allah umur usianya serta beroleh sihat dan afiat selagai ada hayat zamannya. Dan ialah yang mempunyai perangai yang lemah lembut serta terlalu arif pada hal memerintahkan khayr dan salah serta tolong menolong pada sekalian sahabatnya orang besar² dan raja². Barang dikekalkan Allah perangai yang demikian selama ada cekerawala matahari dan bulan.

Berdasarkan petikan kata-kata pujian dalam warkah tersebut menyatakan beberapa perkara penting dalam penulisan kata-kata pujian. Dapat diperhatikan pernyataan bahawa surat tersebut datangnya daripada Sultan Mansur Riayat Syah kepada Gurnadur Francis Light. Turut dinyatakan di situ jawatan baginda dan Francis Light semata-mata untuk mengekspresikan status sosial yang dimiliki. Seterusnya, terdapat kata-kata pujian yang menggambarkan kemesraan antara Sultan Mansur

dengan Francis Light untuk menunjukkan keakraban antara kedua-dua pihak, iaitu pada ungkapan “... serta kasih sayang yang tiada berhingga...” dan ... “apalah kiranya kepada pihak kekasih kita dan sahabat kita iaitu anak kita Gurnadur...” . Kata-kata pujian yang melambangkan penilaian kehandalan sama ada kehandalan sifat mahupun kehandalan keupayaan pada ungkapan “Dan ialah yang mempunyai perangai yang lemah lembut serta terlalu arif pada hal memerintahkan khayr dan salah serta tolong menolong pada sekalian sahabatnya orang besar² dan raja².” Dalam petikan ini, Sultan Mansur mengiklankan Light dengan pemaparan unsur-unsur atau lakuan positif, iaitu dengan menjelaskan sifat handal dan menyatakan kehandalan-kehandalan yang dimiliki oleh Light.

Penggunaan ungkapan kemesraan dan penilaian kehandalan ialah strategi pihak sultan yang mempertaruhkan kedudukan sosial baginda apabila berhubungan dengan pihak Barat. Sudah sedia maklum bahawa golongan sultan golongan yang mulia dan tinggi kedudukannya. Namun, oleh sebab Francis Light ialah Gabenor Negeri-Negeri Selat yang telah menguasai hampir seluruh peranan yang dipegang oleh sultan sebelum ini, kecuali agama Islam dan adat istiadat Melayu, Sultan Mansur Riayat Syah terpaksa mengakui ketinggian kuasa Francis Light. Atas dasar inilah, penggunaan kata-kata merendah dan mesra ini digunakan untuk memastikan hajat baginda ditunaikan oleh Francis Light.

Selain itu, kata-kata pujian dengan konsep waktu yang menunjukkan sifat-sifat penerima, yakni Light yang kekal lama dan tidak mudah berubah adalah pada ungkapan “barang dikekalkan perangai yang demikian selama ada cekerawala matahari dan bulan”. Penggunaan kata cekerawala matahari dan bulan lazim digunakan dalam warkah-warkah yang lain. Penggunaan kata-kata tersebut biasanya berkait rapat dengan

kata-kata yang menunjukkan penilaian kehandalan dan kata yang bersifat doa. Kata-kata tersebut menggambarkan pengharapan agar Francis Light dikurniakan sesuatu dalam keadaan dan sifat yang dinyatakan bersandarkan pada unsur alam tersebut. Kata-kata pujian ini bentuk penegasan baginda untuk melihat sifat tersebut berkekalan hingga akhir zaman.

Unsur terakhir dalam petikan tersebut ialah kata-kata pujian dengan kaedah doa, iaitu pada ungkapan “*Barang bertambah² kebesarannya dan kemuliaannya dan dipanjangkan Allah umur usianya serta beroleh sihat dan afiat selagi ada hayat zamannya.*” dan “*Barang dikekalkan Allah perangai yang demikian...*”. Walaupun kedua-dua pihak mempunyai perbezaan dari aspek agama, namun Sultan Mansur sekali lagi menggunakan kebijaksanaan baginda menerapkan pernyataan doa. Hal ini menunjukkan kegigihan Sultan Mansur menerapkan unsur pemujukan kepada Francis Light untuk memastikan urusan yang ingin disampaikan dapat ditunaikannya. Tegasnya, penggunaan kata-kata pujian yang panjang dalam warkah Sultan Mansur dihubungkan secara langsung dengan kandungan warkah yang memperkatakan banyak perkara seperti ekonomi, politik, peribadi, dan perdagangan.

Tradisi penggunaan kata-kata pujian oleh sultan dalam warkah-warkah Melayu seolah-olah menjadi suatu format yang perlu diukur oleh masyarakat di bawah baginda. Hal ini dikatakan demikian kerana bagi masyarakat Melayu, segala perbuatan raja akan menjadi ikutan masyarakat Melayu lain selagi perbuatan tersebut tidak melampaui kuasa para sultan. Oleh itu, penggunaan kata-kata pujian yang panjang dan sarat dengan unsur yang mendasarinya juga terdapat dalam surat yang melibatkan kerabat diraja dan pembesar, iaitu surat Engku Sayid Muhammad Zain al Kudsi dari Lingga kepada T. S.

Raffles di Melaka pada 6 Januari 1811 (Lampiran M) dan surat Datuk Suliwatang dari Lingga kepada Baron van der Capellen di Batavia pada 2 April 1824 (Lampiran T).

Dalam kedua-dua surat ini, penggunaan kata-kata pujian boleh diklasifikasikan sebagai keterlaluan untuk memuji dan memberikan sanjungan kepada pegawai Inggeris dan Belanda. Penggunaan kata-kata pujian yang meleret-leret ini ekoran daripada wujudnya perbezaan taraf yang ketara antara mereka sekali gus membataskan penggunaan kata-kata kemesraan. Sanjungan yang ketertaluan ini melibatkan kata-kata pujian penilaian kehandalan, iaitu pernyataan tentang kedudukan tinggi yang disandang oleh pihak Inggeris dan Belanda di Kepulauan Melayu. Keistimewaan dan kekuasaan itu, termasuklah mereka mendapat perkenan langsung daripada raja mereka di negara asal, kekuasaan mengetuai turus angkatan laut perang, kekuasaan memiliki tanah jajahan yang luas, bijaksana, dermawan, setiakawan, bangsawan, adil, dan sentiasa membantu para sahabat dan para saudagar.

Di samping itu, terdapat warkah kajian yang memaparkan penggunaan kata-kata pujian daripada para saudagar, misalnya surat Enci' Lu Nga dari Perlis kepada Kapitan Light Dewa Raja pada 5 April 1785 (Lampiran G) dan surat Saudagar Rahsia Raja Kelantan kepada Gubernur Pulau Pinang pada 23 Jamadilawal 1209 (Lampiran E). Walaupun kata-kata pujian tersebut lebih ringkas daripada kebiasaan, namun unsur dalamnya cukup menimbulkan rangsangan dan tanggapan awal yang baik daripada penerima warkah. Yang membezakan struktur kata-kata pujian ini apabila tiadanya unsur kata-kata yang bersifat doa dan kata yang merujuk masa dalam surat Saudagar Rahsia Raja. Sebaliknya, surat Enci' Lu Nga pula hanya tidak mempunyai kata yang bersifat doa. Misalnya, dalam surat Saudagar Rahsia tertera kata-kata pujian seperti yang berikut:

Surat kasih sayang daripada kita syaudagar Rahsia Raja di negeri Kelantan sampai kepada sahabat beta Tuan Sennyur Gurnadur yang empunya perintah kebesaran dan kekayaan dalam Pulau Pinang.

Surat Enci' Lu Nga pula memaparkan penggunaan kata-kata pujian seperti yang berikut:

Surat tulus ikhlas daripada saya Enci' Lu Nga yang bermakam di bandar Perlis kota Indera Kayangan di negeri Kedah Darulaman datang kepada pihak sahabat saya Kapitan Light Dewa Raja yang istirahat di negeri Salang yang amat mengasihi handai taulan selagi ada cakrawala matahari dan bulan nantiasa kasi tiada berterusan, yang pandai memerintahkan dengan segala sahabatnya, bersetiawan telah masyhurlah arif bijaksana dengan perangai yang sempurna sampailah gahnya ke mana-mana dari atas angin dan ke baruh anginn kedengaran bahana.

Seterusnya, terdapat juga penggunaan kata-kata pujian oleh pegawai Belanda, iaitu dalam surat Reynier de Klerk di Batavia kepada Sultan Muhammad Bahauddin di Palembang pada 7 Mei 1779 (Lampiran F). Berdasarkan pemerhatian, bentuk penulisan kata-kata pujian dalam warkah pegawai Belanda tersebut menunjukkan banyak persamaan seperti yang terdapat dalam warkah golongan masyarakat Melayu. Situasi ini boleh dilihat seperti yang berikut:

Bahawa Gurnadur Jenderal Reynier de Klerk dan sekalian Raden van India berkirin ini surat ikhlas sahabat-bersahabat dan berkasih²an kepada sahabat handai taulannya Paduka Seri Sultan Ratu Muhammad Bahauddin, raja atas tahta kerajaan Palembang, dipohonkan atasnya sihat dan afiat serta daulat dan segala berkat yang boleh membahagiakan pada sendirinya berserta rakyat²nya istimewa pula sahabat-bersahabat pada antara Tuan Sultan dengan Kompeni Wolandawi, boleh tinggal tetap dan tegoh hingga zaman yang mutakhirin adanya.

Penggunaan kata-kata pujian oleh Reynier de Klerk tersebut ringkas, namun padat dengan unsur kelaziman kata-kata pujian. Pengaplikasian kata-kata pujian ini dalam warkah pegawai Belanda sebagai pengirim menunjukkan keadaan timbal balik telah berlaku. Hal ini membuktikan penggunaannya juga dipraktikkan pihak asing semata-mata menimbulkan komunikasi berterusan. Petikan tersebut menyatakan kaedah pengisytiharan nama pengirim dan penerima warkah berserta dengan jawatannya. Penggunaan kaedah kemesraaan, kaedah doa, penilaian kehandalan, dan konsep waktu ialah cara Reynier de Klerk menimbulkan hubungan baik dengan Sultan Bahauddin. Cara ini untuk memastikan setiap permintaan ditunaikan oleh baginda. Yang menariknya apabila terdapat kata yang sinonim dengan para sultan, iaitu kata “daulat” pada ungkapan yang bersifat doa “*dipohonkan atasnya sihat dan aflat serta **daulat** dan segala berkat yang boleh membahagiakan pada sendirinya...*”. Penggunaan *daulat* memperlihatkan pihak Belanda menghormati dan mengagungkan para sultan. Hal ini dikatakan demikian kerana konsep *daulat* ialah hak ataupun simbol yang hanya dimiliki oleh raja-raja Melayu untuk melambangkan unsur tuah, kemuliaan, keistimewaan, dan kelebihan yang dimiliki oleh seseorang raja itu (Raja Mashittah Raja Ariffin, 1999, p. 174).

Kesimpulannya, penerapan kata-kata pujian adalah sebagai pembuka komunikasi sebelum memerihalkan kandungan sebenar warkah. Bentuk pujian berfungsi sebagai lakuan bahasa yang membuka jalan kepada pengirim mengutarakan permintaannya. Walaupun begitu, pengirim haruslah terlebih dahulu mempertimbangkan latar belakang antara pemeran yang terlibat, terutama status atau sekatan sosial yang menentukan kedudukan mereka dalam masyarakat. Dengan itu, pengirim lebih berhati-hati ketika memilih ungkapan pujian yang sesuai untuk dilafazkan kepada penerima. Pengaplikasian kata-kata pujian ialah bentuk strategi komunikasi dengan pendekatan

langsung yang merangkumi kaedah pengisytiharan nama dan jawatan, kata-kata pujian bersifat kemesraan, kata-kata pujian dengan penilaian kehandalan, kata-kata pujian dengan konsep ruang, kata-kata pujian dengan konsep waktu, dan kata-kata pujian dengan kaedah doa. Kata-kata pujian dalam bentuk yang meleret-leret atau ringkas sebenarnya bergantung pada kepentingan kandungan yang ingin disampaikan.

3.1.4 Kandungan

Komponen kandungan dikatakan bahagian yang paling penting dalam penulisan warkah Melayu. Hal ini dikatakan demikian kerana komponen kandungan memperlihatkan segala inti pati atau persoalan tentang tujuan sesepucuk warkah diutuskan. Oleh itu, ketelitian semasa menulis segala isi atau perkara dalam komponen kandungan haruslah dititikberatkan oleh jurutulis. Hal ini supaya tujuannya difahami dengan sebaik-baiknya sekali gus menimbulkan kelangsungan pembacaan oleh penerima warkah.

Penulisan komponen kandungan boleh dikenali dan dibezakan daripada komponen kata-kata pujian melalui frasa-frasa bahasa Arab seperti *ammabadahu*, *wabadahu* yang bermaksud *selepas itu* dan diikuti dengan ungkapan bahasa Melayu, *kemudian daripada itu* (Gallop, 1994, p. 70). Berdasarkan bahan kajian, penggunaan frasa-frasa tersebut menyerlah pada pangkal ayat sebagai tanda bermulanya sesebuah kandungan warkah. Terdapat beberapa jenis ungkapan yang digunakan oleh jurutulis. Misalnya, ungkapan yang hanya terdiri daripada bahasa Arab seperti yang dinyatakan di atas, iaitu dalam surat Sultan Muhammad Fadl dari Sulu kepada Gabenor Hong Kong, Sir. John Francis David, 1845 (Lampiran U).

Terdapat surat yang hanya mempamerkan penggunaan ungkapan daripada bahasa Melayu sama ada menggunakan kata-kata khusus atau kata-kata bersifat makluman. Penggunaan kata-kata khusus seperti *kemudian daripada itu, maka* dan *syahadan* terpapar dalam surat oleh surat Raja Kimaleha Salahak Abdul Khadir Ibn Syahbuddin di Ambon kepada Gabenor Syarikat Hindia Timur pada 23 Mei 1658 (Lampiran A), surat Saudagar Rahsia Raja Kelantan kepada Gubernur Pulau Pinang pada 23 Jamadilawal 1209 (Lampiran E), surat Enci' Lu Nga dari Perlis kepada Kapitan Light Dewa Raja pada 5 April 1785 (Lampiran G), dan surat Sultan Abdul Jalil Khaliluddin dari Siak kepada Lord Minto pada 30 Mei 1811 (Lampiran O). Bagi kandungan yang menggunakan kata-kata bersifat makluman pula dapat dilihat dalam warkah Tunku Raja Mahkota di Anak Sungai kepada Orang Kaya Jeneral (J.C. Collet) di Bengkulu pada 1712 (Lampiran B), surat Sultan Gandam Syah Muko-Muko kepada Syarikat Hindia Timur Inggeris (EIC) pada September 1733 (Lampiran C), dan surat isteri Tunku Raja Muda Selangor kepada Francis Light di Pulau Pinang, Jumaat 28 Safar (Lampiran D). Kata-kata tersebut bertujuan untuk menyatakan isi secara terus dengan menggunakan frasa-frasa seperti *ini surat memeri tahu... , barang tahu... dan adalah menyatakan hal... .*

Namun begitu, penggunaan ungkapan yang paling dominan oleh jurutulis ialah penggabungan ungkapan daripada bahasa Arab dan bahasa Melayu secara sekali gus. Terdapat sebanyak 13 surat yang memperlihatkan gaya penulisan seperti *wabadahu kemudian daripada itu, ammadada maka adapun kemudian daripada itu, ammadadu daripada itu, wabadahu kemudian, wabadahu daripada itu, wabadahu al-kalam al-mazkur maka* dan *wabadahu kemudian daripada itu dimaklumkan*. Meskipun begitu, penggunaan kata-kata tersebut secara bersama dianggap lewah kerana membawa makna dan tujuan yang sama. Pengulangan tersebut sebagai satu ciri utama bahasa Melayu

klasik yang sukar untuk ditinggalkan. Raja Ali Haji (1829, p. 69-70) menyatakan pendiriannya tentang penggunaan kata-kata tersebut untuk menggambarkan permulaan isi kandungan. Baginya, unsur pengulangan kata tersebut sebagai suatu yang tidak perlu dilakukan oleh jurutulis:

Kemudian baharulah letakkan perkataan yang menceraikan perkataan puji-pujian dengan perkataan yang dimaksud, iaitulah 'wabadahu' atau 'ammabadahu'. Dan terlebih baik dan terlebih sempurna daripada menyebutkan 'daripada kalam al-mazkur' dan terlebih fasihat pula, daripada diberi makna 'adapun kemudian daripada itu', kerana makna 'ammabadahu' itu, iaitu 'adapun kemudian daripada itu.

Penggunaan ungkapan seperti *Ammabadahu* dan *Wabadahu* lazimnya ditulis sama seperti kata-kata daripada kandungan yang lain baik dari aspek gaya penulisan khat atau ketebalan huruf yang digunakan. Walau bagaimanapun, bagi jurutulis yang lebih peka, mereka akan membezakan kata-kata tersebut dengan gaya seni khat yang lain. Selain itu, tulisan hurufnya lebih tebal sebagai panduan kepada penerima membaca kandungannya. Ciri ini terdapat dalam warkah Sultan Ahmad dari Terengganu kepada Baron van der Capellen di Batavia pada 19 Mac 1824 (Lampiran S), surat Datuk Suliwatang dari Lingga kepada Baron van der Capellen di Batavia pada 2 April 1824 (Lampiran T), surat Susuhunan Ratu Hussain Diyauddin dari Palembang kepada Baron van der Capellen di Batavia pada 14 April 1823 (Lampiran Q), dan surat Sultan Syarif Kasim dari Pontianak kepada T. S. Raffles di Melaka pada 22 Mac 1811 (Lampiran N).

Dari aspek penulisan kandungan pula, ada jurutulis warkah yang memulakan pernyataan kandungan dengan kata-kata ucapan terima kasih atau penghargaan daripada pihak pengirim. Situasi sebegini berlaku sekiranya warkah tersebut warkah berbentuk balasan daripada komunikasi yang pernah berlaku sebelumnya antara pemeran tersebut. Bentuk isi kandungan seperti ini dapat diperhatikan dalam dua pucuk warkah, iaitu warkah Sultan Ismail dari Bima kepada Baron van der Capellen di Batavia pada 7 Oktober 1823 (Lampiran R) dan warkah Sultan Mahmud Syah dari Johor dan Pahang kepada T. S. Raffles di Melaka pada 5 Januari 1811 (Lampiran L) yang memaparkan petikan seperti di bawah:

Wabadahu daripada itu barang mafhum juga kiranya sahabat beta dari perkara **warkat al- Mubarak sahabat beta yang diihtimalkan kepada ganti sahabat beta John Scott Esquire dan Sayid Zain itu telah wasillah kepada beta dengan selamat sejahteranya serta hadiah yang termazkur itu.** Maka beta pun sambutlah dengan beberapa kesukaan dan keridaan, maka beta cabutlah daripada meterainya, maka terbukalah lipatannya serta beta tatap daripada awal satar hingga akhirnya. Maka beta pun mafhumlah barang yang termazkur di dalamnya mereka dan sahabat beta membayangkan kisah al-khair daripada sahabat beta hendak menolong beta. **Maka beta pun menerima syukurlah kepada Tuhan Allah al-‘Alamin segala sahabat beta suka menolong beta sepuluh kali beta suka menerima kasih daripada sahabat beta adanya.**

Petikan isi kandungan di atas memperlihatkan lakuan bahasa yang menunjukkan bahawa warkah tersebut sebagai warkah balasan daripada pengirim yang mungkin berlaku beberapa kali dengan penerima warkah. Dalam petikan tersebut, Sultan Mahmud Syah menyatakan ucapan penghargaan atas pemberian hadiah yang telah diterima baginda daripada penghantar surat sebelum ini. Di samping itu, ucapan itu

juga termasuklah kesediaan Raffles membantu baginda seperti permintaan dalam warkah sebelum ini.

Satu lagi bentuk penulisan permulaan kandungan ialah penulisan yang tidak menyatakan secara terus tujuan pengutusan warkah. Sebaliknya, penulis masih menulis ayat berbunga-bunga yang seolah-olah sebagai rantaian daripada komponen kata-kata pujian sebelum ini. Dalam ayat tersebut, dinyatakan sekali lagi ungkapan-ungkapan berunsur kemesraan, doa dan penilaian kehandalan yang ditujukan kepada penerima warkah. Penulisan dengan gaya ini dapat diamati dalam empat warkah, iaitu surat Sultan Ibrahim dari Selangor kepada Gubernur Pulau Pinang, Francis Light pada 6 April 1786 (Lampiran H), surat Susuhunan Ratu Hussain Dyauddin dari Palembang kepada Baron van der Capellen di Batavia pada 14 April 1823 (Lampiran Q), surat Sultan Ahmad dari Terengganu kepada Baron van der Capellen di Batavia pada 19 Mac 1824 (Lampiran S) dan surat Raja Jaafar, Yang Dipertuan Riau kepada C.P.J. Elout di Batavia pada 6 Ogos 1820 (Lampiran P) yang antaranya memperkatakan ayat berikut:

Wabadahu kemudian daripada itu barang maklum apalah kiranya seri paduka sahabat syaudara kita yang bangsawan perihal kita merafakkan sehelai warkat al-ikhlas yang tiada sepertinya ini ke hadapan majlis seri paduka sahabat syaudara kita yang bangsawan, menyatakan tulus dan ikhlas suci hati yang tiada berhijab selama-lamanya akan jadi meneguhkan pertambahan berkasih-kasih yang (tiada) tanam...

Ammabada maka adapun kemudian daripada itu akan ehwal kita melayangkan sekeping surat menyatakan tanda tulus dan ikhlas kepada sahabat kita karena tiada jua kita menaruh lupa akan sahabat kita seperti bersahabat dahulu hingga sampai sekarang jua adanya.

Di sebalik kerencaman penulisan bentuknya, kandungan warkah sosial Melayu memperlihatkan pernyataan berbagai-bagai aspek atau tujuan penting yang ingin disampaikan. Aspek tersebut melibatkan perkara politik, ekonomi, perdagangan, pengiktirafan, dan peribadi (Ab. Razak Ab. Karim, 2006c, p. 28). Kandungan warkah Melayu terbina daripada wacana yang panjang manifestasi ciri bahasa Melayu klasik sehingga menimbulkan kesukaran untuk mengenal pasti perkara utama yang diutarakan. Hal ini dikatakan demikian kerana aspek-aspek tersebut bercampur-baur antara satu sama lain. Berdasarkan bahan kajian, aspek penting dalam kandungan yang dapat dirungkaikan meliputi hal-hal tentang politik, ekonomi, perdagangan, dan hal-hal peribadi. Walau bagaimanapun, aspek-aspek tersebut bukanlah hanya perkara yang diperkatakan dalam satu-satu warkah. Hal ini dikatakan demikian kerana kajian mendapati bahawa terdapat isi lain yang turut mendasari komponen ini seperti lakuan bahasa yang bersifat meminta maklumat, mengemukakan pertanyaan, cadangan, menyatakan kehendak, dan membangkitkan cerita lain.

Perihal kandungan yang berkaitan aspek politik banyak dibincangkan dalam warkah-warkah yang dikaji. Isu-isu kepentingan politik seperti isu keselamatan dan kelangsungan sesebuah kerajaan Melayu secara umum dan raja-raja Melayu secara khususnya banyak diperkatakan kepada kuasa besar Inggeris dan Belanda. Hal ini dikatakan demikian kerana kerajaan Melayu di Nusantara ketika itu di bawah naungan kuasa Belanda dan Inggeris sehinggalah Perjanjian Inggeris Belanda dimeterai pada tahun 1824 yang sekali gus menentukan kawasan jajahan masing-masing. Kuasa raja-raja Melayu yang kian terbatas mendorong golongan diraja memberikan sokongan dan mendapatkan bantuan daripada pihak tersebut memandangkan merekalah yang berkuasa menentukan hal-hal politik. Tambahan pula, dengan faktor ketenteraan pihak

asing yang lebih hebat dari segi alatan dan angkatan perangnya berbanding dengan kerajaan Melayu.

Antara contoh warkah yang membicarakan aspek politik ialah warkah oleh Sultan Mahmud Syah dari Johor dan Pahang kepada Senyur Gurnadur Francis Light pada 10 November 1787 (Lampiran J), surat Sultan Abdul Jalil Khaliluddin dari Siak kepada Lord Minto pada 30 Mei 1811 (Lampiran O), dan surat Sultan Syarif Kasim dari Pontianak kepada T. S. Raffles di Melaka pada 22 Mac 1811 (Lampiran N). Dalam warkah pertama, Sultan Mahmud Syah meminta agar Francis Light menyampaikan segala hasratnya kepada Tuan Jeneral supaya menjadi orang tengah untuk menyelesaikan kemelut perjanjian antara kerajaan Melayu dengan Belanda. Hal ini bertitik tolak daripada kejayaan pihak Belanda membantu baginda mengusir orang Bugis dari Riau dan seterusnya berlaku perjanjian antara Komandan Jacob Peter van Braam dengan baginda. Namun, beliau akhirnya telah pulang ke Betawi bersama-sama dengan perjanjian. Lalu, beliau digantikan oleh Residen Ruhde David yang telah mengubah segala isi perjanjian sehingga menyebabkan kekacauan berlaku.

Warkah kedua pula memerihalkan sokongan Sultan Abdul Jalil terhadap kedatangan Lord Minto ke tanah Jawa dengan angkatan kapal perang untuk memerangi kuasa Belanda dan Perancis ketika itu. Sokongan diteruskan lagi dengan baginda menitahkan seratus orang rakyatnya untuk bersama-sama membantu angkatan perang Inggeris tersebut. Surat ketiga pula memperlihatkan tindakan Sultan Syarif Kasim yang meminta bantuan ketenteraan daripada pihak Inggeris. Inisiatif tersebut diambil kerana pada ketika itu, Pengiran Anom Sambas, Abdul Rashid Mento', dan lanun-lanun telah merompak wangkang (jong kecil) dari China dan membuat kekacauan terhadap pedagang-pedagang di Pontianak dan Mempawah. Oleh sebab itu, baginda

mengharapkan agar tangkapan ke atas mereka diambil oleh Raffles lantaran kekacauan itu mampu menggugat kemandirian, reputasi dan keselamatan kerajaan Pontianak.

Seterusnya, warkah yang membicarakan aspek ekonomi juga banyak diperkatakan oleh pengirimnya sama ada melibatkan golongan masyarakat Melayu, golongan Inggeris atau Belanda. Aspek ekonomi dilihat sebagai satu faktor utama berlakunya perhubungan antara orang Melayu dengan pihak luar. Hal ini dikatakan demikian kerana rantau Nusantara memiliki kekayaan ekonomi yang tinggi sehingga menjadi rebutan banyak pihak untuk mengeksploitasikannya bagi kegunaan mereka. Kekayaan tersebut terdiri daripada hasil-hasil hutan, hasil perlombongan, dan sebagainya.

Selain itu, hal yang berkaitan dengan hutang piutang dan pembayaran barang-barang dagangan juga ada diketengahkan oleh pengirimnya. Misalnya, surat oleh isteri Tunku Raja Muda Selangor kepada Francis Light di Pulau Pinang, Jumaat 28 Safar (Lampiran D), surat Gurnadur Reynier de Klerk di Batavia kepada Sultan Muhammad Bahauddin di Palembang pada 7 Mei 1779 (Lampiran F) dan surat Raja Jaafar, Yang Dipertuan Riau kepada C.P.J. Elout di Batavia pada 6 Ogos 1820 (Lampiran P). Surat pertama memperlihatkan tindakan isteri Tunku Raja Muda Selangor yang memaklumkan penerimaan wang sebanyak dua ratus lapan puluh ringgit hasil daripada jualan beras dan kain dua pasang. Beliau juga memaklumkan bahawa wang tersebut telah diserahkan kepada perantarnya, Lebai Abdul Khatib. Walaupun begitu, masih ada hutang yang belum dijelaskan, iaitu melibatkan bijih timah oleh pihak Inggeris.

Warkah kedua pula hanya menfokuskan aspek ekonomi sebagai kandungannya. Keadaan sebegini biasa sekiranya melibatkan pihak asing sebagai pengirim warkah kerana tujuan ekonomi faktor utama mereka meluaskan empayar sehingga Nusantara. Melalui surat itu, Reynier de Klerk mengucapkan penghargaan kepada Sultan Muhammad Bahauddin kerana menitahkan rakyatnya berkerja keras untuk membantu perniagaan Belanda di Palembang. Beliau juga menyeru agar pihak sultan sentiasa mematuhi perjanjian untuk membekalkan kepada Belanda tiga laksa pikul timah dan lada dengan harga tetap yang dipersetujui antara dua pihak tersebut. Yang ketiga pula ialah warkah yang membicarakan isu kelambatan urusan penghantaran hasil hutan, iaitu kayu kepada pihak Belanda kerana terdapat sedikit kekangan bagi pihak Sultan.

Di samping itu, kedatangan kuasa-kuasa Barat ke Asia pada awalnya juga adalah untuk menjalankan dasar perdagangan dan merkantilisme. Merkantilisme satu cara untuk mewujudkan negara yang kaya. Atas alasan inilah mereka mula menjalankan dasar penjajahan dan perdagangan, terutama perdagangan rempah untuk memecahkan kuasa monopoli oleh saudagar Islam (Hall, 1979, p. 580). Misalnya, kedatangan kuasa Barat seperti Belanda melalui Syarikat Hindia Timur Belanda (VOC) dan Inggeris melalui Syarikat Hindia Timur Inggeris (EIC) pada awalnya adalah untuk mendapatkan monopoli perdagangan rempah yang mendapat permintaan tinggi di Eropah.

Oleh itu, dalam kajian ini, kandungan tentang aspek perdagangan banyak diperkatakan dan menjadi agenda terpenting oleh dua kuasa besar tersebut dengan kerajaan Melayu. Aspek perdagangan ini merangkumi segala barang dagangan, izin berdagang, urus niaga, dan sebagainya. Warkah oleh Sultan Ahmad dari Terengganu kepada Baron van der Capellen di Batavia pada 19 Mac 1824 (Lampiran S), surat Sultan Mansur Riayat Syah dari Terengganu kepada Gurnadur, Francis Light pada 4

Februari 1792 (Lampiran K), dan surat Saudagar Rahsia Raja Kelantan kepada Gubernur Pulau Pinang pada 23 Jamadilawal 1209 (Lampiran E) antara warkah yang membicarakan aspek perdagangan sebagai kandungan warkah.

Surat pertama membicarakan masalah yang dihadapi oleh Sultan Ahmad apabila kapal dagangan baginda dihalang untuk menjalankan urusan niaga. Lantaran itu, baginda menitahkan Juragan Man, Abdul Rahim, Uthman, dan Abdul Samad bertemu dengan Tuan Jeneral Baron van der Capellen di Betawi untuk mendapatkan bantuan agar kapal dagangan baginda dapat meneruskan perjalanan ke Semarang. Selain itu, baginda juga memberikan perkenan kepada Tuan Jeneral untuk datang dan menjalankan urusan niaga di Terengganu. Baginda juga berjanji untuk mendapatkan barang dagangan seperti yang dikehendaki oleh pegawai Belanda tersebut.

Surat kedua pula menyatakan bahawa Sultan Mansur Syah telah menitahkan kepada syarikat saudagar Nasruddin untuk memungghakan barang dagangan seperti membalau dan belerang daripada kapal Kapitan Scott dan Lang. Atas titah baginda, dimuatkan pula lada empat ribu pikul, kapas, dan rotan untuk dibawa dan dijual ke China. Oleh itu, baginda meminta bantuan daripada Francis Light untuk menghantarkan wakil ke Terengganu dengan segala butiran daftar harga kepada saudagar Nasruddin sekiranya barang dagangan tersebut habis dijual. Warkah ketiga pula daripada saudagar Rahsia Raja Kelantan (Lampiran E) yang memaklumkan bahawa Raja Kelantan berkenan untuk memberikan keizinan kepada Francis Light membawa masuk kapal dagangan ke Kelantan seperti beliau menjalankan perdagangan dengan Terengganu. Baginda juga menjanjikan bekalan lada yang berterusan di samping sedikit emas. Sekiranya pihak Inggeris bersetuju, baginda pula ingin mendapatkan senapang, ubat

peluru, meriam sepanjang empat hasta daripada pihak Inggeris. Baginda juga berjanji akan memberikan harga yang lada yang lebih murah daripada Terengganu.

Kandungan warkah seterusnya melibatkan aspek peribadi yang membawa kepentingan tertentu bagi pihak pengirim. Warkah yang mengandungi aspek peribadi boleh dilihat dalam warkah Engku Sayid Muhammad Zain al Kudsi dari Lingga kepada T. S. Raffles di Melaka pada 6 Januari 1811 (Lampiran M) dan surat Sultan Ibrahim dari Selangor kepada Gubernur Pulau Pinang, Francis Light pada 6 April 1786 (Lampiran H). Surat pertama mengisahkan Engku Sayid yang ingin meminta belas kasihan daripada Raffles dalam segenap hal untuk membantu saudaranya, Tengku Pengiran. Hal ini dikatakan demikian kerana beliau begitu kasihan melihat akan penderitaan hidup yang dialami oleh Tengku Pengiran. Dalam warkah kedua pula membicarakan permintaan Sultan Ibrahim kepada Light agar dapat menumpangkan Haji Kassim dan dua orang anaknya untuk menunaikan haji di Mekah sekiranya ada kapal Syarikat Hindia Timur Inggeris atau kapal lain yang dapat melakukannya.

Dari segi penerapan gaya bahasa dalam isi kandungan memperlihatkan kebanyakan warkah menggunakan bahasa yang sederhana sahaja, iaitu jurutulis tidak banyak menggunakan bahasa bersifat kiasan atau perlambangan. Walaupun begitu, kajian mendapati bahawa terdapat sepucuk surat yang menampakkan pengaplikasian gaya bahasa kiasan. Misalnya, surat Sultan Alauddin dari Perak kepada Gurnadur Francis Light pada 23 Julai 1787 (Lampiran I) yang memperkatakan gaya bahasa kiasan seperti:

Syahadan adapun hal Gurnadur hendak biasa dengan kita itu, terlalulah kesukaan kita serta dengan benarnya sangat pada hati kita. adapun negeri Perak ini adalah umpama perempuan yang elok tetapi sungguhpun elok

ada pula lakinya, maka lakinya itu terlalu cemburu{n}nya. Dalam pada itu pun ada pula orang yang berkehendak akan perempuan itu, maka iaitu terlalu suka, tetapi lakinya itu terlalu amat karas apalah dianya perempuan itu. Maka negeri Perak pun demikian itulah, maka hendaklah Gurnadur baik² bicara, adapun yang karas itu d q-nya pun di atas karas juga. Gurnadurlah yang lebih tahu akan perintah itu.

Dalam petikan di atas, terdapat kelainan berbahasa oleh jurutulis sehingga menampakkan isi kandungannya berbeza berbanding dengan warkah-warkah yang lain. Hal ini dikatakan demikian kerana jurutulis menggunakan bentuk perumpamaan untuk menyatakan masalah yang sedang dihadapi baginda. Negeri Perak diumpamakan sebagai seorang perempuan baik yang menjadi rebutan banyak lelaki (kuasa/kerajaan lain). Namun, minat yang sangat cenderung kepada perempuan (Perak) menyebabkannya diperlakukan keras oleh pihak lelaki (kuasa/kerajaan lain). Oleh itu, baginda mengharapkan bantuan daripada Francis Light untuk menangkis kekerasan itu. Dapat dilihat bahawa aspek politik ditonjolkan dalam kandungan tersebut, walaupun aspek itu dipaparkan menerusi perlambangan yang kreatif. Penggunaan strategi komunikasi tidak langsung ini sekali gus menggambarkan kemahiran berbahasa yang tinggi oleh jurutulis tersebut.

Kesimpulannya, penulisan struktur kandungan yang baik mustahak kerana menjadi pemusatan perkara sebenar yang akan diberikan perhatian oleh pengirim dan penerima warkah. Oleh itu, penulisannya mestilah dirancang dengan teraturnya untuk memastikan kelangsungan kefahaman oleh penerima. Penggunaan ungkapan pemisah tertentu membantu penerima membezakan antara struktur kata-kata pujian dengan kandungan warkah. Warkah sosial Melayu juga memperkatakan kandungan yang pelbagai seperti politik, ekonomi, perdagangan serta hal-hal peribadi yang dapat

memberikan keuntungan kepada kedua-dua belah pihak. Namun begitu, gaya penulisannya yang bercampur aduk sedikit sebanyak menyukarkan penerima menentukan prioriti inti yang harus diambil tindakan. Namun, di sebalik kesukaran tersebut, kandungan warkah dapat menelusuri keseluruhan hubungan diplomatik masyarakat Melayu lampau.

3.1.5 Prapenutup

Prapenutup struktur warkah sosial biasanya diperturunkan selepas dinyatakan segala tujuan dalam kandungan warkah tersebut. Lazimnya, kedudukan struktur ini antara komponen kandungan dengan penutup. Prapenutup dalam warkah sosial memperlihatkan satu lagi bentuk strategi para pengirim untuk memastikan warkah tersebut diberikan keutamaan oleh penerima. Ab. Razak Ab. Karim (2006c, p. 16) menggunakan istilah salam mesra untuk merujuk komponen ini, iaitu bahagian yang memperkatakan secara khusus sebarang bentuk hadiah yang dititipkan bersama-sama dengan warkah yang diutuskan pengirim. Hadiah tersebut juga bergantung pada pemeran yang terlibat. Hadiah boleh berbentuk barangan, binatang dan sebagainya atau hadiah bukan berbentuk barangan seperti doa, salam, dan kata-kata indah serta beradat yang difokuskan kepada penerima warkah.

Strategi menggunakan rangsangan atau motivasi hadiah dalam sesebuah komunikasi lebih bertindak sebagai galakan yang bertujuan untuk mempengaruhi cara pemikiran atau psikologi seseorang. Hal ini dikatakan demikian kerana tingkah laku atau maklum balas positif daripada penerima adakalanya bergantung pada rangsangan melalui ganjaran. Meskipun begitu, ganjaran bagi pengukuhan terhadap warkah yang dihantar tidak semestinya berupa benda, malahan memadai hanya dengan ungkapan pujian mesra. Selain itu, menjadi kelaziman bagi masyarakat Melayu, khususnya

meraikan seseorang dengan penghargaan dalam bentuk hadiah selari dengan konsep yang diajarkan oleh Islam. Dengan cara sebegini, secara tidak langsung akan menimbulkan sifat saling mengasihi antara pihak yang terlibat.

Berdasarkan bahan kajian, sebanyak 16 pucuk warkah yang mengaplikasikan struktur prapenutup ini. Surat-surat tersebut daripada para sultan, pembesar, kerabat, dan saudagar kepada pegawai Inggeris dan Belanda. Selain itu, terdapat beberapa pengklasifikasian unsur prapenutup yang dapat dikesan dalam warkah sosial tersebut. Unsur tersebut ialah hadiah yang berupa barangan ataupun bersifat konkrit. Yang kedua pula hadiah yang bukan berbentuk barangan ataupun bersifat abstrak seperti doa, harapan, dan ungkapan yang baik dan indah kepada penerima warkah tersebut.

Penerapan unsur prapenutup yang menyatakan hadiah berbentuk barangan dapat dilihat dalam warkah oleh Sultan Ahmad dari Terengganu kepada Baron van der Capellen di Batavia pada 19 Mac 1824 (Lampiran S), surat Sultan Mansur Riayat Syah dari Terengganu kepada Gurnadur Francis Light pada 4 Februari 1792 (Lampiran K), surat Sultan Mahmud Syah dari Johor dan Pahang kepada T. S. Raffles di Melaka pada 5 Januari 1811 (Lampiran L), surat Engku Sayid Muhammad Zain al Kudsi dari Lingga kepada T. S. Raffles di Melaka pada 6 Januari 1811 (Lampiran M) dan surat Sultan Ismail dari Bima kepada Baron van der Capellen di Batavia pada 7 Oktober 1823 (Lampiran R). Misalnya, diperturunkan pernyataan prapenutup dalam surat-surat tersebut seperti yang berikut:

1. Maka suatu pun tiada hadiah daripada kita akan Tuan Jeneral akan dalil tulus dan ikhlas kita, hanyalah **keris sepanjang sebilah**, dan **lembing sepasang**, dan **kain besar sepasang**, dan **gading sepasang** tiadalah dengan sepertiinya. Adalah seumpama bungai setangkai adanya.
2. Maka tiadalah suatu cedera mata hanyalah **kain besar se{pa} pasang** akan anak kita dan lagi **sehelai kain besar** kepada sahabat kita Kapitan Scott tiadalah sepertiinya umpama bunga setangkai jua adanya.
3. Maka inilah tanda ikhlas daripada beta ada **gading dua kepala**, boleh sahabat beta terima dengan putih hati adanya.
4. Suatu pun tiada *burhan al-wujud wa dalil al-hayat* hanya tanda putih hati sahaja serta tulus dan ikhlas kita umpama sampah di tengah jalan kiriman kita kepada sahabat kita **tomba'dua batang**, **kasuh suasa satu** dan **kasuh perak satu** akan barang² gunanya.
5. Syahadan adalah Paduka Sultan dengan sekalian menteri akan mengzahirkan tanda hati tulus ikhlas beserta percintaan yang tiada berkeputusan, iaitu **dua pasang kudah merah** dan **sepasang kudah kembang dua r-y-n** dan **satu bungkus lilin** yang tiada dengan sepertiinya.

Contoh petikan-petikan di atas menunjukkan penggunaan prapenutup dengan kaedah pernyataan hadiah berbentuk barangan yang diutuskan oleh pengirim kepada penerima warkah. Hadiah tersebut boleh dikategorikan seperti yang berikut pula:

Binatang	: kuda
Barangan hiasan	: keris, lembing, kain, gading dua kepala, tombak, kasut perak, kasut suasa
Barangan lain	: lilin

Pemberian hadiah berupa barangan ini memberikan gambaran tentang kekayaan dan kekuasaan yang dimiliki oleh pihak pengirim. Misalnya, pemberian hadiah keris dan lembing oleh Sultan Ahmad kepada Baron van der Capellen secara tidak langsung mengangkat keunikan penggunaan senjata yang sinonim dengan masyarakat Melayu. Keris juga simbol penting bagi seseorang raja dan istana Melayu kerana bukan semua orang sewenang-wenangnya dapat memiliki atau menyimpan keris pada waktu itu. Oleh itu, hadiah yang diterima oleh pegawai Belanda tersebut merupakan suatu penghormatan yang tidak berbelah bahagi daripada sultan.

Jika diperhatikan, terdapat juga pernyataan perumpamaan oleh pengirim untuk merujuk bahawa hadiah yang diutuskan tersebut tidaklah memiliki tanda harga yang tinggi. Hadiah itu disandarkan dengan benda lain yang menunjukkan kesederhanaan sifat barang tersebut. Penggunaan perumpamaan seperti ini berupaya untuk menyerlahkan kesantunan yang tinggi oleh golongan Melayu, khususnya menggunakan ragam bahasa merendah. Menurut Za'ba (1969, p. 207), bahasa merendah ialah ujaran yang santun sifatnya, iaitu menyatakan sesuatu itu kecil atau kurang dengan tujuan merendahkan diri pada zahirnya. Pada masa yang sama bertujuan untuk menimbulkan suasana kondusif antara pemeran. Berdasarkan contoh satu hingga empat di atas, terdapat penggunaan perumpamaan yang begitu jelas dan juga menjadi unsur lazim

dalam penulisan struktur prapenutup seperti *seumpama bunga setangkai adanya, putih hati adanya* dan *umpama sampah di tengah jalan kiriman kita*.

Selanjutnya, ditelusuri pula penggunaan prapenutup yang membingkiskan hadiah bukan berupa barangan seperti doa, hormat, harapan, dan ungkapan baik dan indah. Antaranya terdapat dalam warkah oleh Datuk Suliwatang dari Lingga kepada Baron van der Capellen di Batavia pada 2 April 1824 (Lampiran T), surat Raja Jaafar, Yang Dipertuan Riau kepada C.P.J. Elout di Batavia pada 6 Ogos 1820 (Lampiran P), surat Sultan Muhammad Fadl dari Sulu kepada Gabenor Hong Kong, Sir. John Francis David pada 1845 (Lampiran U), surat Sultan Gandam Syah Muko-Muko kepada Syarikat Hindia Timur pada September 1733 (Lampiran C), surat Sultan Mahmud Syah dari Johor dan Pahang kepada Senyur Gurnadur, Francis Light, 1787 (Lampiran J), dan surat isteri Tunku Raja Muda Selangor kepada Francis Light di Pulau Pinang pada Jumaat 28 Safar (Lampiran D). Yang berikut diperturunkan pernyataan prapenutup dalam surat-surat tersebut:

1. Maka suatu pun tiada alamat al-hayat yang sahaya persembahkan, hanyalah **tabik sahaya dengan beberapa hormat** dengan kemuliaan duli Seri Paduka Tuan Besar serta diberi *Khaliq al-'alam* **panjang umur di dalam dunia ini** juga demikianlah adanya.
2. Satu pun tidak akan pengiring akhir syatar ini hanyalah **tabik kita bebanyak²** jua adanya.
3. Syahadan lagi maka kita wartakan betul² oleh kerana dari dahulu kala sampai pada zaman sekarang ini akan Raja Suluk dengan Raja Inggeris **tiada berputusan antarah keduanya bersaudarah** dan **tiada bercarai pada hal berharap-harapan**.

4. Satu pun belum cendera mata hamba kepada Kompeni melainkan **hati putih dan jernih pada tiap² malam dan siang.**
5. Kemudian daripada itu suatu pun tiada alamat al-ikhlas daripada kita akan sahabat kita, **hanyalah doa daripada tiap² hari malam dan siang.**
6. ... **izzat bertambah² sihat.**

Bingkisan hadiah yang bukan berbentuk barangan merupakan satu lagi strategi komunikasi oleh pengirim surat untuk melahirkan suasana kemesraan ataupun perasaan hormat kepada penerima surat. Walaupun tidak menggunakan hadiah yang bersifat kebendaan, namun ungkapan ini juga mampu mempengaruhi cara bertindak oleh penerima terhadap warkah tersebut. Pernyataan hadiah seperti ini boleh dikenal pasti dalam petikan contoh di atas, iaitu menerusi ungkapan-ungkapan yang dapat dikelaskan seperti yang berikut:

- | | |
|-----------------------------------|--|
| Pernyataan doa | : beroleh selamat umur panjang, hanyalah doa daripada tiap ² hari malam dan siang dan izzat bertambah sihat |
| Pernyataan hormat | : tabik sahaya dengan beberapa hormat, tabi ²² berserta hormat, dan tabik kita bebanyak ² |
| Pernyataan harapan | : hati putih dan jernih pada tiap ² malam dan siang |
| Pernyataan mesra dan indah | : hati putih dan jernih pada tiap ² malam dan siang, tiada berputusan antarah keduanya bersaudarah dan tiada bercerai pada hal berharap harapan |

Di samping itu, terdapat sepucuk surat yang daripada Saudagar Rahsia Raja Kelantan kepada Gubernur Pulau Pinang pada 23 Jamadilawal 1209 (Lampiran E) yang memperlihatkan suatu kelainan dari segi gaya bahasa dalam komponen prapenutup ini. Hal ini dikatakan demikian kerana dalam komponen prapenutup warkah tersebut, beliau menyatakan bahawa tiada sebarang hadiah kepada pegawai Inggeris tersebut kerana kekangan waktu. Pernyataan oleh beliau dapat dilihat seperti yang tertera di bawah:

Maka suatupun tiada kiriman beta akan sahabat karena tiada sempat hendak cahari barang yang patut.

Kaedah penulisan tersebut dilihat sebagai suatu tindakan yang agak berani dan jujur oleh saudagar Rahsia Raja kerana menggunakan sisi penulisan lain daripada kebiasaan. Meskipun begitu, kajian berpendapat bahawa cara penulisan sebegini menonjolkan sedikit kelemahan bagi pihak saudagar Rahsia Raja dan berupaya untuk mempengaruhi respons yang akan diberikan terhadap warkah tersebut. Pernyataan komponen prapenutup ini pada asasnya bukanlah suatu kemestian. Namun, suatu kelebihan pada sesepucuk warkah mengambil berat tentang isi prapenutup ini meskipun telah dinyatakan kata-kata pujian pada awalnya. Hal ini dikatakan demikian kerana rangsangan hadiah juga mampu menentukan hala tuju tindakan yang akan diambil oleh penerima warkah, selain menganggap dirinya lebih dihargai.

Selain itu, sebanyak tiga pucuk surat yang telah menyatakan kedua-dua unsur pernyataan hadiah, iaitu berbentuk barangan dan bukan barangan dalam struktur binaan prapenutup. Surat tersebut melibatkan:

1. Surat Enci' Lu Nga dari Perlis kepada Kapitan Light Dewa Raja pada 5 April 1785. (Lampiran G)

Syahadan adalah hadiah daripada saya akan sahabat saya **dian sebungkus** dan **daun teh satu peti** tiada dengan sepertinya, umpama setangkai bunga yang bermala jua adanya. Melainkan saya **punya tabik juga banyak pada sahabat saya**.

2. Surat Sultan Abdul Jalil Khaliluddin dari Siak kepada Lord Minto pada 30 Mei 1811. (Lampiran O)

Kemudian daripada itu suatu pun tada burhan al-ujud [a-j-w-d) daripada kita kepada sahabat kita, anyalah ada **seorang budak**, lagi² akan tanda harab serta ikhlas hati yang putih, **lain daripada itu doa al-khayr**.

3. Surat Sultan Syarif Kasim dari Pontianak kepada T. S. Raffles di Melaka pada 22 Mac 1811. (Lampiran N)

Maka suatupun tiada alamat al-hayat hanyalah kita punya khormat berserta kita punya tabi' diperbanya'² kepada sahabat kita Tuan Thomas Raffles Esquire. Dan lagi kita **kirim tabi'' bserta hormat** kepada sahabat kita punya bini dan anak² semua minta' beroleh **selamat umur panjang jua adanya**.

... Dan lagi kita ada kirim **dua ekor orang utan** di dalam tangan Kapitan s-m-y-d ini kepada sahabat kita Tuan Thomas Raffles Esquire boleh terima jua adanya.

Surat-surat di atas membuktikan bahawa terdapatnya penerapan prapenutup yang menggunakan pernyataan hadiah berbentuk barangan seperti lilin (dian), daun teh (makanan dan minuman), seorang budak (manusia), dua ekor orang utan (binatang), dan pernyataan hormat dan doa seperti *punya tabik juga banyak pada sahabat saya*, *lain daripada itu doa al-khayr* dan *selamat umur panjang jua adanya*. Penggunaan

kedua-dua pernyataan hadiah ini dapat membayangkan penghargaan dan penghormatan yang begitu tinggi daripada Encik Lu Nga, Sultan Abdul Jalil Khaliluddin dan Sultan Syarif Kasim kepada penerima warkah, iaitu Kapitan Light Dewa, Lord Minto dan Raffles. Namun begitu, sedikit perbezaan dalam contoh petikan ketiga apabila pernyataan hadiah kedua tersebut dinyatakan sambungannya selepas komponen penutup.

Kesimpulannya, penulisan struktur prapenutup dalam sesepucuk warkah sebagai salam mesra daripada pihak pengirim kepada penerima sebelum memasuki komponen penutup warkah. Kebiasaannya, pernyataan prapenutup membicarakan hadiah yang akan dibingkiskan bersama-sama dengan warkah tersebut sama ada hadiah berupa barangan ataupun bukan barangan. Namun, kajian juga mendapati bahawa terdapat warkah yang menyatakan kedua-duanya sekali sebagai tanda hubungan mesra dan penghormatan yang tinggi daripada pengirimnya. Penulisannya dengan kata-kata yang penuh beradab bertindak sebagai strategi untuk memastikan penumpuan lebih oleh penerima terhadap warkah yang dihantar. Hal ini dikatakan demikian kerana rangsangan hadiah satu galakan yang bertujuan untuk mempengaruhi cara pemikiran, psikologi, dan tindakan seseorang.

3.1.6 Penutup

Komponen terakhir dalam struktur warkah sosial ialah komponen penutup, iaitu komponen yang bertindak sebagai penamat terhadap komunikasi yang berlangsung antara pemeran terlibat. Menurut Ab. Razak Ab. Karim (2006c, p. 29), lakuan performatif penamat lazimnya digunakan oleh pengirim dalam komponen penutup, iaitu dengan pernyataan hari, tarikh, dan tahun warkah tersebut ditulis. Pada bahagian ini juga, pernyataan tarikh lazimnya berasaskan takwim Islam, iaitu penggunaan tahun

hijrah berserta perkiraan bulan-bulan dalam Islam. Namun begitu, aspek-aspek tersebut bergantung pada pengirimnya kerana terdapat sesetengah pengirim, khususnya pegawai barat yang mengaplikasikan kalendar Masihi dalam surat-menyuratnya.

Bahagian penutup ini kadangkalanya dipisahkan atau tidak dipisahkan daripada bahagian isi warkah atau prapenutup warkah. Jika terdapat pemisahan antaranya, akan terdapat ruang kosong dan pengarang biasanya akan menggunakan seni khat yang rapi dan menarik untuk menulis bahagian penutup warkah ini. Kandungan maklumat yang termaktub dalam penutup sesepucuk warkah berbeza antara satu warkah dengan warkah yang lain, tetapi umumnya mengandungi nama tempat surat ditulis, tahun hijrah, bulan, nama hari, waktu surat ditulis, dan kadangkala nama jurutulis (Gallop, 1994, p. 86).

Kesemua 21 pucuk warkah sosial yang dikaji memiliki komponen penutup yang terdiri daripada pelbagai cara penulisannya. Kajian juga membahagikan dapatan struktur ini kepada tiga aspek utama, iaitu komponen penutup dengan frasa-frasa khusus, komponen penutup dengan unsur latar sahaja dan ketiga yang menggabungkan kedua-duanya sekali. Komponen penutup dengan frasa-frasa khusus suatu gaya penulisan yang ringkas oleh jurutulis tanpa menyatakan pernyataan latar yang dianggap penting sebagai rujukan apabila berlaku sebarang kemungkinan yang tidak diingini. Biasanya, frasa-frasa khusus ini daripada kata-kata bahasa Arab atau bahasa Melayu yang mungkin ditulis pada aras perenggan yang sama dengan komponen prapenutup atau komponen kandungan atau berdiri dengan sendirinya pada aras lain.

Terdapat sebanyak tiga pucuk surat dengan gaya penulisan seperti ini, iaitu surat Sultan Gandam Syah Muko-Muko kepada Syarikat Hindia Timur pada September 1733 (Lampiran C), surat Sultan Muhammad Fadl dari Sulu kepada Gabenor Hong Kong,

Sir. John Francis David, 1845 (Lampiran U), dan surat Tunku Baginda Raja Mahkota di Anak Sungai kepada Orang Kaya Jenderal J.C. Collet di Bengkulu pada 1712 (Lampiran B). Didapati bahawa penggunaan ungkapan khusus dalam bahasa Arab seperti *tammāt al-kalam wa-‘llahu alam bi-al-h-w-a-b, hakadha intaha al-kalam* dan “tamat” sangat ketara pada baris-baris akhir warkah tersebut. Walaupun kata-kata tersebut terlalu ringkas, namun ungkapan itu lengkap untuk menyatakan penamatan terhadap komunikasi yang dijalankan dan juga sebagai ucapan salam perpisahan oleh pengirim warkah.

Bagi dapatan kedua pula, kajian mendapati bahawa terdapat komponen penutup yang hanya menyatakan unsur latar sebagai gaya penulisan daripada jurutulis warkah. Pernyataan latar tempat dan latar masa seperti nama hari, tarikh, dan tahun warkah ialah satu usaha pengirim memperincikan warkah yang dihantar sekali gus menggambarkan ketelitian penulisan warkah. Di samping itu, telah dinyatakan sebelum ini bahawa penurunan unsur latar ini sangat penting kepada pengirim warkah sebagai rujukan ataupun bukti sekiranya terdapat masalah pada kemudiannya. Sebanyak enam pucuk surat yang menunjukkan gaya penulisan seperti ini, iaitu:

1. Surat Sultan Ismail dari Bima kepada Baron van der Capellen di Batavia pada 7 Oktober 1823. (Lampiran R)

Termaktub **di dalam tanah Bima** pada **hari Isnin sehari bulan Safar** ‘ala hijrat Nabi Muhammad s-m **sanat 1239** dalam.

2. Surat Sultan Abdul Jalil Khaliluddin dari Siak kepada Lord Minto pada 30 Mei 1811. (Lampiran O)

Diperbuat warkah ini **di {a}dalam Pulau Penyengget** kepada **dua puluh lima hari bulan Syawal malam sabtu tarikh al-sanat 1235**.

3. Surat Sultan Syarif Kasim dari Pontianak kepada T. S. Raffles di Melaka pada 22 Mac 1811. (Lampiran N)

Diperbuat surat ini kepada **dua puluh enam hari bulan Safar** yaum **al-Jumaat pada tarikh sanat 1226**.

4. Surat Sultan Mahmud Syah dari Johor dan Pahang kepada T. S. Raffles di Melaka pada 5 Januari 1811. (Lampiran L)

Tersurat warkat ini kepada **Sembilan hari bulan Zulhijjah** pada **hari Jumaat jam pukul tiga** pada hijrat al- Nabi sallallahu alaihi wassalam **seribu dua ratus dua puluh lima tahun bertarikh sanat 1225**.

5. Surat Raja Jaafar, Yang Dipertuan Riau kepada C.P.J. Elout di Batavia pada 6 Ogos 1820. (Lampiran P)

Sanat 1226 kepada tujuh hari bulan Jamadiawal hari Jumaat fi waktu **pukul sepuluh siang hari**.

Berdasarkan contoh-contoh di atas, kajian mendapati bahawa terdapat beberapa kaedah pula oleh jurutulis untuk menyatakan unsur penggunaan latar dalam bahagian tersebut. Latar tempat kurang digunakan dalam dapatan jenis kedua ini berbanding dengan latar masa. Hanya dua pucuk surat yang mengaplikasikannya, iaitu surat dalam contoh pertama (1) *di dalam tanah Bima* dan contoh kedua (2) *di{a}dalam Pulau Penyengget* yang dengan jelasnya menyatakan lokasi surat dikarang. Hal ini secara tidak langsung memudahkan pengecaman dan pengenalpastian surat oleh penerima warkah

tersebut. Melalui pembuktian ini, kajian berpendapat bahawa pernyataan latar tempat dan latar masa yang menjadi unsur utama sebagai variasi atau pilihan dalam struktur penutup warkah sosial.

Selain itu, kajian juga mendapati bahawa sistem pengiraan dalam tahun Islam, tahun Hijrah, telah diterapkan dalam pernyataan latar masa. Penggunaannya yang meluas bertitik tolak daripada pengaruh Islam di rantau Nusantara sejak abad ke-13. Oleh sebab itu, gaya penulisan warkah Melayu tidak terkecuali dipengaruhi dengan takwim Islam bagi rujukan latar masa oleh para pengirim. Misalnya, dalam contoh pertama hingga kelima warkah di atas dengan jelasnya menggunakan hari, bulan, dan tahun Islam seperti hari Isnin, Sabtu, dan Jumaat, bulan *Syawal*, *Safar*, *Zulhijjah* dan *Jamadiawal*, dan tahun hijrah seperti *sanat 1239*, *al-sanat 1235* *sanat 1226*, *seribu dua ratus dua puluh lima tahun bertarikh sanat 1225* dan *Sanat 1226*. Pernyataan latar masa dengan lebih rinci, iaitu menyatakan pukul ataupun waktu warkah tersebut dihasilkan juga telah diaplikasikan oleh pengarang. Pernyataan *jam pukul tiga* dan *pukul sepuluh siang hari* dalam contoh warkah keempat dan kelima membuktikan bahawa adanya variasi penulisan latar masa dalam komponen struktur penutup warkah Melayu.

Yang berikutnya pula penerapan unsur ketiga dalam komponen penutup warkah, iaitu dengan penggabungan frasa-frasa khusus daripada bahasa Arab atau bahasa Melayu dan unsur latar seperti latar tempat atau latar masa secara sekali gus. Penggunaan kedua-dua pernyataan ini boleh bersilih ganti dari segi kedudukannya. Ada surat yang memperlihatkan unsur frasa-frasa khusus mendahului unsur latar dan ada yang sebaliknya. Gaya penulisan seperti ini boleh dilihat dan dikenal pasti menerusi contoh-contoh yang berikut:

1. Surat Sultan Ahmad dari Terengganu kepada Baron van der Capellen di Batavia pada 19 Mac 1824. (Lampiran S)

...Tamat.

Terkarang warkat ini **di dalam negeri Terengganu**, kepada **delapan belas hari bulan Rajab**, hari **Jumaat**, **jam pukul tujuh**, **tarikh sanat 1239**.

2. Surat Sultan Ibrahim dari Selangor kepada Gubernur Pulau Pinang, Francis Light pada 6 April 1786. (Lampiran H)

Tammāt al-kalam. Tersurat pada hari **Isnin** pada **enam hari bulan Jamaldilakhir**, **sanat 12(00)**.

3. Surat Sultan Alauddin dari Perak kepada Gurnadur, Francis Light pada 23 Julai 1787. (Lampiran I)

... *Intaha al-kalam.*

Tersurat pada **tujuh hari bulan Syawal** hari **Isnin** waktu **loha** **sanat 1201**.

4. Surat Sultan Mahmud Syah dari Johor dan Pahang kepada Senyur Gurnadur Francis Light pada 10 November 1787. (Lampiran J)

... *Tammāt al-kalam*

Tersurat warkat ini kepada **dua puluh sembilan hari bulan Muharam** **sanat 12(09)**.

5. Surat Datuk Suliwatang dari Lingga kepada Baron van der Capellen di Batavia pada 2 April 1824. (Lampiran T)

... *Tammāt al-kalam bi-al-khayr wa-al-salam khatam.*

Termaktub warkat ini **di dalam negeri Lingga** kepada **tarikh dua hari bulan Syaaban** hari **Jumaat** waktu **jam pukul dualapan siang** **sanat 1239**.

6. Surat Raja Kimaleha Salahak Abdul Khadir Ibn Syahbuddin di Ambon kepada Gabenor Syarikat Hindia Timur pada 23 Mei 1658. (Lampiran A)

Hijrat nabi salahu alaihi wasalam **seribu enam puluh dua lapan pada taun z-r-h** tatkala surat ini **pada tanah Mengkasyar** pada **bulan sa'ban dua puluh hari bulan pada hari Khamis pada waktu s-n-h-y-a wa-** katibuha Kimelaha Salaha Abdul kadir *wa-salam bi al-khair hh.*

Di samping itu, kajian ini juga mendapati bahawa adanya penulisan yang agak unik atau menarik dalam komponen penutup, iaitu penggunaan kata “likur”. Perkataan likur sering digunakan sebagai penanda penggantian kepada bilangan “dua puluh”. Kata ini juga merujuk nombor dua puluh satu hingga dua puluh sembilan dalam perkiraan orang-orang Melayu (Ab. Razak Ab. Karim, 2006c, p. 18). Contoh perkataan tersebut dapat dilihat pada bahagian penutup surat-surat tersebut:

1. Surat isteri Tunku Raja Muda Selangor kepada Francis Light di Pulau Pinang pada Jumaat 28 Safar. (Lampiran D)

Berbuat surat ini pada delapan **likur** hari bulan Safar pada hari Jumaat waktu Loha dewasanya *Tammam al-kalam*

2. Surat Enci' Lu Nga dari Perlis kepada Kapitan Light Dewa Raja pada 5 April 1785. (Lampiran G),

Pergi surat ini pada lima **likur** bulan Jamadilawal hari selasa, pada sanat 1199 tahun Ha. *Tammam al-kalam*

3. Surat Saudagar Rahsia Raja Kelantan kepada Gubernur Pulau Pinang pada 23 Jamadilawal 1209. (Lampiran E)

Perbuat surat ini pada tiga **likur** hari bulan Jamadilawal hari Arba, sanat 12(0)9 tahun. Tamat

Seterusnya, terdapat sepucuk warkah yang mengaplikasikan penggunaan latar masa dengan sistem perkiraan mengikut kalendar Masihi dalam pernyataan struktur penutup. Gaya penulisannya dalam warkah Gurnadur Reynier de Klerk di Batavia kepada Sultan Muhammad Bahauddin di Palembang pada 7 Mei 1779 (Lampiran F) sememangnya dijangka memandangkan pihak barat akan menggunakan sistem perkiraan tarikh mereka apabila mengutuskan warkah. Hal ini dapat dilihat butirannya seperti “Tammāt al kalam bi-al-khayr. Tersurat dalam Kota Intan Pulau Jawa Besar pada **tujuh hari bulan Mei tahun seribu tujuh ratus tujuh puluh sembilan**”. Perkiraan bulan dan tahun berlandaskan kalendar Masihi seperti *bulan Mei tahun seribu tujuh puluh sembilan* kepada sultan Melayu dikaitkan dengan rutin pegawai Barat tersebut semasa menguruskan aktiviti yang berkaitan dengan kerajaan Belanda. Pendirian ini memudahkan pihak Barat membentuk keseragaman rujukan dari segi latar masa dalam segala urusan politik, ekonomi, dan perdagangan.

Kesimpulannya, komponen penutup dalam warkah sosial Melayu terbina daripada tiga dimensi yang berbeza. Yang pertama ialah penulisan penutup dengan frasa-frasa khusus yang lazimnya berasal daripada bahasa Arab atau bahasa Melayu. Frasa-frasa ini juga bertindak untuk menggambarkan salam perpisahan atau menamatkan peristiwa bahasa dalam warkah. Seterusnya, pernyataan penutup kedua dengan penggunaan unsur latar masa atau latar tempat sahaja. Penggunaan takwim Islam berasaskan Tahun Hijrah diberikan keutamaan oleh jurutulis memandangkan pengaruh Islam yang sangat besar ketika itu. Namun, sistem perkiraan tahun Masihi juga diterapkan, khususnya pegawai

Barat sebagai pengirimnya. Gaya yang ketiga pernyataan ungkapan khusus dan latar masa atau tempat secara serentak sebagai tanda pengakhiran sebuah komunikasi.

3.2 Variasi Warkah Sosial

Bukan semua warkah sosial yang dikaji memiliki struktur binaan seperti yang telah dibincangkan sebelum ini. Hal ini dikatakan demikian kerana panduan struktur warkah sosial tersebut bukanlah bersifat mutlak. Terdapat kelainan bentuk yang dihasilkan jurutulis yang akhirnya boleh menimbulkan satu variasi gaya penulisan warkah sosial Melayu. Pada asasnya, variasi ini wujud ekoran daripada faktor pemeran yang terlibat dalam surat-menyurat tersebut. Oleh itu, terdapat beberapa variasi warkah daripada struktur umum warkah sosial Melayu (Ab. Razak Ab. Karim: 1998 & 2006c) yang telah dikenal pasti. Variasi struktur berdasarkan bahan kajian ini dapat dibahagikan seperti yang berikut:

1. Warkah tanpa kepala surat
2. Warkah tanpa cap
3. Warkah tanpa kata-kata pujian
4. Kandungan prapenutup di luar acuan komponen
5. Warkah tanpa kata prapenutup
6. Penggunaan tandatangan dalam warkah

Keenam-enam variasi tersebut tidak mematuhi stuktur umum warkah sosial. Perbincangan lebih lanjut bagi setiap variasi warkah tersebut dapat dilihat seperti yang terpapar di bawah ini.

3.2.1 Warkah Tanpa Kepala Surat

Berdasarkan bahan kajian, kajian mendapati bahawa terdapat tiga pucuk warkah yang tidak menurunkan penggunaan kepala surat sebagai komponen pertama yang membina sesepucuk warkah sosial Melayu. Warkah tersebut melibatkan para sultan atau raja sebagai pengirim. Sebaliknya, penerima warkah tersebut pula terdiri daripada pegawai Inggeris dan Belanda yang berbeza dari segi jawatan yang disandang. Warkah tersebut antaranya:

1. Surat Raja Kimaleha Salahak Abdul Khadir Ibn Syahbuddin di Ambon kepada Gabenor Syarikat Hindia Timur pada 23 Mei 1658. (Lampiran A)
2. Surat Tunku Baginda Raja Mahkota di Anak Sungai kepada Orang Kaya Jeneral (J.C. Collet) di Bengkulu pada 1712. (Lampiran B)
3. Surat Sultan Muhammad Fadl dari Sulu kepada Gabenor Hong Kong, Sir. John Francis David, 1845. (Lampiran U)

Variasi warkah-warkah di atas secara tidak langsung menggambarkan bahawa komponen kepala surat yang biasanya daripada ungkapan bahasa Arab bukanlah menjadi suatu kemestian yang wajib dipatuhi. Hal ini juga membuktikan bahawa kehadiran komponen ini dalam warkah bersifat selektif yang mungkin telah dipertimbangkan dan dipersetujui antara jurutulis dengan para sultan. Tiadanya penggunaan kepala surat ini juga boleh berlaku ekoran daripada pendirian tegas daripada pihak sultan dan raja-raja. Hal ini dikatakan demikian kerana penggunaan ungkapan pada kepala surat tersebut melambangkan kemuliaan, kekuasaan, dan taraf sosial. Oleh itu, timbul kesedaran akan ketertinggian taraf yang dimiliki oleh para sultan berbanding dengan pegawai Inggeris tersebut. Tambahan pula, timbul kenyataan

bahawa golongan Eropah tersebut hanyalah orang asing yang berjawatan lebih rendah dan tidak berkepentingan di negeri baginda.

Selain itu, keengganan untuk melakarkan kepala surat ini juga boleh ditelusuri daripada kandungan makna dalam kepala surat yang kebanyakannya membawa pengertian berunsurkan Islam. Perbezaan agama yang wujud antara pemeran mempengaruhi pendirian para sultan yang melihat ungkapan Islam sebagai suatu yang bersifat istimewa. Semestinya, ungkapan tersebut tidak sesuai untuk dinyatakan dalam surat yang melibatkan pegawai beragama Kristian sebagai penerima warkah untuk mengelakkan sentimen agama. Jika terdapat sekalipun penggunaan kepala surat, hanyalah yang berkaitan dengan ungkapan yang merujuk alam semula jadi seperti yang diterangkan sebelum ini.

Oleh itu, dapat disimpulkan bahawa warkah yang tidak mengandungi kepala surat boleh dipengaruhi oleh beberapa faktor daripada seseorang raja atau sultan yang memerintah. Pendirian tegas oleh sultan untuk tidak mengakui akan status yang dimiliki oleh pegawai Eropah dan menganggap wujudnya perbezaan taraf dengan mereka telah menjadi pemangkinnya. Hal ini juga secara tidak langsung membuktikan bahawa komponen ini merupakan pilihan semata-mata.

3.2.2 Warkah Tanpa Cap

Variasi warkah yang berikutnya memperlihatkan bentuk kelainan yang boleh dikatakan sebagai *major variation*, iaitu apabila terdapatnya warkah yang tidak mengaplikasikan cap. Kepentingan penurunan cap telah dinyatakan pada sebelum ini, iaitu mendukung beberapa makna tertentu kepada pengirim, mahupun penerima warkah tersebut. Oleh hal yang demikian, dalam bahagian ini, akan dibincangkan warkah Melayu yang tidak

memiliki cap, iaitu sepucuk surat daripada isteri Tunku Raja Muda Selangor kepada Francis Light di Pulau Pinang pada Jumaat 28 Safar (Lampiran D).

Surat tersebut menonjolkan kelainan kerana diutuskan oleh seorang wanita dan hanya berpangkat isteri kepada Tunku Raja Muda Selangor. Jika diperhatikan, beliau sememangnya tidak mempunyai kuasa dalam pentadbiran kerajaan ketika itu. Berdasarkan surat tersebut juga, kandungannya lebih menjurus hal ekonomi antara beliau dengan Francis Light dan bukannya hal yang melibatkan kepentingan kerajaan secara menyeluruh. Hal ini dapat dilihat dalam kandungan surat yang memperkatakan hutang-hutangnya kepada Francis Light serta penerimaan wang hasil daripada jualan kain dan beras yang telah dihantar oleh Francis Light kepada beliau.

Warkah tersebut memperlihatkan bahawa isteri diraja sekalipun tidak berhak memiliki keistimewaan yang melebihi pemilikan oleh para sultan secara khusus atau pihak lelaki secara amnya. Keterbatasan keistimewaan memungkinkan tiadanya pemilikan dan penggunaan cap oleh isteri Tunku Raja Muda Selangor ke atas surat yang diutuskan sekali gus membezakan surat tersebut dengan surat-surat yang lain. Hal ini juga selaras dengan pendapat yang mengatakan bahawa hanya golongan raja, pembesar, kerabat, dan bangsawan yang berhak memiliki cap bagi tujuan pengenalan diri. Di samping itu, situasi ini juga berlaku kesan daripada sistem sosial masyarakat Melayu yang beriktikad tidak meletakkan kedudukan kaum wanita setaraf dengan kaum lelaki. Sebaliknya, kaum ini dikecilkan lagi peranannya dalam kehidupan sosial. Hal ini dibuktikan dengan keterbatasan peranan wanita yang terkandung dalam kitab *Bustan'us-Salatin* seperti yang dinyatakan Muhammad Yusof Hashim (1988, p. 301) bahawa:

Selepas kemangkatan Sultan Iskandar Thani, baginda digantikan oleh empat orang raja wanita, iaitu Ratu Taj'ul-Alam Safiatuddin Syah, Ratu Nur'ul-Alam Naqiatuddin Syah, Ratu Zakiatuddin Inayat Syah dan Ratu Kamalat Diauddin Syah. Didapati bahawa sepanjang pemerintahan keempat-empat orang ratu ini Aceh sering mengalami keruwetan. Akhirnya, di kalangan para ulama Aceh terpaksa merujuk ke Mekah, Syeikh'ul-Islam, untuk mendapat ketetapan hukum mengenai perlantikan ratu-ratu di kalangan masyarakat Melayu-Islam Aceh. Mekah memberikan fatwa bahawa perlantikan ratu-ratu tersebut tidaklah sah di sisi hukum Islam. Lalu didapati ratu yang akhir sekali telah digantikan oleh Sultan Badrul-Alam Syariff Hasyim, dan seterusnya diikuti oleh raja-raja lelaki belaka.

3.2.3 Warkah Tanpa Kata-Kata Pujian

Variasi seterusnya wujudnya warkah yang dibina tanpa menggunakan kata-kata pujian. Apabila berbicara tentang kata-kata pujian, perkara utama yang mendasarinya ialah penggunaan ungkapan yang berorientasikan pemujukan yang mampu mempengaruhi psikologi penerima terhadap warkah. Walaupun begitu, terdapat warkah yang tidak mengaplikasikan kaedah ini. Hal ini secara tidak langsung membayangkan tanggapan awal yang kurang baik daripada penerima warkah. Hal ini dikatakan demikian kerana kata-kata pujian sebagai pembuka komunikasi sebelum memasuki inti kandungan yang hendak disampaikan dalam warkah. Berdasarkan penelitian terhadap bahan kajian, terdapat sepucuk surat yang tidak memasukkan komponen kata-kata pujian sebagai satu strategi komunikasi warkah. Surat tersebut daripada Tunku Baginda Raja Mahkota di Anak Sungai kepada Orang Kaya Jenderal, J.C. Collet di Bengkulu pada 1712 (Lampiran B).

Setelah diamati, warkah ini memperlihatkan kandungan yang lebih bersifat makluman penting daripada Tunku Raja Mahkota tentang perkara politik, ekonomi, dan sosial kepada pegawai Inggeris tersebut. Aspek-aspek tersebut dilihat sebagai perkara yang lebih utama dan mustahak untuk diutarakan sehingga mengabaikan penggunaan kata-kata pujian awalnya. Di samping itu, warkah tersebut juga tergolong sebagai warkah yang tidak mempunyai kepala surat. Oleh itu, kajian ini mendapati bahawa ketegasan yang berterusan dan tidak mudah tunduk kepada kuasa asing oleh Tunku Raja Mahkota sebagai faktor tiadanya penggunaan kata-kata pujian yang lebih memperlihatkan sanjungan yang agak keterlaluan kepada pegawai Inggeris.

Pendirian yang tegas Tunku baginda ini dilihat selari dengan pegangan yang dibawa oleh Abdullah Munsyi. Beliau lantang mengkritik penggunaan kata-kata pujian oleh orang-orang Melayu yang termuat dalam rencana Kebodohan Puji-Pujian Yang Tersebut dalam Surat-surat Kiriman Orang Melayu tahun 1840 (dipetik daripada Gallop, 1994, p. 68). Beliau menyarankan agar orang Melayu mengabaikan penggunaan adat istiadat lama yang membazir dan membelenggu mereka. Pendiariannya bertitik tolak daripada:

1. Bahasa adalah pemberian Tuhan dan atas sebab itulah manusia tidak boleh mensia-siakan penggunaan bahasa.
2. Semahir atau setulus sekalipun seseorang penulis itu namun jika ia menyalahgunakan kaedah penulisan kata puji-pujian, kepandaiannya tidak akan dihargai.
3. Puji-pujian yang begitu sarat dengan sanjungan boleh menyebabkan orang yang miskin dan rendah tarafnya lupa akan daratan dan pada sangkaannya papan kotor yang didudukinya itu seakan-akan tahkta atau singgahsana.

4. Puji-pujian juga menggambarkan bahawa bangsa Melayu gemar menghabiskan masa dengan perkerjaan yang tidak berfaedah.
5. Surat yang berpuji-pujian diibaratkan sayur dengan rambut yang bererti bercampur bodoh dengan pandai.

3.2.4 Kandungan Prapenutup di Luar Acuan Komponen

Variasi keempat dalam bahan kajian ini pula melibatkan warkah yang menunjukkan kandungan prapenutup di luar komponen yang sepatutnya. Hal ini bermaksud bahawa terdapat jurutulis meletakkan tambahan isi prapenutup pada bahagian akhir sekali, iaitu selepas komponen penutup. Hal ini mungkin berlakunya ralat oleh jurutulis yang terlupa memasukkan isi-isi penting prapenutup pada tempatnya. Antara surat yang bercirikan ini adalah seperti yang berikut:

1. Surat Sultan Syarif Kasim dari Pontianak kepada T. S. Raffles di Melaka pada 22 Mac 1811. (Lampiran N)

... diperbuat surat ini kepada dua puluh enam hari bulan safar yaum al-Jumaat pada tarikh sanat 1226. **Dan lagi kita ada kirim dua ekor orang utan di dalam tangan Kapitan s-m-y-d ini kepada sahabat kita Tuan Thomas Raffles Esquire boleh terima jua adanya.”**

2. Surat Engku Sayid Muhammad Zain al Kudsi dari Lingga kepada T. S. Raffles di Melaka pada 6 Januari 1811. (Lampiran M)

... tersurat pada sepuluh hari bulan Zulhijjah hari Ahad waktu jam pukul sembilan tarikh sanat 1225. **Kemudian lagi baginda tambahi satu perahu kecil kepada kakanda tengku Pengiran dengan selengkapnya adanya.**

Jika dilihat pada warkah-warkah tersebut, terdapat satu gaya penulisan tersendiri yang telah dicipta oleh jurutulis. Kandungan isi-isi tambahan pada komponen prapenutup yang berupa hadiah berbentuk barangan dalam keadaan menyendeng secara bertentangan daripada keadaan asal di sebelah kanan di bawah penurunan cap. Dapat diperhatikan lagi bahawa terdapat penggunaan kata *kemudian lagi* dan *dan lagi* pada surat-surat di atas sebagai penanda kewujudan wacana dalam isi yang hendak diutarakan. Kata-kata tersebut sebagai penghubung yang memberikan maklumat tambahan kepada sesuatu perkara yang telah diperkatakan sebelumnya (Nik Safiah Karim et. al, 2008, p. 526). Penggunaan penanda penghubung ini juga diterapkan sebagai satu cara mewujudkan kesinambungan antara ayat dengan frasa sekali gus memberikan kefahaman yang berterusan kepada pembaca.

Seterusnya, dapat diperhatikan juga bahawa pengirim surat daripada para sultan dan penerimanya pula ialah Raffles yang pada ketika itu memegang jawatan sebagai Leftenan Jeneral British di Melaka. Dengan jawatan tersebut, sememangnya beliau mempunyai hubungan dua hala yang baik dengan para sultan dalam bidang politik, ekonomi, dan sosial yang pada hakikatnya dikuasai oleh pegawai Inggeris tersebut. Oleh sebab itu, Raffles mungkin beranggapan bahawa kelainan tersebut sebagai suatu perkara biasa dan kecil. Tambahan pula, hubungan erat antara sultan dengan beliau menyebabkan berlakunya keadaan struktur sesebuah warkah kurang dipatuhi oleh jurutulis (Ab. Razak Ab. Karim, 2006c, p. 38).

3.2.5 Warkah Tanpa Prapenutup

Dalam kebanyakan warkah Melayu sosial, penggunaan prapenutup sebagai tanda penghargaan dan membalas budi atas kerjasama oleh penerima warkah tersebut. Penggunaan prapenutup berupaya untuk menggambarkan perbuatan santun yang diamalkan oleh mana-mana pengirim warkah. Seperti yang dinyatakan sebelum ini bahawa pernyataan pada bahagian prapenutup ini boleh berupa hadiah berbentuk barangan ataupun bukan barangan. Namun begitu, terdapat enam pucuk warkah yang tidak memasukkan unsur ini. Warkah tersebut melibatkan pemeran yang berbeza seperti yang berikut:

Sultan dengan pegawai Inggeris

1. Surat Raja Kimaleha Salahak Abdul Khadir Ibn Syahbuddin di Ambon kepada Gabenor Syarikat Hindia Timur pada 23 Mei 1658. (Lampiran A)
2. Surat Tunku Baginda Raja Mahkota di Anak Sungai kepada Orang Kaya Jeneral (J.C. Collet) di Bengkulu pada 1712. (Lampiran B)
3. Surat Sultan Ibrahim dari Selangor kepada Gubernur Pulau Pinang, Francis Light pada 6 April 1786. (Lampiran H)
4. Surat Sultan Alauddin dari Perak kepada Gurnadur, Francis Light pada 23 Julai 1787. (Lampiran I)

Sultan dengan pegawai Belanda

5. Surat Susuhunan Ratu Hussain Diyaudhin dari Palembang kepada Baron van der Capellen di Batavia pada 14 April 1823. (Lampiran Q)

Pegawai Belanda dengan Sultan

6. Surat Gurnadur Reynier de Klerk di Batavia kepada Sultan Muhammad Bahauddin di Palembang pada 7 Mei 1779.

(Lampiran F)

Ketiadaan prapenutup dalam warkah-warkah tersebut boleh ditelusuri oleh beberapa faktor pemangkin yang mempengaruhi pendirian seseorang pengirim warkah tersebut. Misalnya, tiadanya struktur prapenutup dalam warkah oleh pihak sultan di atas merupakan suatu yang sangat subjektif dan sukar untuk ditafsirkan dalam kajian ini. Meskipun begitu, ketiadaan komponen prapenutup dalam warkah Raja Mahkota boleh dikaitkan secara langsung dengan sifat peribadi baginda sendiri. Hal ini dikatakan demikian kerana warkah tersebut sekali lagi memperlihatkan sifat tegas baginda yang tidak terdapat dalam surat-surat yang lain. Konsistennya pendirian oleh baginda telah dinyatakan sebelum ini apabila warkah tersebut tidak memasukkan komponen lain yang juga mengagung-agungkan dan memuliakan pihak asing seperti kepala surat dan kata-kata pujian.

Di samping itu, kelainan warkah tanpa prapenutup juga terdapat dalam warkah pegawai Belanda, iaitu gabenor Reynier de Klerk kepada Sultan Bahauddin. Perkara sebegini sememangnya sudah dapat diramalkan memandangkan beliau mempunyai jawatan dan taraf sosial yang agak tinggi. Oleh itu, kemungkinan tiadanya keperluan bagi beliau membingkiskan sebarang bentuk hadiah kerana tradisi tersebut mungkin sinonim bagi masyarakat Melayu tetapi asing bagi pihak luar.

3.2.6 Penggunaan Tandatangan dalam Warkah

Variasi warkah sosial terakhir ialah warkah yang menurunkan tandatangan untuk menandakan kesahihan sesepucuk warkah, selain penggunaan cap. Hanya terdapat sepucuk warkah yang memperlihatkan kelainan seperti ini, iaitu warkah yang diutuskan oleh isteri Tunku Raja Muda Selangor kepada Francis Light di Pulau Pinang, Jumaat 28 Safar (Lampiran D). Hal ini berlaku memandangkan beliau hanyalah kerabat raja yang tidak mempunyai hak eksklusif untuk memiliki cap sebagai lambang kuasa dan pengenalan dirinya.

Oleh sebab itu, jurutulis akan menurunkan tandatangan nama pengirim warkah tersebut untuk menggantikan fungsi cap. Walaupun tiada tandatangan langsung oleh isteri Raja Muda Selangor, namun sebagai gantinya, wakil beliau yang juga jurutulis warkah, iaitu Lebai Abdul Khatib telah menurunkan tandatangannya. Warkah ini menunjukkan tandatangannya di bahagian bawah warkah, iaitu selepas komponen penutup warkah yang tertera perkataan "*ini tapa' tangan Lebai Abdul Khatib menyuratnya surat ini.*" Walaupun begitu, Ab. Razak Ab. Karim (2006c, p. 43) menyatakan bahawa tandatangan yang digunakan dalam warkah sosial masih menunjukkan penggunaan yang amat kurang oleh jurutulis warkah sosial Melayu.

Rumusannya, bukan semua warkah yang dikaji memperlihatkan keseragaman struktur yang mendasarinya. Hal ini dikatakan demikian kerana kajian ini mendapati bahawa wujudnya variasi dalam penulisannya manifestasi bahawa struktur tersebut bukanlah bersifat mutlak yang perlu dipatuhi oleh jurutulis warkah. Wujudnya kelainan seperti warkah tanpa kepala surat, warkah tanpa cap, warkah tanpa kata-kata pujian, kandungan prapenutup di luar acuan isi, warkah tanpa prapenutup, dan penggunaan tandatangan dalam warkah dipengaruhi oleh banyak faktor. Faktor tersebut antaranya

pemeran yang terlibat, taraf sosial antara pemeran, ketegasan pengirim, kandungan yang diperkatakan, dan faktor-faktor lain seperti perbezaan agama, wujudnya keralatan, dan kurang kefahaman tentang syarat penulisan warkah sosial.

3.3 Rumusan

Bidang analisis wacana bukan sahaja memperkatakan persoalan struktur makna malahan penelitian terhadap struktur bentuk yang mendasari sesebuah wacana. Analisis struktur teks penting kerana dapat memerihalkan pengorganisasian sesebuah wacana. Dengan analisis struktur teks, tahap interpretasi penghasilan dan sifat wacana dapat ditelusuri sekali gus membayangkan hala tuju sesebuah wacana. Berdasarkan perbincangan di atas, dapat disimpulkan bahawa warkah sosial seperti genre wacana lain, iaitu memiliki struktur atau bentuk wacana yang tersendiri. Kebiasaannya, struktur binaannya berpandukan enam komponen umum yang dipraktikan oleh pewacana atau penulis warkah. Hal ini sekali gus mentafsirkan bahawa ada enam perkara utama yang menjadi inti pati dalam warkah sosial tersebut. Lantaran itu, struktur sebahagian besar warkah sosial ini memperlihatkan susunan secara menegak (hierarki) seperti yang berikut:

1. Kepala surat
2. Cap
3. Kata-kata Pujian
4. Kandungan
5. Prapenutup
6. Penutup

Susun atur menegak di atas diklasifikasikan sebagai unsur penting kerana menentukan kehadiran komponen yang mendahului dan komponen yang mengikuti dalam wacana terbabit. Hal ini dikatakan demikian kerana struktur yang mendasari warkah tersebut manifestasi satu proses yang diikuti oleh proses lain. Dalam erti kata lain, komponen struktur warkah sosial merupakan beberapa proses yang bermula daripada proses pertama, proses kedua hinggalah proses terakhir. Oleh itu, warkah sosial Melayu yang dikaji memperlihatkan kepala surat sebagai proses yang pertama seterusnya diikuti oleh penggunaan cap sebagai proses kedua. Proses berikutnya pula ialah pengaplikasian kata-kata pujian, diikuti proses menulis kandungan warkah, prapenutup, dan penutup. Proses-proses tersebut mempunyai perkaitan antara satu sama lain untuk menandakan kesatuan yang dikenali sebagai genre.

Berdasarkan dapatan kajian, setiap struktur wacana tersebut digarap berasaskan faktor tertentu kerana setiapnya lahir daripada kepentingan persekitaran masyarakat pada ketika itu. Hal ini dikatakan demikian kerana masyarakat Melayu lampau amat menitikberatkan kewujudan sekatan sosial, khususnya melibatkan status pengirim dan penerima warkah. Oleh itu, stratifikasi sosial dalam masyarakat Melayu tradisional berupaya untuk menentukan setiap penggunaan komponen tersebut dalam warkah. Misalnya, pemilihan kepala surat sangat bergantung pada tujuan penulis tersebut dan hubungan sosial yang terlibat antara pengirim dengan penerima warkah. Kepala surat dengan ungkapan yang merujuk nama-nama tuhan dan metafora kepada pegawai Barat memperlihatkan usaha oleh golongan Melayu, khususnya sultan atau raja, membezakan taraf sosialnya. Di samping, itu letak susunnya kepala surat itu juga membawa konotasi tertentu yang berkait rapat dengan hubungan sosial antara pemeran yang terlibat.

Penggunaan cap juga membayangkan status sosial dan ketinggian kuasa oleh pengirimnya, selain membezakan mereka dengan golongan lain. Dalam konteks masyarakat Melayu, pemilikan sesebuah cap bukanlah suatu yang diperoleh dengan mudah atau sewenang-wenangnya. Hal ini dikatakan demikian kerana hanya golongan teratas seperti sultan, para pembesar, kerabat, saudagar, dan pegawai asing yang berhak memiliki cap sebagai tanda persetujuan dan pengesahan terhadap warkah. Seterusnya, pengaplikasian kata-kata pujian adalah sebagai satu bentuk strategi komunikasi oleh pengirim. Penggunaannya mengambil kira latar belakang pemeran yang terlibat, terutamanya tentang sekatan sosial yang menentukan kedudukan mereka dalam masyarakat. Dengan itu, pengirim mempunyai pilihan menyatakannya secara panjang atau ringkas kepada penerima bergantung pada bentuk hubungan yang ingin dihasilkan.

Struktur kandungan warkah juga menitikberatkan soal hubungan antara pengirim dengan penerima warkah. Warkah yang memperkatakan perkara politik, ekonomi, perdagangan, serta hal-hal peribadi manifestasi hubungan sedia ada atau hubungan baharu yang ingin diwujudkan antara pemeran. Misalnya, kandungan berorientasikan peribadi lazimnya berkait secara langsung dengan hubungan erat antara pemeran. Hal yang sama juga berlaku apabila struktur prapenutup dan penutup berperanan sebagai salam mesra dan salam perpisahan, walaupun konsep yang diterapkan berbeza sama sekali. Prapenutup membicarakan pementakan hadiah bersama-sama dengan warkah yang berupa barangan ataupun bukan barangan sebagai tanda kemesraan dan penghormatan tinggi daripada pengirim. Sebaliknya, struktur penutup ialah tindakan performatif penamat dan frasa khusus bertindak untuk mengakhiri komunikasi warkah.

Pertimbangan tersebut seakan selari dengan pandangan Fairclough (1992, p. 78) bahawa struktur teks menyalurkan banyak pemahaman tentang sistem pengetahuan, kepercayaan serta andaian tentang hubungan dan identiti sosial yang terbina dalam genre teks wacana. Walaupun begitu, kewujudan variasi struktur dalam beberapa warkah kajian menggambarkan bahawa panduan yang dinyatakan di atas bukanlah bersifat mutlak. Faktor seperti pemeran yang terlibat, status sosial antara pemeran, kandungan yang diperkatakan antara sebab lahirnya warkah tanpa kepala surat, warkah tanpa cap, warkah tanpa kata-kata pujian, kandungan prapenutup di luar acuan komponen, warkah tanpa prapenutup, dan penggunaan tandatangan dalam warkah. Namun begitu, dapatan struktur wacana warkah sosial tetap menggambarkan bahawa masyarakat pada waktu itu sangat mementingkan satu prosedur sistematik standard untuk memerihalkan wacana mereka. Selain untuk memperkenalkan, mengembangkan, dan mempertahankan sesuatu topik, struktur teks juga mampu memaparkan agenda-agenda tertentu dalam teks tersebut.

BAB 4

KOHESI DALAM WARKAH-WARKAH SOSIAL

4.0 Pengenalan

Bab ini akan membincangkan dimensi tekstual seterusnya, iaitu aspek kohesi dalam warkah sosial. Pendekatan kohesi yang dikemukakan oleh Halliday & Hasan (1976) dijadikan sebagai kerangka asas bagi analisis bahagian ini seperti yang disarankan oleh Fairclough (1992, p. 77). Menurut Halliday & Hasan (1976, p. 6), kohesi satu unsur semantik yang merujuk hubungan makna yang terdapat dalam teks yang dapat melahirkan sebuah teks yang utuh. Penggunaan kohesi dikelaskan melalui dua kategori utama, iaitu gramatikal dan leksikal yang melibatkan unsur-unsur kohesi rujukan, penggantian, elipsis atau pengguguran, penghubung, dan pernyataan semula serta kolokasi (leksikal). Unsur kohesi dalam teks berupaya untuk melihat hubungan semantik suatu unsur linguistik dengan unsur linguistik yang lain. Hal ini dapat melahirkan sebuah teks yang mempunyai pertalian antara satu sama lain sekali gus membentuk kesatuan fikiran.

4.1 Konsep Kohesi

Fairclough (1992, p. 77) menjelaskan bahawa analisis kohesi adalah untuk meneliti cara sesuatu klausa dijalin dengan klausa lain bagi membentuk ayat dan ayat-ayat tersebut pula dijalin untuk membentuk unit-unit teks yang lebih besar. Maklumat-maklumat yang berkisar tentang jalinan ini relevan untuk menghuraikan penggunaan pendekatan mod retorik sesebuah teks oleh pewacana. Menurutnya lagi, kohesi suatu bentuk kajian semantik yang meninjau hubungan antara unsur bahasa dalam sesebuah teks. Apabila memperkatakan perihal kohesi, pendekatan kohesi oleh Halliday & Hasan (1976) akan

menjadi sandaran utama kajian seperti yang disarankan oleh Fairclough (1992, p. 77). Halliday & Hasan (1976) menerusi Komponen Fungsian Sistem Semantik melihat unsur kohesi yang berlaku dalam bahasa Inggeris sebagai hubungan makna yang wujud dalam wacana. Dengan hubungan ini, pelbagai bentuk ayat dan bahagian yang mendasari wacana dapat dihuraikan sebaik-baiknya. Menurut mereka, terdapat tiga komponen utama fungsi semantik yang mendasari pembinaan kohesi dalam teks, iaitu ideasional, interpersonal, dan tekstual.

Ideasional satu komponen sistem linguistik yang berkaitan langsung dengan ekspresi kandungan yang terbina daripada unsur penting seperti logikal, manakala interpersonal komponen yang lebih berkisar tentang fungsi sosial, perasaan, dan konatif dalam bahasa. Beliau menegaskan bahawa komponen ideasional dan interpersonal lebih mewakili penutur yang bertindak sebagai pemerhati. Sebaliknya, komponen tekstual pula ialah pembentukan sesebuah teks dalam sistem linguistik untuk menjadikannya sebagai teks yang dapat bertaut dengan unsurnya sendiri serta dengan situasi konteks.

Di samping itu, mereka juga menegaskan bahawa wujud perkaitan antara aspek semantik dengan kohesi, iaitu kohesi merupakan satu aspek semantik yang merujuk hubungan makna yang terdapat dalam teks sekali gus menterjemahkannya sebagai sebuah teks yang utuh. Kohesi wujud apabila adanya interpretasi terhadap beberapa elemen dalam wacana yang bergantung antara satu sama lain sehingga dapat melahirkan teks yang padu. Oleh itu, teks yang padu dan utuh dikatakan lahir daripada kesatuan semantik yang ditunjangi oleh makna logikal, gramatikal, leksikal, dan tekstual.

Manifestasi pandangan ini, Halliday & Hasan (1976, p. 6) membahagikan kohesi kepada dua aspek utama, iaitu kohesi tatabahasa dan kohesi leksikal. Seterusnya, mereka memperincikan kohesi tatabahasa melibatkan kajian unsur rujukan, penggantian, dan elipsis, manakala kohesi leksikal pula kajian tentang ikatan kata yang merangkumi unsur pernyataan semula dan kolokasi. Mereka menjelaskan bahawa penanda penghubung sebenarnya berada antara kedua-dua jenis kohesi tersebut. Namun begitu, kohesi penghubung lebih terarah kepada kohesi tatabahasa tetapi mengandungi komponen leksikal dalamnya. Pencerakinan tersebut juga bertitik tolak daripada teori linguistik, sistem, dan kategori yang dibentuk oleh Halliday pada 1962. Oleh itu, tumpuan deskripsi pengklasifikasian kohesi dalam kajian ini ialah jenis dan subjenis kohesi seperti yang diutarakan mereka dan cerakinan itu boleh ditelusuri seperti yang berikut:

Jadual 4.1: Pengklasifikasian Kohesi oleh Halliday & Hasan (1976)

Kohesi Tatabahasa	Kohesi Leksikal
Rujukan	Pernyataan semula
Penggantian	Kolokasi
Elipsis	
Penghubung	

4.2 Kohesi Tatabahasa

Kesinambungan sesebuah teks melalui peranan tatabahasa membayangkan struktur makna yang lebih umum. Kohesi tatabahasa yang tertumpu terhadap aspek struktur memperlihatkan wujudnya hubungan suatu bentuk bahasa antara pernyataan atau ayat pembentukan wacana (Halliday & Hasan, 1976, p. 290). Dalam erti yang lebih mudah, kohesi tatabahasa menghubungkan suatu unsur linguistik pada aras gramatikal dengan unsur linguistik gramatikal lain, iaitu tumpuan antara ayat dengan ayat yang lain.

Keserasian hubungan antaranya menyerlahkan unsur yang mengandaikan dan unsur yang diandaikan untuk membolehkan dua unsur tersebut disatukan dalam sebuah wacana (Halliday & Hasan, 1976, p. 4). Oleh itu, kohesi tatabahasa dibayangkan menerusi pengaplikasian beberapa kaedah, antaranya rujukan, penggantian, elipsis, dan penghubung yang boleh ditelusuri secara rinci menerusi perbincangan yang selanjutnya di bawah.

4.2.1 Kohesi Rujukan

Kohesi rujukan ialah hubungan semantik antara unsur tatabahasa yang mempunyai makna dalam sesebuah wacana. Kebiasaannya, kohesi rujukan diperihalkan apabila terdapat unsur-unsur dalam sesebuah teks yang lebih cenderung merujuk aspek yang lain untuk mendapatkan interpretasi (Halliday & Hasan, 1976, p. 31). Terdapat dua unsur yang mendasari kohesi rujukan, iaitu yang bersifat eksofora dan endofora. Kohesi rujukan dengan unsur eksofora digambarkan apabila unsur yang menjadi rujukan tidak berada dalam teks, sebaliknya kedudukannya dalam situasi konteks wacana. Unsur endofora pula berlaku apabila unsur yang dirujuk berada dalam teks sama ada yang berfungsi sebagai anafora (untuk mendahului teks) atau katafora (untuk mengikuti teks). Oleh itu, mereka membahagikan kohesi rujukan ini kepada tiga subjenis, iaitu rujukan peribadi (*personal*), rujukan penunjuk (*demonstrative*), dan rujukan bandingan (*comparative*). Namun begitu, kajian menunjukkan bahawa penulis-penulis warkah sosial dominan mengaplikasikan rujukan peribadi dan rujukan penunjuk dalam penulisannya.

4.2.1.1 Rujukan Peribadi

Halliday & Hasan (1976, p. 43-44) berpandangan bahawa sistem rujukan peribadi rujukan yang diinterpretasikan berdasarkan fungsi sesebuah situasi komunikasi atau pertuturan yang berlaku. Mereka memperincikan rujukan peribadi kepada tiga kategori yang mewakili fungsi “perorangan”, iaitu kata ganti diri (*personal pronouns*), penentu milik (*possessive determiner*), dan kata ganti milik (*possessive pronouns*). Meskipun begitu, dalam konteks kajian ini, tumpuan perbincangan lebih terarah kepada kata ganti diri memandangkan unsur ini dominan digunakan dalam wacana warkah sosial Melayu. Kategori ini dikenal pasti oleh kata ganti diri orang pertama, orang kedua, dan orang ketiga dan memperlihatkan garis silang daripada kategori bilangan seperti bentuk jamak dan mufrad.

Pendapat yang sama juga diutarakan Asmah Omar (2008, p. 70-71) dan Nik Safiah Karim *et. al.* (2008, p. 87), iaitu kata ganti diri orang merujuk manusia dan terbahagi kepada tiga subsistem seperti orang pertama, kedua, dan ketiga. Penggunaannya pula dibezakan berdasarkan bentuk jamak (banyak) dan bentuk mufrad (tunggal). Oleh hal yang demikian, rujukan peribadi yang hadir dalam komunikasi warkah sosial ini berupaya untuk menggambarkan hubungan interpersonal antara pemeran yang terlibat. Hal ini dikatakan demikian kerana penggunaan kata ganti diri selain konteks nahunya, juga mampu dilihat dari aspek sosiolinguistik yang mengambil kira taraf sosial pengguna bahasa yang terlibat dalam sesebuah peristiwa bahasa, darjah hubungan keintiman antara pihak tersebut, dan judul yang diperkatakan (Asmah Omar, 2009, p. 86-87). Yang berikut akan diperjelas penggunaan rujukan ganti diri pertama dan ketiga dalam wacana warkah yang menitikberatkan fungsi atau konteks komunikasi yang melingkunginya.

(a) Rujukan Peribadi Kata Ganti Diri Pertama

Rujukan ganti diri orang pertama dalam kajian ini dikenal pasti dengan kehadiran beberapa ungkapan seperti *kita*, *kami*, *saya*, *sahaya*, *hamba*, dan *beta*. Kesemua ungkapan ini digunakan untuk merujuk dan mewakili pengirim warkah daripada golongan sultan atau raja, kerabat, pembesar, pegawai Belanda, dan saudagar. Pengaplikasian setiap rujukan tersebut berasaskan kelaziman peristiwa komunikatif pada waktu tersebut. Misalnya, penggunaan kata ganti diri *kita* dan *kami* pada dasarnya kata yang menggambarkan rujukan bagi bentuk nama yang bersifat jamak. Namun, dalam konteks komunikasi warkah Melayu, penggunaannya juga merujuk bentuk nama yang bersifat mufrad (tunggal).

Rujukan ganti diri *kita* dominan digunakan berbanding dengan kata *beta* dalam warkah yang melibatkan sultan atau raja sebagai pengirimnya. Hal ini menunjukkan bahawa berlakunya transformasi dalam penggunaan rujukan ganti diri bagi golongan diraja yang disebabkan oleh faktor-faktor peribadi tertentu oleh pihak sultan. Hal ini selari dengan pendapat Ab. Razak Ab. Karim (1997, p. 55) yang menegaskan bahawa kebanyakan pengirim warkah daripada golongan raja, biasanya menggunakan ganti diri *kita* yang merujuk diri baginda sendiri dan bersifat peribadi. Selain itu, golongan ini jarang-jarang menggunakan rujukan *beta* lantaran ingin menunjukkan sifat keakraban dan keintiman dengan penerima warkah tersebut terutama terhadap pegawai Eropah. Pengaplikasian kohesi rujukan peribadi dengan ganti nama diri *kita* oleh sultan atau raja dan kerabat diraja dapat dilihat dalam beberapa pucuk warkah, antaranya seperti yang berikut:

1. Surat Sultan Ibrahim dari Selangor kepada Gubernur Pulau Pinang, Francis Light pada 6 April 1786. (Lampiran H)

... warkat al-ikhlas yang terbit daripada hati yang putih lagi jernih, iaitu daripada hadrat **Maulana Sultan Ibrahim Raja** yang memerintah di dalam bandar Selangor Darul Khusus barang disampaikan tuhan seru sekalian alam kepada sahabat **kita**...

2. Surat Raja Jaafar, Yang Dipertuan Riau kepada C.P.J. Elout di Batavia pada 6 Ogos 1820. (Lampiran P)

... iaitu daripada **Seri Yang Dipertuan Muda Raja Jaafar** yang ada pada masa ini di {a} dalam negeri Riau, barang diwasilkan tuhan seru sekalian alam apalah kiranya ke hadapan pihak majlis sahabat **kita** Kapitan Elout yang duduk istirahat al-khair di {a} dalam negeri Bitawih...

3. Warkah Raja Kimaleha Salahak Abdul Khadir Ibn Syahbuddin di Ambon kepada Gabenor Syarikat Hindia Timur pada 23 Mei 1658. (Lampiran A)

Salam doa yang dihias dari pada **Kimaleha Salahak** yang di atas takhta kerajaan tanah Ambon serta takzim dan takrim datang kepada Gurnadur Kompanyi...

... tatkala dahulu daripada tiga puluh tahun itu raja dari Ingglis dan Kompanyi sudah bersahabat dengan berkasih-kasihannya maka sebab dengan **kami** orang Ambon. Maka sebab fitnah orang Walanda itu sebab membunuh orang Ingglis dari Ambon maka jadi bercerailah dengan sahabat **kami** Raja Ingglis dan Kompanyi. Maka sekarang ini negeri **kami** punya orang Walanda, maka **kita** pun hendak dibunuh atau ditangkap. Adapun **kita** itu b-l-m Allah taala beri untung ka **kita** mati atau hidup.

4. Surat Engku Sayid Muhammad Zain al Kudsi dari Lingga kepada T. S. Raffles di Melaka pada 6 Januari 1811. (Lampiran M)

... takzim dan takrim wa-huwa daripada **Engku Sayid Muhammad Zain ibn al-marhum al-habib abdul Rahman al-kudsi** dalam negeri Lingga...

... adalah **kita** melayangkan secarik nudhah ini hal keadaannya tiadalah seperti ini akan ganti perhubungan kalam antara **kita** dengan sahabat **kita**...

5. Surat isteri Tunku Raja Muda Selangor kepada Francis Light di Pulau Pinang pada Jumaat 28 Safar. (Lampiran D)

Ini surat tanda tulus dan ikhlas serta suci hati yang putih iaitu **daripada isteri Tunku Raja Muda Selangor** wakil **Sultan Ibrahim Syah** yang memerintahkan bandar negeri Selangor, barang disampaikan Allah subhanahu wataala apalah kiranya datang pada sahabat **kita Datu' Gurnadur Pulau Pinang**.

... adalah **kita** menyatakan hal pada sahabat **kita** karena **kita** menyuruhkan Lebai Abdul Khatib dahulu pada sahabat **kita**, ada timah sedikit...

Berdasarkan contoh-contoh petikan di atas, penerapan kohesi rujukan melalui kata ganti diri *kita* telah dipraktikkan oleh pihak sultan atau raja dan kerabat diraja semasa proses komunikasi. Misalnya dalam contoh warkah pertama, kata *kita* pada ayat atau idea selepasnya merujuk frasa nama subjek *Maulana Sultan Ibrahim Raja* yang dinyatakan pada awal ayat dalam komponen kata-kata pujian. Penggunaan kata *kita* secara konsisten untuk merujuk Sultan Ibrahim menimbulkan kesinambungan pelaku dalam idea yang berkisar tentang permintaan peribadi daripada Sultan Ibrahim kepada Francis Light supaya dapat menumpangkan Haji Kasim dan anaknya menunaikan haji ke Mekah. Dari segi konteks penulisan surat tersebut menunjukkan wujudnya

hubungan peribadi yang bersifat kemesraan dan akrab yang sedia terjalin antara pemeran terlibat. Situasi itu sekali gus mempengaruhi penggunaan rujukan *kita* bagi *Sultan Ibrahim* yang memperlihatkan bentuk sapaan yang menyimpang daripada kebiasaan.

Penulisan kohesi rujukan yang mempamerkan penggunaan rujukan peribadi ganti diri yang berlainan fungsinya tetapi merujuk individu yang sama dapat dilihat dalam warkah ketiga. Penggunaan kata *kita* dan *kami* bersilih ganti berdasarkan situasi atau keadaan yang ingin digambarkan oleh Sultan Kimaleha. Sebagai contoh, penggunaan rujukan peribadi *kami* dalam konteks kandungan warkah tersebut boleh ditafsirkan merujuk kembali frasa nama *Sultan Kimaleha* dan *segala isi negeri Ambon* manakala rujukan peribadi *kita* pula diterapkan khusus untuk merujuk semula bagi diri baginda sendiri dalam ayat sebelumnya.

Menurut Amat Juhari Moain (1985, p. 160), kata *kita* boleh merujuk kuasa dan kewibawaan oleh pihak sultan atau raja. Situasi ini dibuktikan menerusi sifat tanggungjawab dan kewibawaan Sultan Kimaleha yang menerima apa-apa sahaja hukuman daripada pihak Belanda. Sebaliknya, penggunaan *kami* boleh diinterpretasikan sebagai usaha baginda membangkitkan semangat segala isi negeri atau rakyat untuk mempertahankan negeri Ambon sebagai pemilikan bersama selepas berlakunya peristiwa peperangan antara Belanda dan British untuk menguasai Ambon. Oleh itu, rujukan peribadi *kita* dan *kami* tersebut melahirkan teks yang saling berpautan dan menunjukkan kesinambungan idea dan makna yang hendak disampaikan Sultan Kimaleha.

Penggunaan kohesi rujukan *kita* tidak hanya berlegar dalam konteks warkah yang memperlihatkan pengirimnya daripada golongan sultan atau raja. Sebaliknya, kohesi rujukan *kita* juga digunakan dalam kalangan kerabat diraja. Sebagai contoh dalam warkah kelima, kata *kita* berfungsi untuk menjelaskan bentuk jamak, iaitu mempertautkan kembali unsur yang telah dinyatakan melibatkan frasa nama *isteri Tunku Raja Muda Selangor* dan *Sultan Ibrahim Syah* yang menjadi pemerintah Selangor pada ketika itu. Pada asasnya, penggunaan rujukan diri *kita* dianggap tidak sesuai untuk mengujarkan sesuatu atas rujukan nama dirinya (isteri Raja Muda) dan juga pihak lain (Sultan Ibrahim) yang bersama-sama dengannya. Namun, kohesi rujukan peribadi *kita* yang terpengaruh oleh bahasa lisan tetap mewujudkan perkaitan makna rujukan antara pemeran.

Pengaplikasian rujukan *kita* oleh kerabat diraja sebagai pengirim dan penerimanya pula daripada pegawai Inggeris, Raffles dan Francis Light, secara tidak langsung memperlihatkan penggunaan rujukan peribadi ini begitu dominan dalam lingkungan golongan istana pada masa itu. Di samping itu, rujukan *kita* juga menunjukkan keakraban dan usaha golongan raja dan kerabat berkenaan untuk menyamakan atau merendahkan statusnya semasa berkomunikasi dengan pegawai Eropah tersebut.

Seterusnya, terdapat dua pucuk warkah sahaja yang memperlihatkan penggunaan rujukan ganti diri mufrad *beta* untuk merujuk raja atau sultan. Menurut Asmah Omar (1985, p. 17-18), rujukan *beta* digunakan oleh raja atau permaisuri baginda untuk merujuk diri sendiri apabila bercakap secara rasmi dengan rakyat dan *beta* memperlihatkan arah gerak rujukan dari atas ke bawah (gerak percakapan orang pangkatnya tinggi). Oleh itu, penggunaan *beta* dalam konteks warkah dari aspek

sosiolinguistik lebih menekankan sifat keformalan, di samping menyerlahkan ketinggian kedudukan sosial oleh pengirim tersebut. Kohesi rujukan peribadi *beta* boleh ditinjau penerapannya dalam warkah Saudagar Rahsia Raja Kelantan kepada Gubernur Pulau Pinang pada 23 Jamadilawal 1209 (Lampiran E) dan warkah Sultan Mahmud Syah dari Johor dan Pahang kepada T. S. Raffles di Melaka pada 5 Januari 1811 (Lampiran L) seperti yang tertera di bawah:

6. Surat Sultan Mahmud Syah dari Johor dan Pahang kepada T. S. Raffles di Melaka, 5 Januari 1811. (Lampiran L)

... daripada **Seri Paduka Sultan Mahmud Syah** yang mempunyai takhta kerajaan negeri Johor dan Pahang serta daerah takluknya sekalian, maka barang disampaikan tuhan seru alam sekalian apalah kiranya datang ke hadapan manjlis sahabat **beta** iaitu seri paduka seri paduka Thomas Raffles Esquire...

... maka **beta** pun sambutlah dengan beberapa kesukaan dan keridaan, maka **beta** pun cabutlah daripada meterainya, maka terbukalah lipatannya serta **beta** tatap daripada awal satar hingga akhirnya.

Dalam contoh warkah di atas, penggunaan *beta* dalam idea atau ayat seterusnya untuk menghubungkan dan menjalinkan makna rujukan bagi frasa nama baginda, *Seri Paduka Sultan Mahmud Syah*, dalam ayat sebelumnya. Rujukan *beta* secara berterusan memperlihatkan keserasian hubungan makna rujukan pemeran, yakni Sultan Mahmud Syah selaku subjek utama yang mengutarakan segala kandungan warkah tersebut. Dari segi fungsi sosial, rujukan peribadi *beta* menyerlahkan ketegasan dan keformalan Sultan Mahmud Syah berbanding dengan pemerintah lain dalam usaha mengiktirafkan taraf sosial antara baginda dengan pegawai British. Hal ini disokong oleh pernyataan bahawa Sultan Mahmud pada ketika itu ialah penguasa takhta kerajaan Johor dan Pahang. Tambahan pula, kredibiliti kuasa mendorong Raffles meminta bantuan baginda sebagai

orang tengah untuk menghimpunkan semua raja Melayu di Nusantara untuk mengadakan pertemuan. Oleh itu, penggunaan rujukan peribadi *beta* menunjukkan pendirian Sultan Mahmud Syah meletakkan taraf sosialnya yang lebih tinggi daripada Raffles selaku wakil Gabenor Jeneral Lord Minto di Melaka pada ketika itu.

Rujukan peribadi ganti diri orang pertama seterusnya daripada warkah sosial Melayu ialah rujukan peribadi *saya* atau *sahaya* dan *hamba* yang digunakan untuk memberikan makna rujukan kepada saudagar, pembesar, dan sultan. Berdasarkan pemerhatian, hanya terdapat dua pucuk warkah yang memperlihatkan penggunaan rujukan peribadi *saya* atau *sahaya* manakala sepucuk surat mengaplikasikan kata *hamba* seperti yang berikut:

7. Surat Enci' Lu Nga dari Perlis kepada Kapitan Light Dewa Raja pada 5 April 1785. (Lampiran G)

Surat tulus ikhlas daripada **Enci' Lu Nga** yang bermakam di bandar Perlis kota Indera Kayangan di negeri Kedah Darulaman datang kepada pihak sahabat **saya** Kapitan Light Dewa Raja...

... kemudian dari itu barang tahu sahabat **saya** adalah **saya** menyuruhkan sebuah sebuah perahu muatan dagangan Cina serba sedikit. Nakhodanya Cin Ca Yang pergi belayar mendapatkan sahabat **saya** ke bandar Salang.

8. Surat Datuk Suliwang dari Lingga kepada Baron van der Capellen di Batavia pada 2 April 1824. (Lampiran T)

... iaitu daripada **Datu' Suliwang** yang memegang perintah di bawah tadbir Seri Paduka Yang Dipertuan Besar al Sultan Abdul Rahman Syah dan yang Dipertuan Muda Raja Jaafar...

... adalah **sahaya** merafakkan maklum dengan secarik nudhah yang sezarah ini ini ke hadrat Seri Paduka Tuan Besar yang amat mulia peri

maklumkan adalah **sahaya** punya tuan duli yang maha mulia iaitu Yang Dipertuan Besar al-Sultan Abdul Rahman Syah dan Duli Yang Dipertuan Muda Raja Jaafar ada utusan ke Betawi.

9. Surat Sultan Gandam Syah Muko-Muko kepada Syarikat Hindia Timur, September 1733. (Lampiran C)

... iaitu daripada tiap² masa **Yang Dipertuan seri Sultan Gandam Syah dalam Muko²** adanya, disampaikan Allah taala kiranya kepada Kompeni dalam negeri Inggalan yang menjadi kepala kepada...

... barang tahu Kompeni hal peri hal **hamba** atas berkirim surat tabik banyak² ini akan memberi tahukan minta **hamba** banyak² kepada kompeni, dan jikalau adakan patut di dalam pikir kompeni akan seperti minta **hamba** itu, baik kompeni menaruh kota batu di dalam muko² supaya segala hati menteri dan peruatan seju' hatinya.

Warkah ketujuh dan kelapan di atas menunjukkan bahawa rujukan peribadi *saya* dan *sahaya* dalam ayat tersebut berperanan untuk mempertautkan kembali dengan frasa nama subjek *Encik Lu Nga'* dan pembesar *Datuk Suliwatang* yang telah disebutkan dalam permulaan ayatnya. Kata ini digunakan secara berterusan sebagai rujukan peribadi bagi mereka dalam ayat-ayat yang berikutnya. Penggunaannya memperlihatkan wujudnya kelangsungan hubungan makna yang membantu keutuhan teks atau wacana. Dari segi situasi penggunaannya, rujukan peribadi *sahaya* atau *saya* ini lebih bersifat formal, neutral, dan tanda hormat kepada orang yang dilawan bercakap (Asmah Omar, 2009, p. 73). Hal ini dapat dilihat dalam warkah *Encik Lu Nga'* yang bukan berketurunan Melayu melahirkan rasa hormat dan formal kepada Francis Light yang jauh berkedudukan lebih tinggi daripada beliau. Penggunaan *sahaya* oleh *Datuk Suliwatang* juga menyatakan rasa hormat dalam situasi formal, di samping

sanjungan tinggi melalui kata-kata pujian yang panjang kepada Baron van der Capellen yang ketika itu berperanan sebagai gabenor Belanda, wakil kepercayaan raja Belanda.

Perkara yang sama juga berlaku dalam warkah kesembilan apabila kohesi rujukan peribadi *hamba* merujuk kembali frasa nama *Yang Dipertuan Seri Sultan Gandam Syah* yang telah dinyatakan dalam item sebelumnya. Kata *hamba* menjadi rujukan penting untuk mewakili Sultan Gandam Syah dalam usaha menghubungkan keseluruhan bahagian teks yang dihasilkan agar subjek utama saling berkesinambungan. Dari aspek makna interpersonal, rujukan *hamba* yang biasanya disandarkan terhadap orang yang mempunyai kedudukan sosial yang lebih rendah dilihat sebagai strategi merendahkan diri oleh baginda ketika berkomunikasi dengan pihak Syarikat Hindia Timur. Tambahan pula, kandungan warkah banyak berkisar tentang permintaan, harapan, dan rayuan baginda untuk mewujudkan persahabatan erat dengan pihak tersebut. Tawaran pembinaan kota batu di Anak Sungai kepada Syarikat Hindia Timur sebagai jaminan bekalan lada berterusan dan perlindungan daripada serangan musuh daripada negeri berhampiran.

(b) Rujukan Peribadi Kata Ganti Diri Ketiga

Menurut Halliday & Hasan (1976, p. 48), terdapat perbezaan yang wujud antara peranan pewacana (rujukan orang pertama dan kedua) dan peranan lain (rujukan orang ketiga). Bagi mereka, hanya rujukan orang ketiga menunjukkan adanya unsur kohesif, yakni pembentukan rujukannya merujuk secara anafora dan katafora kepada teks. Hal ini berbeza dengan rujukan peribadi orang pertama dan kedua yang biasanya tidak merujuk teks secara keseluruhan, tetapi rujukannya ditentukan menerusi peranan pewacana dan penerima dalam komunikasi.

Oleh itu, kajian ini mendapati bahawa penggunaan rujukan peribadi orang ketiga bentuk mufrad *-nya, ia, dia, dan baginda* berfungsi untuk memberikan makna rujukan kepada pihak atau peranan lain (*other role*) yang menjadi subjek perbincangan. Unsur rujukan peribadi yang digunakan ialah unsur yang merujuk ke belakang (*pointing back*) atau secara anafora terhadap frasa nama yang telah dinyatakan sebelumnya. Individu tersebut dianggap penting kerana bertindak secara langsung sebagai pemeran ketiga dalam peristiwa bahasa atau maklumat yang diutarakan oleh pengirim. Warkah-warkah di bawah memperlihatkan penerapan kohesi rujukan peribadi orang ketiga.

1. Engku Sayid Muhammad Zain al Kudsi dari Lingga kepada T. S. Raffles di Melaka pada 6 Januari 1811. (Lampiran M)

... warkat al-mubarak daripada sahabat kita yang dibawa John Scott Esquire dengan kakanda Tengku Pengiran kepada **Seri Paduka Sultan Mahmud Syah** telah sampailah selamatnya, maka beberapa hormatnya **baginda** serta dengan kesukaan dan keridaan disambuti dengan takzim dan takrim bagaimana adat istiadat segala surat raja² yang besar²...

2. Surat Sultan Mansur Riayat Syah dari Terengganu kepada Francis Light pada 4 Februari 1792. (Lampiran K)

Maka daripada hal kapal **Kapitan Lang** itu disuruhnya jual di Cina dengan harga dua puluh lima ribu rial jikalau tiada laku di Cina apabila **ia** sampai ke Pulau Pinang disuruhnya jualkan juga kapal kapitan Lang itu oleh saudagar kepada anak kita...

... hendaklah anak kita suruh **Kapitan Cernegie** itu mari dengan segeranya ke Terengganu jangan **dianya** tiada datang sebab saudagar Nasruddin pun sudah tiada itu maka insyaAllah taala bagaimana pada zaman saudagar kita kerjakan tiadalah berubah pada barang satu pekerjaan...

... maka daripada hal **Nakhoda Bawa** itu, barangkali **dianya** hendak tinggal di Kedah, tiada berlayar bersama² dengan keci itu; biarlah **ia** tinggal...

... maka daripada hal **Syaudagar Miring Kandu** itu, hendaklah anak kita periksa kepadanya berapa harta saudagar Nasruddin kepadanya...

3. Surat Gurnadur Reynier de Klerk di Batavia kepada Sultan Muhammad Bahauddin di Palembang pada 7 Mei 1779.

(Lampiran F)

... wabadahu kemudian daripada itu **Gurnadur Jeneral dan Raden van India** memeri tahu kepada paduka seri sultan yang **ia** sudah terima sahifat tuan sultan...

4. Surat Sultan Mahmud Syah dari Johor dan Pahang kepada Senyur Gurnadur, Francis Light pada 10 November 1787. (Lampiran J)

... setelah sudah putus waad perjanjian kita dengan **Jacob Peter van Braam Komandan** maka **iapun** pulang ke Betawi serta dibawanya surat perjanjian kita itu.

5. Surat Tunku Baginda Raja Mahkota di Anak Sungai kepada Orang Kaya Jeneral (J.C. Collet) di Bengkulu pada 1712. (Lampiran B)

... kemudian daripada itu ada tiga tahun lamanya mukahlah **Tunku Sultan Muhammad Syah** daripada Gompeni Inggeris, larilah **ia** ke Menjuto...

Dalam warkah pertama di atas, penggunaan rujukan peribadi orang ketiga *baginda* mempertalikan dan merujuk semula secara anafora (merujuk ke belakang) kepada pihak ketiga yang diperkatakan dalam ayat sebelumnya, iaitu *Seri paduka Sultan Mahmud Syah*. Dalam konteks maklumat tersebut, Engku Sayid menggunakan

rujukan peribadi istana *baginda* untuk merujuk Sultan Mahmud Syah yang telah menerima warkah yang terdahulu oleh Raffles dengan penuh hormat dan kegembiraan.

Penggunaan kohesi rujukan peribadi ini juga sememangnya penting untuk menimbulkan unsur kesatuan, khususnya melibatkan warkah yang memperkatakan banyak maklumat tentang pihak ketiga. Warkah yang diutuskan oleh Sultan Mansur di atas merupakan warkah yang membicarakan banyak perkara tentang aspek politik, ekonomi, perdagangan, dan peribadi. Semestinya, wujud pelbagai pihak lain yang berkaitan dengan maklumat yang ingin disampaikan kepada Francis Light. Oleh itu, untuk menimbulkan kesatuan fikiran dan perkaitan, penerapan rujukan peribadi orang ketiga berupaya untuk menghubungkan kesinambungan subjek atau pelaku terhadap idea-idea yang dibangkitkan dalam warkah tersebut.

Sebagai contoh dalam maklumat pertama warkah kedua, rujukan peribadi *ia* merujuk secara anafora bagi frasa nama *Kapitan Lang* dalam ayat awalnya. Kapitan Lang ialah subjek perbincangan oleh Sultan Mansur berkenaan dengan permintaan yang pernah dilakukan oleh saudagar Nasruddin kepada Kapitan Lang untuk menjualkan baki dagangan apabila tiba di Pulau Pinang. Dalam maklumat kedua pula, rujukan peribadi *dianya* dalam ayat berikutnya merujuk secara anafora kepada frasa nama *Kapitan Cernegie* dalam permulaan ayat maklumat tersebut. Dalam maklumat tersebut, rujukan peribadi *dianya* digunakan untuk merujuk Kapitan Cernegie sebagai subjek utama perbincangan oleh Sultan Mansur berkenaan permintaan kepada Francis Light agar Kapitan Cernegie terus menjalankan aktiviti perdagangan di Terengganu, meskipun saudagar Nasruddin sudah meninggal dunia. Perkara yang sama juga berlaku dalam penggunaan rujukan peribadi orang ketiga dalam maklumat ketiga dan keempat warkah Sultan Mansur di atas.

Kesimpulannya, rujukan peribadi yang digunakan penulis dapat memperlihatkan fungsi sesebuah situasi komunikasi atau pertuturan yang berlaku. Rujukan peribadi yang hadir dalam komunikasi warkah berupaya untuk menggambarkan hubungan interpersonal antara pemeran yang terlibat. Lebih-lebih lagi, penggunaannya sama ada melibatkan orang pertama atau orang ketiga dilihat dari aspek sosiolinguistik yang mengambil kira taraf sosial pengguna bahasa yang terlibat. Rujukan peribadi ialah unsur kohesi yang penting untuk melahirkan kesatuan idea terhadap permintaan yang diutarakan pengirim.

4.2.1.2 Rujukan Penunjuk

Rujukan penunjuk pada asasnya bentuk kata tunjuk verbal, iaitu rujukan yang ditafsirkan berdasarkan lokasi dalam skala paling hampir yang merujuk lokasi sesuatu proses jarak dan waktu dan biasanya berlaku secara langsung (Halliday & Hasan, 1976, p. 57). Namun begitu, dalam konteks bahasa Melayu, rujukan penunjuk ini boleh dikenali sebagai ganti nama tunjuk yang berfungsi sebagai pengganti kata nama dan mendukung maksud menunjukkan benda atau perkara yang dirujuk (Nik Safiah Karim et. al. 2008, p. 102). Mereka membahagikan rujukan penunjuk ini kepada ganti nama tunjuk tempat (*sini*, *situ*, dan *sana*) dan ganti nama tunjuk umum yang menunjuk perkara atau benda (*ini* dan *itu*). Dalam wacana warkah sosial, penggunaan rujukan penunjuk untuk menghubungkan perkara atau benda yang menjadi isu perbincangan dalam ayat atau maklumat yang telah diperkatakan oleh pihak pengirim sebelumnya.

Penggunaan rujukan penunjuk dalam komunikasi warkah penting memandangkan fungsinya dapat mengekalkan kesatuan fikiran pembaca, yakni penerima warkah terhadap sesuatu perkara yang ditimbulkan dalam satu-satu maklumat. Tambahan pula, rujukan penunjuk juga membayangkan suatu bentuk penegasan yang perlu diberikan

perhatian dan direalisasikan oleh penerima warkah. Oleh itu, kajian ini mendapati bahawa terdapat beberapa penggunaan rujukan jenis ini melalui kehadiran kata rujukan tunjuk umum *ini* dan *itu*, manakala kata *sana* mewakili rujukan penunjuk tempat dalam warkah-warkah yang akan dibincangkan selanjutnya.

Pengaplikasian kohesi rujukan penunjuk umum *itu* dalam bahan kajian banyak dikesan daripada warkah Sultan Mansur Riayat Syah dari Terengganu kepada Gurnadur, Francis Light pada 4 Februari 1792. Warkah ini warkah yang memperkatakan berbagai-bagai aspek merangkumi politik, ekonomi, perdagangan mahupun peribadi yang melibatkan pihak-pihak berlainan. Meskipun begitu, ada juga warkah-warkah lain yang turut mengaplikasikan rujukan penunjuk *itu*. Penggunaan rujukan penunjuk *itu* berfungsi sebagai unsur untuk memandu kefahaman pembaca mengaitkannya dengan maklumat yang terdahulu. Hal yang berikut dapat dilihat menerusi contoh-contoh petikan warkah di bawah:

1. Sultan Mansur Riayat Syah dari Terengganu kepada Gurnadur, Francis Light pada 4 Februari 1792. (Lampiran K)

... sebagai lagi daripada **hal segala piutang Saudagar Nasruddin** di Pulau Pinang dan di Kedah, **itu** pun kita wakikan kepada anak kita melainkan hendaklah anak kita periksa kesemuanya tentukan beri mari surat...

... dan seperti **apiun Patna** yang dipinta oleh Saudagar kepada Mister Fairlie dengan harga tiga ratus tiga puluh lima rial sepeti, **itupun** kita ambil...

... sebagai pula daripada **hal pekerjaan** Mister Fairlie dengan Saudagar Nasruddin serta dengan anak kita bersyarikat itu, **itu** pun hendaklah anak kita beri mari orang yang tahu berbicara...

2. Surat Sultan Alauddin dari Perak kepada Gurnadur, Francis Light pada 23 Julai 1787. (Lampiran I)

Kemudian daripada itu, akan hal orang besar seorang baru datang dari Benggala itu mengkhendak{i}i benih **sagu pohonnya yang kecil**², hendak bawa pergi tanam ke Benggala oleh karena di Pulau Pinang tiada benih **itu**.

3. Surat Sultan Gandam Syah Muko-Muko kepada Syarikat Hindia Timur, September 1733. (Lampiran C)

Kemudian daripada itu boleh kompeni bertanya kepada Kapitan **R-a-b-n-dh-y-k-n** akan tempat kompeni di dalam Muko². Karena kapitan **itu** ada sama² dengan hamba ke Bantal Teramang berdacing lada yang dibawa kapal itu. Kapitan itu ada melihat semuanya baik dan jahatnya di dalam Anak Sungai itu, supaya kompeni tahu adanya.

Daripada contoh-contoh di atas, ternyata bahawa warkah oleh Sultan Mansur digarap dengan mengambil kira faktor perkaitan unsur semantik terhadap ayat yang dihasilkan. Hal ini dikatakan demikian kerana maklumat yang ingin disampaikan baginda terlalu banyak dan bercampur aduk. Sebagai contoh dalam warkah pertama, rujukan penunjuk umum *itu* dalam maklumat pertama merujuk secara anafora kepada frasa *hal segala piutang Saudagar Nasruddin* dalam ayat terdahulu. Rujukan tersebut berupaya untuk mengaitkannya semula dengan perihal hutang Saudagar Nasruddin. Oleh sebab itu, Sultan Mansur meminta supaya Francis Light dapat memeriksa dan memberikan daftar perkiraan hutang tersebut kepada baginda. Dalam maklumat kedua pula, rujukan umum *itu* dalam ayat kedua menghubungkan atau merujukkan semula dengan frasa *apiun Patna* dalam permulaan ayat. Rujukan penunjuk *itu* tersebut digunakan oleh Sultan Mansur untuk merujuk perkara atau benda yang perlu

dibangkitkan oleh baginda kepada Francis Light, iaitu tentang persetujuan baginda terhadap harga candu (apiun) yang dicadangkan.

Selain penggunaan penunjuk umum *itu*, terdapat satu lagi gaya penulisan kohesi rujukan penunjuk umum daripada teks warkah sosial, iaitu rujukan *ini* yang mempunyai fungsi sama seperti yang diperjelas sebelum ini. Rujukan *ini* merujuk semula dengan perkara yang menjadi isu perbincangan dalam ayat atau maklumat yang telah diperkatakan oleh pihak pengirim sebelumnya. Penggunaannya dapat melahirkan teks yang saling berpautan dan berkesatuan sama ada secara anafora mahupun katafora. Yang berikut diperturunkan beberapa petikan warkah dengan rujukan seperti ini:

4. Surat Raja Jaafar, Yang Dipertuan Riau kepada C.P.J. Elout di Batavia pada 6 Ogos 1820. (Lampiran P)

... dan lagi pula seperti kayu² yang sahabat kita kehendakkan kepada kita itu adakan tetapi balum lagi ada diantar oleh orang yang mengambil itu ke Riau apabila adalah sudah musim **utara** kita kirimkanlah dan lagi kita ternanti²lah akan kuda datang musim **ini** ke Riau adanya...

5. Surat Datuk Suliwatang dari Lingga kepada Baron van der Capellen di Batavia pada 2 April 1824. (Lampiran T)

... adapun pekerjaan itu tidaklah sahaya maklumkan ke hadrat yang mulia dan yang maha bangsawan kerana **telah thatlah di dalam surat yang izzat kedua itu**, serta **Engku sayid sendiri pergi mengadap** barang yang diwadikhannya kepada hadrat seri paduka tuan besar. Sebab **inilah** tidak sahaya panjangkan makluman lagi...

6. Surat Sultan Mahmud Syah dari Johor dan Pahang kepada T. S. Raffles di Melaka pada 5 Januari 1811. (Lampiran L)

... maka **inilah** tanda ikhlas daripada beta ada **gading dua kepala** boleh sahabat beta terima dengan putih hati adanya...

Contoh warkah keempat dan kelima di atas memperlihatkan penggunaan rujukan penunjuk umum *ini* berjaya untuk mempertalikan semula unsur yang terdapat dalam ayat kedua dengan perkara yang telah dibicarakan oleh pengirim warkah dalam ayat sebelumnya. Sebagai contoh, rujukan *ini* merujuk dan menggantikan secara anafora (merujuk ke belakang) dengan frasa dan perkataan *utara* (warkah keempat) dan *telah thatlah di dalam surat yang izzat kedua itu* dan *Engku sayid sendiri pergi mengadap* (warkah kelima) dalam ayat sebelumnya. Sebaliknya dalam warkah keenam, rujukan penunjuk *ini* dilakukan secara katafora untuk merujuk ke hadapan bagi frasa *gading dua kepala* yang dinyatakan dalam ayat selepasnya, iaitu tentang bingkisan hadiah oleh Sultan Mahmud kepada Raffles.

Di samping itu, pengaplikasian rujukan penunjuk tempat *sana* merupakan satu lagi unsur kohezi rujukan penunjuk daripada kajian ini. Rujukan penunjuk jenis ini menjalankan fungsinya untuk menggantikan dan memberikan rujukan sesuatu tempat yang berjarak jauh. Rujukan penunjuk *sana* digunakan oleh pengirim untuk mempertautkan pernyataan sesebuah lokasi yang berkait dengan perkara yang dibincangkan dalam ayat yang sebelumnya. Yang berikut petikan yang menggunakan rujukan penunjuk jenis ini:

7. Surat Sultan Mansur Riayat Syah dari Terengganu kepada Gurnadur, Francis Light pada 4 Februari 1792. (Lampiran K)

... seperkara lagi daripada hal Nakhoda Pria Tambi itu di **Pulau Pinang** hendaklah anak kita suruh ia mari dengan segeranya ke Terengganu barang mana kapal yang hendak mari dahulu. Hendaklah anak kita tumpangkan dia suruh mari dan barang suatu pekerjaan di **sana** ditinggalkan dahulu.

... sebagai lagi ada syeikh tiga beranak di dalam keci kita ia hendak pulang ke **Arab** maka hendaklah anak kita tolong tumpangkan kepada kapal yang hendak pergi ke **sana**.

Berdasarkan contoh di atas, rujukan penunjuk tempat *sana* berperanan untuk menghubungkan kembali dengan kata nama yang cenderung menunjukkan sesebuah lokasi. Misalnya dalam contoh maklumat pertama, rujukan *sana* merujuk secara anafora bagi nama tempat *Pulau Pinang* yang telah disebutkan dalam ayat sebelumnya. Dalam konteks maklumat tersebut, diperihalkan permintaan oleh Sultan Mansur kepada Light supaya dapat memaklumkan kepada Nakhoda Pria Tambi agar meninggalkan segala pekerjaan di Pulau Pinang dan segera datang ke Terengganu.

Berikutnya, rujukan tempat *sana* dalam maklumat kedua turut menjadi anafora dan merujuk nama tempat *Arab* yang diperkatakan dalam ayat yang sebelumnya. Konteks ayat tersebut menggambarkan permintaan oleh Sultan Mansur supaya Francis Light dapat menumpangkan Syeikh tiga beranak ke negeri Arab. Dengan ini, penggunaan rujukan tempat *sana* dapat melahirkan teks yang berpautan untuk merujuk nama tempat *Pulau Pinang* dan *Arab* yang menjadi unsur lokasi penting dalam komunikasi tersebut. Pertimbangan tersebut menentukan permintaan baginda dapat ditunaikan dengan sebaik-baik mungkin oleh Light.

Kesimpulannya, kehadiran kata yang mewakili alat kohesi rujukan bertindak untuk merujuk unsur anafora atau katafora yang berkaitan dengan hubungan semantik antara bahagian teks yang dihasilkan. Penggunaan rujukan peribadi dan rujukan penunjuk yang cenderung merujuk aspek lain untuk mendapatkan interpretasi telah melahirkan kesatuan idea dan makna dalam teks. Misalnya, kohesi rujukan peribadi ganti diri orang melalui rujukan orang pertama dan ketiga berupaya untuk mempertaut subjek yang telah diperkatakan dalam ayat sebelumnya. Kedua-dua unsur ini dibezakan menerusi peranannya dalam komunikasi tersebut, iaitu sebagai peranan pewacana-penerima (orang pertama dan kedua) dan peranan lain (orang ketiga). Rujukan peribadi ini juga menyerlahkan makna interpersonal yang melihat bahasa sebagai unsur mewujudkan dan mempertahankan hubungan sosial. Hal ini sekali gus menimbulkan peranan orang-orang terlibat sebagai penyual dan penyahut atau penyuruh dan disuruh (Asmah Omar, 1980a, p. 16).

Penggunaan rujukan peribadi ini bukan sahaja menjelaskan fungsi nahu, malah menjurus hal yang lebih besar, iaitu melibatkan pertimbangan sosiolinguistik antara pengirim dengan penerima warkah. Oleh itu, penggunaan rujukan peribadi penting sebagai unsur yang mewujudkan hubungan sosial antara pemeran dalam warkah. Dengan itu, timbullah penggunaan ganti diri *kita*, *kami*, *beta*, *saya*, dan *hamba* yang berhubung dengan situasi komunikasi dan kata *ia*, *dia*, *-nya*, dan *baginda* yang berkaitan secara anafora dan katafora terhadap teks warkah. Penggunaan rujukan penunjuk *ini*, *itu*, dan *sana* pula memaparkan pertautan tentang perkara, benda, dan tempat yang menjadi perbincangan sama ada merujuk ke belakang (anafora) atau merujuk ke hadapan (katafora). Rujukan ini tekal melahirkan kesatuan idea oleh penerima semasa mentafsirkan permintaan yang diutarakan pengirim. Oleh hal yang

demikian, kohesi rujukan peribadi dan penunjuk item utama untuk menginterpretasikan peranan semantik dalam sesebuah teks.

4.2.2 Kohesi Penggantian

Menurut Halliday & Hasan (1976, p. 88), penggantian satu proses penukaran satu unsur dengan unsur lain. Secara tradisinya, proses ini lebih berkait rapat dengan perkataan berbanding dengan aspek semantik seperti yang terdapat dalam kohesi rujukan. Dalam erti kata lain, penggantian satu hubungan pada aras leksikogramatikal, iaitu aras tatabahasa dan leksikal ataupun “bentuk” linguistik. Bagi mereka, penggantian satu hubungan yang berlaku dalam lingkungan tekstual, iaitu tiada fungsi lain yang dapat menghubungkan sesuatu bahagian teks dengan bahagian teks yang lain. Dengan itu, mereka membahagikan penggantian kepada tiga subjenis, iaitu penggantian nominal, penggantian verbal, dan penggantian klausa. Menerusi wacana warkah sosial, kesemua cabang atau subjenis penggantian tersebut diaplikasikan oleh penulis untuk mewujudkan pertautan antara bahagian teks dengan bahagian teks yang lain.

4.2.2.1 Penggantian Nominal

Penggantian nominal penggantian yang melibatkan kata nama atau frasa nama dalam sesebuah teks. Unsur-unsur berkenaan digantikan dengan kata atau frasa nama lain yang berupaya untuk mewakilinya semula dalam ayat berikutnya. Halliday & Hasan (1976, p. 91) menggunakan istilah penggantian satu-satu yang selalunya berfungsi untuk menggantikan unsur yang juga mewakili golongan nominal. Menerusi kajian ini, kohesi penggantian nominal boleh dibahagikan kepada penggantian yang melibatkan kata sapaan bagi penerima warkah dan penggantian kata yang bukan kata sapaan.

Dalam komunikasi warkah sosial, nama penerima warkah sama ada melibatkan pegawai Inggeris, Belanda atau para sultan akan digantikan dengan penggunaan kata nama sapaan tertentu yang sekali gus menggambarkan hubungan sosial antara pemeran dalam proses komunikasi (Ab. Razak Ab. Karim, 2006, p. 104). Penggantian yang melibatkan lingkungan yang sama terhadap unsur nama pengirim dalam maklumat sebelumnya masih menimbulkan kesatuan fikiran dan kesinambungan individu dalam peristiwa bahasa. Yang berikut diperturunkan beberapa contoh penggantian kata sapaan terhadap unsur nama penerima warkah.

1. Surat Sultan Mansur Riayat Syah dari Terengganu kepada Gurnadur Francis Light pada 4 Februari 1792. (Lampiran K)

... iaitu daripada seri Sultan Mansur ibn al-marhum al-Sultan Zainal Abidin yang di atas tahta kerajaan negeri Terengganu Darussalam barang diwasilkan Tuhan Khaliq al-Alam apalah kiranya kepada pihak kekasih kita dan sahabat kita iaitu **Gurnadur**...

... maka adalah kita menyatakan kepada **anak kita** daripada hal Saudagar Nasruddin telah kembalilah ke Rahmatullah dari negeri yang fana ke negeri yang baka.

2. Surat Sultan Abdul Jalil Khaliluddin dari Siak kepada Lord Minto pada 30 Mei 1811. (Lampiran O)

... maka barang disampaikan Tuhan seru alam kiranya kepada **Tuan Besar Paduka Seri Maharaja Gilbert Elliot Lord Minto Yang Dipertuan Besar Yang Maha Mulia Gurnur Jeneral** raja segala daerah negeri Benggala...

Syahadan lagi maka adalah kita menyuruhkan saudara kita al-Sayid Abdul Rahman bin Umar mengadab **sahabat kita** akan berpesembahkan sekeping warkah yang mubarak ini...

3. Surat Enci' Lu Nga dari Perlis kepada Kapitan Light Dewa Raja pada 5 April 1785. (Lampiran G)

Surat tulus ikhlas daripada saya Enci' Lu Nga yang bermakam di bandar Perlis Kota Indera Kayangan di negeri Kedah Darulaman datang kepada **Kapitan Light Dewa** raja yang istirahat di negeri Salang...

... apabila selesailah daripada jual belinya penyuruh saya Cin Ca Yang itu, pinta **sahabat saya** segera akan kembalinya ke bandar Perlis supaya diperoleh khabar yang kebajikan daripada **sahabat saya**.

4. Surat Sultan Ismail dari Bima kepada Baron van der Capellen di Batavia pada 7 Oktober 1823. (Lampiran R)

... dengan beberapa tabik ke bawah duli hadrat paduka yang maha mulia serta murah bangsawan Yang Dipertuan Besyar Gurnadur Jenderal yang pegang perintah atas segala tanah India Nederland bersemayam di dalam daerah negeri Betawi **Baron van der Capellen**...

... bahawa adalah paduka sultan dengan sekalian wazir al-menteri melayangkan sahifat al-ikhlas dan dipersembahkan maklum ke bawah duli hadrat **paduka yang Maha Mulia**...

5. Surat Susuhunan Ratu Hussain Diyauddin dari Palembang kepada Baron van der Capellen di Batavia pada 14 April 1823. (Lampiran Q)

... maka barang disampaikan tuhan kita seru sekalian alam jua kiranya datang ke hadapan majlis seri paduka syaudara kita **Yang Dipertuan Besar Sekertaris van Astat Gurnudur Jenderal** yang memegang perintah atas segala tanah Nederland yang bersemayam di atas takhta singgahsana kerajaan di dalam negeri Betawi serta segala daerah takluknya...

... dan lagi adalah tersebut di dalam tulisan **seri paduka sahabat syaudara kita** yang bangsawan itu menyatakan dari Adipati Jaya Ningrat dititahkan oleh **seri paduka sahabat syaudara** kita yang bangsawan itu segera kembali pergi di Betawi.

Warkah pertama di atas memperlihatkan bahawa gelaran Gurnadur (gabenor) Francis Light dalam komponen kata-kata pujian digantikan dengan ungkapan sapaan *anak kita* dalam idea berikutnya. Biasanya, kata *anak* diikuti oleh kata penerang *kita* untuk merujuk diri pengirim warkah. Penggantian tersebut bukan sahaja mengekalkan kelangsungan pelibatan pihak kedua sebagai subjek penting dalam peristiwa komunikasi warkah, malah menyerlahkan hubungan interpersonal antara Sultan Mansur dengan Francis Light. Penggunaan ungkapan *anak kita* secara konsisten membuktikan bahawa wujudnya hubungan keakraban antara Francis Light dengan Sultan Mansur. Usaha untuk mewujudkan hubungan intim dengan penggantian sapaan *anak kita* satu usaha oleh Sultan Mansur untuk memastikan setiap permintaan yang terkandung ditunaikan oleh Francis Light. Hal ini disebabkan oleh peranan penting beliau dalam pendudukan Syarikat Hindia Timur di Pulau Pinang pada waktu itu.

Di samping itu, penggantian kata sapaan *sahabat* dalam warkah kedua dan ketiga membantu penerima membezakannya daripada pihak lain yang mungkin wujud dalam sesebuah maklumat yang disalurkan. Oleh itu, kelangsungan kefahaman oleh penerima boleh dicapai oleh kata tersebut yang berperanan untuk menggantikan frasa nama *Tuan Besar Paduka Seri Maharaja Gilbert Elliot Lord Minto Yang Dipertuan Besar Yang Maha Mulia Gurnur Jeneral* (warkah kedua) dan *Kapitan Light Dewa* (warkah ketiga) dalam ayat sebelumnya. Warkah yang dihantar kepada pegawai Eropah hakikatnya menampilkan gaya penulisan yang penuh rasmi, iaitu wujudnya kesedaran tentang perbezaan taraf dan jurang sosial yang perlu dipatuhi. Namun, kata *sahabat* dan *anak*

untuk menggantikan fungsi nama penerima secara tidak langsung mewujudkan hubungan intim antara pengirim dengan dua nama besar tersebut.

Selain itu, ada beberapa nama penerima warkah terutama pegawai Eropah digantikan dengan frasa yang memperlihatkan konotasi gelaran atau kekuasaan untuk merujuk pihak tersebut. Misalnya warkah keempat di atas, unsur penggantian nominal jelas kelihatan apabila frasa *Paduka Yang Maha Mulia* dalam ayat selanjutnya berfungsi sebagai unsur penggantian kepada nama *Baron van der Capellen* yang dinyatakan dalam maklumat sebelumnya. Dalam warkah kelima pula, frasa *Seri Paduka sahabat Syaudara* bertindak sebagai unsur penggantian bagi *Yang Dipertuan Besar Sekertaris Van Astat Gurnudur Jenderal* yang disebut dalam pernyataan awal. Penggantian unsur nominal tersebut berupaya untuk mempertautkan pegawai Belanda tersebut akan kekuasaan dan ketinggian tarafnya selaku Gabenor Jenderal Belanda di wilayah Batavia pada ketika itu.

Perbincangan tentang kohesi penggantian nominal diteruskan dengan penggantian yang bukan melibatkan kata sapaan. Penggantian ini sangat berkait rapat dengan kemahiran berbahasa pengarang yang berupaya untuk menukarkan item tersebut dengan unsur nama lain yang mendukung konsep yang hampir sama dengannya. Oleh sebab itu, kaedah penggantian ini haruslah dilakukan dengan telitinya tanpa mengubah makna asalnya yang hendak disampaikan kepada penerima warkah. Paparan contoh dalam warkah di bawah ini memperlihatkan penggantian frasa nama individu yang diperkatakan oleh pengirim warkah.

6. Surat Sultan Ahmad dari Terengganu kepada Baron van der Cappellen di Batavia pada 19 Mac 1824. (Lampiran S)

... dengan sebab itulah maka kita menyuruhkan **Juragan Man** dan **Wan Saleh** dan **Abdul Rahim** dan **Uthman dan Abdul Samad** itu datang mendapatkan Tuan Jeneral ke Betawi maka telah harablah kita akan Tuan Jeneral menolong **suruhan kita itu** daripada sebarang hal ehwalnya di dalam negeri Betawi itu.

7. Surat Enci' Lu Nga dari Perlis kepada Kapitan Light Dewa Raja pada 5 April 1785. (Lampiran G)

... **Nakhoda Cin Ca Yang** berlayar pergi dapatkan sahabat saya ke bandar Salang. Barang kiranya dengan tolong sahabat saya daripada jual belinya **penyuruh saya itu** daripada sakit sukarnya.

8. Surat Sultan Syarif Kasim dari Pontianak kepada T. S. Raffles di Melaka pada 22 Mac 1811. (Lampiran N)

... memberi khabar kepada sahabat kita akan hal **Pengiran Anom Ambas** beserta **Abdul Rashid Mento'** yang mengamuk kapal Mistir Hare Melaka, kapitannya Kapitan Ross yang sudah mati di laut Mento' itu, datang ke Kuala Pontianak merompak bersama² **ilanun** mengambil sebuah wangkang Cina datang dari negeri Cina. Dan ia telah banyak merosakkan orang² dagang yang keluar masuk berniaga ke Pontianak dan Mempawah dirusakkannya. Maka inilah jika boleh dengan bolehnya kita minta' tolong kepada sahabat kita menolong menyuruhkan sebuah kapal perang ke Pontianak menangkap **si pencuri itu** dan kita pun boleh pergi bersama² kapal perang itu menangkap **si pencuri itu**.

9. Surat Sultan Mansur Riayat Syah dari Terengganu kepada Gurnadur Francis Light pada 4 Februari 1792. (Lampiran K)

... dan seperti **utang Kapitan C-m-n-z** berapa banyak yang sudah diterima oleh Mister Fairlie dan berapa yang tinggal. Maka daripada **hal harta yang Mister Fairlie** beri mari kepada anak kita dan kepada sahabat kita Kapitan Scott berapa banyak anak kita dan sahabat kita Kapitan Scott terima daripada Mister Fairlie itu, maka **sekalian perkara itu** hendaklah anak kita beri mari daftarnya...

... perkiraan bersyarikat Saudagar Nasruddin dengan anak kita dan dengan sahabat kita itu Kapitan Scott daripada hal Kapitan Lang membawa kapal serta dengan muatannya **membalau dan belerang**. Maka **sekalian dagangan itu** dipunggahkan oleh saudagar ke darat...

Warkah keenam dan ketujuh di atas memperlihatkan unsur penggantian yang berada dalam lingkungan medan semantik yang sama. Misalnya dalam warkah keenam, *suruhan kita itu* menggantikan frasa nama *Juragan Man, Wan Saleh, Abdul Rahim Uthman, dan Abdul Samad* dalam ayat sebelumnya. Perkara yang sama juga berlaku dalam warkah ketujuh apabila frasa *penyuruh saya itu* bertindak sebagai unsur penggantian kepada frasa *Nakhoda Cin Ca Yang* dalam ayat yang mendahuluinya. Dalam konteks idea tersebut, unsur penggantian *suruhan kita itu* dan *penyuruh saya itu* dilihat sebagai unsur penting menghubungkan dengan tujuan komunikasi tersebut dijalankan. Unsur tersebut mempertautkan permintaan daripada Sultan Ahmad dan Encik Lu Nga' kepada Baron van der Cappellen dan Francis Light supaya dapat memelihara keselamatan orang suruhannya yang pergi berjumpa dengan dua wakil Eropah tersebut.

Hal yang sama berlaku dalam warkah kelapan apabila frasa *si pencuri itu* menggantikan frasa nama individu *Pengiran Anom Amba, Abdul Rashid Mento', dan ilanun* yang tersebut dalam ayat sebelumnya. Dapat dilihat peranan pengarang mempertalikan frasa *si pencuri itu* dengan individu yang membuat kekacauan di laut Mentok, Kuala Pontianak, dan Mempawah. Penggunaan unsur penggantian *si pencuri itu* juga membayangkan penegasan oleh Sultan Syarif Kasim supaya Raffles dapat mengambil tindakan segera terhadap individu-individu tersebut kerana tindakan mereka boleh memudaratkan keselamatan pihak lain.

Rumusannya, penggantian nominal penggantian yang menggantikan atau mewakili unsur nominal dalam teks. Kohesi penggantian nominal yang berlaku melibatkan kata sapaan bagi penerima warkah dan penggantian kata yang bukan melibatkan kata sapaan. Pada tahap ini, kemahiran berbahasa penulis dituntut supaya penukaran suatu item dengan unsur nama lain dapat mendukung konsep yang hampir sama dengannya. Hal ini penting untuk menimbulkan kesatuan fikiran dan kesinambungan idea dalam peristiwa bahasa.

4.2.2.2 Penggantian Verbal

Penggantian verbal unsur penggantian yang melibatkan perkataan atau frasa lain yang dapat mendukung atau mewakili kata atau frasa kerja dalam ayat sebelumnya. Halliday & Hasan (1976, p. 112) menyatakan bahawa penggantian verbal melibatkan golongan verbal yang terdiri daripada leksikal kata kerja yang merangkumi fungsi makna yang sama atau hampir sama. Dalam wacana warkah sosial, kohesi penggantian verbal memperlihatkan cara pengarang mendokumentasikan penggunaan leksikal berbeza untuk menggantikan leksikal lama. Namun, kaedah tersebut masih mampu mewakili perbuatan atau lakuan yang hampir sama dengannya. Oleh itu, unsur penggantian yang

digunakan untuk menimbulkan kesinambungan sesuatu lakuan haruslah dalam skala paling hampir supaya makna yang ingin disampaikan dapat ditafsirkan seperti yang sepatutnya. Sebagai contoh petikan warkah-warkah di bawah memperlihatkan koheisi penggantian pada frasa kerja:

1. Surat Sultan Gandam Syah Muko-Muko kepada Syarikat Hindia Timur pada September 1733. (Lampiran C)

... dan jikalau adakan patut di dalam pikir Kompeni akan minta seperti minta hamba itu baik Kompeni **menaruh kota batu di dalam Muko**² supaya segala hati menteri dan peruatan seju' hatinya...

Kemudian daripada itu pula di dalam pikir hamba belumlah raja² yang dahulu² meminta seperti minta hamba itu karena di dalam hati hamba maka hamba berani **meminta seperti itu** biar kekal selamanya² Kompeni memegangkan Anak Sungai supaya senang dan sentosya segala isi negeri yang ada di bawah perintah hamba.

2. Surat Saudagar Rahsia Raja Kelantan kepada Gubernur Pulau Pinang pada 23 Jamadilawal 1209. (Lampiran E)

... raja beta minta **beri mari** kapal berniaga ke dalam negeri Kelantan ini seperti keadaan Tuan Sennyur **beri masuk** berniaga ke dalam negeri Trengganu.

3. Surat Sultan Mansur Riayat Syah dari Terengganu kepada Gurnadur, Francis Light pada 4 Februari 1792. (Lampiran K)

... dan lagi kita beri surat kepada Raja Kedah **minta beras muatannya keci itu**. Maka **pekerjaan itu** melainkan ikhtiar anak kita; jikalau menjadi benar kepada anak kita, hendaklah anak kita suruh bawa keci itu ke Kedah, jikalau tiada jadi benar kepada anak kita, janganlah suruh...

4. Surat Tunku Baginda Raja Mahkota di Anak Sungai kepada Orang Kaya Jenderal (J.C. Collet) di Bengkulu pada 1712. (Lampiran B)

... jenderal yang dalam negeri Madras yang bernama Mister William Gyfford **menyuruh meminta cap** kepada Tunku Sultan yang dalam Minangkabau yang empunyai Pulau Sumatera itu. Itupun kembalilah Raja Kecil Besar ke Teramang **membawa bicara itu...**

5. Surat Sultan Mahmud Syah dari Johor dan Pahang kepada Senyur Gurnadur, Francis Light pada 10 November 1787. (Lampiran J)

... maka datanglah petur Ruhde David Resident dari Betawi **duduk di dalam riau**. Maka segala perjanjian kita dengan Jacob Peter Komandan van Braam dengan segala raja² yang di dalam Riau itu pun diubahnya oleh petur dan peturlah yang **memegang perintah** kompeni di dalam Riau itu.

Daripada contoh-contoh petikan di atas, proses penggantian melibatkan unsur penting dalam idea atau maklumat bagi pihak pengirim kerana unsur tersebut bersangkutan paut dengan perkembangan senario politik dan ekonomi sesebuah negara. Misalnya dalam warkah pertama, frasa *meminta seperti itu* menggantikan dan mempertautkan dengan frasa *menaruh kota batu di dalam Muko*². Begitu juga dengan frasa *beri masuk* yang menukarkan frasa *beri mari* yang telah sedia maklum pada awal ayat idea tersebut. Dengan ini, penggantian berlaku terhadap unsur yang berkait dengan lakuan yang berorientasikan keizinan daripada Sultan Gandam Syah kepada Syarikat Hindia Timur untuk mendirikan sebuah kota batu di Muko-Muko. Sebaliknya, Raja Kelantan pula memperkenankan kapal Francis Light untuk datang berdagang di Kelantan. Penggantian tersebut melibatkan aspek penting yang menentukan hala tuju kemajuan negeri baginda. Oleh itu, unsur antara bahagian teks tersebut mestilah dihubungkan dengan sebaik-baik mungkin oleh penulis.

Dalam warkah ketiga dan keempat, penggantian berlaku pada unsur frasa kerja yang mendukung lakuan permintaan daripada pihak sultan atau raja terhadap perkara yang memberikan manfaat kepada individu-individu tertentu. Misalnya dalam warkah ketiga, frasa *pekerjaan itu* merujuk frasa kerja *minta beras muatannya keci itu* dalam ayat terdahulu, iaitu tentang permintaan Sultan Mansur kepada Raja Kedah untuk mendapatkan bekalan beras dengan kapal baginda seandainya mendapat kebenaran daripada Francis Light. Begitu juga dalam warkah keempat, frasa kerja *menyuruh meminta cap* dalam ayat sebelumnya ditukarkan dengan frasa *membawa bicara itu*, iaitu merujuk makluman oleh Raja Makota tentang permintaan William Gyfford melalui Raja Kecil Besar untuk mendapatkan cap daripada Sultan Abdul Jalil.

Warkah kelima pula memperlihatkan pertukaran frasa kerja yang membawa konotasi kekuasaan individu yang diperkatakan oleh pengirim, yakni Residen Ruhde David. Oleh itu, frasa *memegang perintah* dalam ayat seterusnya menggantikan frasa kerja *duduk di dalam Riau*. Dalam konteks idea tersebut secara khusus dan masyarakat Melayu lama secara amnya, frasa *duduk di dalam Riau* membayangkan maksud menakluki dan menguasai negeri Riau. Lantaran itu, penggantian dengan frasa *memegang perintah* menepati konsep kesinambungan makna untuk melambangkan kekuasaan residen tersebut di Betawi sehingga beliau mampu mengubah perjanjian politik antara Sultan Mahmud dan Jacob Peter van Braam.

Penggantian verbal memperlihatkan cara penulis mengimplementasikan penggunaan leksikal yang berbeza untuk menggantikan leksikal atau frasa leksikal sebelumnya. Dalam wacana warkah, proses penggantian merangkumi unsur penting yang melibatkan kelangsungan politik dan ekonomi sesebuah negara. Unsur tersebut berorientasikan keizinan dan pernyataan kekuasaan oleh penerima warkah. Oleh sebab

itu, unsur antara bahagian teks tersebut mestilah dihubungkan dengan sebaik-baiknya supaya dapat memperlihatkan kesepaduan makna.

4.2.2.3 Penggantian Klausa

Kohesi melalui penggantian klausa ialah proses penggantian yang melibatkan keseluruhan klausa atau ayat dengan kata atau frasa lain yang dapat mewakili klausa tersebut. Halliday & Hasan (1976, p. 131) menekankan bahawa terdapat sekurang-kurangnya tiga keadaan berlakunya penggantian klausa, iaitu melibatkan laporan, syarat, dan modaliti. Dalam komunikasi warkah sosial, penggantian klausa berlaku pada perkara yang dicetuskan oleh pihak-pihak tertentu yang dapat memberikan manfaat sama ada kepada pengirim sendiri, penerima atau pihak ketiga. Walaupun penggunaan kohesi jenis ini tidak begitu menyerlah dalam penulisan warkah, namun pengaplikasiannya dalam beberapa penulisan warkah menimbulkan kesatuan makna berlanjutan dalam idea. Sebagai contoh dalam warkah Sultan Ahmad dari Terengganu kepada Baron van der Cappellen di Batavia pada 19 Mac 1824 (Lampiran S), keserasian hubungan melalui penggantian ini diperlihatkan seperti petikan berikut:

... dan lagi jikalau menjadi kebenaran kepada Tuan Jeneral serta dengan penolong Tuan Jeneral serta dengan penolong Tuan Jeneral akan kita, melainkan **minta Tuan Jeneral menyuruh akan dia lalu ke Semarang keci kita itu serta dengan tanda Tuan Jeneral sekali adanya**. Maka **sekalian perkara yang tersebut itu** telah sangatlah harap kita akan Tuan Jeneral menolong jua adanya...

Merujuk contoh petikan di atas, dua klausa yang membentuk ayat majmuk dalam idea tersebut seperti *minta Tuan Jeneral menyuruh akan dia lalu ke Semarang keci kita itu* dan *serta dengan tanda Tuan Jeneral sekali adanya* dalam urutan sebelumnya digantikan dengan frasa *sekalian perkara yang tersebut itu*. Idea tersebut merujuk

permintaan Sultan Ahmad kepada Baron van der Capellen supaya beliau dapat memerintahkan utusan sultan, Juragan Man, Wan Saleh, Abdul Rahim, Uthman, dan Abdul Samad menggunakan laluan ke Semarang berserta dengan pengesahan daripada beliau sendiri. Selain itu, warkah Sultan Mansur Riayat Syah dari Terengganu kepada Gurnadur, Francis Light pada 4 Februari 1792 (Lampiran K) juga menampakkan adanya unsur penggantian yang berlaku pada klausa dalam idea yang disampaikan. Yang berikut kutipan petikan daripada warkah ini:

... dan ialah yang **mempunyai perangai yang lemah lembut serta terlalu arif pada hal memerintahkan khayr dan salah serta tolong-menolong pada sekalian sahabatnya orang besar² dan raja²**. Barang dikekalkan Allah **perangai yang demikian** selama ada cakerawala matahari dan bulan...

... adalah khabarnya Siam itu, maka daripada hal Siam pada tahun ini adalah kita menghantarkan bunga emas, maka tiadalah ia mau terima serta **dikehendaknya yang tiada patut**. Maka kita pun tiadalah terturut seperti **maksud Siam itu** melainkan kita serahkan kepada Allah semata²...

Petikan contoh di atas membuktikan bahawa penggantian klausa yang berlaku merangkumi unsur yang lebih besar atau menggambarkan hampir keseluruhan makna idea. Idea tersebut boleh difahami penerima warkah oleh sebab klausa tersebut sudah bersifat sebagai sebuah ayat lengkap. Misalnya dalam idea pertama, frasa *perangai yang demikian* dalam unsur berikutnya menghubungkan dan menggantikan dua klausa ayat majmuk, iaitu *mempunyai perangai yang lemah lembut serta terlalu arif pada hal memerintahkan khayr dan salah serta tolong-menolong pada sekalian sahabatnya orang besar² dan raja²* sebelumnya. Penggantian ini boleh difahami kerana melibatkan ungkapan puji-pujian oleh Sultan Mansur untuk menonjolkan kelebihan dan kekuasaan Francis Light. Dalam idea kedua pula, klausa *dikehendaknya yang tiada patut*

digantikan dan dipertautkan dengan frasa *maksud Siam itu* dalam unsur selanjutnya. Unsur penggantian tersebut merujuk perilaku pemerintah Siam yang membuat permintaan di luar kemampuan baginda sebagai galang ganti atas keengganan mereka menerima pemberian bunga emas daripada kerajaan Terengganu.

Menerusi perbincangan di atas, kohesi penggantian berlaku dan digunakan secara eksofora apabila pengirim ingin membangkitkan hubungan tekstual, yakni untuk melahirkan impak terhadap ujaran sebelumnya. Untuk merealisasikan hubungan tersebut, sesuatu unsur akan digantikan dengan unsur baharu yang dapat membayangkan dan mewakili kesamaan semantik dengan unsur terdahulu. Oleh itu, aspek penggantian bukan sahaja menyerlahkan kebijaksanaan pengarang mewujudkan kesinambungan fikiran pembaca terhadap unsur terdahulu, tetapi juga dapat mengekalkan kesepaduan makna yang ingin disampaikan. Penggunaannya melahirkan penyampaian yang bervariasi kerana unsur penggantian dapat mengelakkan pengulangan pernyataan yang sama dalam konteks wacana yang agak terhad.

Wujudnya kohesi penggantian nominal, verbal, dan klausa dalam komunikasi warkah sosial tersebut dapat ditafsirkan oleh pihak sasaran melalui situasi atau pengetahuan sedia ada melalui pernyataan yang diutarakan sebelumnya. Dengan ini, penggantian nominal berperanan untuk mempertalikan unsur nama yang merujuk individu atau perkara yang dapat menyerlahkan hubungan sosial antara pemeran. Penggantian verbal pula menimbulkan kesinambungan terhadap perlakuan oleh pemeran atau individu yang terlibat. Penggantian klausa pula bersangkutan dengan perkara yang dicetuskan untuk memberikan manfaat kepada pengirim, penerima atau pihak ketiga dalam komunikasi warkah.

4.2.3 Kohesi Elipsis

Elipsis atau pengguguran secara mudahnya dapat ditafsirkan sebagai penggantian kosong (*substitution by zero, Ø*) atau dalam erti kata lain tidak memasukkan sesuatu unsur yang sepatutnya ada dalam teks atau komunikasi. Seperti unsur penggantian, elipsis juga koheisi yang melambangkan persamaan asas-asas hubungan antara bahagian teks, iaitu hubungan antara perkataan, golongan atau klausa. Koheisi elipsis berlingkungan dalam ayat atau klausa, iaitu strukturnya berperanan untuk mengandaikan unsur yang mendahului dan kemudiannya digunakan sebagai sumber kepada maklumat yang hilang (Halliday & Hasan, 1976, p. 142-143). Oleh itu, mereka menyenaraikan perbincangan elipsis kepada tiga subjenis utama, iaitu elipsis nominal, elipsis verbal, dan elipsis klausa. Akan tetapi, untuk tujuan kajian ini, didapati bahawa hanya kaedah elipsis nominal dan verbal diaplikasikan penulis-penulis warkah dalam wacananya.

4.2.3.1 Elipsis Nominal

Elipsis nominal melibatkan pengguguran unsur-unsur kata nama atau frasa nama yang telah dinyatakan dalam bahagian teks sebelumnya dalam sesebuah wacana. Halliday & Hasan (1976, p. 147) pula mengutarakan elipsis nominal sebagai proses pengguguran yang berlaku dalam lingkungan golongan nominal. Dalam komunikasi warkah sosial ini, pengguguran nama yang berlaku terhadap frasa nama subjek dan frasa nama objek yang telah sedia maklum dalam maklumat atau ayat sebelumnya. Oleh sebab itu, pengirim mempunyai pilihan untuk mengulang atau menghilangkan unsur tersebut dalam bahagian wacana seterusnya. Yang berikut antara warkah yang memperlihatkan berlakunya proses penghilangan terhadap frasa nama subjek dalam wacana yang dihasilkan.

1. Surat Tunku Baginda Raja Mahkota di Anak Sungai kepada Orang Kaya Jeneral, J.C. Collet di Bengkulu pada 1712. (Lampiran B)

... sekarang Tunku Raja Makota punya tabik² kepada Orang Jaya Jeneral yang dalam Bengkahulu. Jikalau ada dipegang (**Ø Orang Kaya Jeneral**) seperti janji itu, suka Tunku Baginda Raja Makota. Jikalau tiada dipegang oleh Orang Kaya Jeneral seperti janji itu, lebih suka Tunku baginda Raja Makota pada bicara itu...

2. Surat Engku Sayid Muhammad Zain al Kudsi dari Lingga kepada T. S. Raffles di Melaka pada 6 Januari 1811. (Lampiran M)

... adalah kita memaklumkan kepada sahabat kita dalam kalam dan nazam yang terbit daripada fuad lisan serta ditagihkan dan ditakidkan yang tiada berubah sebab (**Ø kita**) mendengar khabar dan kita lihat pula sendiri dengan mata kepala kita dari hal saudara kita Tengku Pengiran terlalu belas kasihan...

3. Surat Sultan Mahmud Syah dari Johor dan Pahang kepada Senyur Gurnadur, Francis Light pada 10 November 1787. (Lampiran J)

... dan jikalau menjadi patut kepada sahabat kita serta putih hati akan kita melainkan kita minta' kepada pihak sahabat kita sampaikan kepada tuan jeneral yang di Benggala surat kita ini kerana adalah asal kita dengan Kompeni Belanda itu maka adalah Kompeni Belanda melanggar Riau hendak mengalahkan orang Bugis dan (**Ø Kompeni Belanda**) hendak mengangkat raja Melayu...

4. Surat Sultan Mansur Riayat Syah dari Terengganu kepada Gurnadur, Francis Light pada 4 Februari 1792. (Lampiran K)

... dan lagi kita beri surat kepada raja Kedah minta beras muatannya keci itu. Maka pekerjaan itu melainkan ikhtiar anak kita; jikalau menjadi benar kepada anak kita, hendaklah anak kita suruh bawa keci itu ke

Kedah, jikalau tiada jadi benar kepada anak kita, (*Ø anak kita*) janganlah suruh.

5. Surat Sultan Ahmad dari Terengganu kepada Baron van der Cappellen di Batavia pada 19 Mac 1824. (Lampiran S)

... dan lagi akan hal Tuan Jeneral pun jikalau ada kesukaan dan kerelaan, maka (*Ø Tuan Jeneral*) janganlah kiranya berputusan bersuruhan datang ke Terengganu berniaga berjual-beli sedikit² dan barang apa yang ada di dalam negeri Terengganu itu boleh Tuan Jeneral menyatakan di dalam surat...

Dalam contoh warkah pertama di atas, proses pengguguran nominal berlaku terhadap frasa nama subjek, iaitu *Orang Kaya Jeneral* yang boleh diandaikan daripada frasa nama dalam maklumat atau ayat yang diperkatakan sebelumnya. Konteks ayat tersebut memerihalkan harapan Tunku Raja Makota kepada Orang Kaya Jeneral (J.C. Collet) tentang isu perjanjian perdagangan yang pernah dimeterai antara Inggeris dengan Sultan Muhammad Syah dan Raja Makota. Oleh itu, unsur asal yang sepatutnya ditulis dalam ayat tersebut boleh diamati seperti ... *jikalau ada dipegang Orang Kaya Jeneral sepert janji itu...* .

Dalam warkah ketiga pula, proses elipsis dilakukan terhadap frasa nama subjek yang melibatkan pihak berkepentingan dalam pemutusan perjanjian tentang kelangsungan hala tuju hubungan politik pihak terlibat. Frasa nama subjek yang sepatutnya dizahirkan kemudiannya dapat dikenal pasti kewujudannya melalui frasa nama yang diperkatakan dalam ayat sebelumnya. Oleh itu, kajian ini mengandaikan bahawa *Kompeni Welanda* sebagai subjek utama yang telah digugurkan dalam konteks ayat tersebut. Penulis menghilangkan frasa nama yang dianggap penting kerana

Kompeni Welanda ialah subjek yang bertanggungjawab mengadakan perjanjian dengan Sultan Mahmud mengangkat raja Melayu seandainya orang Bugis terusir dari Riau. Namun begitu, proses tersebut tidak menjejaskan maksud asalnya lantaran Francis Light dapat memahami penghilangan unsur tersebut berdasarkan sumber dalam konteks tersebut.

Pengguguran subjek juga berlaku dalam lingkungan ganti nama diri orang kedua, terutama dalam ragam ayat perintah. Hal ini selaras dengan pendapat Nik Safiah Karim et. al. (2008, p. 539) yang menegaskan bahawa dalam binaan ayat perintah, kata ganti nama diri orang kedua sebagai subjek lazimnya digugurkan. Oleh itu, pengguguran subjek dalam ayat perintah merujuk frasa nama yang mewakili pihak sasaran atau pengirim yang boleh difahami berlandaskan konteks ayat dalam sesebuah idea. Misalnya dalam warkah kelima, frasa nama subjeknya dihilangkan dalam ayat baharu, namun diramalkan bahawa frasa nama *Tuan Jenderal* ialah subjek asalnya berdasarkan konteks ayat yang dihasilkan sebelumnya. Oleh itu, dapat disimpulkan bahawa ayat larangan yang sepatutnya ditulis ialah *maka Tuan Jenderal janganlah kiranya berputusan bersuruhan datang ke Terengganu* merujuk tindakan Sultan Ahmad yang menegah Francis Light supaya tidak menghentikan aktiviti perdagangan dengan kerajaan Terengganu.

Selain itu, satu lagi proses elipsis yang dapat dikesan dalam wacana warkah ini ialah pengguguran terhadap frasa nama objek. Seperti terjadinya proses pengguguran subjek ayat sebelum ini, keadaan yang sama juga berlaku terhadap objek dalam ayat. Unsur tersebut mungkin sengaja dihilangkan kerana pengarang optimis bahawa penerima telah sedia maklum unsur itu dalam ayat atau maklumat sebelumnya. Dalam komunikasi warkah ini, pengguguran objek merangkumi aspek yang memberikan

kepentingan tertentu kepada pemeran berkaitan seperti yang dapat dijelaskan dalam contoh-contoh petikan tertera.

6. Surat Saudagar Rahsia Raja Kelantan kepada Gubernur Pulau Pinang pada 23 Jamadilawal 1209. (Lampiran E)

... maka jadilah beta suruh memberi surat akan Tuan Sennyur minta kapal mari berniaga ke dalam Kelantan ini tiap² tahun. Maka boleh beta tolong bicarakan (**Ø negeri Kelantan**) seperti keadaan di negeri Trengganu itu, karena negeri Kelantan dengan Trengganu itu tiada berapa...

... dalam itu jikalau suka Tuan Sennyur hendak beri mari kapal itu minta Tuan Sennyur beri mari apiun dan ubat peluru dan meriam panjang² empat hasta atau tengah lima hasta dan senapang kompeni yang baik², lain daripada hal itu rial. Maka akan harga ladapun boleh beta tolong bicarakan beri kurang sedikit daripada harga (**Ø lada**) Trengganu itu hingga setahun dua beri bebas akan Tuan Sennyur jikalau suka Tuan Sennyur hendak beri mari kapal minta Tuan Sennyur balas surat beta ini...

7. Surat isteri Tunku Raja Muda Selangor kepada Francis Light di Pulau Pinang pada Jumaat 28 Safar. (Lampiran D)

... syahadan kemudian daripada itu, akan hal beras dengan kain dua fasal itu yang dibawa oleh Lebai Abdul Khatib sudah sampaikan pada kita; jumlah (**Ø beras dengan kain**) dua fasal itu dua ratus delapan puluh ringgit...

8. Surat Sultan Mansur Riayat Syah dari Terengganu kepada Gurnadur, Francis Light pada 4 Februari 1792. (Lampiran K)

... dan seperti dagangan yang dibawa di dalam keci itu, jikalau laku (**Ø dagangan**) dengan segeranya baiklah, jikalau tiada laku kesemuanya, melainkan anak kita punggahkan (**Ø dagangan itu**) ke darat, tinggal

kepada anak kita. Maka anak kita muatkan dagangan mana yang patut ke Terengganu beri mari asal dengan segeranya sampai ke Terengganu.

Pengguguran unsur nama dalam warkah-warkah di atas rata-ratanya melibatkan frasa dalam dunia perdagangan yang berlaku antara kerajaan Melayu dengan Francis Light. Misalnya dalam warkah keenam, penghilangan unsur nama melibatkan kepentingan perdagangan kepada kerajaan Kelantan dan Francis Light, iaitu penghilangan frasa nama *negeri Kelantan* dan kata nama *lada*. Kehadirannya dapat difahami dan disedari pembaca menerusi ayat atau maklumat sebelumnya. Oleh itu, gambaran keadaan negeri Kelantan dan pernyataan Raja Kelantan untuk memberikan harga dagangan lada yang lebih murah tidak sesekali menjejaskan makna asal yang ingin disampaikan, walaupun unsur nama tersebut dielipsiskan. Perkara yang sama juga berlaku dalam teks warkah ketujuh dan kelapan, iaitu apabila frasa nama *beras dengan kain* dan *dagangan* digugurkan dalam ayat berikutnya tetapi dapat disatukan kefahamannya menerusi konteks.

Kesimpulannya, elipsis nominal kebanyakannya berlaku terhadap frasa nama subjek dan frasa nama objek yang telah dinyatakan dalam bahagian teks sebelumnya. Penghilangan unsur tersebut merangkumi unsur yang melibatkan kepentingan individu dan perkara tertentu dalam politik dan ekonomi. Walau bagaimanapun, penghilangan unsur tersebut masih dapat mewujudkan keserasian hubungan makna lantaran kehadirannya sebelum.

4.2.3.2 Elipsis Verbal

Elipsis verbal ialah pengguguran yang berlaku dalam lingkungan golongan verbal. Pengguguran golongan kata verbal mengandaikan satu atau lebih perkataan daripada golongan kata verbal pada ayat sebelumnya (Halliday & Hasan, 1976, p. 167). Dalam erti yang lebih mudah, elipsis verbal melibatkan pengguguran unsur kata kerja atau frasa kerja yang telah dinyatakan pada ayat sebelumnya dalam sesebuah wacana yang sama.

Dalam komunikasi warkah sosial, kohesi pengguguran verbal ini kurang diaplikasikan oleh penulis. Kemungkinan timbulnya kebimbangan tentang kehilangan unsur kerja dalam sesebuah maklumat yang boleh mengganggu kebolehcapaian makna dan tujuan asal penerima warkah. Hal ini dikatakan demikian kerana kebanyakan peristiwa bahasa yang berlangsung menerapkan penggunaan ayat perintah yang semestinya perlu dilengkapi dengan maklumat sempurna. Hal ini bertepatan dengan matlamat ayat perintah untuk menimbulkan sesuatu tindakan oleh pemeran terlibat. Rentetan itu, kajian ini mendapati bahawa pengguguran verbal berlaku hanya dalam warkah daripada Enci' Lu Nga dari Perlis kepada Kapitan Light Dewa Raja pada 5 April 1785 (Lampiran G) yang boleh diperhatikan seperti yang tertera:

... kemudian dari itu barang tahu sahabat saya adalah saya menyuruhkan sebuah perahu muatan dagangan Cina serba sedikit. Nakhodanya Cin Ca Yang berlayar pergi dapatkan sahabat saya ke bandar Salang. Barang kiranya dengan tolong sahabat saya daripada jual belinya penyuruh saya itu (*Ø dapat dihindarkan*) daripada sakit sukarnya saya harapkan sahabat saya tolong akan dia daripada genap perkaranya...

Merujuk contoh petikan tersebut, pengguguran verbal dapat diandaikan berlaku pada frasa kerja *dapat dihindarkan* berdasarkan konteks ayat yang dihasilkan oleh Encik Lu Nga. Maklumat tersebut membicarakan permintaannya kepada Francis Light agar dapat memberikan perlindungan keselamatan kepada Nakhoda Cin Ca Yang yang berlayar untuk berjumpa dengan beliau dan menjalankan aktiviti perdagangan di Ujung Salang. Oleh itu, dapat diramalkan bahawa kewujudan asal ayat tersebut sepatutnya dibaca seperti ... *tolong sahabat saya daripada jual belinya penyuruh saya itu dapat dihindarkan daripada sakit sukarnya...* .

Pembentukan wacana warkah sosial pada asasnya dipengaruhi bahasa Melayu klasik yang menekankan aspek pengulangan. Namun, terdapat pengarang yang menimbulkan kelainan semasa menggayakan kesinambungan wacananya, iaitu dengan menerapkan aspek pengguguran unsur linguistik. Elipsis juga boleh dikaitkan dengan kemahiran pengarang menimbulkan keserasian hubungan unsur linguistik berdasarkan konteks ayat atau kehadiran unsur yang boleh dijangkakan sebelumnya. Namun begitu, proses pengguguran tidak dilakukan sewenang-wenangnya. Pengarang cuba meminimumkannya kerana dikhuatiri akan menimbulkan kekeliruan atau merencatkan kelancaran kefahaman terhadap wacana. Kebanyakan unsur nominal dan verbal yang dihilangkan merupakan unsur yang telah diketahui atau sedia maklum oleh penerima warkah.

4.2.4 Kohesi Penghubung

Kohesi penghubung memperlihatkan unsur gramatikal yang berlainan berbanding dengan kohesi lain. Hal ini dikatakan demikian kerana elemen penghubung tersebut tidak berkohesi secara bersendirian, sebaliknya menjadi alat kohesi yang menyatukan unit-unit linguistik lain. Lantaran itu, kohesi penghubung bertindak untuk menghuraikan

hubungan antara ayat dan semantik (Halliday & Hasan, 1976, p. 226-227). Hal ini secara tidak langsung dapat mewujudkan kesinambungan maklumat dan menimbulkan hubungan logik antara konteks. Oleh itu, kohesi penghubung adalah untuk menghubungkan dua atau lebih ayat sehingga menjadi kesatuan utuh.

Dengan gaya penulisan warkah yang bertele-tele, di samping mempunyai kerencaman bentuk kandungan yang memperkatakan tujuan politik, ekonomi, perdagangan, dan peribadi, penggunaan kohesi penghubung dapat memberikan kefahaman tentang maklumat yang disampaikan antara pemeran terlibat. Kefahaman tentang perkaitan sesuatu maklumat antara bahagian ayat tersebut dapat diperjelas melalui perkaitan tempoh, maklumat tambahan, maklumat yang bersifat kontradiksi, dan sebab musabab berlakunya sesuatu isu tersebut.

Oleh itu, melalui pendekatan analisis tiga fungsian makna oleh Halliday & Hasan (1976), mereka membahagikan kohesi penghubung kepada lima subjenis utama, iaitu penghubung tambahan (*additive*), penghubung pertentangan (*adversative*), penghubung musabab (*causal*), penghubung tempoh (*temporal*), dan penghubung lain-lain. Namun begitu, hanya unsur penghubung lain-lain tidak ditemui lantaran unsur ini biasanya diaplikasikan dalam komunikasi lisan, terutama dalam konteks bahasa Inggeris. Berikut diperjelas huraian tentang penggunaan kohesi penghubung dalam warkah sosial Melayu.

4.2.4.1 Penghubung Tambahan

Penghubung tambahan unsur linguistik yang berfungsi untuk memberikan maklumat tambahan kepada sesuatu perkara yang telah berlaku sebelumnya (Halliday & Hasan, 1976, p. 244). Penggunaan kohesi penghubung pada dasarnya mempunyai dua fungsi kedudukannya, iaitu di pangkal ayat dan di tengah-tengah ayat dalam wacana tersebut.

Berdasarkan bahan kajian, terdapat beberapa perkataan yang menandakan wujudnya penghubung tambahan dalam teks tersebut, antaranya *dan lagi* atau *dan, tambahan, serta, atau, lalu, sebagai lagi, seperkara lagi, dan di dalam itu* atau *dalam itu lagi*.

Walaupun mempunyai dua gaya penulisan penghubung tambahan seperti yang diterangkan pada awal tadi, hakikatnya unsur kohesi tersebut tetap mempunyai tujuan yang sama, iaitu untuk menyatakan unsur baharu atau penambahan maklumat daripada ayat sebelumnya. Unsur-unsur ini dapat dilihat dalam beberapa pucuk warkah sosial seperti di bawah:

1. Warkah Sultan Syarif Kasim dari Pontianak kepada T. S. Raffles di Melaka, 1811. (Lampiran N)

... kerana Pengiran Anom Sambas berserta Abdul Rasyid itu ada sedia di laut Kuala Pontianak merompak² dengan dua buah kapal kecil jua adanya. **Dan lagi** kepada penglihatan kita telah nyatalah Raja Sambas itu m-gh-q-r dengan segala orang² jahat dan perompa'² dan Ilanun² kerana di dalam negeri Sambas ada berhimpun semuanya segala ilanun² dan orang² jahat perompak²...

Maka suatu pun tiada alamat al-hayat. **Dan lagi** kita kirim punya khormat beserta kita punya tabi' diperbanya'² sahabat kita Tuan Thomas Raffles Esquire...

2. Warkah Sultan Ahmad dari Terengganu kepada Baron van der Capellen di Batavia, 1824. (Lampiran S)

... maka telah harablah kita akan Tuan Jeneral menolong suruhan kita itu daripada sebarang hal ehwalnya di dalam negeri Betawi itu.

Dan lagi jikalau menjadi kebenaran keadaan Tuan Jeneral serta dengan pertolongan Tuan Jeneral akan kita, melainkan minta Tuan Jeneral menyuruh akan dia lalu ke Semarang keci kita itupun serta dengan tanda Tuan Jeneral sekali adanya...

Dan lagi akan hal Tuan Jenderal pun jikalau ada kesukaan dan kerelaan, maka janganlah kiranya berputusan bersuruhan datang ke Terengganu berniaga berjual-beli sedikit²...

3. Surat Saudagar Rahsia Raja Kelantan kepada Gubernur Pulau Pinang, 1795. (Lampiran E)

Dalam itu jikalau suka Tuan Sennyur hendak mari kapal itu minta Tuan Sennyur beri mari apiun **dan** ubat peluru **dan** meriam panjang² empat hasta atau tengah lima hasta **dan** senapang Kompeni yang baik²...

4. Surat Sultan Ismail dari Bima kepada Baron van der Capellen di Batavia, 1823. (Lampiran R)

... maka adalah disambut dangan beberapa hormat, **lalu membaca** serta diertikan kalam ala 'ali dalamnya... Daripada hal yang demikian itu adalah paduka Sultan Bima dengan sekalian menterinya telah menjunjunglah di atas batu kepala dangan beberapa hati tulus ikhlas, serta **lalu mempersembahkan terima kasih** begitu banyak ke bawahnya duli hadhrat paduka maha mulia empunya kurniai...

5. Surat Sultan Muhammad Fadl dari Sulu kepada Gabenor Hong Kong, Sir. John Francis David, 1845. (Lampiran U)

... maka inilah ahruf al-sahihah hal keadaannya dipersertai hormat takzim lagi pun dengan takrim **tambahan** oleh ikhlas tulus dari bab al-fuad yang amat putih lagi jernih sadhrah pun tiada mengandungkan sesuatu apa bekas keruh atau daki...

6. Surat Engku Sayid Muhammad Zain al Kudsi dari Lingga kepada T. S. Raffles di Melaka, 1811. (Lampiran M)

... iaitu sahabat kita seri paduka Thomas Raffles Esquire yang jadi wakil Seri Paduka Gilbert Elliot Lord Minto Guburnur Jeneral Benggala, raja di atas segala raja² yang ada takluk di bawah bendera raja maha besar negeri Inggeris dari atas angin sampai bawah angin, yang ada beristirahat al-khair pada masa ini dalam negeri Melaka Darul Mahrusah ialah yang empunya perangai yang maha baik dan tabdir yang sempurna lagi sangat suka mencari kebajikan dan muafakat akan segala sahabatnya raja² yang muslimin sekaliannya **tambahan** pula tabiatnya mengasihani serta mengasihi segala dagang...

7. Surat Sultan Mansur Riayat Syah dari Terengganu kepada Gurnadur, Francis Light, 1792. (Lampiran K)

Sebagai lagi daripada hal perkiraan bersyarikat Saudagar Nasruddin dengan anak kita dan dengan sahabat kita itu Kapitan Scott daripada hal Kapitan Lang membawa kapal serta dengan muatannya membalau dan belerang.

Sebagai lagi daripada hal pekerjaan Mister Fairlie dengan Saudagar Nasruddin serta dengan anak kita bersyarikat itu, itupun hendaklah anak kita beri mari daftarnya supaya boleh jelas segala perkiraan itu.

Seperkara lagi jikalau jadi kemudah-mudahan kepada anak kita, hendaklah anak kita suruh mari Kapitan Scott dan Mister K-r-t supaya boleh kita tentukan barang suatu pekerjaan pada jalan muafakat perniagaan antara kita

Dalam warkah kedua di atas, penggunaan *Dan lagi* merupakan unsur penyambung atau lanjutan maklumat daripada pernyataan maklumat sebelumnya. Misalnya, tindakan awal Sultan Ahmad menitahkan Juragan Man, Wan Saleh, Abdul Rahim, Uthman, dan Abdul Samad pergi berjumpa dengan Gabenor Baron van der Capellen di Batavia untuk

mendapatkan kebenaran meneruskan pembawaan barang dagangan. Oleh itu, penggunaan *Dan lagi* pada ayat seterusnya menjalinkan antara dua maklumat tersebut supaya saling berkesinambungan. Dalam maklumat tersebut, Sultan Ahmad berkenan untuk menambahkan permintaan supaya gabenor menyuruh utusan sultan tersebut meneruskan perjalanan ke Semarang. Penggunaan *Dan lagi* pada perenggan ketiga juga menggambarkan pertambahan permintaan oleh baginda agar hubungan perdagangan antara Terengganu dengan pihak Belanda tidak berputusan dan baginda mengalu-alukan kedatangan pihak Belanda di Terengganu.

Yang berikutnya pula menunjukkan penulisan penghubung *dan* di tengah-tengah ayat untuk menghubungkan antara klausa dalam ayat yang setara sifatnya. Sudah menjadi ciri penulisan wacana bahasa Melayu klasik (skrip Arab) mengulangi penghubung *dan* bagi penambahan maklumat. Kata hubung *dan* untuk menggantikan tanda baca koma (*punctuation marks*) seperti yang terdapat dalam wacana bahasa Melayu sekarang. Misalnya dalam warkah ketiga, penggunaan *dan* menunjukkan pertambahan maklumat permintaan daripada Raja Kelantan kepada Francis Light di Pulau Pinang. Baginda ingin mendapatkan sejumlah barang kelengkapan perang bermula daripada apiun (candu), peluru, meriam, sehinggalah permintaan terakhir, iaitu senapang seandainya Light bersetuju untuk mendatangkan kapal dagangan ke negeri Kelantan.

Dapat disimpulkan bahawa penghubung *dan* dimanfaatkan dalam dua keadaan kedudukan dalam warkah sosial Melayu lama, iaitu pada awal ayat dan di tengah ayat. Walaupun hadir pada bahagian awal perenggan atau ayat, unsur *dan* masih menunjukkan fungsi yang sama, iaitu menyambung peristiwa sebelumnya. Yang menariknya, kehadiran *dan* pada awal perenggan dan pada awal ayat menjadi bukti

bahawa unsur ini bukan hanya untuk menghubungkan antara klausa dalam ayat, tetapi lebih meluas lagi sebagai penghubung antara ayat dan perenggan (Mohd Fadzeli Jaafar, 2010, p. 252).

Selanjutnya, terdapat juga penggunaan penghubung tambahan lain yang juga menghubungkan dua klausa atau lebih yang bersifat setara, iaitu *lalu*, *serta*, dan *atau* (Nik Safiah Karim et. al. 2008, p. 251). Penggunaan penghubung tersebut menggambarkan atau memerihalkan perbuatan atau keadaan tertentu berdasarkan konteks ayat yang dihasilkan dalam wacana tersebut. Misalnya dalam kajian ini, penghubung *lalu* lazimnya hadir bersama-sama dengan frasa atau kata kerja dalam klausa atau ayat yang menunjukkan urutan perlakuan oleh individu yang diperkatakan.

Penggunaan penghubung tambahan *lalu* dalam petikan warkah keempat di atas bertujuan untuk memaklumkan lanjutan tindakan daripada pengirim warkah terhadap sesuatu rangsangan sebelumnya. Hal ini bermaksud penghubung tambahan *lalu* digunakan untuk memerihalkan ayat yang menjurus perlakuan pemeran terlibat. Jurutulis memanfaatkan penghubung *lalu* untuk menggambarkan lanjutan perbuatan atau tindakan yang dilakukan Sultan Ismail Raja Bima. Tindakan tersebut digambarkan pada awalnya oleh tindakan Sultan yang telah menerima sepucuk surat daripada gabenor Baron van der Cepellen. Oleh itu, penggunaan *lalu membaca* dan *lalu mempersembahkan terima kasih* menunjukkan berlakunya kesinambungan tindakan oleh sultan dalam warkah tersebut. Dengan cara ini, jurutulis dapat menggalurkan setiap maklumat yang ingin disampaikan dengan berkesannya.

Penghubung *tambahan* dalam warkah kelima dan keenam boleh dikatakan agak jarang digunakan berbanding dengan penghubung tambahan lain. Walaupun mempunyai tujuan sama, namun penggunaannya mampu mempengaruhi perasaan pembaca. Misalnya dalam surat keenam, penggunaan penghubung *tambahan* menyatukan pertambahan kata-kata pujian oleh Engku Sayid kepada Raffles yang berjawatan sebagai gabenor ketika British mengambil alih sementara jajahan Belanda. Dapat diteliti bahawa penggunaan kata *tambahan* penting untuk menghubungkan frasa kata-kata pujian yang berikutnya (*tabiatnya mengasihani serta mengasihi segala dagang*) dengan tujuan menimbulkan koheren dalam wacana tersebut.

Penghubung tambahan *sebagai lagi* dan *seperkara lagi* yang terdapat dalam warkah ketujuh pula memperlihatkan gaya penulisan penghubung bahasa Melayu klasik. Frasa penghubung *sebagai lagi* dan *seperkara lagi* berfungsi sebagai penghubung tambahan yang hanya terletak pada pangkal ayat dalam wacana tersebut. Penghubung tersebut juga untuk menyatakan sesuatu maklumat tambahan terhadap perkara yang telah diperkatakan atau untuk menyatakan maklumat baharu. Hal ini dikatakan demikian kerana kandungannya memperkatakan banyak perkara dan bercampur aduk antara satu sama lain tentang hal ekonomi, politik, peribadi, dan perdagangan.

Kesimpulannya, penggunaan penghubung *dan lagi*, *dan*, *tambahan*, *serta*, *atau*, *lahu*, *sebagai lagi*, *seperkara lagi*, dan *di dalam itu* atau *dalam itu* memberikan kesatuan idea atau kefahaman berlanjutan terhadap maklumat-maklumat yang diberikan. Tambahan pula, penghubung ini juga menghubungkan klausa atau ayat dengan klausa atau ayat berikutnya, iaitu sama ada menggambarkan unsur tambahan atau menyatakan maklumat baharu yang diutarakan dalam warkah.

4.2.4.2 Penghubung Pertentangan

Halliday & Hasan (1976, p. 250) menyatakan makna asas bagi penghubung pertentangan ialah jangkaan sebaliknya. Jangkaan tersebut mungkin berasal daripada apa-apa yang diperkatakan atau daripada proses komunikasi, iaitu situasi penutur-pendengar yang dikenali sebagai penghubung berlawanan. Dalam erti kata lain, penghubung pertentangan menunjukkan hubungan maklumat sebelum dan selepas dengan semantik bertentangan dalam wacana yang sama. Dalam konteks wacana warkah sosial, penggunaan penghubung pertentangan untuk mengimbangi maklumat dalam penulisan kandungan warkah. Berdasarkan bahan kajian, penggunaan penghubung pertentangan ini ditandai oleh kehadiran penghubung *tetapi*, *melainkan*, dan *hanyalah* seperti yang tertera dalam warkah-warkah di bawah.

1. Surat Sultan Abdul Jalil Khaliluddin dari Siak kepada Lord Minto, 1811. (Lampiran O)

Kita mendengar sahabat kita datang ini lalu ke Tanah Jawa membawa' angkatan kapal perang berapa banyak hendak memukul Wolandis dan Perancis, sangatlah kita suka mendengar sahabat kita itu. Jikalau kiranya benar kepada sahabat kita melainkan kita hendak menyuruhkan ayah kita itu Yang Diperatuan Tua bersama² mengiringkan sahabat kita, akan **tetapi** kita orang yang laif lagi miskin, adalah membawa orang seratus orang, kerana negeri kita kecil seperti dusun...

2. Surat Sultan Mansur Riayat Syah dari Terengganu kepada Gurnadur, Francis Light, 1792. (Lampiran K)

Seperkara lagi daripada hal dagangan Kapitan Lang ditinggalkan itu seperti membalau dan belerang tiadalah laku hanya diutang²kan sedikit², **tetapi** insyaAllah taala **kita tolong jualkan adanya...**

3. Surat Sultan Gandam Syah Muko-Muko kepada Syarikat Hindia Timur, 1733. (Lampiran C)

Kemudian daripada itu pikir hamba meski hamba mati tinggal kepada barang siapa yang akan menjadi raja dalam Anak Sungai tidaklah pada perniagaan Kompeni seperti lada akan kurang lagi **melainkan** bertambah² jua pada tiap² musin supaya Orang Kaya Kompeni tahu adanya.

4. Surat Engku Sayid Muhammad Zain al Kudsi dari Lingga kepada T. S. Raffles di Melaka, 1811. (Lampiran M)

Maka kita pun terlalulah farah dan surur serta menerima kasih kepada sahabat kita dengan sepenuh² kasih tidak terbalas kasih sahabat kita itu **melainkan** tidak daya upaya kita yang lain hanya membalas kita doa barang ditambah² seru sekalian alam pangkat darjat sahabat kita dengan kemuliaan dan kebesarannya.

5. Surat Sultan Ahmad dari Terengganu kepada Baron van der Cappellen di Batavia, 1824. (Lampiran S)

Maka suatu pun **tiada hadiah kita** akan Tuan Jeneral akan dalil tulus dan ikhlas kita **hanyalah** keris panjang sebilah dan lembing sepasang dan kain besar sepasang dan gading sepasang tiadalah dengan seperti. Adalah seumpama bunga setangkai adanya.

6. Surat Sultan Mansur Riayat Syah dari Terengganu kepada Gurnadur, Francis Light, 1792. (Lampiran K)

Maka **tiadalah suatu cendera mata hanyalah** kain besar se{pa}pasang akan anak kita dan lagi sehelai kain besar kepada sahabat kita Kapitan Scott tiadalah seperti umpama bunga setangkai jua adanya.

Kohesi penghubung pertentangan *tetapi* untuk menggambarkan dua maklumat bertentangan. Maklumat kedua memperlihatkan tafsiran sebaliknya daripada maklumat atau ayat pertama. Kebiasaannya, maklumat kedua mendukung makna yang dianggap lebih penting daripada maklumat pertama dan lebih menjadi tumpuan pembaca. Misalnya dalam surat pertama, jurutulis memerihalkan bahawa Sultan Abdul Jalil berkenan untuk mengutuskan Yang Dipertuan Tua untuk mengiringkan dan membantu angkatan perang Lord Minto menyerang Perancis dan Belanda. Oleh itu, penggunaan penghubung *tetapi* berfungsi untuk menyatakan sesuatu sebaliknya berlaku dalam maklumat atau klausa kedua. Dalam maklumat tersebut, sultan hanya mampu menghantar tentera seramai 100 orang kerana kekurangan kelengkapan dan baginda mengumpamakan negeri Siak seperti sebuah kebun sahaja.

Selain itu, terdapat penggunaan penghubung *melainkan* oleh pengarang warkah yang juga membawa makna bertentangan antara dua klausa atau ayat dalam wacana tersebut. Mengikut Kamus Dewan (2007, p. 868), kata *melainkan* menghubungkan dan menghuraikan perkara yang sebaliknya atau bertentangan dengan maksud asal. Boleh dikatakan bahawa penggunaan penghubung ini agak dominan diterapkan dalam warkah-warkah. Oleh itu, penggunaannya boleh dianggap sebagai satu ciri gaya penulisan wacana warkah Melayu. Misalnya dalam contoh keempat di atas, maklumat pertama menerangkan bahawa sekiranya Sultan Gandam Syah mangkat dan digantikan dengan raja lain sekalipun, aktiviti perdagangan lada dengan East India Company (EIC) tidak akan berkurang. Sebaliknya dalam maklumat kedua, pengarang menyatakan yang sebaliknya, iaitu perdagangan lada tersebut akan tetap bertambah-tambah setiap musim seandainya EIC bersetuju untuk terus berkuasa di Anak Sungai. Oleh itu, penghubung *melainkan* bertindak untuk menghubungkan dua maklumat yang mempunyai makna kontradiksi tersebut.

Terdapat sebuah lagi bentuk penggunaan perkataan yang tugasnya berfungsi sebagai penegas kata, tetapi pada masa sama berupaya untuk memperlihatkan pertentangan maklumat yang berlaku, iaitu penghubung pertentangan *hanyalah*. Seperti penghubung *melainkan*, perkataan *hanya* (Kamus Dewan, 2007, p. 511) juga menyatakan sesuatu perkara sebaliknya atau bertentangan dengan maksud asal. Oleh itu, kajian ini berpendapat bahawa kata *hanyalah* juga sebagai satu penghubung pertentangan. Penggunaan penghubung *hanyalah* kebanyakannya ditemui dalam komponen prapenutup yang membicarakan bentuk pemberian hadiah oleh pengirim kepada penerima warkah.

Penggunaan penghubung tersebut juga memperlihatkan aspek kesantunan pengirim warkah ketika menyampaikan mesejnya. Lazimnya dalam warkah Melayu, kaedah ini ditandai oleh kata *tiada... hanyalah* yang membayangkan makna bukannya tiada, sebaliknya pengirim menyatakan hadiah yang dibingkiskan kepada penerima. Misalnya dalam maklumat pertama dalam warkah kelima dinyatakan bahawa tiada sebarang hadiah yang dapat dititipkan kepada penerima warkah. Namun, dalam maklumat kedua dinyatakan pula bentuk hadiah berupa keris panjang, sepasang lembing, sepasang kain besar, dan sepasang gading sebagai pernyataan sebenar yang ingin ditonjolkan. Strategi berbahasa sedemikian ditafsirkan Asmah Omar (1992, p. 182-185) sebagai *contradicting* yang biasanya diaplikasikan dalam keadaan mesra bagi tujuan merendahkan diri. Strategi ini mengelakkan sifat bermegah kerana dianggap bertentangan dengan ajaran Islam. Oleh hal yang demikian, kajian menyimpulkan bahawa penggunaan penghubung tentangan *hanyalah* sesuai diterapkan dalam konteks bahasa merendah, tetapi mempunyai dua atau lebih maklumat yang bertentangan dalam wacana yang sama.

Berdasarkan contoh-contoh diberikan, dapat disimpulkan bahawa terdapat beberapa kohesi penghubung tentangan yang ditemukan, iaitu penghubung *tetapi*, *melainkan*, dan *hanyalah*. Penghubung-penghubung ini pada dasarnya untuk menyatukan dua atau lebih maklumat yang bertentangan. Dalam konteks warkah Melayu sosial ini, penggunaan penghubung pertentangan juga untuk mengimbangi maklumat yang bersifat positif dan negatif sekali gus mempengaruhi tindak balas penerima terhadap pernyataan yang diutarakan. Di samping itu, pengaplikasiannya juga mengambil kira konteks ayat atau ragam bahasa terbina oleh jurutulis warkah.

4.2.4.3 Penghubung Sebab Musabab

Penghubung sebab musabab unsur kohesi yang berfungsi untuk menghubungkan sesuatu tindakan atau peristiwa yang terjadi hasil daripada sebab-sebab tertentu. Penghubung sebab musabab mempunyai hubungan syarat daripada penggunaan kata-kata tertentu yang berfungsi untuk menyatakan alasan, hasil, dan tujuan bagi wacana yang dihasilkan. Penghubung musabab ini juga mungkin diulang-ulang untuk membentuk rantaian unsur kohesif (Halliday & Hasan, 1976, p. 256 & 260).

Dalam perkataan lain, penggunaan penghubung adalah untuk mempertalikan dua atau lebih maklumat yang berkaitan dengan sebab dan kesan sesuatu tindakan atau peristiwa. Misalnya dalam konteks warkah sosial, maklumat awal boleh dikaitkan dengan sebab (faktor atau punca) manakala maklumat kedua pula bertindak untuk menyatakan musabab (kesan) seperti menjelaskan alasan, hasil, tujuan, dan syarat terhadap maklumat awal oleh pengirim atau penerima warkah. Kajian ini mendapati bahawa terdapat beberapa variasi penggunaan penghubung sebab musabab yang boleh disenaraikan seperti *maka sebab*, *sebab*, *kerana*, *oleh kerana*, *dengan sebab itulah*, *sebab itulah*, dan *maka*.

Penggunaan kohesi penghubung tersebut memainkan peranan penting untuk memperlihatkan perkaitan peristiwa yang berbangkit. Perkara tersebut perlu dimaklumkan atau diketahui oleh penerima warkah kerana membawa kepentingan atau konotasi tertentu terhadap hubungan yang terjalin antara pemeran. Oleh sebab itu, pengarang warkah bertanggungjawab untuk menghubungkan dua unsur maklumat yang bertalian dengan penghubung sebab musabab agar tujuan sebenar wacana dapat difahami penerima warkah. Penggunaan penghubung ini dapat dilihat seperti dalam petikan yang berikut:

1. Surat Sultan Ahmad dari Terengganu kepada Baron van der Cappellen di Batavia, 1824. (Lampiran S)

Maka hendak pun kita menyuruh kepada segala kantor yang lain membawa dagangan wangkang itu menjadi larangan. **Dengan sebab itulah** kita menyuruhkan Juragan Man dan Wan Saleh dan Abdul Rahim dan Uthman dan Abdul Samad itu datang mendapatkan Tuan Jeneral ke Betawi maka telah harablah kita akan Tuan Jeneral menolong surahan kita itu daripada sebarang hal ehwalnya di dalam negeri Betawi itu.

2. Surat Sultan Mahmud Syah dari Johor dan Pahang kepada T. S. Raffles di Melaka, 1811. (Lampiran L)

Syahadan lagi sahabat beta menghendaki perahu serta dengan alat senjatanya segala telah sudahlah beta beri satu perahu dengan secukupnya kepada ganti sahabat beta dan Sayid Zain **maka** Sayid Zain pun berlayarlah yang bagaimana perintah sahabat beta kepada Sayid Zain dan ganti sahabat beta pun suruhkan ia berbalik kepada sahabat beta adanya.

3. Surat Datuk Suliwatang dari Lingga kepada Baron van der Capellen di Batavia, 1824. (Lampiran T)

Engku Sayid itulah wakil mutlak lagi mafud ke bawah duli yang maha mulia kedua mengadap seri paduka tuan besar. Adapun pekerjaannya itu tidaklah sahaya maklumkan ke hadrat yang mulia dan yang maha bangsawan **kerana** telah thatlah di dalam surat yang izzat kedua itu, serta Engku Sayid sendiri pergi mengadap barang yang diwadihkannya kepada hadrat seri paduka tuan besar. **Sebab** inilah tidak sahaya panjangkan makluman lagi...

4. Surat Sultan Mansur Riayat Syah dari Terengganu kepada Gurnadur, Francis Light, 1792. (Lampiran K)

... hendaklah anak kita suruh Kapitan Carnegie itu mari dengan segeranya ke Terengganu. Jangan dianya tiada datang sebab Saudagar Nasruddin pun sudah tiada itu maka insyaallah taala bagaimana pada zaman saudagar kita kerjakan tiadalah berubah pada barang satu pekerjaan dan lagi kita pun sangatlah suka akan Kapitan Carnegie itu **kerana** dianya tahu adat bicara Melayu serta budi bahasa pun baik...

5. Surat Sultan Ismail dari Bima kepada Baron van der Capellen di Batavia, 1823. (Lampiran R)

... akan perihal adalah Paduka Sultan dengan sekalian menteri di dalam hadirkan jua antusan yang pergi di Betawi kepada ini tahun. Walakin adalah kebetulan dangan adat titah dan perintah daripada Paduka Tuan Gurnadur di Mengkasyar **sebab** menghendaki membaharui atau mentakidkan kontrak perjanjian...

Penggunaan penghubung sebab musabab dalam warkah pertama dan kedua di atas mewujudkan pertautan yang membawa hubungan makna sebab-hasil. Sebagai contoh dalam surat pertama, penulis mengajukan peristiwa berbangkit dalam maklumat awal, iaitu utusan Sultan Ahmad yang membawa dagangan tidak dibenarkan meneruskan perjalanan ke Semarang. Oleh itu, penggunaan penghubung *dengan sebab itulah* menghubungkan maklumat kedua yang menjelaskan hasil daripada peristiwa tersebut, maka utusan Sultan Ahmad mendapatkan gabenor Baron van der Capellen di Betawi untuk memperoleh kebenaran. Perkara yang sama juga berlaku dalam warkah kedua apabila penggunaan *maka* dalam konteks ayat tersebut mengalami hubungan sebab-hasil. Maklumat awal dalam contoh tersebut memperkatakan perkara berbangkit tentang permintaan Raffles untuk mendapatkan perahu dan senjata telah dikabulkan dan diserahkan Sultan Mahmud kepada Sayid Zain dan wakil Raffles. Oleh itu, penggunaan *maka* menghubungkan maklumat kedua (hasil) yang menyatakan bahawa mereka pun berlayarlah untuk menyerahkan barang tersebut kepada Raffles.

Seterusnya, penggunaan penghubung ini juga melahirkan hubungan makna yang menjurus hubungan sebab-alasan. Kebanyakan perkara yang dibangkitkan pengirim disertakan dengan maklumat kedua yang memperlihatkan bentuk alasan sebagai penjelasan terhadap maklumat awalnya. Perkara berbangkit itu melibatkan hal ekonomi, peribadi, perdagangan, dan politik yang perlu diberikan penjelasan supaya tidak berlaku salah faham atau menjejaskan hubungan antara pengirim dan penerima warkah. Misalnya dalam maklumat awal warkah ketiga, Datuk Suliwang membangkitkan tindakannya yang tidak memaklumkan gabenor Baron van der Capellen tentang Engku Sayid yang pergi menghadap beliau. Untuk menjelaskan alasan terhadap tindakannya itu, penghubung *kerana* berfungsi untuk menjelaskan bahawa Datuk Suliwang telah memaklumkan perkara tersebut dalam surat yang berlainan.

Tambahan pula, Engku Sayid sendiri yang pergi menghadap gabenor dengan membawa utusan. Hal ini membuktikan bahawa penghubung ini menimbulkan kesinambungan tindakan oleh pengirim dengan alasan-alasan tertentu. Hal ini juga secara tidak langsung dapat mengelakkan salah faham antara pemeran terlibat.

Penghubung sebab musabab untuk menyatakan hubungan sebab-tujuan pula dapat dilihat dalam warkah kelima. Penggunaan penghubung ini penting untuk menjalinkan dua perkara yang sangat berkaitan melibatkan tujuan sesuatu tindakan dilakukan. Hal ini sekali gus dapat menentukan kelangsungan tumpuan dan tindakan oleh penerima warkah terhadap perkara berbangkit tersebut. Misalnya dalam ayat tersebut, dinyatakan bahawa paduka Sultan Ismail tidak dapat berangkat ke Betawi kerana baru sahaja menaiki takhta. Oleh itu, baginda telah menitahkan utusan pergi ke Betawi seperti yang diperintahkan oleh gabenor Baron van der Capellen. Tindakan tersebut bertujuan untuk memperbaharui atau mentahkikkan (pengesahan) kontrak perjanjian antara pihak kerajaan dengan kuasa Belanda tersebut.

Kesimpulannya, kajian ini mendapati bahawa penghubung sebab-musabab seperti yang diutarakan Halliday & Hasan (1976, p. 260) adalah untuk menjalankan fungsi spesifiknya seperti menyatakan hasil, alasan, dan tujuan sesuatu perkara yang berlaku. Penggunaan penghubung ini juga penting dalam konteks hubungan antara pemeran kerana mempengaruhi tindak tanduk atau respons penerima warkah terhadap perkara yang disampaikan. Tambahan pula, kesinambungan hubungan yang terjalin antara mereka ditentukan oleh penghubung yang memperlihatkan hubungan sebab-hasil, sebab-alasan, dan sebab-tujuan. Dalam masa yang sama, wacana yang dibangkitkan menerusi penghubung jenis ini dapat menggambarkan kepentingan hal ekonomi, politik, perdagangan kepada kerajaan Melayu, pihak Belanda, dan Inggeris.

4.2.4.4 Penghubung Tempoh

Penghubung tempoh memperlihatkan hubungan antara dua ayat secara berturut-turut, iaitu hubungan unsur luaran sebagai inti yang mungkin menggambarkan rangkaian turutan unsur masa atau waktu. Penghubung tempoh ini kebiasaannya dinyatakan dalam bentuk yang menggambarkan situasi kemudian atau selepas yang dihubungkan dengan tempoh waktu (Halliday & Hasan, 1976, p. 261). Menurut mereka lagi, penghubung tempoh ini secara luarannya boleh menjelaskan unsur yang berlaku secara berturutan, serentak, dan mendahului dalam sesebuah ayat.

Dalam wacana warkah sosial, penghubung tempoh untuk menghubungkan perkaitan waktu berlakunya sesuatu peristiwa yang disampaikan kepada penerima warkah. Melaluinya, seseorang penerima warkah dapat mengikuti kesinambungan inti pati daripada satu maklumat dengan maklumat yang lain. Dengan ini, penghubung tempoh mengesan perkaitan antara bahagian ayat dalam komunikasi warkah tersebut. Selain itu, penghubung tempoh unsur yang tidak boleh dikesampingkan, terutama dalam komponen kandungan warkah. Hal ini dikatakan demikian kerana penggunaannya mempengaruhi tindak balas penerima warkah terhadap perkara yang diperkatakan melibatkan hal politik, ekonomi, perdagangan, dan sebagainya. Dengan adanya penggunaan penghubung tersebut, penerima warkah berusaha untuk merealisasikan tindakan terhadap perkara berbangkit berdasarkan urutan maklumat atau peristiwa yang disampaikan.

Kajian ini mendapati bahawa penggunaan penghubung tempoh mempunyai dua fungsi penulisannya, iaitu sebagai unsur pemula peristiwa dan unsur untuk menyatakan maklumat lain secara berturutan. Misalnya, dapat dikesan melalui pengaplikasian kata hubung seperti *sebermula, adalah, maka, adapun, syahadan*, urutan ordinal *pertama...*,

kedua..., wabadahu kemudian daripada itu, kemudian daripada itu, dan amabada daripada itu. Yang berikut ialah pengaplikasiannya dalam beberapa warkah yang berkaitan.

1. Surat Sultan Muhammad Fadl dari Sulu kepada Gabenor Hong Kong, Sir. John Francis David, 1845. (Lampiran U)

Sebermula adapun paduka sahabat kekasih memberi istima al-kalam dengan tulus yang sebenar ke hadapan wajah sahabat habibi paduka maha seri Tuan Gabanadur pada perihal Marudu' yang telah dipukul orang Borniu.

2. Surat isteri Tunku Raja Muda Selangor kepada Francis Light di Pulau Pinang, Jumaat 28 Safar. (Lampiran D)

Adalah kita menyatakan hal pada sahabat kita karena kita menyuruhkan Lebai Abdul Khatib dahulu pada sahabat kita, ada timah sedikit. Peninggalan Lebai Abdul Khatib berilir tiga hari datang kapal dari Pulau Pinang kita serah beri sudah sembilan bahara akan hal harganya sudah kita terima.

3. Surat Sultan Alauddin dari Perak kepada Gurnadur, Francis Light, 1787. (Lampiran I)

Syahadan adapun hal Gurnadur hendak biasa dengan kita itu, terlalulah kesukaan kita serta dengan benarnya sangat pada hati kita. adapun negeri Perak ini adalah umpama perempuan yang elok tetapi sungguhpun elok ada pula lakinya, maka lakinya itu terlalu cemburu{n}nya.

4. Surat Saudagar Rahsia Raja Kelantan kepada Gubernur Pulau Pinang, 1795. (Lampiran E)

Maka adalah raja kita Raja Kelantan suruh beri surat akan sahabat beta jikalau ada kesukaan dan kerelaan Tuan Sennyur hendak berkasih-kasih dengan raja beta di Kelantan ini pada perintah perniagaan jikalau ada kemudah-mudahan raja beta minta Tuan beri mari kapal berniaga ke dalam negeri ke Kelantan ini seperti keadaan Tuan Sennyur beri masuk berniaga ke dalam negeri Trengganu...

5. Surat Sultan Mahmud Syah dari Johor dan Pahang kepada Senyur Gurnadur, Francis Light, 1787. (Lampiran J)

Maka diperbuatlah perjanjian oleh Jacob Peter Komanda van Braam dengan kita dan segala raja² yang di dalam Riau bersurat-suratan antara keduanya Jacob Peter van Braam dengan kita setelah sudah putus waad perjanjian kita dengan Jacob Peter van Braam Komanda **maka** iapun pulang ke Betawi serta dibawanya surat perjanjian kita itu.

6. Surat Tunku Baginda Raja Mahkota di Anak Sungai kepada Orang Kaya Jeneral (J.C. Collet) di Bengkulu pada 1712. (Lampiran B)

Ini tatkala gompeni duduk pada negeri Bengkahulu. Mister Bloome nama komandarnya, siapatah yang memegangkannya ia Pengiran Ujang Galah dengan Orang Kaya Lela Maharaja sembilan komandar di Bengkahulu yang memegangkan perjanjian itu: **pertama** Mister Bloome, **kedua** Mister Broughton **ketiga** Mister Sowdon **keempat** Mister Fleetwood **kelima** Mister B-l-t **keenam** Mister Mildmay **ketujuh** Mister Watts **keselapan** Mister Hoyle **kesembilan** Orang Kaya Jeneral Mister Cross. Ada jua lagi tegoh seperti janji itu; ilang Orang Kaya Jeneral Mister Cross, tiada lagi janji itu.

... ialah kembalilah Kapitan Mister (Du) Jardin kepada negeri Madras ialah datang Komander Mister Ord [Hr] menegohi pada janji itu. Itupun mati Komander Mister Har berganti dengan Komander Mister

P-t mati Komander Mister P-t datanglah Komander Mister Gibbon serta Kapitan Mister (Du) Jardin maka bertambah tegohlah perjanjian itu **kemudian daripada itu** ada tiga tahun lamanya mukahlah Tunku Sultan Muhammad Syah daripada Gompeni Inggeris larilah ia ke Menjuto Raja Menjuto pun mati dudu'lah Tunku Sultan Muhammad Syah itu di Menjuto...

7. Surat Datuk Suliwatang dari Lingga kepada Baron van der Capellen di Batavia, 1824. (Lampiran T)

... *Ammabadu daripada itu* adalah sahaya Suliwatang merafakkan maklum dengan secarik nudhah yang sezarah ini ke hadrat Seri Paduka Tuan Besar yang amat mulia peri maklumkan adalah sahaya punya Tuan Duli Yang Maha Mulia iaitu Yang Dipertuan Besar al-Sultan Abdul Rahman Syah dan duli Yang Dipertuan Muda Raja ada utusan ke Betawi...

Penggunaan penghubung tempoh sebagai unsur pemula peristiwa biasanya terletak pada pangkal ayat dalam setiap inti atau awal ayat yang dimulakan. Penggunaannya adalah untuk menyatakan bahawa sesuatu ayat atau peristiwa yang baru sahaja dimulakan. Menurut Asmah Omar (1995, p. 159-160), antara penghubung temporal yang digunakan untuk memulakan sesuatu peristiwa dalam konteks wacana bahasa Melayu klasik ialah *maka*, *syahadan*, *alkisah*, *adalah*, *adapun*, *sebermula*, *bermula*, *arakan*, dan *tersebut*.

Dalam warkah pertama hingga keempat, penghubung *sebermula*, *adalah*, *maka*, dan *syahadan* yang terletak pada pangkal ayat adalah untuk memulakan sesuatu peristiwa oleh pihak pengirim tentang isu politik, ekonomi, dan perdagangan. Misalnya dalam contoh warkah pertama, kata hubung tempoh *sebermula* menandakan bermulanya inti melibatkan keselamatan politik yang ingin diperkatakan oleh Sultan Muhammad Al-

Fadl. Dalam maklumat tersebut, baginda memaklumkan bahawa Kota Marudu' telah diserang oleh orang Borneo. Dalam ayat berikutnya pula diperihalkan lebih lanjut tentang perkara tersebut. Kajian ini juga menyimpulkan bahawa penghubung tempoh *sebermula, adalah, maka, syahadan,* dan *adapun* yang digunakan pada permulaan ayat ialah penghubung arkaik yang menghubungkan berbagai-bagai perkara dalam komponen warkah.

Seterusnya, penghubung tempoh yang menyatakan maklumat lain secara berturutan atau mengikut kronologi dapat dilihat menerusi penghubung tempoh *maka,* urutan ordinal *pertama..., kedua...,* serta *wabadahu daripada itu, kemudian daripada itu,* dan *ammadahu daripada itu.* Penghubung ini berbeza dengan unsur pemula peristiwa kerana penghubung ini masih digunakan dalam wacana bahasa Melayu kini.

Penghubung *maka,* urutan angka ordinal *pertama, kedua... , kemudian daripada itu, ammbadu daripada itu* dalam warkah kelima hingga ketujuh adalah antara penghubung tempoh yang digunakan untuk menggambarkan urutan atau kronologi berlakunya sesuatu perkara. Misalnya dalam warkah keenam di atas, peristiwa atau perkara secara berturutan diperihalkan oleh penghubung *pertama, kedua, ketiga... kesembilan.* Penghubung-penghubung ini digunakan untuk menjalinkan maklumat-maklumat yang saling berkait dan penting. Hal ini dikatakan demikian kerana maklumat tersebut melibatkan peristiwa perjanjian antara Pengiran Ujang, Orang kaya Lela Maharaja, dan sembilan komander British. Ada kemungkinan penghubung turutan tersebut dibaca sebegitu untuk menandakan ketinggian pangkat atau kedudukan pegawai British dan unsur tersebut dianggap penting dalam perjanjiannya. Tanpa menyatakan unsur-unsur penghubung itu, tidak mustahil perjanjian yang disepakati mereka kelihatan kabur atau menimbulkan persepsi yang meragukan.

Harus ditekankan di sini bahawa frasa-frasa bahasa Arab seperti *ammabadahu*, *wabadahu* sebenarnya merujuk frasa *selepas itu* dalam bahasa Melayu (Gallop, 1994, p. 70). Berdasarkan bahan kajian, penggunaan frasa-frasa tersebut dominan sebagai kata pangkal ayat pada komponen kandungan. Frasa-frasa ini juga berfungsi sebagai garis pemisah daripada komponen kata-kata pujian sebelumnya. Satu lagi hal yang agak menarik dalam kajian ini ialah penggunaan *maka* dalam wacana warkah Melayu. Dominannya penggunaan *maka* dalam wacana warkah sosial adalah untuk menjalinkan sesuatu perkara atau ayat menjadi satu urutan peristiwa yang menggambarkan sebuah fakta. Misalnya, dapat ditinjau penggunaannya dalam petikan di bawah:

8. Surat Sultan Mahmud Syah dari Johor dan Pahang kepada Senyur Gurnadur, Francis Light, 1787. (Lampiran J)

Kerana adalah asal kita dengan Kompeni Welanda itu **maka** adalah kompeni melanggar Riau hendak mengalahkan orang Bugis dan hendak mengangkat raja Melayu **maka** dengan takdir Allah taala di atas hambanya **maka** orang Bugis pun alah dilanggar oleh Jacob Peter van Braam Komandan. **Maka** orang Bugis pun habis lari undur dari dalam Riau itu. **Maka** tinggalah kita segala orang Melayu di dalam riau. **Maka** diperbuatlah perjanjian oleh Jacob Peter Komandan van Braam dengan kita dan segala raja²...

9. Surat Sultan Mahmud Syah dari Johor dan Pahang kepada T. S. Raffles di Melaka, 1811. (Lampiran L)

... dari perkara warkat al- Mubarak sahabat beta yang diihtimalkan kepada ganti sahabat beta John Scott Esquire dan Sayid Zain itu telah wasillah kepada beta dengan selamat sejahteranya serta hadiah yang termazkur itu **maka** beta pun sambutlah dengan beberapa kesukaan dan keridaan **maka** beta cabutlah daripada meterainya **maka** terbukalah lipatannya serta beta tatap daripada awal satar hingga akhirnya **maka**

beta pun mafhumlah barang yang termazkur di dalamnya mereka dan sahabat beta membayangkan kisah al-khair daripada sahabat beta handak menolong beta **maka** beta pun menerima syukurlah kepada Tuhan Allah al-Alamin...

Melalui pembuktian di atas, penggunaan *maka* memainkan peranan mempertalikan atau mengerakkan satu peristiwa dengan peristiwa berikutnya sehingga menggambarkan suatu bentuk fakta. Misalnya dalam contoh warkah kelapan, fakta teretus dengan peristiwa pihak Belanda mengadakan rundingan awal dengan orang Melayu Riau untuk mengalahkan orang Bugis. Kekalahan menyebabkan orang Bugis terpaksa berundur dari Riau sehinggalah akhirnya kepada peristiwa pembentukan perjanjian untuk mengangkat raja dalam kalangan orang Melayu. Tambahan pula, penggunaan *maka* dalam konteks bahasa Melayu klasik menurut Asmah Omar (1992, p. 9-17) adalah untuk menggantikan tanda baca dalam ayat (*punctuation mark*) dan lazimnya diaplikasikan oleh tukang cerita tradisional sebagai cara menyatakan urutan sesuatu peristiwa.

Rumusannya, penggaluran perkara yang mempunyai kaitan waktu oleh pengirim warkah menentukan hala tuju perkara yang disampaikan dapat diterjemahkan penerima. Hal ini dikatakan demikian kerana penggaluran maklumat dengan penghubung urutan atau siri tempoh penting untuk mengerakkan peristiwa politik, ekonomi, perdagangan, dan peribadi sesebuah kerajaan bagi makluman dan tindakan oleh penerima warkah. Oleh itu, penggunaan penghubung tempoh sebagai unsur pemula peristiwa dan unsur menyatakan maklumat lain secara berurutan dapat melahirkan suatu wacana yang berkesinambungan antara satu ayat dengan ayat lain.

Kesimpulannya, penghubung tambahan, pertentangan, sebab musabab, dan tempoh mempertautkan sekurang-kurangnya dua ayat pada aras gramatikal untuk memperlihatkan kesinambungan idea dan makna antara bahagian wacana. Dominannya penggunaan kohesi penghubung dalam komponen kata-kata pujian, kandungan, prapenutup, dan penutup adalah untuk memperjelas dan mempertalikan segala maklumat atau peristiwa berbangkit yang menjadi pemangkin terjadinya komunikasi antara pemeran terlibat. Pada masa yang sama, pengaplikasiannya juga sebagai medium yang membantu penerima warkah untuk memahami hubungan logikal butir-butir wacana yang disampaikan oleh pengirim warkah.

4.3 Kohesi Leksikal

Untuk melengkapkan gambaran tentang hubungan kohesi, penting dititikberatkan unsur berkaitan kohesi leksikal. Kesinambungan juga boleh dicapai dalam teks melalui pemilihan kosa kata dan unsur ini biasanya digunakan dalam konteks yang terdapat penanda identiti rujukan. Dengan ini, unsur kohesi leksikal lazimnya dipadankan dengan rujukan anafora (Halliday & Hasan, 1976, p. 305 & Halliday, 1985, p. 310). Dalam erti kata lain, kohesi leksikal ialah kohesi “forik” yang diwujudkan melalui struktur leksis atau kosa kata dan adakalanya berfungsi seperti proses penggantian pada aras leksikogramatikal. Hubungan leksikal dalam wacana juga dapat dicapai dengan pemilihan kosa kata yang mempunyai keserasian untuk menggambarkan makna yang luas tentang penggunaannya. Oleh itu, terdapat dua aspek penting melibatkan kohesi leksikal, iaitu pernyataan semula (reiterasi) dan kolokasi. Yang berikut diterangkan unsur-unsur kohesi tersebut secara terperinci.

4.3.1 Pernyataan Semula

Pernyataan semula atau reiterasi merujuk pengulangan unsur leksikal atau situasi yang berunsurkan sinonim bagi perkara-perkara tertentu. Dalam konteks rujukan, pengulangan ini unsur yang merujuk kembali kepada unit leksikal. Semasa proses merealisasikan bahasa atau wacana, penutur lumrahnya tidak dapat mengelakkan unsur pengulangan leksikal sama ada secara sedar mahupun tidak. Hal ini dikatakan demikian kerana pengulangan kata bagi mereka ialah unsur untuk menegaskan sesuatu perkara yang hendak diperkatakan (Halliday & Hasan, 1976, p. 278).

Apabila memperkatakan soal pengulangan, konsep ini bukan hanya merujuk pengulangan kata, tetapi juga merujuk keadaan yang mungkin terhasil daripada unsur sinonim atau hampir sinonim sehinggalah kepada dominasi kata-kata umum. Oleh itu, mereka membahagikan kohesi pernyataan semula kepada pengulangan unsur yang sama, pengulangan sinonim atau hampir sinonim, pengulangan superordinat (hiponim), dan pengulangan kata umum. Kajian mendapati bahawa jurutulis warkah sosial menerapkan hampir kesemua unsur tersebut kecuali pengulangan kata umum. Pengulangan leksikal dapat mewujudkan variasi penulisan wacana. Hal ini menyerlahkan kebijaksanaan pengarang memanfaatkan penggunaan kata untuk mewujudkan bentuk kesatuan pada aras leksikosemantik. Terdapat tiga unsur kohesi leksikal pernyataan semula yang dapat ditemukan, iaitu pengulangan unsur atau kata yang sama, pengulangan sinonim atau hampir sinonim, dan pengulangan superordinat yang boleh dihuraikan seperti yang berikut:

4.3.1.1 Pengulangan Unsur atau Kata yang Sama

Kohesi leksikal jenis ini merupakan kohesi dengan pengulangan kata atau frasa secara penuh tanpa berlaku sebarang bentuk perubahan daripada kata asalnya. Walaupun dalam konteks bahasa Melayu, sesuatu kata boleh mengalami perubahan morfologi, namun perubahan kata tersebut masih boleh diklasifikasikan sebagai pengulangan kata seandainya tidak berubah kelas katanya. Dalam wacana warkah sosial, banyak penggunaan kata atau frasa berulang sebagai manifestasi ciri bahasa Melayu klasik. Namun begitu, untuk kajian ini, pengulangan kata hanya mengambil kira daripada jenis kata inti (*content word*) dan bukannya kata fungsi (*function word*). Menurut Idris Aman (2010, p. 61), kata inti kata penting untuk mengutarakan idea atau maklumat teks atau wacana. Oleh itu, contoh-contoh penggunaan kohesi pengulangan kata yang sama dapat dilihat dalam petikan yang berikut:

1. Surat Sultan Mahmud Syah dari Johor dan Pahang kepada Senyur Gurnadur, Francis Light, 1787. (Lampiran J)

Kemudian daripada itu maka datanglah **petur** Ruhde David Resident dari Betawi duduk di dalam Riau maka segala perjanjian kita dengan Jacob Peter van Braam dengan segala raja² yang di dalam Riau itupun diubahnya oleh **petur** dan **peturlah** yang memegang perintah kompeni di dalam Riau itu maka di dalam antara itu orang ilanun pun datang ke Riau habislah rusak dan **petur** pun lari pulang ke Melaka maka itulah kita menyatakan kepada sahabat kita...

2. Surat Tunku Baginda Raja Mahkota di Anak Sungai kepada Orang Kaya Jenderal (J.C. Collet) di Bengkulu pada 1712. (Lampiran B)

Itupun **berkelai** Tunku Baginda Raja Makota serta gompeni dengan rakyat Tunku Sultan Muhammad Syah. Baginda Raja Muda pun **berkelai** pula dalam Inderapura dengan rakyat Tunku Sultan Muhammad Syah. Itupun berapa lamanya **berkelai larilah** Komander

Mister Giban kepada anak Wolanda ke Padang. Baginda raja muda pun **larilah** ia ke Teramang serta s-l-d-a-d kepada saudaranya Tunku Baginda Raja Makota. Itupun berapa lamanya **berkelai** dalam Teramang dengan rakyat Tunku Sultan Muhammad Syah, Wolanda pun **larilah** ke Padang, rakyat Tunku Sultan Muhammad Syah pun **larilah** ke Menjuto' segala orang Anak Sungai pun dapatlah oleh Tunku Baginda Raja Makota...

3. Surat Sultan Syarif Kasim dari Pontianak kepada T. S. Raffles di Melaka, 1811. (Lampiran N)

... dan lagi kepada penglihatan kita telah nyatalah Raja Sambas itu m-gh-q-r dengan segala **orang² jahat** dan **perompa'²** dan **ilanun²** kerana di dalam negeri Sambas ada berhimpun semuanya segala **ilanun²** dan **orang² jahat perompak²**, melainkan sahabat kita peri salah kepada Kapitan S-m-y-d ini, ia baru datang dari negeri Sambas dan maklum Kapitan S-m-y-d itu masuk ke negeri Sambas sendiri jua adanya...

4. Surat Sultan Abdul Jalil Khaliluddin dari Siak kepada Lord Minto, 1811. (Lampiran O)

... iaitu daripada Yang Diperatuan Paduka Seri Sultan Abdul Jalil Khaliluddin ibn al-Sultan Abdul Jalil Saifuddin ibn al-marhum al-Habib Sultan Uthman bin al-Syaikh Ali Baalawi yang amat **laif** daripada yang **laif** di dalam negeri Siak Seri Inderapura...

... menyatakan tulus ikhlas serta putih hati dan harab kita yang **laif** miskin ini kepada sahabat. Makalah kita mendengar sahabat kita berangkat datang ke sebelah timur ini sangatlah kesukaan kita akan tempat peragantungan diri kita, budak keciq lagi **laif** dengan miskin ini daripada besarnya harab kita kepada sahabat kita serta Kompeni Inggeris akan mengasihi dan menolong daripada barang suatu hal ehwal kita selama2nya...

5. Surat Engku Sayid Muhammad Zain al Kudsi dari Lingga kepada T. S. Raffles di Melaka, 1811. (Lampiran M)

... maka kita pun terlalulah farah dan surur serta menerima **kasih** tidak terbalas **kasih** sahabat kita itu, melainkan tidak daya upaya kita yang lain hanya membalas **kasih** kita doa orang barang ditambah² seru sekalian alam pangkat darjat sahabat kita...

6. Surat Raja Kimaleha Salahak Abdul Khadir Ibn Syahbuddin di Ambon kepada Gabenor Syarikat Hindia Timur pada 23 Mei 1658. (Lampiran A)

... maka sebab sahabat kami sudah lama lupa kepada kami maka kami memberi tahu jikalau ada **ingat** lagi, baiklah² syegerah membalas kemaluwan dan **ingatkan** perjanjian dahulu.

7. Surat Sultan Syarif Kasim dari Pontianak kepada T. S. Raffles di Melaka, 1811. (Lampiran N)

... maka telah sangatlah **harapan** kita dengan amat besar **pengharapan** kepada sahabat kita Tuan Thomas Raffles Esquire akan menyuruhkan sebuah kapal perang datang ke Pontianak dengan segeranya, kerana Pengiran Anom berserta Abdul Rasyid itu ada sedia di laut Kuala Pontianak merompak² dengan dua buah kapal kecil jua adanya...

Contoh-contoh di atas memperlihatkan pengulangan kata inti yang sama yang dapat menimbulkan koheren antara maklumat dengan maklumat lain yang disampaikan pengirim. Kata-kata yang diulang merupakan kata yang mewakili isu utama atau yang menjadi perbincangan dalam komunikasi tersebut. Pengulangan tersebut menjadi unsur yang tidak boleh dikesampingkan apabila pengirim membicarakan idea dalam teks.

Sebaliknya, jika kata tersebut tidak diulang, kemungkinan akan mengganggu kesatuan idea teks tersebut.

Misalnya, dalam contoh petikan warkah pertama di atas memperlihatkan pengulangan kata nama *petur* (residen) yang merujuk Residen Ruhde David sebagai inti atau subjek utama yang diutarakan oleh Sultan Mahmud kepada Francis Light. Pengulangan kata *petur* tersebut dilihat sangat penting dalam idea teks berkenaan. Hal ini dikatakan demikian kerana *petur* individu yang telah memeterai perjanjian politik dengan Jacob Peter van Braam dan semua raja-raja Riau sebaik-baik sahaja beliau menduduki Riau. Beliau jugalah yang bertanggungjawab mengubah kesemua sistem pemerintahan sebelum ini. Kelemahan *petur* memerintah menyebabkan lanun-lanun menyerang Riau dan *petur* terpaksa melarikan diri ke Melaka. Dengan ini, unsur pengulangan juga digunakan oleh pengarang bagi tujuan menonjolkan atau menegaskan sesuatu perkara utama yang hendak diperkatakan.

Dalam warkah kedua juga memperlihatkan pengulangan kata yang diutarakan Raja Makota, terutama melibatkan politik dan ekonomi. Setiap idea berbangkit baginda akan ada satu inti utama yang berkaitan dengan keseluruhan idea teks bagi makluman Orang Kaya Jenderal J.C Collet. Sebagai contoh, penggunaan kata *berkelai* (?*berkelahi*) sentiasa diikuti dengan kata *larilah* dalam konteks idea tersebut untuk menandakan perkaitan antara dua kata berkenaan. Kandungan ideanya memperlihatkan tindakan berulang oleh subjek terlibat dalam peristiwa Tunku Raja Makota dan EIC yang berkelai dengan rakyat Tunku Sultan Muhammad. Peristiwa itu diikuti oleh tindakan Raja Muda yang berkelai dengan rakyat Tunku Sultan Muhammad Syah dan menyebabkannya lari ke Teramang. Seterusnya, peristiwa berkelai ini dialami pula Komander Mister Giban yang juga membawa tindakan melarikan diri ke Padang. Oleh

itu, pengulangan kata kerja *berkelai* dan *larilah* mempunyai keserasian dan saling berkait untuk memperlihatkan hubungan semantik antara bahagian dalam teks. Pengulangan kata-kata tersebut juga merangkumi perbuatan yang melibatkan subjek berbeza. Sekiranya kata tersebut tidak diulang, kemungkinan akan menjejaskan sifat kesatuan ideanya.

Penggunaan unsur pengulangan kata inti juga menggambarkan sifat kerendahan bagi pihak pengirim yang sekali gus menyanjung tinggi kepada penerima warkah. Kebiasaannya, kata-kata yang diulang tersebut merangkumi kata atau frasa adjektif seperti dipaparkan dalam warkah keempat dan kelima. Misalnya, contoh petikan warkah keempat memperlihatkan pengulangan kata adjektif *laif* (daif) yang membawa pengertian sifat atau keadaan kekurangan yang dimiliki Sultan Abdul Jalil Khaliluddin berbanding dengan kekuasaan Lord Minto. Pernyataan kata *laif* secara berulang dilihat sebagai cara baginda merendahkan diri untuk meminta pertolongan, perlindungan, dan pergantungan kepada pihak Inggeris dalam segenap perkara. Hal ini dikatakan demikian kerana pada sebelumnya baginda telah sedia maklum bahawa Inggeris dalam proses memulakan pergerakan (berangkat) ke negara sebelah Timur.

Contoh dalam warkah keenam dan ketujuh ialah pengulangan kata yang melibatkan kata yang mengalami proses pembentukan. Namun, kata tersebut masih dalam lingkungan kelas kata yang sama untuk menunjukkan perkaitan yang serasi. Misalnya, kata *ingatkan* dan *ingat* dalam contoh warkah keenam ialah pengulangan kata yang serasi dan berkait. Hal ini dikatakan demikian kerana kata-kata tersebut masih menjalankan fungsi kerjanya, iaitu sebagai penegasan dan saranan penting oleh Sultan Kimaleha Salahak agar gabenor EIC kembali kepada perjanjian asalnya untuk membantu Ambon sekiranya diserang. Perkara yang sama juga dapat dilihat dalam

warkah kelapan, iaitu melibatkan pengulangan kata *harapan* dan *pengharapan* yang memperlihatkan keterangkuman dalam kelas kata nama.

Rumusannya, pengulangan kata atau frasa yang sama dalam kajian ini berupaya untuk menimbulkan koheren dalam teks atau wacana warkah sosial Melayu. Pengulangan kata sama ada melibatkan unsur seragam dan yang mengalami proses morfologi, tetapi masih kekal dengan kelas kata yang sama merupakan satu cara pemanfaatan bahasa oleh jurutulis memperkatakan inti pati atau idea teks warkah Melayu tersebut.

4.3.1.2 Pengulangan Sinonim atau Sinonim Hampir

Dalam pengajian wacana, penggunaan pengulangan sinonim atau sinonim hampir adalah untuk menggantikan atau mengulangi unsur linguistik yang membawa makna yang sama atau hampir (Halliday & Hasan, 1976, p. 280). Dengan erti kata lain, pengulangan unsur ini diaplikasikan pewacana dengan penggunaan sesuatu kata dan kemudian kata tersebut diulang dengan kata atau frasa lain yang merujuk semantik yang sama atau hampir dalam idea berikutnya.

Pengulangan kohesi ini pada asasnya satu lagi ciri bahasa Melayu klasik. Namun, ciri pengulangan tersebut diterjemahkan dalam bentuk yang berbeza dan sukar dikenal pasti. Keadaan ini menggambarkan kelainan pendekatan dan kebijaksanaan pengarang memanfaatkan penggunaan kata berbeza, tetapi masih merujuk perkara yang sama. Hal ini untuk mengelakkan kebosanan daripada pengulangan perkataan yang sama dalam teks sekali gus memberikan variasi penulisan terhadap wacana. Yang berikut antara contoh petikan dalam warkah dengan kaedah pertautan seperti ini:

1. Surat Sultan Mansur Riayat Syah dari Terengganu kepada Gurnadur, Francis Light, 1792. (Lampiran K)

... maka adalah kita menyatakan kepada anak kita daripada hal Saudagar Nasruddin telah **kembalilah ke rahmattullah** dari negeri yang fana ke negeri yang baka maka sebab **kematiannya** itu sudah kita pergi beri surat berjalan darat kepada pihak anak kita.

... jangan dianya tiada datang sebab Saudagar Nasruddin pun sudah **tiada** itu...

2. Surat Susuhunan Ratu Hussain Diyauddin dari Palembang kepada Baron van der Capellen di Batavia, 1823. (Lampiran Q)

... seru sekalian alam jua kiranya datang ke hadapan majlis seri paduka sahabat syaudara kita Yang Dipertuan Besar Sekertaris van Astat Gurnudur Jenderal yang memegang **perintah** atas segala Tanah Nederland, yang **bersemayam** di atas takhta singgahsana kerajaan di dalam negeri Betawi serta segala daerah takluknya, lagi yang mempunyai segala **tadbir**...

... Inilah warkatal-ikhlas wa tuhfat al- ikhtisas yang terbit daripada th-m-r-t-al fuad al-zakiah yang putih hati lagi hening tiada menaruh lata dalamnya, **termaktub** pada nubdhah al-akmaliah, **termazkur** dalam tabi' dan hormat serta selamat...

... Adipati Jaya Ningrat dititahkan oleh seri paduka sahabat syaudara kita yang bangsawan itu segera kembali pergi di Betawi maka peri yang demikian itu kapan sampai perintah seri paduka sahabat syaudara kita yang bangsawan itu maka **segeralah** kita suruhan bilang tahu sama tuan Komisaris supaya **lekas** ia mengadap seri paduka sahabat syaudara kita yang bangsawan.

3. Surat Datuk Suliwatang dari Lingga kepada Baron van der Capellen di Batavia, 1824. (Lampiran T)

... adalah yang jadi **utusan** itu Engku Sayid al-Syarif Muhammad Zain ibn al marhum al-Habib Abdul Rahman al-kudsi. Engku Sayid itulah **wakil** mutlak lagi mafud ke bawah duli yang maha mulia kedua mengadap Seri Paduka Tuan Besar...

4. Surat Sultan Ismail dari Bima kepada Baron van der Capellen di Batavia, 1823. (Lampiran R)

...adapun kemudian dari itu bahawa adalah paduka sultan dengan sekalian wazir al-menteri melayangkan **sahifah** al-ikhlas akan dipersembahkan maklum ke bawah duli hadrat paduka yang maha mulia serta murah bangsawan akan perihal **warkat** al-abiad daripada paduka yang maha mulia...

Paparan contoh-contoh di atas memperlihatkan hubungan berterusan melibatkan pengulangan unsur-unsur linguistik dalam teks. Hal ini bertujuan supaya pembaca atau orang dituju dapat memahami penegasan maklumat yang berlaku. Misalnya dalam contoh warkah pertama, kata *tiada*, *kematiannya*, dan *kembalilah ke rahmatullah* membawa hubungan semantik yang sama, iaitu perihal keadaan yang tidak bernyawa lagi. Kata-kata tersebut juga mempunyai perkaitan dan boleh bersilih ganti penggunaannya untuk mentafsirkan rujukan yang sama antara perkataan tersebut. Walau bagaimanapun, dalam konteks bahasa Melayu, kata-kata tersebut mempunyai unsur eufemisme atau darjah kesantunan yang berbeza, iaitu *tiada* dan *kembalilah ke rahmatullah* tergolong dalam bahasa halus manakala *kematian* mewakili bahasa kasar. Dalam teks tersebut, diperihalkan bahawa Sultan Mansur Syah memaklumkan perihal kematian saudagar Nasruddin kepada Francis Light. Pengulangan kata tersebut sebagai satu bentuk penegasan dan variasi kepada idea atau teks tersebut.

Pengulangan sinonim juga beragam dalam contoh warkah Susuhunan Ratu Hussain Diyauddin dari Palembang kepada Baron van der Capellen. Misalnya, penggunaan kata *tadbir* ialah sinonim dan merujuk kata *perintah* yang juga membawa makna yang sama, yaitu menguasai, mengelola, dan menguruskan sesuatu, untuk merujuk gabenor Baron van der Capellen. Begitu juga dengan pengulangan kata *termazkur* yang bersinonim dengan kata *termaktub* yang mempunyai persamaan lingkungan makna untuk menyatakan sesuatu yang tertulis atau tercatat. Kedua-dua kata itu merujuk penulisan warkah tersebut. Pengulangan sinonim juga terlihat pada hubungan kata *lekas* dan *segera* yang mendukung persamaan makna. Kata-kata tersebut merujuk permintaan daripada Sultan Ratu supaya gabenor dapat memaklumkan Komisariss supaya dia menghadap gabenor secara *lekas* atau *segera*. Hal ini membuktikan bahawa dalam konteks ayat berikut, kata tersebut boleh digunakan secara bersilih ganti tanpa mengubah bentuk semantiknya.

Kesimpulannya, di samping pengulangan kata yang sama dari segi binaannya, pengarang warkah juga mengaplikasikan pengulangan unsur sinonim atau sinonim hampir untuk mewujudkan kohesi dalam idea atau ayat yang disampaikan. Penggunaan unsur ini dalam teks berkait rapat dengan sifat kepekaan dan kecaknaan pengarang agar wacana yang dihasilkan tidak begitu statik akibat sogokkan kata yang sama bentuk berulang kali.

4.3.1.3 Pengulangan Superordinat

Menurut Halliday & Hasan (1976, p. 280), pengulangan superordinat merujuk mana-mana unsur yang mendominasi pada awalnya dalam taksonomi leksikal. Dalam istilah teknikal, pengulangan superordinat melibatkan hubungan semantik antara makna spesifik dan makna generik. Hubungan semantik dalam pengulangan superordinat

dilihat daripada makna sesuatu perkataan yang boleh merangkumi sebahagian daripada makna perkataan lain yang ditandai oleh makna umum (superordinat) dan makna spesifik (hiponim). Nik Safiah Karim *et. al.* (2008, p. 528) menggunakan istilah pengulangan hiponim untuk merujuk pengulangan yang melibatkan perkataan umum maknanya dengan yang khusus maknanya (hiponim).

Dalam wacana warkah Melayu sosial, penggunaan kohesi leksikal superordinat menimbulkan aspek kesatuan semantik melalui penggunaan kata tertentu yang melambangkan makna kata lain. Hal ini bermakna pengarang cuba menggambarkan sesuatu perkara dengan membayangkan maksud kata yang mempunyai beberapa lingkungan atau pemeringkatan aspek makna dalam teks yang dihasilkan. Oleh itu, terdapat beberapa pengaplikasian superordinat yang telah diterapkan oleh pengarang seperti yang tertera dalam contoh petikan berikut:

1. Surat Sultan Ahmad dari Terengganu kepada Baron van der Cappellen di Batavia, 1824. (Lampiran S)

... ke hadapan tuan jenderal yang amat kuasa di dalam musyrik dan maghrib, yang mengdiami di atas takhta kerajaan dan kebesaran di dalam negeri Betawi, yang telah termasyhur dengan segala daerah takluknya semuanya di bawah perintah hukumnya, yang amat *setiawan* lagi *dermawan*, bertambah² pula dengan *budi pekerti yang amat ramah perangai yang lemah lembut* dengan sempurnaya seperti *arif bijaksana* pada melakukan atas jalan berkasih-kasih dan bertolong-tolongan dengan segala handai taulannya, karib, dan baid. Dan lagi ialah yang teramat teguh setianya selama-lamanya yang tiada berubah². Maka barang dikekalkan Tuhan Allah apalah kiranya **sifat** yang demikian itu...

2. Surat Sultan Abdul Jalil Khaliluddin dari Siak kepada Lord Minto, 1811. (Lampiran O)

... kepada sahabat kita Tuan Besar Paduka Seri Maharaja Gilbert Elliot Lord Minto yang diperatuan besar yang maha mulia gurnur jeneral raja segala daerah negeri Benggala dan Hindistan dan Keling dan Surat dan Guzerat dan Mahalangka dan pada sekalian tanah Turkestan...

... yang telah beroleh daripada pangkat yang *kebesaran* dan *kemuliaan* lagi *kepujian* pada tiap2 buldan timur dan barat serta melimpahkan hukum yang keadilan lagi *kemurahan* dengan *lemah lembut* dan perisanya kepada istiadat yang tiada berubah2 daripada **perangai dan tabiat** yang demikian...

3. Surat Sultan Mansur Riayat Syah dari Terengganu kepada Gurnadur, Francis Light, 1792. (Lampiran K)

... maka kita pun sangatlah jadi *masyghul hati* serta *kesusahan* dengan *pencintaannya* sebab mati saudagar itu.

4. Surat Sultan Abdul Jalil Khaliluddin dari Siak kepada Lord Minto, 1811. (Lampiran O)

... kepada sahabat kita Tuan Besar Paduka Seri Maharaja Gilbert Elliot Lord Minto Yang Diperatuan Besar Yang Maha Mulia Gurnur Jeneral Raja segala daerah negeri *Benggala* dan *Hindistan* dan *Keling* dan *Surat* dan *Guzerat* dan *Mahalangka* dan pada sekalian tanah *Turkestan* negeri yang besar² yang ada **takluk** di bawah bendera raja² maha besar negeri **Ingggris**...

5. Surat Sultan Muhammad Fadl dari Sulu kepada Gabenor Hong Kong, Sir. John Francis David, 1845. (Lampiran U)

... arakian maka akan sekarang seyogyanya adapun sahabat kekasih mentakidkan pada barang sesuatu yang hasanat supaya teguh tali

perhubungan kedua buldan selagi ada **cakrawala** peredaran *bulan bintang matahari* makin lama makin bertambah² matlazamah.

Warkah pertama dan kedua di atas menunjukkan pengulangan superordinat dalam komponen kata-kata pujian, iaitu melibatkan unsur pujian yang dihamburkan kepada kepada pegawai Inggeris dan Belanda. Misalnya dalam warkah pertama, hubungan makna umum (superordinat) merangkumi makna yang bersifat khusus (hiponim). Kata **sifat** bertindak sebagai makna umum, manakala kata atau frasa *setiawan, dermawan, budi pekerti, arif bijaksana, berkasih-kasih, dan bertolong-tolongan* merupakan makna yang bersifat khusus atau spesifik (hiponim) yang merujuk sifat-sifat peribadi yang dimiliki Baron van der Capellen. Begitu juga dalam penulisan kata-kata pujian warkah kedua, iaitu ditandai oleh kehadiran kata **tabiat dan perangai** yang merangkumi hiponimnya menerusi kata *kebesaran, kemuliaan, kepujian, kemuraha, dan lemah lembut* yang dimiliki Lord Minto.

Pengulangan unsur superordinat bukan hanya berkisar dalam bentuk yang menjurus kata-kata berunsur pujian seperti di atas. Penggunaannya juga dominan dalam konteks lain yang lebih luas dan membawa konotasi tertentu terhadap teks atau wacana yang dihasilkan. Contoh warkah ketiga dan keempat membuktikan bahawa pengarang sedaya upaya mewujudkan kohesi dengan penggunaan leksikal yang saling mempunyai lingkungan dalam struktur makna. Contohnya dalam warkah ketiga, perkataan **hati** ialah superordinat yang merangkumi hiponim yang melambangkan perasaan *masyghul, kesusahan, dan percintaannya*. Penggunaan superordinat ini untuk mengaitkan hubungan antara idea yang hendak diutarakan oleh Sultan Mansur tentang perasaan hati baginda yang berdukacita atas kematian saudagar Nasruddin.

Perkara yang sama juga terlihat dalam contoh warkah keempat, iaitu frasa **takluk Inggeris** merupakan superordinat bagi hiponim yang diwakili oleh kata nama khas *Benggala, Hindistan, Keling, Surat, Guzerat, Mahalangka, dan Tukurstan*. Pengungkapan beberapa buah negeri tersebut mempunyai kaitan semantik yang menggambarkan jajahan takluk bahagian India yang dikuasai oleh kerajaan Inggeris ketika era pendudukannya. Di India, EIC bukan sahaja berdagang, malah mentadbirkan beberapa wilayah yang dikuasainya dan menjelang tahun 1795 hampir keseluruhan Benggala berada di bawah pentadbiran EIC. Bertitik tolak daripada itu, British berjaya melebarkan pengaruhnya ke serata India sehingga dapat membentuk sebuah empayar agung di benua itu (Hall, 1979, p. 622-623).

Kesimpulannya, pengulangan superordinat menitikberatkan hubungan antara makna umum (superordinat) dengan makna yang lebih spesifik (hiponim) sifatnya, iaitu makna umum merangkumi makna khusus. Oleh itu, penggunaannya sama ada secara langsung atau tidak langsung oleh pengarang dapat mewujudkan hubungan koheren dalam teks atau wacana pada aras leksikosemantik.

4.3.2 Kolokasi

Kolokasi tercapai oleh asosiasi unsur leksikal bersama-sama dengan kata-kata tertentu yang lain. Dengan erti kata lain, kolokasi merujuk pasangan unsur leksikal yang mendukung sesama sendiri melalui hubungan semantik item-item leksikal. Leksikal-leksikal tersebut hadir bersama atau memiliki makna rujukan umum yang saling berkaitan. Perkataan yang mempunyai hubungan leksikosemantik, termasuklah perkataan yang cenderung memadankan sesama sendiri dari segi fungsinya. Hal ini dikatakan demikian kerana faktor hubungan perkataan yang hadir secara bertentangan dan perkataan diambil daripada siri perkataan yang disusun mengikut aturan (Halliday

& Hasan, 1976, p. 285). Semasa merealisasikan teks dan melakukan komunikasi, penutur cenderung menggunakan leksikal yang mempunyai hubungan yang saling berkait. Perkataan-perkataan yang saling berkait itulah yang disebut sebagai kolokasi.

Oleh itu, kewujudan unsur kolokasi dalam warkah bertujuan untuk menjelaskan sesuatu perkara yang menjadi perbincangan antara pemeran secara terperinci. Pendek kata, pengarang memanfaatkan item-item leksikal yang ada untuk membina perkaitan dengan sesuatu idea, topik, situasi, dan konteks komunikasi yang ingin dibangkitkan oleh pengirim. Dengan penerapan unsur ini sekali gus dapat menimbulkan kesatuan supaya idea yang disalurkan tidak terpesong daripada maksud asal dan mudah difahami oleh penerima. Rentetan daripada itu, terdapat pelbagai bentuk kata atau frasa yang boleh diklasifikasikan mewakili unsur kolokasi antaranya seperti contoh petikan yang tertera:

1. Surat Sultan Abdul Jalil Khaliluddin dari Siak kepada Lord Minto, 1811. (Lampiran O)

... makalah kita mendengar sahabat kita berangkat datang ke sebelah Timur ini sangatlah kesukaan kita akan tempat **peragantungkan diri** kita budak keciq lagi laif dengan miskin ini daripada besarnya harab kita kepada sahabat kita serta **Kompeni Inggeris** akan **mengasihi** kita dan **menolong daripada barang suatu hal ehwal** kita selama²nya sehingga sampai kepada **anak cucu** dan **cicit kita** dengan sahabat kita serta Kompeni Inggeris...

2. Surat Sultan Gandam Syah Muko-Muko kepada Syarikat Hindia Timur, 1733. (Lampiran C)

... iaitu daripada tiap² masa Yang Dipertuan Seri Sultan Gandam Syah dalam Muko² adanya disampaikan Allah taala kiranya kepada

kompeni dalam **negeri Ingglan** yang **menjadi kepala** kepada segala tempat negeri yang ada duduk **orang putih Inggris** pada tiap² negeri yang besar² dari **atas angin** sampai bawah angin masyhurlah adil murah Kompeni pada tiap² negeri dan bandar...

3. Surat Gurnadur Reynier de Klerk di Batavia kepada Sultan Muhammad Bahauddin di Palembang, 1779. (Lampiran F)

Bahawa Gurnadur Jenderal Reynier de Klerk dan sekalian Raden van India berkirin ini surat ikhlas sahabat-bersahabat dan berkasih²an kepada sahabat handai taulannya Paduka Seri Sultan Ratu Muhammad Bahauddin **raja** atas **tahta kerajaan** Palembang dipohonkan atasnya sihat dan aflat serta **daulat** dan segala **berkat** yang boleh **membahagiakan** pada sendirinya berserta rakyat²nya istimewa pula sahabat-bersahabat...

4. Surat Sultan Syarif Kasim dari Pontianak kepada T. S. Raffles di Melaka, 1811. (Lampiran N)

... kita memerikhabar kepada sahabat kita akan hal Pengiran Anom Sambas beserta Abdul Rashid Mento' yang **mengamuk** kapal Mister Hare Melaka kapitannya Kapitan Ross yang sudah **mati** di laut Mento' datang ke Kuala Pontianak **merompak** bersama² ilanun **mengambil** sebuah wangkang Cina datang dari negeri Cina dan ia telah banyak **merusakkan** orang dagang yang keluar masuk berniaga ke Pontianak dan Mempawah dirusakkannya...

... dan lagi kepada penglihatan kita telah nyatalah **Raja Sambas itu m-gh-q-r** dengan segala **orang² jahat** dan **perompa'²** dan **ilanun²**...

5. Surat Sultan Ibrahim dari Selangor kepada Gubernur Pulau Pinang, Francis Light, 1786. (Lampiran H)

Maka sekarang ini kita minta tolong kepada sahabat ada **padri** kita bernama **Haji Kassim** serta membawa anak² dua orang hendak **naik haji** ke negeri **Mekah** minta tolong **tumpangkan** jikalau ada **kapal Kompeni** atau negeri lain boleh lekas dapat kapal ke negeri **Mokha** atau negeri **Judah** itu kita minta tolong kepada sahabat kita...

Berdasarkan contoh dalam warkah pertama hingga ketiga di atas, pengaplikasian unsur kolokasi merujuk individu-individu tertentu. Terdapat sekumpulan kata yang saling berkaitan untuk mengisyaratkan pengenalan diri melibatkan lingkungan kata yang menggambarkan keistimewaan, kekuasaan, dan kehandalan yang dimiliki penerima warkah. Misalnya, dalam contoh warkah pertama menunjukkan penggunaan kata berkolokasi *peragantungkan diri, Kompeni Inggeris, mengasihi, dan menolong sampai anak cucu dan cicit kita*. Dalam contoh kedua, kehadiran kumpulan kata seperti *kompeni, negeri Ingglan, menjadi kepala, orang putih Inggeris, negeri atas angin, bawah angin, masyhurlah, dan adil murah* memperlihatkan perkaitan semantik item leksikal yang merujuk Lord Minto dan pihak Inggeris di samping keistimewaan dan kekuasaan yang dimiliki mereka.

Dalam warkah ketiga pula, kehadiran kata yang berlingkungan dalam dunia Melayu, khususnya sifat pujian atau keistimewaan raja Melayu telah diaplikasikan pengarang yang mewakili Reynier de Klerk. Kata-kata seperti *raja, tahta kerajaan, daulat, berkat, dan membahagiakan* antara leksikal yang melambangkan perkaitan semantik yang berpautan dengan penanda identiti golongan raja Melayu. Misalnya, istilah *daulat* merupakan kata yang hanya disandarkan kepada golongan raja dan bukannya digunakan sewenang-wenangnya oleh pihak lain. Hal ini dikatakan demikian

kerana dalam sosiopolitik Melayu, kata *daulat* dikaitkan dengan sifat sempurna, ketertinggian kuasa, kewibawaan, dan pemilikan istimewa raja memerintah (Raja Mashittah Raja Ariffin, 1999, p. 174).

Penerapan kohesi menerusi unsur kolokasi dalam komunikasi warkah sosial tidak hanya dalam lingkungan kata yang berkolokasi dengan kata-kata pujian. Penggunaannya juga untuk memperkatakan perkaitan antara sesuatu inti kandungan melibatkan aspek politik, ekonomi, peribadi, dan perdagangan. Misalnya dalam warkah keempat di atas, isu yang disampaikan Sultan Syarif Kasim berkisar tentang keselamatan politik dan perdagangan Pontianak yang kelihatan goyah akibat serangan musuh ke atas pedagang-pedagang yang berniaga di Pontianak dan Mempawah. Oleh itu, kehadiran leksikal *orang² jahat*, *perompa²*, *mengamuk*, *merompak*, *mengambil wangkang Cina*, *mati*, dan *merusakkan orang dagang* mewujudkan pertalian bagi peristiwa serangan musuh yang dilakukan oleh Raja Pengiran Anom Sambas, Abdul Rashid Mento, dan lanun itu. Melalui hubungan kohesi ini, Raffles dapat mengikuti dan memahami isu yang dikemukakan dengan sebaik-baiknya tanpa sebarang gangguan dengan unsur yang tidak berkaitan dengan teks.

Petikan warkah kelima pula membicarakan hasrat peribadi oleh Sultan Ibrahim dari Selangor tentang permintaan baginda kepada Francis Light agar dapat menumpangkan Haji Kassim dan dua orang anaknya ke Mekah. Oleh itu, untuk menimbulkan kesatuan yang merujuk idea tersebut, pengarang bijak menggunakan kata-kata yang menimbulkan keserasian hubungan antara leksikal. Misalnya, kata *padri*, *Haji Kassim*, *naik haji*, *Mekah*, *Judah*, dan *Mokha* membayangkan kumpulan kata yang dapat dikaitkan oleh Francis Light dengan ibadat haji yang menjadi kefarduan umat Islam. Kata *tumpangkan* dan *kapal Kompeni* pula berkolokasi dengan tradisi dan

peranan perkapalan oleh EIC membawa jemaah haji. Menurut Gallop (1994, p. 140), dengan perlindungan kapal-kapal dan surat perjalanan daripada Kompeni, pelayaran jemaah yang kebanyakannya dari Pulau Pinang ke India akan menjadi lebih selamat. Dari India mereka akan menukarkan kapal ke Semenanjung Arab.

Rumusannya, penggunaan kolokasi dalam wacana warkah sosial dapat mengungkapkan perkaitan antara perkataan yang hadirnya sebagai tujuan idea atau isu yang ingin diketengahkan pengirim. Menerusi kohesi ini, penerima warkah dapat menginterpretasikan teks berdasarkan pengalaman leksikalisasi yang sedia ada untuk menghubungkannya dengan pengetahuan terhadap pengungkapan idea. Seperti yang dinyatakan oleh Halliday & Hasan (1976, p. 290) bahawa dalam teks terdapatnya perkaitan tentang unsur lain, relatifnya dekat untuk memahami secara mudah jarak yang memisahkan satu item daripada yang lain, bilangan perkataan, klausa ataupun ayat.

4.4 Rumusan

Persoalan tentang struktur, jalinan makna dan hubungan antara unsur bahasa wacana dapat ditelusuri menerusi peranan kohesi. Analisis kohesi memandu penghasil wacana menyalurkan unsur tekstual dan membentuk kesinambungan sesuatu klausa dan ayat sehingga menjadi teks yang lebih besar. Oleh itu, kehadiran unsur kohesi dalam konseptual wacana tiga dimensi ini dapat menghubungkaitkan pernyataan yang melibatkan pemerihalan, deduksi, dan struktur yang membina sesebuah wacana. Dengan itu, kesinambungan bukan hanya berasosiasi dalam ruang lingkup teks, bahkan dapat mentafsirkan teks tersebut, iaitu apabila makna secara konvensinya berubah.

Kajian kohesi terhadap warkah sosial Melayu dengan kerangka kohesi oleh Halliday & Hasan (1976) mendapati kesinambungan hubungan antara kata, klausa, dan ayat berlaku dalam berbagai-bagai cara sehingga melahirkan teks yang padu. Antaranya, menerusi dua kategori utama, iaitu gramatikal yang melibatkan unsur-unsur kohesi rujukan, penggantian, elipsis, dan penghubung serta kategori leksikal, yakni pernyataan semula dan kolokasi. Kesemua elemen kohesi ini menghuraikan komponen ideasional, interpersonal, dan tekstual sebagai fungsi semantik yang mendasari pembinaan kohesi dalam teks.

Setiap struktur kohesi dijalin berasaskan kepentingan kefahaman penerima dan persekitaran sosial masyarakat pada ketika itu. Misalnya dalam kohesi rujukan peribadi dan rujukan penunjuk, peranan pengirim penting untuk mewujudkan kesatuan fikiran dan pemahaman terhadap rujukan aspek lain yang boleh mendukung konsep asalnya. Kehadiran rujukan peribadi secara anafora atau katafora mempunyai hubungan semantik antara bahagian teks lantaran rujukan ini merujuk individu atau subjek yang diperkatakan dalam ayat sebelumnya. Begitu juga dengan rujukan penunjuk yang tekal melahirkan kesatuan idea pemikiran penerima semasa mentafsirkan permintaan oleh pengirim. Cuma, pertimbangan sosiolinguistik yang wujud dalam rujukan peribadi ialah kesedaran mewujudkan hubungan sosial antara pemeran terlibat dalam warkah. Penggunaan kohesi rujukan menjadikan teks saling berpautan, berkaitan, dan menunjukkan kesatuan idea dan makna daripada pengirim.

Kohesi penggantian pula berkait rapat dengan hubungan pada aras leksikogramatikal yang berlaku dalam lingkungan tekstual. Proses penggantian membangkitkan hubungan tekstual pewacana terhadap sesuatu perkara yang diperkatakan sebelumnya. Untuk merealisasikan hubungan itu, suatu unsur digantikan

dengan unsur baharu yang lain untuk mewakili kesamaan semantik dengan unsur terdahulu secara nominal, verbal, dan klausa. Penggantian nominal melibatkan penggantian kata sapaan bagi penerima warkah dan kata bukan berunsur sapaan. Penggantian verbal pula menimbulkan kesinambungan terhadap sesuatu lakuan pemeran terlibat. Penggantian klausa yang menghubungkan unsur dan menggambarkan hampir keseluruhan makna idea oleh pihak-pihak tertentu dapat mengekalkan kesepaduan makna dan fikiran penerima.

Seperti kohesi penggantian, elipsis juga mewakili persamaan asas-asas hubungan antara bahagian teks, iaitu keserasian hubungan antara perkataan, golongan ataupun klausa. Dalam komunikasi warkah ini, kohesi elipsis berlaku pada unsur nominal dan verbal. Meskipun begitu, kehilangan unsur tersebut dalam maklumat yang boleh mengganggu kebolehcapaian makna dan tujuan warkah telah menghadkan penggunaannya. Seterusnya, kepelbagaian kandungan warkah yang memperkatakan banyak perkara dapat digalurkan atau dijalinkan oleh kohesi penghubung. Kohesi ini menyatukan unit-unit linguistik lain, iaitu menghuraikan hubungan antara klausa, ayat dan semantik untuk mewujudkan kesinambungan maklumat antara konteks melalui perkaitan tambahan, pertentangan, sebab musabab, dan tempoh. Kohesi penghubung jambatan untuk memahami hubungan logikal wacana yang disampaikan pengirim warkah untuk menimbulkan kesatuan fikiran.

Kesinambungan teks wacana warkah juga dicapai oleh kohesi leksikal menerusi struktur leksikal yang mempunyai keserasian makna seperti pernyataan semula dan kolokasi. Pernyataan semula merujuk kembali unit leksikal melalui pengulangan unsur yang sama, pengulangan sinonim atau hampir sinonim, dan pengulangan superordinat. Misalnya, pengulangan unsur yang sama ialah pengulangan kata atau frasa secara penuh

dan biasanya sebagai penegasan sesuatu idea. Pengulangan sinonim pula dapat mengelakkan wacana yang kaku akibat sogokkan kata yang sama bentuk berulang kali, Superodinam pula membuktikan bahawa sesuatu perkataan boleh merangkumi sebahagian daripada makna perkataan-perkataan lain. Hubungan semantik antara item-item leksikal yang lazimnya hadir bersama atau memiliki rujukan makna berkaitan diperihalkan pula oleh unsur kolokasi. Unsur ini memanfaatkan leksikal untuk melahirkan perkaitan dengan sesuatu idea, topik, situasi, dan konteks komunikasi yang ingin dibangkitkan pengirim.

Secara umumnya, penerapan unsur-unsur kohezi dalam warkah sosial Melayu mengekspresikan kefahaman berterusan dan kesinambungan makna pernyataan terhadap penerima. Hal ini dikatakan demikian kerana hubungan semantik unsur linguistik dengan unsur linguistik yang lain dapat mewujudkan pertalian dalam teks untuk menimbulkan kesatuan idea dan fikiran oleh penerima warkah. Lontaran maklumat yang bertele-tele tentang politik, ekonomi, perdagangan, diplomatik, dan peribadi mendorong pengirim menggalurkan pengorganisasian wacana untuk memperoleh tindakan oleh penerima. Oleh itu, interpretasi linguistik dalam wacana yang bergantung antara satu sama lain untuk melahirkan kesatuan makna tercapai oleh peranan kohezi. Seperti yang ditegaskan oleh Halliday dan Hasan (1976, p. 303), kesinambungan wacana faktor utama akan kebolehfahamannya.

BAB 5

NAHU DAN LEKSIKALISASI DALAM WARKAH-WARKAH SOSIAL

5.0 Pengenalan

Bab ini pula akan membincangkan dimensi tekstual berikutnya, iaitu melibatkan aspek nahu dan leksikalisasi yang diaplikasikan oleh pewacana dalam warkah sosial Melayu. Perbincangan akan dimulakan dengan penelitian terhadap aspek nahu dan hanya memfokuskan unsur modalitinya. Dalam wacana warkah, modaliti diterapkan bagi dua tujuan utama, iaitu sebagai perintah dan informasi daripada pengirim warkah kepada sasarannya. Penerapan modaliti dalam warkah Melayu menyerlahkan sikap pewacana dari aspek interpersonal terhadap sebarang ujaran yang dilakukan mereka. Penumpuan metafora yang berlingkungan dalam kajian leksikal pula mentafsirkan bahawa sesebuah wacana yang dihasilkan berupaya untuk memanipulasikan sejumlah kata yang terangkum dalam satu domain ke domain yang lain. Metafora yang hadir dalam wacana ini melibatkan metafora perkembangan motor, metafora cinta, metafora pertanian, dan metafora nasib. Metafora menyerlahkan cara berfikir pewacana terhadap wacana yang dihasilkannya.

5.1 Modaliti dalam Warkah Sosial

Kehadiran modaliti dalam wacana diperlihatkan dari dua sudut tujuannya, iaitu sama ada secara ideasional mahupun interpersonal. Analisis interpersonal dapat memerikan sistem modaliti, iaitu yang memberikan makna tentang sikap penutur terhadap apa-apa yang dilontarkannya (Simpson, 1993, p. 39). Menurut Fairclough (1992, p. 158), “*This is sphere of modality, the dimension of the grammar of the clause which corresponds to the ‘interpersonal’ function of language.*” Baginya, fungsi interpersonal modaliti

terserlah apabila pengaplikasiannya berupaya untuk menghubungkan sikap pewacana terhadap hubungan sosial yang ingin diwujudkan antara pemeran. Hal ini dapat dilihat dalam petikannya:

“Modality... the objective is to determine patterns in the text in the degree of affinity expressed with propositions through modality. A major concern is to assess the relative import of modality features for (a) social relations in the discourse and (b) controlling representations of reality...”

(Fairclough, 1992, p. 236)

Dalam sebarang ujaran preposisi, penutur akan mempamerkan darjah “ketertarikan” terhadap bentuk preposisi sekali gus sebarang ujaran mempunyai pemilikan modaliti atau modalisasi. Oleh itu, modaliti dalam nahu berasosiasi dengan modaliti ragam seperti mesti (*must*), boleh (*may*), boleh (*can*), perlu (*should*) serta sesetengahnya *tense* seperti kebarangkalian (*probably*), kemungkinan (*possibly*), dan kepastian (*definitely*). Modaliti tersebut juga bertindak sebagai titik pertemuan dalam wacana antara signifikan realiti dan hubungan sosial. Modaliti juga dimensi utama wacana dan lebih bersifat dominan dan menyeluruh berbanding dengan fungsi konvensinya. Sifat modaliti yang mampu dipersoalkan dan terbuka kepada sebarang bentuk perubahannya menyerlahkan kepentingan sosialnya (Fairclough, 1992, p. 160).

Perkara yang sama juga dibangkitkan Simpson (1993, p. 47) yang menegaskan bahawa modaliti merujuk sikap pewacana terhadap ujaran yang dilontarkannya, iaitu kebenaran daripada preposisi yang dilontarkan. Modaliti merangkumi pernyataan sikap tentang peristiwa yang digambarkan oleh ayat menerusi kata bantu modal, modal adverba, penilaian adjektif dan adverba, ayat generik, ramalan, dan penilaian. Modaliti

komponen utama bagi fungsi interpersonal dalam sesebuah bahasa. Baginya, modaliti menitikberatkan sikap penutur tentang darjah obligasi yang dapat dihubungkan melalui pelaksanaan tindakan bagi tujuan keizinan, obligasi, dan untuk keperluan.

Palmer (1993, p. 58) juga mengakui pentingnya kewujudan modaliti dalam wacana sebagai cara pemeran mengekspresikan sikap mereka atau cara sebenar mereka berinteraksi antara satu sama lain. Menurutny lagi, penggunaan modaliti bersangkutan dengan usaha pewacana menghasilkan pernyataan, membuat persoalan, memberikan balasan, dan membalas sifat empatik kepada khalayaknya. Modaliti mengambil kira status preposisi yang menggambarkan kejadian atau situasi daripada sesuatu ujaran. Hal ini berperanan untuk membezakan bentuk penilaian atau pertimbangan tentang status fakta preposisi daripada kenyataan mutlak.

Dalam wacana warkah Melayu, sesuatu ayat atau teks yang dihasilkan memperlihatkan hubungan yang saling erat antara preposisi dan modaliti. Hal ini dikatakan demikian kerana modaliti dikaitkan dengan cara pengirim mengekspresikan suasana atau sikap terhadap pernyataan yang dibangkitkan dalam kandungan ayat. Oleh itu, dengan penggunaan modaliti, pengirim dapat menjelaskan perkara atau peristiwa sama ada yang melibatkan kehendak (*hendak, mahu*), keupayaan atau keizinan (*boleh, dapat*), kepatutannya (*patut*), kemungkinan (*mungkin*) atau kemestian (*mesti*) sebagai ujaran yang perlu diberikan perhatian atau tindakan susulan oleh penerima warkah.

Oleh sebab itu, kekerapan kehadiran modaliti satu cara mempertalikan sikap pengirim seperti obligasi, permintaan, komitmen, dan pengetahuan (informasi) terhadap hubungan yang ingin diwujudkan. Meskipun kajian ini bukanlah bersifat kuantitatif, namun cara ini harus dilihat sebagai keutamaan awal kajian wacana seperti yang

ditegaskan oleh Fairclough (1992, p. 236); “*What sort of modalities are most frequent? Are modalities predominantly subjective or objective?*” Oleh hal yang demikian, analisis modaliti wacana warkah akan mempertimbangkan kaedah tersebut yang seterusnya diperkembangkan Idris Aman (2006, p. 161-162). Proses dimulakan dengan mengenal pasti kekerapan jenis modaliti yang dimanfaatkan. Dengan itu, modaliti yang diaplikasikan akan dapat menentukan sikap-sikap pewacana. Seterusnya, pentafsiran makna tersirat penggunaan modaliti dapat menggambarkan darjah hubungan sosial antara pengirim dengan penerima warkah sama ada bersifat formal, rapat, hormat atau berjurang.

Sehubungan dengan itu, analisis terhadap wacana warkah-warkah Melayu memperlihatkan pemanfaatan modaliti sebanyak 108 kali. Jumlah tersebut daripada lima modaliti yang kerap atau dominan diaplikasikan oleh pemeran yang terlibat. Modaliti-modaliti seperti *hendak*, *mahu*, *boleh*, *dapat*, dan *patut* untuk mentafsirkan makna ujaran oleh pengirim yang terdiri daripada sultan atau raja, pembesar, kerabat, saudagar, dan pegawai Belanda. Dari segi kekerapan, kata modal *hendak* menunjukkan penggunaannya yang tertinggi, iaitu sebanyak 51 kali atau 47.2 peratus dan diikuti oleh pengaplikasian modaliti *boleh* sebanyak 34 kali (31.5). Seterusnya, disusuri oleh modaliti *patut* sebanyak 11 kali (10.2). Kemudian, diikuti oleh modaliti *mahu* 8 kali (7.4), dan 4 kali (3.7) bagi kata modal *dapat* (Lihat jadual 5.1).

Dari segi bentuk penggunaannya pula, modaliti-modaliti tersebut boleh hadir dalam variasi bentuk tertentu bersesuaian dengan sifat atau sistemnya yang kompleks (Palmer, 1993, p. 14). Misalnya, modaliti *boleh* dan *patut* digunakan atau dipadankan dengan bentuk kata nafi *tiada* sebelumnya untuk menunjukkan keadaan atau situasi negatif. Di samping itu, terdapat juga penggunaan partikel *-lah* yang turut digandingkan

dengan modaliti *hendak* dan *dapat* untuk menimbulkan ujaran yang lebih lembut bunyinya. Begitu juga dengan gandingan harmoni awalan *se-* dan enklitiknya *-nya* pada modaliti tertentu.

Jadual 5.1: Jumlah Kekekrapan Modaliti dalam Warkah Sosial Melayu

Modaliti (%)	Fungsi			
	Perintah Permintaan	Pengetahuan	Informasi Keupayaan Keizinan	
hendak* (47.2)	51 29	22	-	-
mahu* (7.4)	8 -	8	-	-
boleh* (31.5)	34 11	-	17	6
dapat* (3.7)	4 -	-	4	-
patut* (10.2)	11 11	-	-	-
Jumlah (100)	108 51	30	21	6

Petunjuk

*hadir dalam penggunaan bentuk variasi tersendiri

Berdasarkan jadual 5.1, kata-kata modal tersebut diaplikasikan bagi dua tujuan utama, iaitu sebagai perintah dan informasi daripada pengirim warkah kepada sasarannya. Hal ini selaras dengan pendapat oleh Halliday (1985, p. 89) yang mengatakan bahawa wujud perbezaan penggunaan modaliti dalam ayat atau wacana, iaitu untuk maksud usulan (proposal) dan kedua untuk informasi (preposisi). Kajian ini

menunjukkan bahawa modaliti untuk menyalurkan perintah melibatkan tiga modaliti, iaitu *hendak*, *boleh*, dan *patut*. Bagi tujuan perintah pula, pengirim mencatatkan penggunaan modaliti *hendak*, *mahu*, *boleh*, dan *dapat*. Oleh itu, bahagian berikut akan diperjelas fungsi penggunaan modaliti oleh pengirim warkah yang hadir dalam dua tujuan utama, iaitu modaliti perintah dan modaliti informasi.

5.1.1 Modaliti Perintah

Dalam wacana warkah Melayu ini, modaliti perintah digunakan sebanyak 51 kali atau 47.2 peratus daripada keseluruhan modaliti. Modaliti perintah ialah ekspresi sikap pengirim untuk menghasilkan makna ujaran berupa usulan yang harus disambut dengan tindakan susulan oleh penerima sebagai tindak balas terhadapnya. Seperti yang diperkatakan oleh Halliday (1985, p. 362-363), "*Modality represents the speaker's angle either on the validity of the assertion or on its right and wrongs of the proposal...*". Beliau menambah bahawa sesuatu usulan mewakili darjah obligasi sama ada untuk membenarkan (*allowed to*), sepatutnya (*supposed to*) atau kemestian (*required to*). Dengan itu, penggunaan modaliti perintah oleh seseorang pengirim sebagai penegasan tambahan terhadap ujaran performatif yang melibatkan hal politik, ekonomi, perdagangan, dan peribadi.

Berdasarkan kajian, modaliti perintah menjurus bentuk permintaan, iaitu ujaran yang menggambarkan permintaan atau pertolongan kepada penerima warkah atau pihak lain yang berkaitan dengan kelangsungan warkah. Hal ini sekali gus dapat menginterpretasikan bentuk hubungan yang hadir dengan mengambil kira kedudukan atau kuasa antara pemeran yang terlibat. Pendek kata, modaliti permintaan memerlukan sasaran melakukan sesuatu tindakan (Rohaidah Haron, 2012, p. 261) dan pelaksanaan

hasrat tersebut tercapai sekiranya penerima sadar tentang hubungan yang sedia ada atau yang baru ingin diwujudkan.

Oleh sebab itu, modaliti perintah lazimnya dikaitkan dengan bentuk obligasi. Obligasi sesuatu yang berorientasikan komitmen atau tanggungjawab. Bagi Fowler (1985, p. 72), obligasi ialah keadaan yang memperlihatkan penilaian penutur terhadap komitmen pihak lain untuk melaksanakan sebarang tindakan. Menurutnya lagi, obligasi memerlukan pewacana mengekspresikan sikap kepercayaannya terhadap hubungan yang akan dihasilkan. Dengan itu, modaliti perintah menggesa penerima warkah merealisasikan usulan dengan penuh komited sebagai kewajiban sosial. Oleh itu, penggunaan modaliti perintah dalam warkah merangkumi modaliti seperti *hendak*, *boleh*, dan *patut* seperti yang akan dibincangkan dalam bahagian berikutnya.

(a) Hendak

Modaliti *hendak* bertindak untuk membantu dan merujuk rasa kehendak akan perbuatan yang belum terjadi (Asmah Omar, 2009, p. 126). Modaliti *hendak* ialah mekanisme utama dalam kebanyakan penulisan warkah ini, iaitu digunakan sebanyak 51 kali atau 47.2 peratus. Walau bagaimanapun, kata *hendak* digunakan bagi dua tujuan utama, iaitu menyatakan perintah dan kedua sebagai informasi. Untuk menjelaskan maksud perintah, kata *hendak* dan variasi bentuknya (*hendak*, *hendaklah*, *khendaki*) hadir sebanyak 29 kali. Kesemuanya berperanan untuk menghuraikan pernyataan yang menggambarkan keadaan pengirim memerlukan atau meminta penerima melakukan tindakan susulan. Oleh itu, pengaplikasian modaliti *hendak* boleh dilihat dalam beberapa warkah seperti yang tertera di bawah.

1. Surat Sultan Mansur Riayat Syah dari Terengganu kepada Gurnadur, Francis Light pada 4 Februari 1792. (Lampiran K)

... Maka sekarang **hendaklah** anak kita menyuruh orang yang kepercayaan kepada anak kita mari ke Terengganu serta membawa segala daftar kapal Kapitan Lang dengan muatannya yang dibawa ke Cina itu dan dagangan yang ditinggalkan Kapitan Lang di Terengganu ini maka boleh kita muafakat pulaq dengan anak kita pada jalan perniagaan bagaimana pada zaman Saudagar Nasruddin supaya jangan berkeputusan antara kita dengan anak kita. Dengan sebab itulah kita **khendaki** anak kita beri mari orang yang tahu berbicara...

... dan segala kapal² orang putih yang hendak mari ke Terengganu **hendaklah** anak kita suruh mari bagaimana selamanya...

... Maka seperti utangnya Kapitan Cina Ci Ki dua ribu rial kepada saudagar itu maka **hendaklah** anak kita pinta rial itu kepada Kapitan Cina Ci Ki beri mari maka daripada hal Syaudagar Mirang Kandu itu **hendaklah** anak kita periksa kepadanya berapa harta saudagar Nasruddin kepadanya dan beberapa yang sudah diterima Saudagar Nasruddin dan berapa tinggal lagi kepadanya...

2. Surat Tunku Baginda Raja Mahkota di Anak Sungai kepada Orang Kaya Jeneral (J.C. Collet) di Bengkulu pada 1712. (Lampiran B)

Barang tahu Orang Kaya Jeneral yang dalam negeri Bengkahulu lalu pada rial enam suku pada sebahara lada dikasih oleh gompeni kepada Tunku Baginda Raja Makota, bukan ada biaya bukan asal negeri, karena rial enam suku pada sebahara lada itu akan makanan dikasih gompeni kepada Tunku Baginda Raja Makota **hendaklah** dikaji oleh gompeni, tiada patut ialah dikasih oleh kompeni rial enam suku itu kepada Tunku Baginda Raja Makota...

3. Surat Sultan Alauddin dari Perak kepada Gurnadur, Francis Light pada 23 Julai 1787. (Lampiran I)

Syahadan adapun hal Gurnadur hendak biasa dengan kita itu, terlalulah kesukaan kita serta dengan benarnya sangat pada hati kita. Adapun negeri Perak ini adalah umpama perempuan yang elok tetapi sungguhpun elok ada pula lakinya, maka lakinya itu terlalu cemburu{n}nya. Dalam pada itu pun ada pula orang yang berkehendak akan perempuan itu, maka iaitu terlalu suka, tetapi lakinya itu terlalu amat karas apalah dianya perempuan itu. Maka negeri Perak pun demikian itulah, maka **hendaklah** Gurnadur baik² bicara, adapun yang karas itu d-q-nya pun di atas karas juga. Gurnadurlah yang lebih tahu akan perintah itu...

Penggunaan modaliti *hendak* dalam contoh warkah pertama membayangkan bentuk permintaan oleh Sultan Mansur kepada Francis Light bagi suatu tindakan lanjut. Lebih-lebih lagi, titik peralihan pengutusan warkah ini berkenaan dengan kematian Saudagar Nasruddin. Beliau individu atau wakil kepercayaan sultan yang berperanan penting dalam hal pengelolaan urusan perdagangan Terengganu pada waktu itu. Kematianinya sekali gus merencatkan segala aktiviti perdagangan Terengganu. Oleh sebab itu, sultan selaku ketua negeri memainkan peranannya untuk memperbetul semua urusan perdagangan dan ekonomi yang tergendala.

Dengan itu, penggunaan modaliti permintaan *hendak* yang begitu dominan bersesuaian dengan kehendak baginda melihat komitmen daripada pihak Inggeris merealisasikan permintaannya. Misalnya, dalam idea kedua di atas memerihalkan hasrat baginda kepada Light agar segala kapal pihak Inggeris berlabuh di Terengganu seperti yang berlaku dahulu. Maklumat ketiga pula memperlihatkan baginda menagih kekuasaan Light dengan meminta beliau menjadi orang tengah untuk menggesa Kapitan

Ci Ki dan Saudagar Mirang Kandu yang berhutang dengan Saudagar Nasruddin menyelesaikan bayaran tertunggak. Dari sini dapat dilihat tanggungjawab (obligasi) Sultan Mansur untuk melihat aliran perdagangan Terengganu berjalan lancar seperti sebelum ini. Dominannya penggunaan modaliti ini menggambarkan sikap dan hubungan antara Sultan Mansur dan Light yang agak rapat dan tidak terlalu formal, tambahan pula Light hanya disapa dengan ungkapan “anak kita”.

Pemanfaatan modaliti *hendak* dalam warkah kedua dan ketiga juga memperlihatkan bentuk komitmen oleh pengirim meliputi soal hubungan atau kelangsungan hal perdagangan dan keselamatan politik antara pihak yang terlibat. Misalnya, dalam contoh warkah kedua memperlihatkan tindakan Raja Makota membangkitkan isu harga dagangan lada dengan meminta Jeneral J.C. Collet untuk mengkaji semula harga yang ditawarkan. Pengaplikasian modaliti permintaan *hendak* dalam warkah ketiga pula tercetus apabila negeri Perak menjadi rebutan oleh pihak-pihak lain dan diperlakukan secara kekerasan. Oleh itu, kesudian pihak Inggeris untuk menjalinkan hubungan politik dengan Perak memungkinkan kehendak Sultan Alauddin untuk mendapatkan perlindungan politik daripada Francis Light dapat ditunaikan.

Penggunaan modaliti *hendak* tersebut membayangkan hubungan yang wujud antara pihak pengirim dan penerima berbentuk formal. Kesedaran tentang ketinggian kuasa atau kedudukan J.C. Collet dan Francis Light ialah pemangkin utama setiap permintaan pengirim dengan modaliti *hendak* dapat dilaksanakan sebaik-baiknya oleh mereka. Kesimpulannya, setiap ujaran modaliti *hendak* yang dikemukakan memiliki sifat obligasi, iaitu penerima atau sasaran diminta untuk mengimplementasikan sesebuah tanggungjawab seperti yang dianjurkan pengirimnya.

(b) Boleh

Menurut Asmah Omar (2009, p. 126), modaliti *boleh* mendukung komponen makna yang menjurus perihal keupayaan atau keizinan. Dalam konteks wacana warkah ini, pengaplikasian modaliti *boleh* mencatatkan jumlah kedua terbanyak, iaitu sebanyak 34 kali atau 31.5 peratus. Modaliti *boleh* juga digunakan bagi dua maksud, iaitu menyatakan perintah dan informasi. Bagi tujuan perintah, kata modaliti *boleh* dengan variasi bentuknya (*boleh, bolehnya, seboleh-bolehnya*) digunakan sebanyak 11 kali. Modaliti ini menghuraikan pernyataan yang menggambarkan keadaan pengirim melakukan sesuatu permintaan berdasarkan keupayaan atau keizinan yang disandarkan kepada penerima warkah untuk merealisasikannya. Penggunaan modaliti *boleh* dalam wacana warkah-warkah sosial dapat diperhatikan daripada petikan berikut:

1. Surat Sultan Mahmud Syah dari Johor dan Pahang kepada T. S. Raffles di Melaka pada 5 Januari 1811. (Lampiran L)

Maka inilah tanda ikhlas daripada beta ada gading dua kepala **boleh** sahabat beta terima dengan putih hati adanya...

2. Surat Engku Sayid Muhammad Zain al Kudsi dari Lingga kepada T. S. Raffles di Melaka pada 6 Januari 1811. (Lampiran M)

... dari hal kita pun **seboleh²nya** barang hal-ehwal kita di Lingga harap kita akan bela pelihara sahabat kita juga **seboleh²nya** kita harap belas kasihan akan kita serta kita minta' kenal² akan kita jikalau sahabat kita di negeri Jawah sekalipun harap kita akan dikenal² akan kita oleh sahabat kita demikianlah adanya...

3. Surat Sultan Syarif Kasim dari Pontianak kepada T. S. Raffles di Melaka pada 22 Mac 1811. (Lampiran N)

... memberi khabar kepada sahabat kita akan hal Pengiran Anom Ambas beserta Abdul Rashid Mento' yang mengamuk kapal Mistir Hare Melaka, kapitannya Kapitan Ross yang sudah mati di laut Mento' itu, datang ke Kuala Pontianak merompak bersama² ilanun mengambil sebuah wangkang Cina datang dari negeri Cina. Dan ia telah banyak merosakkan orang² dagang yang keluar masuk berniaga ke Pontianak dan Mempawah dirusakkannya. Maka inilah jika **boleh** dengan **bolehnya** kita minta' tolong kepada sahabat kita menolong menyuruhkan sebuah kapal perang ke Pontianak menangkap si pencuri itu dan kita pun boleh pergi bersama² kapal perang itu. Jika tiada sahabat kita segera menyuruhkan lekas² kapal perang datang pasti ada terlalu banyak susah segala orang² dagang yang masuk keluar berniaga di negeri Pontianak itu adanya...

4. Surat Sultan Gandam Syah Muko-Muko kepada Syarikat Hindia Timur Inggeris (EIC) pada September 1733. (Lampiran C)

Kemudian daripada itu **boleh** Kompeni bertanya kepada Kapitan R-a-b-n-dh-y-k-n akan tempat Kompeni di dalam Muko² karena Kapitan itu sama² dengan hamba ke Bantal Teramang berdacing lada yang dibawa kapal itu. Kapitan itu ada melihat semuanya baik dan jahatnya di dalam Anak Sungai itu supaya Kompeni tahu adanya...

Sebelum mengakhiri wacana warkah Melayu, pengirim biasanya memperkatakan secara khusus tentang hadiah yang dititipkan bersama. Oleh itu, penggunaan modaliti *boleh* dalam konteks ayat warkah pertama ialah penilaian tentang kemahuan dan harapan pengirim agar penerima dapat menerima pemberian hadiah tersebut. Misalnya, dalam warkah pertama memperlihatkan permintaan oleh Sultan Mahmud kepada Raffles agar berupaya untuk menerima hadiah berupa gading dua kepala. Pemberian

hadiah tersebut membayangkan hubungan yang ingin diwujudkan antara mereka sama ada mesra atau hormat. Kesudian penerima mengambil bingkisan tersebut menandakan bahawa penerima bersetuju untuk menyempurnakan segala aspek kandungan yang diajukan.

Selain itu, ketertinggian kuasa dan pengaruh pihak asing memungkinkan sikap keyakinan muncul daripada pengirim yang terdiri daripada orang Melayu terhadap segala tindakan dan keputusan kuasa Barat tersebut. Keyakinan tinggi pengirim terhadap keupayaan pihak Inggeris melaksanakan permintaan didorong oleh peranan dan pendekatan yang lebih mesra terhadap jalan perhubungan. Seperti yang ditegaskan Hall (1979, p. 586) bahawa Leyden dan Raffles mempunyai kepercayaan yang sama tentang dasar pemerintahan Belanda di Timur yang sangat kejam. Hanya sifat keadilan, keper manusiaan, dan kesederhanaan corak pentadbiran British dapat memberikan kehidupan yang lebih baik kepada yang tertindas selama ini.

Oleh sebab itu, dalam warkah kedua, modaliti *boleh* mentafsirkan keyakinan obligasi terhadap Raffles yang berupaya untuk memberikan perlindungan keselamatan kepada Engku Sayid Muhammad Zain di Lingga. Warkah ketiga pula memerihalkan harapan terhadap permintaan komitmen yang dituntut Sultan Syarif kasim kepada Sultan Raffles agar boleh mendatangkan kapal perang ke Pontianak. Hal ini bertujuan untuk memerangi dan menangkap Pengiran Anom Ambas, Abdul Rashid Mento', dan ilanun (lanun) yang merompak dan melakukan kekacauan terhadap para pedagang. Seterusnya, pengaruh dan peranan besar pihak Inggeris dalam politik terus diiktiraf apabila Sultan Gandam Syah bersikap yakin terhadap ujarannya membenarkan pembinaan kota batu oleh pihak Inggeris di Muko-Muko. Oleh itu, modaliti *boleh* dalam warkah keempat bertindak sebagai tuntutan permintaan obligasi oleh sultan

kepada EIC agar boleh mengesahkan kedudukannya itu melalui Kapitan r-a-b-dh-y-k-n. Hal ini sekali gus mewujudkan kelangsungan hubungan politik antara mereka.

Oleh hal yang demikian, modaliti *boleh* yang digunakan bagi tujuan permintaan memperlihatkan bentuk obligasi yang perlu diraih oleh kedua-dua belah pihak sama ada pengirim atau penerima warkah. Tambahan pula, bentuk hubungan yang ingin diwujudkan melalui kata modal *boleh* bukan hanya untuk mendapatkan komitmen atau tanggungjawab terhadap pemberian bingkisan hadiah semata-mata. Sebaliknya, modaliti ini meliputi keformalan hubungan yang lebih besar merangkumi keupayaan penerima bertindak terhadap perkara performatif dalam politik, ekonomi, dan perdagangan negeri-negeri Melayu pada waktu itu.

(c) **Patut**

Kata modaliti *patut* dan variasinya (*patut* dan *tiada patut*) digunakan sebanyak 11 kali atau 10.2 peratus dalam warkah. Komponen ini menggambarkan sikap pewacana terhadap tanggapannya tentang kepatutan pernyataan atau tesis yang dibuat (Tan, 1992, p. 972-973). Asmah Omar (1995, p. 231) pula menegaskan kata modaliti *patut* mendukung makna “sudah pada tempatnya”. Dalam konteks wacana warkah ini, kesemua penggunaan modaliti *patut* bertujuan untuk menggambarkan keadaan atau situasi permintaan obligasi. Oleh itu, contoh pemanfaatan modaliti *patut* oleh pengirim warkah terhadap sebarang pernyataannya dapat diperhatikan seperti contoh tertera:

1. Surat Sultan Gandam Syah Muko-Muko kepada Syarikat Hindia Timur Inggeris (EIC) pada September 1733. (Lampiran C)

... dan **jikalau** adakan **patut** di dalam pikir Kompeni akan seperti minta hamba itu baik Kompeni menaruh kota batu di dalam Muko² supaya segala hati menteri dan peruatan seju' hatinya...

2. Surat Sultan Mahmud Syah dari Johor dan Pahang kepada T. S. Raffles di Melaka pada 5 Januari 1811. (Lampiran L)

Syahadan lagi dari hal sahabat beta bayankan di dalam warkat sahabat beta mau buat bicara yang besar sama dengan segala raja² Melayu negeri daerah timur ini dan lagi sama dengan beta. Maka tiadalah beta mafhum lagi akan bicaranya itu **jika** ada **patut** pada sahabat beta yang beta boleh tahu itu bicara minta sahabat bubuh di dalam tulis supaya boleh beta tahu...

3. Surat Sultan Mahmud Syah dari Johor dan Pahang kepada Senyur Gurnadur Francis Light pada 10 November 1787. (Lampiran J)

Jikalau menjadi **patut** kepada sahabat kita serta putih hati akan kita melainkan kita minta' kepada pihak sahabat kita sampaikan kepada tuan jenderal yang di Benggala surat kita ini kerana adalah asal kita dengan Kompeni Welanda itu maka adalah Kompeni Welanda melanggar Riau hendak mengalahkan orang Bugis dan hendak mengangkat raja Melayu...

4. Surat Sultan Mansur Riayat Syah dari Terengganu kepada Gurnadur, Francis Light pada 4 Februari 1792. (Lampiran K)

Dan lagi ada kita beri pergi surat ke Benggala kepada sahabat kita itu Mister Fairlie dengan bahasa Arab. Maka surat itu hendaklah anak kita lihat baca. **Jikalau** sudah **patut** kepada anak kita hendaklah anak kita suruh bawa pergi serta dengan kirimannya itu ke Benggala...

5. Surat Tunku Baginda Raja Mahkota di Anak Sungai kepada Orang Kaya Jenderal (J.C. Collet) di Bengkulu pada 1712. (Lampiran B)

Barang tahu Orang Kaya Jenderal yang dalam negeri Bengkahulu lalu pada rial enam suku pada sebahara lada dikasih oleh gompeni kepada Tunku Baginda Raja Makota, bukan ada biaya bukan asal negeri, karena rial enam suku pada sebahara lada itu akan makanan dikasih

gompeni kepada Tunku Baginda Raja Makota hendak dikaji oleh gompeni, **tiada patut** ialah dikasih oleh kompeni rial enam suku itu kepada Tunku Baginda Raja Makota...

Daripada petikan contoh-contoh petikan di atas, pengaplikasian modaliti *patut* menyerlah sebagai satu lagi cara pengirim mengutarakan bentuk permintaan obligasinya. Lazimnya, pengirim memanfaatkan modaliti *patut* sebagai penegasan terhadap tindakan yang dilontarkannya supaya dapat diberikan pertimbangan atau persetujuan sewajarnya oleh penerima bagi pelaksanaan lanjut. Pernyataan tersebut ditunjukkan melalui penggunaan rangkaian kata *jika/jikalau-patut*. Misalnya, dalam contoh petikan pertama membicarakan harapan Sultan Gandam Syah agar pihak EIC dapat mempertimbangkan permintaan baginda supaya EIC dapat membina kota batu bagi tujuan keselamatan politik di Muko-Muko.

Modaliti *patut* dalam contoh kedua pula menjelaskan permintaan Sultan Mahmud kepada Raffles agar dapat menulis tujuan sebenar ingin mengadakan perjumpaan dengan baginda dan raja-raja Melayu agar baginda dapat memahami isi dengan baiknya. Seterusnya, dalam warkah ketiga dan keempat memerihalkan kesesuaian atau keperluan bagi Francis Light untuk menyampaikan surat-surat yang diutuskan itu kepada Tuan Jeneral di Benggala sebagai respons terhadap permintaan yang dibuat Sultan Mahmud dan Sultan Mansur. Berikutnya, dalam warkah kelima pula memperlihatkan permintaan obligasi secara negatif menerusi padanan kata nafi *tiada* sebelum modaliti *patut*. Modaliti tersebut menggambarkan tanggapan yang berbau negatif atau ketidakpuasan hati pewacana terhadap penstrukturan harga lada. Oleh itu, dengan budi bicara dan pertimbangan daripada J.C. Collect, beliau dituntut tidak mengenakan harga sedemikian kepada Tunku Baginda Raja Makota.

Dari sudut interpersonalnya, modaliti *patut* membayangkan keseriusan dan keformalan. Pada masa yang sama, modaliti ini menunjukkan sikap toleransi, kerjasama, dan berhati-hati pengirim warkah semasa mengutarakan permintaan kepada sasarannya. Hal ini dikatakan demikian kerana kedudukan pengirim sebagai sultan dan raja sememangnya layak mengusulkan permintaan tanpa mengesampingkan kuasa dan kedudukan penerima. Oleh itu, penggunaan modaliti *patut* berupaya untuk menggambarkan pandangan pengirim terhadap permintaan obligasi tentang masalah politik dan perdagangan supaya penerima dapat membuat pertimbangan berdasarkan budi bicaranya.

Kesimpulannya, pentafsiran makna tersirat penggunaan modaliti yang menjurus perintah membayangkan darjah hubungan sosial antara pengirim dengan penerima warkah menerusi modaliti *hendak*, *boleh*, dan *patut*. Hal ini dikatakan demikian kerana modaliti perintah terhasil daripada ujaran berupa usulan yang harus disambut dengan tindakan susulan oleh penerima sebagai tindak balas terhadapnya. Dengan itu, pelaksanaan sesuatu hasrat tercapai seandainya penerima sedar tentang kewujudan hubungan yang sedia ada atau hubungan yang baru ingin diwujudkan. Kesemua modaliti ini pula dikaitkan dengan bentuk obligasi, iaitu memperlihatkan penilaian pengirim terhadap pihak lain tentang komitmen untuk melaksanakan tindakan dan usulan dengan penuh komited.

5.1.2 Modaliti Informasi

Dalam wacana warkah sosial Melayu, modaliti yang berorientasikan informasi hadir sebanyak 57 kali atau 52.8 peratus daripada jumlah keseluruhan modaliti. Penerapan modaliti informasi dalam warkah hanyalah sebagai satu bentuk ekspresi yang menjurus makna ujaran yang bersifat keterangan, pemakluman, dan maklumat. Kebiasaannya,

tujuan modaliti informasi hanyalah sebagai pemberitahuan, iaitu tidak memerlukan penerima melakukan sebarang tindakan susulan terhadap pernyataan tersebut. Seperti yang ditegaskan Idris Aman (2006, p. 175) bahawa dalam modaliti informatif, unsur obligasi tidak wujud sama sekali. Hal ini dikatakan demikian kerana matlamat penggunaannya untuk memberitahu atau memaklumkan khalayak semata-mata. Dalam wacana warkah sosial ini, modaliti informasi untuk menyalurkan maklumat melibatkan makna pengetahuan (*hendak* dan *mahu*), keupayaan (*boleh* dan *dapat*), dan keizinan (*boleh*) dapat ditelusuri dalam bahagian yang berikutnya.

(a) Pengetahuan

Dalam wacana warkah sosial Melayu ini, modaliti informasi yang menumpukan makna pengetahuan digambarkan oleh penggunaan modaliti *hendak* dan *mahu*. Kata *hendak* dan *mahu* memiliki medan makna yang sama, iaitu kata modal yang bertindak untuk memberikan komponen makna “kehendak” yang merujuk perasaan kehendak (*desireability*) terhadap tesis yang belum berlaku (Tan, 1992, p. 974). Kedua-dua kata modaliti itu diaplikasikan untuk memaklumkan penerima warkah tentang pengetahuan atau maklumat yang dianggap penting, terutama aspek kandungan meliputi hal politik, peribadi, ekonomi, dan perdagangan. Kebiasaannya, pengirim mempraktikkan modaliti-modaliti tersebut untuk menyatakan sikap ujaran daripada perbuatan atau tindakan yang lahir daripada dirinya sendiri, penerima mahupun pihak ketiga. Misalnya, kata *hendak* dan variasinya (*hendak*, *mengkhendaki*, *kehendak*, *kehendakkan*) yang memerihalkan pernyataan pengetahuan hadir sebanyak 22 kali atau 43.1 peratus daripada jumlah modaliti ini. Yang berikut diperturunkan beberapa contoh modaliti *hendak* dan *mahu* dalam warkah.

1. Surat Sultan Ahmad dari Terengganu kepada Baron van der Cappellen di Batavia pada 19 Mac 1824. (Lampiran S)

... maka **hendak** pun kita menyuruh kepada segala kantor yang lain membawa dagangan wangkang itu menjadi larangan. Dengan sebab itulah maka kita menyuruhkan Juragan Man dan Wan Saleh dan Abdul Rahim dan Uthman dan Abdul Samad itu datang mendapatkan Tuan Jeneral ke Betawi...

2. Surat Raja Kimaleha Salahak Abdul Khadir Ibn Syahbuddin di Ambon kepada Gabenor Syarikat Hindia Timur pada 23 Mei 1658. (Lampiran A)

... maka sekarang ini negeri kami punya orang Walanda maka kita pun **hendak** dibunuh atau ditangkap. Maka kita lepas datang dari Mengkasar menyerah diri kami kepada Raja Mengkasyar...

3. Surat Sultan Mahmud Syah dari Johor dan Pahang kepada T. S. Raffles di Melaka pada 5 Januari 1811. (Lampiran L)

... maka beta pun mafhumlah barang yang termazkur di dalamnya mereka dan sahabat beta membayangkan kisah al khair daripada sahabat beta **handak** menolong beta. Maka beta pun menerima syukurlah kepada Tuhan Allah al-Alamin segala sahabat beta suka menolong beta sepuluh kali beta suka menerima kasih daripada sahabat beta adanya...

4. Surat Sultan Abdul Jalil Khaliluddin dari Siak kepada Lord Minto pada 30 Mei 1811. (Lampiran O)

... syahadan lagi kita mendengar sahabat kita datang ini lalu ke Tanah Jawa membawa' angkatan kapal perang berapa banyak **hendak** memukul Wolandis dan Peransis sangatlah kita suka mendengar sahabat kita itu. Jikalau kiranya benar kepada sahabat kita melainkan kita **hendak** menyuruhkan ayah kita itu Yang Diperatuan Tua bersama² mengiringkan sahabat kita...

5. Surat Sultan Mansur Riayat Syah dari Terengganu kepada Gurnadur, Francis Light pada 4 Februari 1792. (Lampiran K)

Maka adalah kita mendengarkan khabar sedikit² pada tahun ini Siam ini **hendak** melanggar Terengganu dengan Kelantan di dalam itu mana yang ditakdir Allah itulah yang jadi maka daripada hal anak kita hendaklah mendengar²kan khabar negeri Terengganu ini...

6. Surat Sultan Alauddin dari Perak kepada Gurnadur, Francis Light pada 23 Julai 1787. (Lampiran I)

... akan hal orang besar seorang baru datang dari Benggala itu **mengkhenda{k}**i benih sagu pohonnya yang kecil² **hendak** bawa pergi tanam ke Benggala oleh karena di Pulau Pinang tiada benih itu maka **kehendak** itu lagi tengah kita bicarakan.

7. Surat Susuhunan Ratu Hussain Diyauddin dari Palembang kepada Baron van der Capellen di Batavia pada 14 April 1823. (Lampiran Q)

... sebagai lagi pula dari hal k-m-y-s Temenggung Kerta Negara dan Ronggo b-r-a-s-n-n-b-k-ny dan Damang Arja Brata dari ini tiga menteri dibawa oleh Tuan Komisaris pergi di Betawi mengadap seri paduka sahabat syaudara kita yang bangsawan dan dari itu k-m-y-s Temenggung Kerta Negara kata Tuan Komisaris tuan besar suka **mau** ketemu maka dalam kita punya fikiran meskipun kita punya anak sekalipun jikalau seri paduka sahabat syaudara kita suka **mau** ketemu kita lebih suka mesti segera kita suruh ia mengadap seri paduka sahabat syaudara kita yang bangsawan jua adanya...

8. Surat Sultan Mahmud Syah dari Johor dan Pahang kepada Senyur Gurnadur Francis Light pada 10 November 1787. (Lampiran J)

Dan sebagai lagi seperti kita pun telah sampailah kepada datu' kita sultan Terengganu serta kita pun menyatakan segala pekerjaan dan penceraian kita dengan Kompeni Welanda maka kita pun serahkan bicara diri kita itu kepada Datu' kita sultan Terengganu baik kepada Kompeni Inggeris baik kepada Kompeni Welanda **mahu** kepada baiknya dan **mahu** kepada jahatnya...

9. Surat Sultan Mansur Riayat Syah dari Terengganu kepada Gurnadur, Francis Light pada 4 Februari 1792. (Lampiran K)

Adalah khabarnya Siam itu maka daripada hal Siam pada tahun ini adalah kita menghantarkan bunga emas maka ia **tiadalah mahu** terima serta dikhendakinya yang tiada patut maka kita pun tiadalah terturut seperti maksud Siam itu melainkan kita serahkan kepada Allah semata² mana yang diperintahkan inilah yang berlaku...

Kesemua contoh di atas memperlihatkan peranan modaliti *hendak* dan *mahu* untuk menyalurkan makna ujaran yang menjurus pengetahuan, terutama melibatkan perkara yang ditimbulkan pengirim sebagai respons terhadap tindakan daripada penerima atau pihak lain. Sebagai contoh dalam warkah pertama, Sultan Ahmad memaklumkan kemahuannya kepada Baron van der Capellen untuk membawa barang dagangan akhirnya ditegah. Dalam warkah kedua pula memerihalkan kerisauan Raja Kimaleha Salahak yang memaklumkan dirinya yang hendak dibunuh atau ditangkap lantaran negeri Ambon telah dikuasai oleh kuasa Belanda.

Dalam contoh petikan warkah ketiga dan keempat, modaliti *hendak* dimanfaatkan bagi tujuan memberitahu penerima tentang sesuatu perkara yang lahir daripada tindakan penerima itu sendiri. Misalnya, dalam warkah ketiga menjelaskan bentuk makluman daripada Sultan Mahmud Syah kepada Raffles yang sudi untuk menolong baginda seperti yang diujarkannya dalam warkah yang terdahulu. Modaliti ini berfungsi sebagai satu bentuk penegasan oleh baginda bagi pengetahuan Raffles semata-mata. Dalam warkah keempat pula, Sultan Abdul Jalil Khaliluddin memaklumkan bahawa baginda hendak menitahkan Yang Dipertuan Tua untuk mengiringi Lord Minto sekiranya beliau ke Tanah Jawa untuk menyerang Belanda dan Perancis.

Berikutnya, modaliti *hendak* juga digunakan oleh pengirim untuk menyatakan sikap sesuatu perkara yang pada dasarnya dicetuskan oleh pihak ketiga bagi pengetahuan penerima warkah. Situasi ini boleh diteliti menerusi contoh petikan warkah kelima apabila makluman oleh Sultan Mansur bahawa Siam hendak menyerang Terengganu dan Kelantan sebagai satu bentuk pengetahuan bagi Francis Light sebelum mengambil tindakan selanjutnya. Warkah keenam pula memperlihatkan Sultan Alauddin yang memaklumkan kepada Francis Light berkenaan dengan kehendak seorang pendarang dari Benggala terhadap benih pohon sagu yang kecil untuk ditanam di Benggala.

Seperti yang dijelaskan pada awalnya, kata modaliti *mahu* juga merupakan satu lagi komponen yang digembleng untuk menyerlahkan sikap pengirim terhadap makna ujaran yang bercirikan informasi pengetahuan. Modaliti *mahu* yang juga hadir menerusi variasi lisan *mau* dan bentuk nafian *tiadalah mau* digunakan sebanyak lapan kali atau 7.4 peratus daripada jumlah keseluruhan modaliti dalam warkah sosial. Kesemua kata modaliti ini untuk memaklumkan kepentingan tentang sesuatu perkara kepada

penerima. Hal ini dikatakan demikian kerana dalam wacana warkah Melayu, sesuatu perkara yang melibatkan kepentingan antara pemeran mestilah dimaklumkan terlebih dahulu sebelum apa-apa tindakan diambil. Misalnya dalam warkah ketujuh, modaliti *mahu* yang pertama memperlihatkan Ratu Hussain memperoleh khabar daripada Temenggung Kerta Negara bahawa Tuan Komisaris mengatakan kemahuannya untuk bertemu dengan baginda. Walau bagaimanapun, modaliti *mahu* yang kedua lebih kepada makluman harapan yang besar lagi sekiranya dapat terus berjumpa dengan Baron van der Capellen sendiri, walaupun yang mahu dijumpainya itu anak baginda sekalipun.

Dalam contoh petikan warkah kelapan pula, Sultan Mahmud Syah memaklumkan pandangannya kepada Francis Light tentang kemahuan agar nasibnya dapat ditentukan sebaik-baik mungkin oleh sultan Terengganu setelah hubungan antara Sultan Mahmud dan Belanda berakhir. Dalam petikan warkah kesembilan pula unsur modaliti *mahu* dimanfaatkan secara nafian sebagai *tiadalah mahu*. Modaliti tersebut bertindak untuk memerihalkan ujaran yang bersifat pemberitahuan daripada Sultan Mansur Riayat Syah kepada Francis Light tentang sikap Siam yang tidak mahu menerima pemberian bunga emas lagi. Hal ini dikatakan demikian kerana penghantaran ufti bunga emas oleh negeri Terengganu, Kelantan, dan Kedah sering kali dikaitkan sebagai pengiktirafan kuasa kepada Siam. Seperti yang ditegaskan Abdullah Zakaria (2008, p. 5), kerajaan Siam mendakwa Kedah, Kelantan, dan Terengganu negeri di bawah naungannya. Bukti kekuasaan itu dimanifestasikan dengan pemberian bunga emas setiap tiga tahun sekali. Oleh sebab itu, pendirian Siam tersebut mengusarkan Sultan Mansur terhadap survival politik antara Terengganu dan Siam. Dengan sebab inilah, perkara ini perlu dimaklumkan bagi pengetahuan Francis Light.

(b) Keupayaan

Modaliti informasi yang menggambarkan makna keupayaan dilihat daripada dua modaliti, iaitu modaliti *boleh* dan *dapat*. Seperti yang ditegaskan oleh Tan (1992, p. 974), kata modal *boleh* dan *dapat* mempunyai komponen makna “keupayaan” yang membayangkan kebolehan ataupun keupayaan tentang pernyataan yang diujarkan. Hal ini juga diperakui oleh Asmah Haji Omar (2009, p. 127) yang menegaskan bahawa modaliti *dapat* hanya mempunyai komponen makna keupayaan dan hanya boleh menggantikan modaliti *boleh* “keupayaan”. Kedua-dua modaliti ini penting untuk menggambarkan sikap pengirim terhadap pernyataan yang melibatkan sifat keupayaan atau kemampuan pihak-pihak tertentu bagi sesuatu tindakan. Sebagai contoh, modaliti *boleh* (*boleh*, *seboleh-bolehnya* dan *tiada boleh*) untuk menyatakan informasi keupayaan dimanfaatkan sebanyak 17 kali atau 50 peratus daripada keseluruhan jumlah kehadiran modaliti *boleh* dalam warkah sosial. Yang berikut diperturunkan beberapa contoh modaliti *boleh* dan *dapat* yang diaplikasikan dalam warkah sosial Melayu:

1. Surat Gurnadur Reynier de Klerk di Batavia kepada Sultan Muhammad Bahauddin di Palembang pada 7 Mei 1779.
(Lampiran F)

...ini surat ikhlas sahabat-bersahabat dan berkasih²an kepada sahabat handai taulannya Paduka Seri Sultan Ratu Muhammad Bahauddin, raja atas tahta kerajaan Palembang, dipohonkan atasnya sihat dan afiat serta daulat dan segala berkat yang **boleh** membahagiakan pada sendirinya berserta rakyat²nya istimewa pula sahabat-bersahabat pada antara Tuan Sultan dengan Kompeni Wolandawi, **boleh** tinggal tetap dan tegoh hingga zaman yang mutakhirin adanya...

2. Surat Sultan Mahmud Syah dari Johor dan Pahang kepada Senyur Gurnadur Francis Light pada 10 November 1787. (Lampiran J)

... Kompeni Ingerislah yang ada kasihan **boleh** menolong segala orang yang kesakitan dan teraniaya dan membuat permintaan...

3. Surat Sultan Ahmad dari Terengganu kepada Baron van der Cappellen di Batavia pada 19 Mac 1824. (Lampiran S)

Maka janganlah kiranya berputusan bersuruhan datang ke Terengganu berniaga berjual-beli sedikit² dan barang apa yang ada di dalam negeri Terengganu itu boleh Tuan Jenderal menyatakan di dalam surat dengan **seboleh-bolehnya** kita tolong ikhtiarkan...

4. Surat Saudagar Rahsia Raja Kelantan kepada Gubernur Pulau Pinang pada 23 Jamadilawal 1209. (Lampiran E)

... maka akan harga ladapun **boleh** beta tolong bicarakan beri kurang sedikit daripada harga Trengganu itu hingga setahun dua beri bebas akan Tuan Sennyur jikalau suka Tuan Sennyur hendak beri mari kapal. Minta Tuan Sennyur balas surat beta ini, **boleh** beta sembahkan kepada raja beta...

5. Surat Datuk Suliwatang dari Lingga kepada Baron van der Capellen di Batavia pada 2 April 1824. (Lampiran T)

Maka diperintahkan oleh Tuan Komisaris yang kedua itu akan Mayor t-m-p-y-l jikalau sampai ke Lingga jika berkehendak kepada perahu yang lain sebab keci itu besar **tiada boleh** masuk kepada tempat² yang dihajati Mayor. Itu pesan kedua orang besar itu suruh pintaq perahu dengan secukupnya kepada Suliwatang.

Dalam contoh petikan warkah pertama dan kedua, modaliti *boleh* digunakan dalam konteks puji-pujian yang memperlihatkan pernyataan pujian yang berupa penilaian kehandalan keupayaan kepada penerima warkah. Misalnya dalam warkah pertama, Reynier de Klerk bertindak untuk mengiklankan Sultan Bahauddin dengan memaparkan kehandalan keupayaan dengan penggunaan kata *boleh*. Modaliti *boleh* itu merujuk pemerintahan baginda yang mampu memberikan kebahagiaan kepada rakyat, sahabat, dan kerajaan Belanda serta boleh mengekalkan sifat sedemikian sehingga akhir zaman. Perkara yang sama juga dibangkitkan dalam petikan warkah kedua apabila Sultan Mahmud Syah menyatakan keyakinannya terhadap sifat kehandalan Francis Light dengan memuji kebolehan dan keupayaan beliau menolongi setiap orang yang kesusahan dan teraniaya.

Dalam contoh petikan warkah keempat pula, modaliti *boleh* memperlihatkan makna informasi keupayaan daripada wakil bagi Raja Kelantan, iaitu saudagar Rahsia Raja Kelantan. Beliau menyatakan kemampuannya membantu Francis Light mendapatkan harga lada yang lebih rendah daripada Raja Kelantan sekiranya Light bersetuju untuk menjalinkan hubungan perdagangan dan membalas surat itu. Penggunaan modaliti *boleh* dalam konteks ayat tersebut memperlihatkan kuasa yang dimiliki oleh saudagar itu terhad untuk membuat keputusan berbanding dengan kuasa oleh Raja Kelantan dan Light. Oleh itu, frasa kerja *tolong bicarakan* dan *sembahkan kepada raja beta* selepas kata *boleh* menandakan bahawa terdapat kuasa tersembunyi yang lebih tinggi dan berhak untuk membuat keputusan itu, iaitu Raja Kelantan. Tindakan oleh saudagar ini ada dijelaskan oleh Hodge & Kress (1993, p. 123), iaitu “*If the speaker’s own power is low, relative to that of the addressee, he or she may be formed to declare the source of his or her authority*”.

Berlainan pula dalam warkah kelima apabila modaliti *boleh* dipraktikkan oleh Datuk Suliwatang secara nafian menerusi kata *tiada boleh*. Modaliti ini bertujuan untuk menyatakan kepada Baron van der Capellen tentang ketidakupayaan keci (kapal layar) untuk memasuki tempat-tempat yang dihajati oleh mejar t-m-p-y-l kerana saiznya terlalu besar. Dapat dilihat bahawa penggunaan modaliti *boleh* itu merujuk pernyataan semula Datuk Suliwatang terhadap kata-kata yang pernah diucapkan oleh pihak ketiga, iaitu kedua-dua Tuan Komisaris (Jenderal Laut a-s-k-w-t-b-n-kh-t-j-w-ng-k dan Komisaris Wappers Melis).

Selain itu, satu lagi komponen yang berfungsi untuk memaparkan sikap pengirim terhadap makna ujaran pernyataan bercorak informasi keupayaan ialah modaliti *dapat*. Walau bagaimanapun, modaliti *dapat* sedikit dimanfaatkan, iaitu hanya empat kali dalam tiga warkah. Kesemua modaliti ini untuk menggambarkan pernyataan yang menyerlahkan keupayaan pengirim dan pihak-pihak yang berkaitan dengan kandungan yang diperkatakan. Oleh itu, yang berikut beberapa contoh penggunaan modaliti *dapat* dalam warkah sosial:

1. Surat Raja Kimaleha Salahak Abdul Khadir Ibn Syahbuddin di Ambon kepada Gabenor Syarikat Hindia Timur pada 23 Mei 1658. (Lampiran A)

Jikalau ditolong Allah maka **dapat** beroleh tanah Ambon kembali pada tangan kami. Maka kami memberi belanja dari Kompanyi lima ratus bahara. Insya Allah jangan cinta tolongkan juga...

2. Surat Tunku Baginda Raja Mahkota di Anak Sungai kepada Orang Kaya Jenderal (J.C. Collet) di Bengkulu pada 1712. (Lampiran B)

Itupun berapa lamanya berkelai dalam Teramang dengan rakyat Tunku Sultan Muhammad Syah, Wolanda pun larilah ke Padang, rakyat Tunku Sultan Muhammad Syah pun larilah ke Menjuto segala orang Anak Sungai pun **dapatlah** oleh Tunku Baginda Raja Makota.

Daripada contoh-contoh petikan di atas jelas bahawa sikap ujaran yang membawa pernyataan informasi keupayaan juga boleh didukung oleh modaliti *dapat*. Sebagai contoh dalam warkah pertama, modaliti *dapat* memperlihatkan pandangan peribadi Raja Kimaleha yang bersikap yakin terhadap keupayaan dan kemampuannya mendapatkan Ambon kembali daripada Belanda sekiranya mendapat pertolongan daripada Allah. Seterusnya, dalam petikan warkah kedua pula, modaliti *dapat* diterjemahkan dalam bentuk pasif, iaitu pewacana memaklumkan perihal keupayaan Tunku Baginda Raja Makota yang berjaya menawan segala rakyat di Anak Sungai ekoran daripada tindakan Belanda dan rakyat Tunku Sultan Muhammad Syah yang melarikan diri ke Padang dan Menjuto selepas berlaku beberapa siri perbalahan antara mereka.

(c) Keizinan

Komponen *boleh* juga berfungsi untuk menyerlahkan sikap pengirim tentang makna ujaran pernyataan yang menjurus informasi keizinan. Seperti yang diperkatakan oleh Tan (1992, p. 974), selain komponen makna keupayaan, modaliti *boleh* juga mempunyai komponen makna keizinan (*permission*). Meskipun begitu, dalam warkah sosial ini, modaliti *boleh* dan bentuk variasinya *boleh* dan *tiada boleh* hanya dimanfaatkan sebanyak enam kali daripada keseluruhan jumlah kehadiran modaliti *boleh*. Modaliti ini menyalurkan sikap atau pendirian pengirim terhadap pernyataan

keizinannya, terutama melibatkan kepentingan politik, ekonomi, perdagangan mahupun peribadi. Komponen makna keizinan ini juga dapat menggambarkan kekuasaan pengirim membuat sebarang persetujuan atau perkenan terhadap perkara yang diperkatakan bagi kepentingan pihak-pihak tertentu. Oleh hal yang demikian, yang berikut diperturunkan beberapa contoh penggunaan modaliti *boleh* yang merujuk komponen makna keizinan dalam warkah sosial Melayu:

1. Surat Tunku Baginda Raja Mahkota di Anak Sungai kepada Orang Kaya Jenderal (J.C. Collet) di Bengkulu pada 1712. (Lampiran B)

...adapun perjanjian Tunku Sultan Muhammad Syah serta Tunku Baginda Raja Makota dengan Gompeni lalu pada negeri hingga Inderapura datang kepada Seblat dengan Ketaun diberikan oleh Tunku Sultan Muhammad Syah serta Tunku Baginda Raja Makota kepada Kompeni akan tempatnya berniaga **tiada boleh** berniaga dengan orang yang luar daripada gompeni Inggeris anya Gompeni tiada memeri usul negeri atau biaya negeri ini anya apatah utang Gompeni berbelanja masuk seribu kapal habis harta Gompeni akan belanja negeri ini tiada menjadi utang oleh segala besyar dalam negeri ini anya...

2. Surat Saudagar Rahsia Raja Kelantan kepada Gubernur Pulau Pinang pada 23 Jamadilawal 1209. (Lampiran E)

Maka jadilah raja beta suruh memberi surat akan Tuan sennyur minta kapal mari berniaga ke dalam Kelantan ini tiap² tahun maka boleh beta tolong bicarakan seperti keadaan di negeri Trengganu itu karena negeri Kelantan dengan Trengganu itu tiada berapa jauh sehari pelayaran kapal. **Boleh** Tuan Sennyur periksa segala orang yang bawa surat beta ini akan perintah dagangan negeri Kelantan ini...

3. Surat Sultan Ahmad dari Terengganu kepada Baron van der Cappellen di Batavia pada 19 Mac 1824. (Lampiran S)

Maka janganlah kiranya berputusan bersuruhan datang ke Terengganu berniaga berjual-beli sedikit² dan barang apa yang ada di dalam negeri Terengganu itu **boleh** Tuan Jenderal menyatakan di dalam surat dengan seboleh-bolehnya kita tolong ikhtiarkan...

Merujuk contoh-contoh petikan di atas, penggunaan modaliti *boleh* dalam konteks ayat tersebut berperanan untuk menyatakan pernyataan sikap yang membayangkan makna keizinan. Sebagai contoh dalam petikan warkah pertama, modaliti *boleh* diaplikasikan oleh pewacana untuk memerihalkan makna pernyataan secara nafian kepada Orang Kaya J.C Collet. Modaliti tersebut untuk menyatakan bahawa Tunku Sultan Muhammad Syah dan Tunku Raja Makota tidak memperkenankan bagi Seblat dan Ketaun untuk menjalinkan hubungan perdagangan selain daripada pihak EIC sendiri. Ketinggian kedudukan oleh pewacana menentukan penggunaan modaliti *boleh* yang membayangkan makna keizinan ini dipatuhi dan diakur dengan sebaik-baiknya oleh penerimanya.

Kebiasaannya, pengirim mempunyai kuasa atau diberikan kuasa untuk membenarkan sebarang perkara yang melibatkan kepentingan hala tuju sesebuah negara. Misalnya dalam contoh petikan warkah kedua, penggunaan modaliti *boleh* oleh Saudagar Rahsia Raja Kelantan berperanan untuk memberikan persetujuan keizinan kepada Francis Light meneliti kesahihan kandungan surat atau perintah dagangan melalui pembawa surat ini. Hal ini berkaitan dengan hasrat Raja Kelantan yang berkenan untuk mengamalkan dasar buka pintu kepada pihak Inggeris dan Light untuk menjalinkan hubungan perdagangan dengan Kelantan. Contoh petikan warkah ketiga juga memperlihatkan penggunaan modaliti *boleh* yang memerihalkan bentuk

persetujuan keizinan. Modaliti *boleh* tersebut sebagai makluman tentang persetujuan oleh Sultan Ahmad yang membenarkan Baron van der Capellen untuk menyatakan segala keperluan barangan yang dihajatnya yang mungkin terdapat di Terengganu.

Kesimpulannya, dalam wacana warkah sosial Melayu, modaliti yang berorientasikan informasi berperanan sebagai ekspresi yang menjurus makna ujaran yang bercirikan keterangan, pemakluman, dan maklumat. Modaliti informasi dijana untuk menyalurkan maklumat yang berlingkungan makna pengetahuan menerusi kata *hendak* dan *mahu*, keupayaan yang diwakili oleh kata *boleh* dan *dapat*, dan keizinan oleh kata *boleh*. Yang dimaksudkan modaliti informasi apabila tujuan pernyataannya hanyalah sebagai pemberitahuan, iaitu ekspresi yang tidak memerlukan penerima mengimplementasikan tindakan terhadap pernyataan tersebut. Oleh sebab itu, modaliti informatif tidak meraih sebarang unsur obligasi atau penanggungjawaban daripada pihak penerima lantaran matlamat penggunaannya hanyalah pemakluman bagi penerima.

Keseluruhannya, penerapan nahu modaliti dalam wacana warkah didasari oleh dua fungsi atau tujuan utama, iaitu sebagai suatu perintah atau usulan dan juga informasi daripada pengirim warkah kepada sasarannya. Modaliti sebagai mekanisme interpersonal dalam usaha mempamerkan kemahuan atau kepentingan bagi pengirim warkah menerusi ujaran-ujarannya. Kemahuan tersebut pula menyerlahkan peranan modaliti yang bersangkutan dengan usaha pengirim menghasilkan bentuk pernyataan, membuat persoalan, memberikan balasan, dan membalas sifat empatik kepada pengirim dan khalayak sasarannya.

5.2 Leksikalisasi dalam Warkah-Warkah Sosial

Perbincangan tentang leksikalisasi metafora dalam wacana adalah untuk memperlihatkan bentuk pentafsiran kata yang berasaskan hubungan satu-banyak yang dieksploitasikan oleh penghasilnya. Hal ini menggambarkan sesuatu perkataan yang digunakan oleh pewacana dikatakan mampu memperkatakan banyak makna sekali gus membezakannya daripada kelaziman makna harfiah atau fungsi lazim kata tersebut. Hal ini juga bermaksud bahawa sesuatu perkataan bukan hanya berlingkungan secara konvensional dalam sesebuah wacana. Sebaliknya, kata tersebut juga boleh diaplikasikan dalam wacana lain untuk memperlihatkan cara atau gaya pewacana memanipulasikan penggunaan kata bagi kelangsungan tarikan terhadap wacananya.

Bagi Fairclough (1992, p. 194), metafora berfungsi untuk menyatakan tujuan analitikal, iaitu cara pewacana berfikir, bertindak, dan menstrukturkan sistem pengetahuan dan kepercayaan secara fundamental. Walau bagaimanapun, timbul polemik bahawa metafora yang terangkum dalam bahasa figuratif sering kali dikaitkan dengan bidang atau domain tradisi kesusasteraan sahaja. Menurut beliau lagi, metafora pada hakikatnya tersebar dalam semua jenis bahasa dan wacana, walaupun di luar konteks domain wacana yang dihasilkan, contohnya wacana saintifik dan teknikal. Perkara yang sama juga dibangkitkan oleh Asmah Omar (2008, p. 159) bahawa metafora ialah kiasan langsung, iaitu sesuatu perbuatan, sifat, kejadian disandarkan secara langsung kepada benda atau sifat tertentu yang di luar perbuatan, sifat atau kejadian yang diperkatakan. Metafora tidak terbatas kepada bahasa sastera sahaja kerana metafora diaplikasikan sepanjang waktu tanpa disedari oleh penggunanya.

Metafora sudah menjadi sebatian dengan bahasa sehari-hari. Sesiapa pun boleh mencipta metaforanya sendiri, dan apabila metafora itu disukai, ia akan digunakan dan gejala ini akan berjangkit terus kepada orang lain sehingga penggunaan metafora berkenaan menjadi sebahagian daripada bahasa sehari-hari.

(Asmah Omar, 2008, p. 159)

Menurut beliau lagi, metafora terhasil daripada pelbagai padanan leksikal yang dapat menyerlahkan alternatif penutur dalam komunikasinya berdasarkan fungsi sosial. Fungsi tersebut merangkumi apa-apa kejadian dan gejala alam seperti haiwan, tumbuhan, bulan bintang, dan benda-benda alam yang lain, benda konkrit, bahagian tubuh manusia, serta sifat fizikal sesuatu benda, gerak-geri, rasa, saiz, warna, kegiatan, dan sebagainya. Dalam konteks wacana, metafora bertindak sebagai unsur yang meneliti hubungan leksikal. Hubungan tersebut melibatkan hubungan tipikal perkataan yang mempunyai banyak makna dan tidak sekadar memperlihatkan hubungan satu-satu sehingga hubungan itu dicipta, digandingkan, dan dikembangkan dalam hubungan berasaskan konteks yang nyata. Bahasa figuratif yang digambarkan melalui metafora tersebut juga dapat ditafsirkan sebagai cara stilistik tanpa sedar atau sedar oleh penghasil wacana. Hal ini adalah untuk menjelaskan sesuatu perkara atau mesej di samping memberikan penegasan imaginatif kepada khalayak seperti yang ditegaskan oleh Arbak Othman & Merry Lapasau (2010, p. 164) bahawa:

Metafora bertindak sebagai komponen utama yang dapat menyalurkan pelbagai bentuk gaya atau stail berasaskan pemilihan dan pemakaian leksikal yang bersesuaian dengan maksud pewacana melalui penyampaian yang berunsurkan keindahan.

Metafora hadir dalam pembentukan dunia kepada manusia dan bukannya sekadar membicarakan transposisi namaan yang asing bagi manusia. Metafora berlingkungan dalam bentuk kefahaman manusia, iaitu metafora mekanisme untuk membentuk makna baharu bagi tujuan tertentu (Fairclough, 1992, p. 195). Bagi beliau, sesetengah metafora hadir secara semula jadi dalam budaya khusus, iaitu keadaan yang menggambarkan pelaku bahasa tidak menyedari tentang keberadaannya. Sebaliknya, mereka menerapkan metafora secara kompleks supaya perhatian mereka dapat digambarkan oleh metafora tersebut dalam wacana, pemikiran, dan lakuannya.

Berdasarkan konsep metafora yang dikemukakan oleh Fairclough, didapati bahawa penulis warkah sosial Melayu juga telah mengaplikasikan beberapa jenis metafora untuk menghubungkannya dengan teks. Seperti yang dijelaskan sebelumnya, fungsi metafora untuk menggambarkan pentafsiran makna oleh penulis apabila memperkatakan wacananya yang sememangnya berbeza daripada makna asal leksikal yang digunakan. Metafora merangkumi penggunaan kata tertentu di luar konteksnya yang sebenar atau ditegaskan oleh Kittay (1987, p. 90) sebagai realisasi lonjakan fikiran daripada satu domain kepada domain yang lain. Meskipun begitu, kata-kata tersebut masih mampu dikaitkan dengan kelangsungan kefahaman makna dalam teks yang ingin disampaikan oleh pewacana. Antara metafora yang dimanfaatkan oleh penulis warkah ialah metafora perkembangan motor, metafora pertanian, metafora cinta, dan metafora nasib. Yang berikut merupakan huraian rinci pengaplikasian metafora dalam wacana warkah sosial Melayu terpilih.

5.2.1 Metafora Perkembangan Motor

Dalam konteks warkah sosial Melayu ini, terdapat penggunaan metafora yang secara tidak langsung dapat mengungkapkan kekuasaan, kewibawaan, kepimpinan, dan pemikiran pihak-pihak tertentu yang berkaitan dengan kelangsungan warkah. Metafora perkembangan motor ialah metafora yang melibatkan penggunaan beberapa leksikal yang lazimnya bersangkutan atau berlingkungan dalam domain atau bidang pergerakan manusia. Bidang ini memperkatakan perubahan dari segi keupayaan kawalan dan prestasi motor manusia yang berlaku kesan daripada proses fizikal seperti proses latihan dan amali. Perkembangan motor melibatkan kebolehan seseorang meneroka objek untuk menghadapi persekitaran realiti kehidupan yang biasanya dikoordinasikan menerusi jalinan rangsangan, mekanisme, sistem saraf pusat, dan motor (Welford, 1983, p. 33). Bagi Singer (1980, p. 57) pula, perkembangan motor ialah pergerakan otot-otot badan untuk melakukan sesuatu pergerakan yang diinginkan.

Berdasarkan wacana warkah sosial ini, terdapat beberapa penggunaan metafora perkembangan motor oleh pengirim seperti *duduk*, *dudu'lah*, *memegang*, *memegangkan*, *pegang*, *genggaman*, *memukul*, *dipukul*, *merusakkan*, *dirusakkan*, *melanggar*, dan *dilanggar*. Kesemua leksikal ini dan padanannya dalam konteks ayat membayangkan hasrat pewacana melangkaui konvensi domain atau makna harfiahnya, selain menimbulkan kesan-kesan figuratif terhadap wacananya. Oleh itu, kebijaksanaan penulis warkah mengadaptasikannya berjaya menimbulkan perkaitan dengan keupayaan dan kewibawaan kuasa oleh pihak yang diperkatakan sama ada digambarkan secara lakuan positif atau negatif. Kajian metafora perkembangan motor ini mendapati bahawa terdapat sekurang-kurangnya dua matlamat penggunaannya. Matlamat tersebut melibatkan kewibawaan kuasa positif dan kewibawaan kuasa negatif. Yang berikut

diperjelas tentang pengaplikasian metafora perkembangan motor dalam kedua-dua matlamat tersebut.

(a) Metafora perkembangan motor dan kewibawaan kuasa positif

Dalam warkah sosial Melayu, metafora motor yang menggambarkan kewibawaan kuasa positif diperlihatkan daripada leksikal kerja yang berlingkungan makna yang membawa konotasi positif terhadap pernyataan yang dihasilkan. Metafora kuasa positif ini bertujuan untuk menegaskan keistimewaan dan keupayaan kuasa pihak tertentu melalui pengiktirafan kawasan pemerintahan dan proses kepimpinannya. Pada masa yang sama, kekuasaan tersebut dapat memberikan keharmonian kepada pihak atau individu lain yang terlibat dalam peristiwa komunikatif tersebut. Antara leksikal yang berkaitan dengan metafora perkembangan motor dan kewibawaan kuasa positif ialah *duduk*, *dudu'lah*, *memegang*, *memegangkan*, *pegang*, *pegangan*, dan *genggaman*. Dalam contoh-contoh petikan warkah berikut, diperturunkan beberapa metafora perkembangan motor dan kewibawaan kuasa positif oleh pengirim warkah.

1. Surat Susuhunan Ratu Hussain Dyauddin dari Palembang kepada Baron van der Capellen di Batavia pada 14 April 1823.

(Lampiran Q)

Ke hadapan majlis seri paduka sahabat syaudara kita Yang Dipertuan Besar Sekertaris van Astat Gurnudur Jenderal yang **memegang** perintah atas segala tanah Nederland...

2. Surat Sultan Ismail dari Bima kepada Baron van der Capellen di Batavia pada 7 Oktober 1823. (Lampiran R)

... dengan beberapa tabik ke bawah duli hadrat paduka yang maha mulia serta murah bangsawan Yang Dipertuan Besyar Gurnadur Jenderal yang **pegang** perintah atas segala tanah India Nederland...

3. Surat Sultan Gandam Syah Muko-Muko kepada Syarikat Hindia Timur Inggeris (EIC) pada September 1733. (Lampiran C)

... maka hamba berani meminta seperti itu biar kekal selamanya² Kompeni **memegangkan** Anak Sungai supaya senang dan sentosya segala isi negeri yang ada di bawah perintah hamba...

4. Surat Sultan Muhammad Fadl dari Sulu kepada Gabenor Hong Kong, Sir. John Francis David, 1845. (Lampiran U)

Apalah kiranya datang terlatak ke hadapan wajah sahabat habib Paduka Maha Seri Tuan Gabarnadar yang empunya **genggaman** perintah dalam bandar Hingkong...

... maka kita memberi khabar yang tahsisi lagi amat wadheh akan Marudu' itu iaitu paduka sahabat kekasih empunya **pegangan**...

5. Surat Tunku Baginda Raja Mahkota di Anak Sungai kepada Orang Kaya Jenderal (J.C. Collet) di Bengkulu pada 1712. (Lampiran B)

... adapun tatkala Gompeni **duduk** pada Pulau Sumatera ini, ialah Kapten Mister Du Jardin yang datang ke dalam Inderapura, siapatah yang **memegangkan** Gompeni tatkala pada masa itu ialah Tunku Sultan Muhammad Syah dengan Tunku Baginda Raja Makota...

Ini tatkala gompeni **duduk** pada negeri Bengkahulu. Mister Bloome nama komandarnya, siapatah yang **memegangkannya** ia Pangiran Ujang Galah dengan Orang Kaya Lela Maharaja. Sembilan Komandar di Bengkahulu yang **memegangkan** perjanjian itu...

Contoh-contoh petikan warkah di atas memperlihatkan pengirim mengaplikasikan penggunaan metafora perkembangan motor seperti *memegang*, *pegang*, *memegangkan*, *genggaman*, *duduk*, dan *pegangan* untuk memerihalkan kedudukan atau keistimewaan golongan tertentu dalam sistem politik. Seperti yang dijelaskan sebelum ini bahawa metafora berperanan untuk menyusun keseluruhan medan pengalaman realiti berdasarkan medan lain. Oleh itu, dalam warkah pertama hingga ketiga di atas, kata *memegang*, *pegang*, dan *memegangkan* merupakan leksikal yang berkaitan dengan bidang pergerakan manusia, iaitu proses keupayaan kawalan dan prestasi motor yang berlaku kesan daripada proses fizikal (Mohd Amin H. A. Shariff, 1998, p. 34). Leksikal tersebut telah diaplikasikan sebagai metafora untuk mengiaskan individu dan autoriti kuasanya, khususnya dalam bidang politik. Kata *pegang* dan *memegang* secara harfiahnya bermaksud keupayaan dalam pergerakan yang berlaku kesan daripada sebarang bentuk rangsangan, iaitu pergerakan memaut sesuatu dengan tangan.

Misalnya dalam warkah pertama dan kedua di atas, Ratu Hussain Diyauddin dan Sultan Ismail telah berupaya untuk berpertalikan leksikal *memegang* dan *pegang* dengan kata nama abstrak *perintah* selepasnya. Leksikal tersebut merujuk kekuasaan yang dimiliki oleh Yang Dipertuan Besar Gabenor Jeneral Baron van der Capellen yang mentadbir dan mengelolakan segala tanah jajahan kerajaan Belanda. Begitu juga dalam warkah ketiga di atas, Sultan Gandam Syah telah mengaplikasikan metafora motor *memegangkan* untuk memerikan keistimewaan kedudukan sosial dan kehebatan perang Syarikat Hindia Timur Inggeris. Hal ini sekali gus memungkinan baginda mengiktiraf dan memperkenankan kuasa tersebut untuk mentadbirkan segala urusan di kawasan Anak Sungai. Secara tidak langsung, setiap rakyat yang berada dalam negeri Muko-Muko mendapat naungan politik yang terjaga di bawah pemerintahan Sultan Gandam Syah tersebut.

Situasi yang sama juga terlihat dalam warkah keempat apabila pengirim warkah bukan sahaja menggunakan metafora motor *pegangan*, malah juga menggunakan kata *genggaman* untuk menimbulkan metafora yang dapat mengiaskan bentuk kekuasaan individu. Metafora *genggaman* merujuk pengaruh dan keistimewaan kedudukan John Francis David selaku Gabenor dalam negara Hong Kong di samping autoritinya terhadap Kota Maruduk sebagai kawasan naungannya. Dalam bidang perkembangan motor, leksikal *genggaman* daripada kata dasar *genggam* merupakan pergerakan yang melibatkan keupayaan seseorang untuk bertindak balas terhadap rangsangan, iaitu pergerakan yang mencengkam atau menggenggam pada jari tangan atau kaki (Mohd Amin H. A. Shariff, 1998, p. 35). Dengan demikian, kata metafora *genggaman* yang dikiaskan dengan kata *perintah* selepasnya memperlihatkan pengeksplotasian kata daripada bidang lain oleh Sultan Muhammad al-Fadl. Penggunaannya dapat menimbulkan kesan imaginatif dan figuratif yang menggambarkan kewibawaan kuasa positif pegawai asing tersebut.

Dalam warkah kelima pula, keistimewaan dan kewibawaan dalam pemilikan kuasa politik oleh pihak yang diperkatakan telah disandarkan menerusi kata *duduk* dan *memegangkan*. Kata *duduk* merupakan perlakuan dalam domain perkembangan motor seseorang atau benda hidup yang lain, iaitu perlakuan yang menunjukkan perkembangan dan keupayaan meletakkan badan bertumpu pada otot-otot punggung (Mohd Amin H. A. Shariff, 1998, p. 39). Keupayaan duduk ialah posisi yang paling kerap digunakan untuk melakukan sebarang aktiviti stimulasi motor halus.

Walaupun dalam konteks bahasa Melayu klasik, kata *duduk* lahir daripada pengucapan lisan yang membawa rujukan medan makna yang sama dengan kata *tinggal* yang terdapat dalam bahasa Melayu kini. Namun, dalam wacana warkah Melayu ini, kata *duduk* pada masa yang sama berperanan sebagai metafora yang lazimnya dikiaskan untuk melambangkan penguasaan dan penaklukan kawasan pemerintahan. Misalnya, maklumat pertama dan kedua memperlihatkan metafora *duduk* disandarkan kepada tindakan, penguasaan, dan campur tangan Syarikat Hindia Timur Inggeris ke atas Pulau Sumatera dan Bengkahulu melalui pegawainya, Kapten Du Jardin dan Bloome. Di samping itu, dalam konteks wacana tersebut juga, metafora *memegangkan* mempunyai perkaitan secara langsung dengan metafora *duduk*. Hal ini dikatakan demikian kerana metafora tersebut memerihalkan bahawa setiap pegawai Inggeris yang mempunyai autoriti ke atas negeri-negeri tersebut secara automatiknya akan menjadi wakil Syarikat Hindia Timur Inggeris. Situasi tersebut sekali gus memperlihatkan individu terbabit sebagai penanggungjawab untuk menandatangani perjanjian politik dengan wakil-wakil kerajaan Melayu di Pulau Sumatera dan Bengkahulu.

(b) Metafora perkembangan motor dan kewibawaan kuasa negatif

Yang dimaksudkan dengan metafora perkembangan motor dan kewibawaan kuasa negatif adalah apabila pewacana memanfaatkan beberapa metafora dalam leksikal verbal yang membawa konotasi makna negatif. Dalam erti kata lain, metafora tersebut secara tersiratnya menimbulkan suatu konflik kepada pihak tertentu rentetan daripada perkara yang diperkatakan oleh pewacana. Metafora kuasa negatif ini bertujuan untuk memerihalkan tindak tanduk atau keputusan oleh sesuatu pihak akan memberikan implikasi negatif. Hal ini sekali gus boleh mengugatkan kewibawaan kuasa pihak lain pula, khususnya soal kemandirian politik pengirim. Kajian ini mendapati bahawa

leksikal verbal yang berkaitan dengan metafora perkembangan motor dan kewibawaan kuasa negatif merangkumi leksikal seperti *dipukul*, *memukul*, *merusakkan*, *dirusakkan*, *melanggar*, dan *dilanggar*. Dalam contoh-contoh petikan warkah berikut diperturunkan pemanfaatan beberapa metafora perkembangan motor dan kewibawaan kuasa negatif oleh pengirim warkah.

1. Surat Sultan Muhammad Fadl dari Sulu kepada Gabenor Hong Kong, Sir. John Francis David, 1845. (Lampiran U)

... adapun paduka sahabat kekasih memberi istama al-kalam dengan tulus yang sebenar ke hadapan wajah sahabat habibi Paduka Maha Seri Tuan Gabarnadur pada peri hal Marudu' yang telah **dipukul** orang Borniu.

2. Surat Sultan Mansur Riayat Syah dari Terengganu kepada Gurnadur, Francis Light pada 4 Februari 1792. (Lampiran K)

Maka adalah kita mendengar khabar sedikit² pada tahun ini Siam ini hendak **melanggar** Terengganu dengan Kelantan.

3. Surat Sultan Syarif Kasim dari Pontianak kepada T. S. Raffles di Melaka pada 22 Mac 1811. (Lampiran N)

... datang ke Kuala Pontianak merompak bersama² Ilanun mengambil sebuah wangkang Cina datang dari negeri Cina. Dan ia telah banyak **merusakkan** orang² dagang yang keluar masuk berniaga ke Pontianak dan Mempawah **dirusakkannya**.

4. Surat Sultan Abdul Jalil Khaliluddin dari Siak kepada Lord Minto pada 30 Mei 1811. (Lampiran O)

Syahadan lagi kita mendengar sahabat kita datang ini lalu ke tanah Jawa membawa' angkatan kapal perang berapa banyak hendak **memukul** Wolandis dan Peransis...

5. Surat Sultan Mahmud Syah dari Johor dan Pahang kepada Senyur Gurnadur Francis Light pada 10 November 1787. (Lampiran J)

Karana adalah asal kita dengan Kompeni Welanda itu maka adalah Kompeni Welanda **melanggar** Riau hendak mengalahkan orang Bugis dan hendak mengangkat raja Melayu...

Maka dengan takdir Allah taatla di atas hamba-Nya, maka orang Bugis pun alah **dilanggar** oleh Jacob Peter van Braam Komandan...

Metafora motor *dipukul*, *melanggar*, *merusakkan*, dan *dirusakkan* dalam petikan warkah di atas merupakan bentuk kata kemiliteran yang lazimnya digunakan dalam konteks wacana warkah Melayu untuk merujuk perbuatan menyerang dan menguasai. Dalam konteks bahasa Melayu kini, kata tersebut jarang sekali digunakan untuk memperkatakan perihal tersebut. Hal ini dikatakan demikian kerana kata *melanggar* dan *dipukul* merujuk bidang perlakuan dan pergerakan manusia yang merangkumi keupayaan kawalan dan prestasi motor. Keupayaan itu melibatkan kekuatan fizikal yang dikoordinasikan menerusi bahagian-bahagian badan atau anatomi manusia tertentu yang boleh mendatangkan kemusnahan atau kemudaratan kepada sesuatu pihak (Berk, L.E., 2005, p. 76).

Penggunaan metafora *dipukul* dan *melanggar* merupakan unsur linguistik yang akhirnya membentuk kiasan yang membayangkan amalan kemiliteran oleh sesuatu pihak. Sebagai contoh dalam warkah pertama, pemanfaatan metafora *dipukul* oleh Sultan Muhammad al-Fadl untuk memaklumkan dan memerihalkan John Francis David tentang kawasan taklukan British, Kota Maruduk, telah diserang oleh kekuasaan orang Borneo. Dalam petikan warkah kedua pula, makluman tentang tindakan dan keputusan Siam mencetuskan konflik dan ketegangan hubungan diplomatik dengan negeri Terengganu dan Kelantan telah digambarkan menerusi penggunaan metafora *melanggar*. Warkah ketiga pula menyaksikan penerapan metafora motor *merusakkan* dan *dirusakkan* oleh Sultan Syarif Kasim untuk menggambarkan kewibawaan kuasa negatif yang telah menyebabkan berlakunya keadaan huru-hara dan kekacauan politik. Situasi itu telah mengganggu keselamatan pedagang di Pontianak dan Mempawah yang dicetuskan oleh sekumpulan pemberontak, antaranya Pengiran Anom, Abdul Rasyid Mentok, dan lanun-lanun.

Penggunaan metafora jenis ini juga bertujuan untuk memerihalkan sebarang tindakan yang diambil oleh sesuatu pihak akan menggugatkan kewibawaan kuasa pihak lain, khususnya para musuh. Oleh itu, metafora ini juga secara tidak langsung mendatangkan implikasi positif kepada pengirim warkah, walaupun leksikal yang digunakan daripada kata yang mencetuskan konflik. Hal ini dikatakan demikian kerana metafora tersebut lazimnya dimanfaatkan pengirim untuk menyatakan kesediaan penerima warkah membantunya mempertahankan keselamatan politik negara. Oleh itu, kajian ini menyimpulkan bahawa metafora motor konflik seperti *memukul*, *melanggar* dan *dilanggar* bukan hanya untuk menyerlahkan kewibawaan kuasa negatif terhadap pengirim warkah, malah juga menyerlah dalam kalangan musuh-musuhnya. Sebagai contoh dalam warkah keempat, metafora motor *memukul* oleh Sultan Abdul Jalil

Khaliluddin untuk menyandarkan hasrat Lord Minto yang ingin berangkat ke Tanah Jawa untuk menyerang Belanda dan Perancis telah mencabar dan mendatangkan kewibawaan kuasa negatif kepada dua kuasa besar tersebut. Sebaliknya, bagi pengirim pula, metafora tersebut menimbulkan implikasi positif lantaran kesudian Lord Minto menjaga keharmonian politik negaranya daripada diserang oleh Belanda dan Perancis.

Dalam warkah kelima pula, metafora *melanggar* dan *dilanggar* pula memerihalkan makluman Sultan Mahmud kepada Light tentang pemeteraian perjanjian antara baginda dan Belanda pada sebelumnya, iaitu Belanda bersetuju untuk menyerang orang Bugis di Riau dan mengangkat peranan raja Melayu. Oleh itu, perkara tersebut telah dimanifestasikan Belanda menerusi pegawainya, Komandan Jacob Peter van Braam, yang telah menyerang dan mengalahkan orang Bugis. Situasi tersebut telah menggugat dan menyerlahkan kewibawaan kuasa negatif bagi pihak Bugis tersebut.

Kesimpulannya, metafora perkembangan motor berupaya untuk mengungkapkan kekuasaan dan kewibawaan pihak-pihak tertentu menerusi leksikal yang berlingkungan dalam domain pergerakan manusia. Metafora perkembangan motor ini mempunyai dua matlamat penggunaannya dalam warkah, iaitu melibatkan kewibawaan kuasa positif dan kewibawaan kuasa negatif. Metafora perkembangan motor dan kewibawaan kuasa positif memerihalkan kekuasaan pihak tertentu melalui pengiktirafan kawasan pemerintahan dan kepimpinannya yang dapat memberikan keharmonian kepada pihak atau individu lain. Metafora perkembangan motor dan kewibawaan kuasa negatif pula membawa konotasi makna negatif kerana menimbulkan konflik kepada pihak tertentu daripada perkara yang diperkatakan.

5.2.2 Metafora Cinta

Metafora cinta memperlihatkan penggunaan leksikal untuk mengiaskan sesuatu konsep dengan unsur-unsur yang berlingkungan dalam perihal percintaan. Metafora cinta menjanakan leksikal yang pada dasarnya sebahagian daripada bidang psikologi manusia, iaitu tentang naluri atau perasaan kasih dan sayang seseorang kepada manusia, haiwan, sesuatu benda, dan perkara (Rozmi Ismail, 2011, p. 36). Konsep cinta juga sering kali digambarkan sebagai suatu perasaan yang membayangkan keindahan dalam sesebuah perhubungan. Suatu perasaan yang dapat mempertalikan makna kesetiaan, ketulusan, dan pertautan kasih sekali gus mempengaruhi kesan psikologi kepada individu tertentu. Jika ditinjau dalam konteks Islam, hubungan cinta merangkumi hubungan cinta sesama manusia, hubungan cinta dengan tuhan, dan hubungan cinta dengan persekitaran (Ahzami Samiun Jazuli, 2006, p. 45). Meskipun begitu, bukan semua hubungan cinta, terutama hubungan manusia dengan manusia hadir dalam bentuk keindahan semata-mata. Adakalanya pergolakan atau pengeseran hubungan juga berlaku.

Dalam konteks warkah sosial Melayu ini, metafora cinta dominan dalam komponen kata-kata pujian. Kewujudan metafora cinta dalam komponen tersebut menggambarkan bentuk pujian untuk membentuk hubungan dengan penerima warkah. Hal ini dikatakan demikian kerana kata-kata pujian melambangkan unsur kemesraan antara pengirim dan penerima warkah (Ab. Razak Ab. Karim, 2006, p. 27). Oleh itu, metafora cinta terbahagi kepada tiga tujuan utama, iaitu untuk memperlihatkan soal ketulusan hati dengan leksikal *putih hati*, *putih jernih*, dan *putih lagi jernih*. Kedua, metafora cinta untuk menggambarkan pertautan hubungan seperti leksikal *pertambatan*, *nafian berputusan*, dan *tiada bercerai*. Seterusnya, metafora cinta yang melahirkan tanggapan negatif seperti *bercerai* dan *penceraian* untuk menggambarkan pengeseran dalam hubungan dua hala antara pemeran terlibat. Contoh penggunaan

metafora-metafora cinta tersebut dapat ditelusuri menerusi petikan warkah yang terpapar di bawah ini:

1. Surat Sultan Abdul Jalil Khaliluddin dari Siak kepada Lord Minto pada 30 Mei 1811. (Lampiran O)

Warkat al-maujud dan wa hidayat al-mamdud maka dipesertakan di dalamnya tulus dan ikhlas serta suci **putih hati** selama²nya yang tiada berhingga...

2. Surat Susuhunan Ratu Hussain Diyauddin dari Palembang kepada Baron van der Capellen di Batavia pada 14 April 1823. (Lampiran Q)

Bahawa inilah warkat al-ikhlas wa tuhfah al-ikhtisas yang terbit daripada th-m-r-t al fuad al-zakiah yang **putih hati** lagi hening tiada menaruh lata dalamnya...

3. Surat Sultan Gandam Syah Muko-Muko kepada Syarikat Hindia Timur Inggeris (EIC) pada September 1733. (Lampiran C)

Surat tulus dan ikhlas serta tabik banyak² serta dengan **putih hati** jua adanya daripada tiap² malam dan siang tiada bermasa dan ketika...

4. Surat Sultan Ahmad dari Terengganu kepada Baron van der Cappellen di Batavia pada 19 Mac 1824. (Lampiran S)

Bahawa warkat al-wujud hidayat al mamdud yang terbit daripada fuad al-zakiah yang amat gilang-gemilang hingga **putih jernih** bercahaya yang tiada menaruh cemar dalamnya...

5. Surat Sultan Muhammad Fadl dari Sulu kepada Gabenor Hong Kong, Sir. John Francis David, 1845. (Lampiran U)

Dengan takrim tambahan oleh ikhlas tulus dari bab al-fuad yang amat **putih lagi jernih** sadhrah pun tiada mengandungkan sesuatu apa bekas keruh atau daki...

Pada asasnya, kewujudan warkah sosial sangat penting sebagai medium komunikasi yang sangat berpengaruh dalam usaha menjalinkan hubungan yang dapat menjamin kepentingan individu tertentu. Oleh sebab itu, penggunaan aspek leksikal amat dititikberatkan kerana hubungan itu merangkumi hal diplomatik, ekonomi, perdagangan, mahupun peribadi oleh pengirim warkah. Lantaran itu, penggunaan metafora cinta yang melambangkan ketulusan hati ialah strategi oleh pengirim warkah mengeksploitasikan kata untuk menimbulkan kesan figuratif dan emotif dalam perhubungan yang ingin direalisasikan. Hal ini selaras dengan pernyataan Ab. Razak Ab. Karim (2006, p. 107) bahawa bahasa yang digunakan dalam warkah Melayu adalah mesra dan sopan kerana melibatkan hubungan antara dua buah kerajaan. Menurutnya lagi, unsur tersebut dapat dilihat dalam kepala surat, kata-kata pujian, prapenutup, dan penutup, iaitu dengan penggunaan bentuk strategi komunikasi.

Dalam warkah pertama hingga kelima di atas, metafora cinta digambarkan oleh leksikal *putih hati*, *putih jernih*, dan *putih lagi jernih*. Metafora tersebut diungkapkan dalam komponen kata-kata pujian sebagai elemen pembuka komunikasi. Misalnya dalam warkah pertama hingga ketiga, metafora *putih hati* dimanfaatkan oleh Sultan Abdul Jalil, Ratu Hussain dan Sultan Gandam Syah untuk memperkatakan ketulusan dan keikhlasan hati baginda terhadap keseluruhan pembentukan dan perutusan surat. Ketulusan hati tersebut terserlah lagi apabila baginda menegaskan bahawa kandungan warkah-warkah yang dikarang tidak mengandungi sebarang prasangka. Pernyataan

metafora ini secara tidak langsung mewujudkan perhubungan yang harmoni dan penuh kasih sayang dengan penerimanya.

Hubungan dua hala yang diwujudkan pengirim untuk memperoleh manfaat tertentu dari sudut politik, ekonomi, perdagangan, mahupun peribadi diharapkan akan berkekalan dalam tempoh yang panjang. Hal ini dikatakan demikian kerana sesebuah hubungan harmoni yang erat antara dua pihak atau lebih mampu mempengaruhi kelangsungan individu atau sesebuah kerajaan untuk terus kekal relevan dan berpengaruh. Oleh itu, leksikal metafora cinta yang memperlihatkan sesuatu perhubungan berlangsung bagi tempoh yang panjang dapat diperihalkan oleh leksikal *pertambatan*, nafian *berputusan*, dan *tiada bercarai*. Contoh-contoh warkah di bawah memperlihatkan penggunaan leksikal tersebut untuk mewakili metafora cinta.

6. Surat Susuhunan Ratu Hussain Diyauddin dari Palembang kepada Baron van der Capellen di Batavia pada 14 April 1823.

(Lampiran Q)

Ke hadapan majlis seri paduka sahabat syaudara kita yang bangsawan menyatakan tulus dan ikhlas suci hati yang tiada berhijab selamanya akan jadi meneguhkan **pertambatan** berkasih-kasih yang tiada tamam...

7. Surat Sultan Mansur Riayat Syah dari Terengganu kepada Gurnadur, Francis Light pada 4 Februari 1792. (Lampiran K)

Dan lagi akan hal Tuan Jeneral pun jikalau ada kesukaan dan kerelaan, maka janganlah kiranya **berputusan** bersuruhan datang ke Terengganu berniaga berjual-beli sedikit²...

8. Surat Sultan Muhammad Fadl dari Sulu kepada Gabenor Hong Kong, Sir. John Francis David, 1845. (Lampiran U)
... Oleh karena dari dahulu kala sampai pada zaman sekarang ini akan Raja Suluk dengan Raja Inggeris tiada berputusan antarah keduanya bersaudarah dan **tiada bercarai** pada hal berharap-harapan...

Dalam warkah keenam di atas, leksikal *pertambahan* yang mendukung perihal makna sesuatu ikatan, pertalian, dan perkaitan (Kamus Dewan, 2005, p. 1586) telah dijana untuk menyerlahkan metafora cinta. Leksikal tersebut dikiaskan untuk menggambarkan harapan Ratu Hussain agar hubungan kasih dan persaudaraan baginda dengan Baron van der Capellen menjadi lebih teguh, terikat, dan erat sampai bila-bila. Di samping itu, pemerian hubungan dua hala yang erat antara pengirim dan penerima warkah juga dimanifestasikan dalam bentuk nafian, iaitu menerusi penggunaan frasa *janganlah berputusan dan tiada bercarai*.

Pada dasarnya, leksikal *berputusan* dan *bercarai* (bercerai) leksikal yang memberikan konotasi makna negatif dalam komitmen perhubungan cinta. Walau bagaimanapun, leksikal tersebut dipadankan dengan kata nafi sebelumnya sehingga dapat melahirkan metafora cinta yang menggambarkan perhubungan positif. Misalnya, kata *berputusan* dalam warkah ketujuh bermaksud sesuatu yang tidak berhubungan lagi, terpisah, dan tidak bersambung lagi (Kamus Dewan, 2005, p. 1259) berperanan sebagai metafora cinta. Metafora tersebut memerihalkan harapan Sultan Mansur agar Francis Light dan Inggeris tidak memutuskan hubungan diplomatik dan perdagangan yang sedia terjalin dengan Terengganu. Begitu juga dalam warkah kelapan apabila leksikal *bercarai* (bercerai) yang membawa maksud perpisahan atau terputusnya sesebuah pertalian perkahwinan (Kamus Dewan, 2005, p.269) diaplikasikan secara nafian oleh Sultan Muhammad Al-Fadl. Metafora tersebut ialah harapan baginda agar

hubungan persaudaraan yang telah lama termerai antara keturunan Raja Sulu dan Raja Inggeris tidak berputusan demi manfaat bersama.

Seterusnya, metafora cinta juga diaplikasikan oleh pengirim untuk menggambarkan tanggapan negatif yang membawa kesan pengeseran atau pergolakan dalam sesebuah hubungan cinta. Leksikal *bercerai* dan *penceraian* leksikal yang lazimnya difahami dan berlingkungan dalam hubungan perkahwinan. Leksikal dasarnya *cerai* bermakna perpisahan atau terputusnya hubungan pertalian cinta sebagai suami isteri. Dalam konteks munakahat Islam, perceraian berlaku apabila talak yang bermaksud pelepasan ikatan nikah dengan ucapan talak atau cerai telah dilakukan pihak suami (Kamus Dewan, 2005, p. 269). Secara psikologinya dalam hubungan perkahwinan, perceraian perkara sensitif dan membawa konotasi negatif terhadap institusi kekeluargaan. Hal ini dikatakan demikian kerana sesebuah ikatan perkahwinan dianggap gagal jika suatu pasangan melalui fasa perceraian. Penggunaan metafora cinta seumpama ini dapat dilihat dalam dua petikan warkah di bawah ini:

9. Surat Raja Kimaleha Salahak Abdul Khadir Ibn Syahbuddin di Ambon kepada Gabenor Syarikat Hindia Timur pada 23 Mei 1658.
(Lampiran A)

Maka sebab fitnah orang Walanda itu sebab membunuh orang Ingglis dari Ambon maka jadi **bercerailah** dengan sahabat kami.

... adapun sekarang ini fitnah orang Walanda juga, maka **bercerailah** dengan sahabat kami.

10. Surat Sultan Mansur Riayat Syah dari Terengganu kepada Gurnadur, Francis Light pada 4 Februari 1792. (Lampiran K)

Dan sebagai lagi seperti kita pun telah sampailah kepada Datu' kita Sultan Terengganu serta kita pun menyatakan segala pekerjaan dan **penceraian** kita dengan Kompeni Belanda...

Dapat diperhatikan dalam contoh-contoh di atas bahawa penerapan metafora cinta *bercerai* dan *penceraian* yang memanasikan bentuk hubungan negatif adalah untuk menggambarkan keretakan dan pengeseran hubungan politik. Sebagai contoh dalam warkah kesembilan, metafora *bercerai* digunakan untuk memerihalkan bahawa pengeseran dan terputusnya hubungan politik antara Raja Kimaleha dan pihak Inggeris disebabkan oleh fitnah Belanda yang berterusan. Fitnah itu telah memporak-perandakan hubungan baik antara dua kerajaan tersebut sekali gus membolehkan Belanda berkuasa di Ambon. Situasi yang sama juga dapat dilihat dalam warkah kesepuluh apabila kata *penceraian* dieksploitasikan maknanya oleh Sultan Mansur Syah. Leksikal tersebut memetaforakan pergolakan hubungan yang akhirnya menyebabkan terputusnya segala ikatan diplomatik baginda dengan kerajaan Belanda.

Rumusannya, metafora cinta ialah leksikal dalam domain percintaan yang bertujuan untuk menjelaskan sesuatu perkara yang berbangkit. Unsur percintaan yang merupakan sebahagian daripada bidang sosiologi semula jadi manusia digambarkan sebagai suatu perasaan yang dapat memberikan keindahan dalam perhubungan. Oleh itu, dalam warkah sosial Melayu ini, metafora cinta meliputi tiga tujuan utamanya, iaitu untuk mempamerkan ketulusan hati, menggambarkan pertautan, dan pengeseran dalam sesebuah perhubungan.

5.2.3 Metafora Pertanian

Metafora pertanian merupakan satu lagi pemanfaatan leksikal oleh pengirim warkah untuk memanipulasikan bentuk wacananya berdasarkan hubungan makna satu-banyak. Walaupun penjanaan metafora pertanian kurang dominan, namun metafora ini masih menggambarkan usaha pengarang mengaitkan sesuatu tindakan dengan keunggulan kepimpinan. Metafora pertanian memperlihatkan penggunaan leksikal yang berasosiasi dalam sektor berasaskan pertanian, khususnya bidang ternakan. Hal ini selari dengan pendapat Idris Aman (2006, p. 184) bahawa metafora pertanian ialah leksikal yang mengiaskan suatu konsep dalam domain pertanian, iaitu tentang tanaman atau ternakan.

Dalam konteks warkah sosial Melayu, metafora pertanian diwakili oleh penggunaan kata *memeliharakan* dan *bela pelihara*. Dari aspek makna biasa atau harfiah, leksikal-leksikal tersebut memerihalkan perlakuan tentang proses penjagaan yang rapi agar dapat mempertahankan ternakan dalam keadaan yang selamat dan baik. Kata *memelihara* dan *dipelihara* ialah leksikal daripada bidang ternakan yang digunakan dalam wacana untuk memerihalkan penjagaan yang baik (Idris Aman, 2006, p. 185). Namun begitu, perkara yang diperkatakan dalam warkah bukanlah melibatkan perkara dalam bidang ini. Hal ini dikatakan demikian kerana metafora pertanian tersebut dimanfaatkan oleh pengirim untuk membicarakan permintaan atau harapan peribadinya tentang sesuatu perkara yang melibatkan masalah individu yang diperkatakan. Penggunaannya dapat ditelusuri menerusi contoh petikan warkah di bawah ini:

1. Surat Engku Sayid Muhammad Zain al Kudsi dari Lingga kepada T. S. Raffles di Melaka pada 6 Januari 1811. (Lampiran M)

... barang disampaikan Tuhan seru sekalian alam apalah kiranya datang ke hadapan tahta manjlis yang mulia serta dengan kebesaran dan kemuliaan iaitu sahabat kita Seri Paduka Thomas Raffles Esquire yang jadi wakil Seri Paduka Gilbert Elliot Lord Minto... tambahan pula tabiatnya mengasihani serta mengasihani sekalian dagang santri dan fakir miskin serta **memeliharakan** barang yang muhtaj kepadanya sekalian sahabatnya yang gharib...

... dan kita lihat dengan mata kepala kita dari hal saudara kita tengku Pengiran terlalu belas kasihan kasih sayang sahabat kita serta **bela pelihara** akan dia dengan menolongi sekalian hal ehwalnya...

Dari hal kita pun sebolehnya barang hal ehwal kita di Lingga harap kita akan **bela pelihara** sahabat kita juga sebolehnya kita harap belas kasihan akan kita...

Penggunaan metafora *memeliharakan* dalam maklumat pertama dalam warkah di atas dimanfaatkan oleh Engku Sayid untuk menggambarkan bentuk keistimewaan kuasa dan kedudukan sosial Raffles. Oleh itu, metafora pertanian *memeliharakan* merupakan bentuk kiasan yang disandarkan Engku Sayid tentang sifat keperibadian Raffles yang sentiasa mengasihani perantau dan fakir miskin serta menjaga keselamatan para sahabatnya. Hal ini dapat dibuktikan menerusi penulisan kata-kata pujian yang panjang sekali gus mengakui dan mengiktirafkan kewibawaan kuasa yang dimiliki Raffles pada masa itu.

Sebagai seorang individu yang memiliki nilai kemanusiaan, sememangnya perihal tentang kebajikan, kemakmuran, dan keharmonian individu lain menjadi keutamaan Engku Sayid dalam proses kepimpinan. Keharmonian itu merangkumi berbagai-bagai tindakan yang boleh mendatangkan rasa selamat bagi seseorang, termasuklah kemandirian diri daripada kesempitan hidup. Kebajikan rakyat yang terjaga mencerminkan pemerintahan yang adil sekali gus membawa imej yang baik kepada institusi beraja. Situasi tersebut digambarkan oleh Engku Sayid menerusi penggunaan metafora pertanian ternakan *bela pelihara* dalam maklumat kedua di atas. Engku Sayid dari Lingga selaku kerabat diraja di bawah pemerintahan Sultan Mahmud telah mengutuskan warkah kepada Raffles untuk mendapatkan jasa baik beliau supaya dapat membantu saudaranya, Tengku Pengiran, dalam segenap perkara. Oleh itu, penggunaan metafora *bela pelihara* menyerlahkan bahawa beliau mengharapkan penjagaan rapi dan perhatian terhadap Tengku Pengiran yang sedang mengalami kesusahan hidup. Perkara yang sama juga diperkatakan oleh Engku Sayid dalam maklumat ketiga apabila beliau sendiri menggunakan metafora *bela pelihara* untuk menuntut penjagaan daripada Raffles terhadap dirinya sepanjang mendiami kawasan Lingga.

Pemanfaatan metafora pertanian menggambarkan usaha penulis mengaitkan sesuatu tindakan dengan keunggulan kepimpinan sesebuah kerajaan. Metafora pertanian memperlihatkan penggunaan leksikal yang berasosiasi dalam sektor berasaskan pertanian, khususnya bidang ternakan. Metafora ini membicarakan harapan peribadi pengirim warkah tentang sesuatu perkara yang melibatkan kebajikan dan keharmonian orang yang diperkatakan.

5.2.4 Metafora Nasib

Metafora nasib turut dikenal pasti sebagai satu daripada metafora-metafora yang telah dimanfaatkan dalam warkah sosial Melayu. Metafora ini digambarkan oleh penggunaan beberapa leksikal secara umum untuk memerihalkan keadaan yang ditentukan akan berlaku dan menimpa seseorang atau sesuatu. Leksikal tersebut merangkumi leksikal yang berkolokasi dalam domain ekonomi, persekitaran, dan kesihatan. Oleh itu, penulis warkah berjaya menimbulkan bentuk kiasan yang dapat dipertalikan dengan makluman atau permintaan yang melibatkan kemandirian diri dan proses kepimpinannya.

Pendek kata, dalam warkah Melayu ini, metafora nasib merupakan satu bentuk pengharapan oleh pengirim yang lazimnya dihubungkan dengan kekuasaan Tuhan untuk menentukan nasib hamba-Nya. Hal ini juga bermakna bahawa pengirim warkah seolah-olah mengimpikan keberuntungan sentiasa ada untuk menjalani proses kehidupan. Pemanfaatan leksikal nasib seperti *untung*, *sejuk*, dan *sakit* merupakan pengeksploitan atau penjanaan leksikal untuk menimbulkan kesan stilistik yang dapat memberikan kelangsungan tarikan terhadap wacananya. Yang berikut dipaparkan pengaplikasian metafora nasib dalam petikan warkah sosial Melayu.

1. Surat Raja Kimaleha Salahak Abdul Khadir Ibn Syahbuddin di Ambon kepada Gabenor Syarikat Hindia Timur pada 23 Mei 1658. (Lampiran A)

Maka sekarang ini negeri kami punya orang Walanda, maka kita pun hendak dibunuh atau ditangkap. Adapun kita itu b-l-m Allah taala beri **untung** kepada kita mati atau ditangkap.

2. Surat Sultan Syarif Kasim dari Pontianak kepada T. S. Raffles di Melaka pada 22 Mac 1811. (Lampiran N)

... maka dipohonkan atasnya sihat dan afiat serta beroleh selamat umur panjang dengan **untung** yang baik jua danya...

3. Surat Sultan Gandam Syah Muko-Muko kepada Syarikat Hindia Timur Inggeris (EIC) pada September 1733. (Lampiran C)

... masyhurlah adil murah Kompeni pada tiap² negeri dan bandar yang besar² dan adalah segala hamba Allah itu menerima **seju'** dan kenaungan dan kesentosyahan...

4. Surat Sultan Mansur Riayat Syah dari Terengganu kepada Gurnadur, Francis Light pada 4 Februari 1792. (Lampiran K)

... anak kita hendaklah mendengar²kan khabar negeri Terengganu ini kerana kita dahulu Allah bada Rasulnya, telah sangatlah harap kita akan penolong anak kita pada barang sesuatu **kesakitan** negeri Terengganu ini...

Apabila memperkatakan leksikal *untung* dalam konteks hari ini, umum mengetahui bahawa leksikal tersebut berkait rapat dalam konteks atau laras ekonomi. Leksikal *untung* berlaku atau diperoleh daripada perbezaan jumlah hasil dan jumlah kos (Robert, S. P. & Daniel, L. R., 2005, p. 284). Dalam erti kata yang mudah, untung mendukung makna hasil pendapatan atau perolehan daripada sesuatu kegiatan, khususnya perniagaan dan perusahaan. Dalam wacana warkah sosial Melayu, leksikal *untung* dimanipulasikan oleh pengirim sebagai metafora untuk memerihalkan sesuatu keadaan keberuntungan atau ketentuan yang akan menimpa sesuatu pihak sama ada melibatkan kepentingan politik atau peribadi. Misalnya dalam warkah pertama, metafora nasib *untung* digunakan oleh Raja Kimaleha untuk memaklumkan kerisauan

baginda tentang survival politiknya yang terancam lantaran negeri Ambon di bawah taklukan Belanda. Hanya dengan pertolongan daripada Allah yang diharapkan untuk menentukan nasib baginda. Warkah kedua juga menunjukkan pemanfaatan metafora nasib *untung* untuk memerihalkan harapan Sultan Syarif Kasim agar tuhan dapat memberikan perlindungan dan ketentuan nasib yang baik ke atas Raffles.

Perbincangan tentang metafora nasib diteruskan dengan penggunaan leksikal *seju*' dan *kesakitan* yang mengiaskan sesuatu konsep dengan perihal ketentuan keadaan yang akan berlaku kepada seseorang. Misalnya, leksikal *seju*' (sejuk) berlingkungan dalam domain suhu persekitaran, iaitu keadaan yang memperlihatkan rasa dingin, tidak panas atau hangat dan rendah suhunya sekali gus boleh mendatangkan rasa segar dan nyaman (Glosari Sains Kesihatan, 2003, p. 35). Walau bagaimanapun, dalam petikan warkah ketiga, leksikal ini telah diaplikasikan oleh Sultan Gandam Syah untuk memperkatakan nasib yang baik, tenteram, dan tenang akan diterima oleh rakyat di Muko-Muko atas sifat kemurahan hati dan keadilan pemerintahan pihak Inggeris. Penggunaan metafora ini, khususnya dalam komponen kata-kata pujian secara tidak langsung mempengaruhi kelangsungan tarikan terhadap kandungan wacana oleh pihak Inggeris.

Di samping itu, metafora *kesakitan* yang lazimnya diterapkan dalam bidang farmasi adalah untuk menggambarkan keadaan ketidakselesaan atau penderitaan deria akibat daripada proses perengsaan, saraf sensori, terutamanya deria sakit (Glosari Sains Kesihatan, 2003, p. 106). Leksikal tersebut telah disandarkan bersama-sama dengan frasa nama *negeri Terengganu* sebagai unsur stilistik oleh baginda dalam wacana warkah keempat di atas. Metafora ini bertujuan untuk memerihalkan harapan Sultan

Mansur kepada Francis Light agar dapat mengambil berat tentang sebarang kesulitan, kesusahan atau kepincangan yang dialami negeri Terengganu

Kesimpulannya, metafora yang tersemat dalam warkah Melayu memperlihatkan pentafsiran kata yang mempengaruhi gaya bahasa oleh para pengirimnya. Pemilihan sesuatu kata tertentu secara tidak langsung membayangkan berbagai-bagai maksud yang memerlukan pentafsirannya lantaran tradisi kata tersebut dileksikalisasikan dalam wacana lain. Secara tersiratnya pula, metafora menyatakan tujuan analitikal dan menstrukturkan sistem pengetahuan dan kepercayaan terhadap perkara yang ingin digagaskan. Kebanyakan metafora dalam warkah daripada metafora yang telah dileksikalisasikan. Namun, metafora-metafora tersebut menjadi domain asas bagi pengirim untuk mengkonsepsikan pernyataan yang berlingkungan dengan aspek politik, ekonomi, perdagangan, dan peribadi.

Kajian ini mendapati bahawa unsur metafora yang ditemukan ialah metafora perkembangan motor, metafora cinta, metafora pertanian, dan metafora nasib. Metafora-metafora ini hasil daripada hubungan yang direalisasikan, digandingkan, dan dikembangkan dalam hubungan konteks yang nyata. Pemaparan bahasa figuratif oleh metafora tersebut dapat menghasilkan dan menjelaskan sesuatu perkara, di samping sebagai penegasan imaginatif kepada sasarannya. Sebarang pengkonsepsian metafora yang berlaku pada asasnya bukanlah bersifat arbitrari, namun digarap dengan mengambil kira keterikatan budaya dan matlamat yang dibawanya. Seperti yang dipertegas oleh Faiclough (1992, p. 195) bahawa sesetengah metafora hadir secara semula jadi dalam budaya khusus. Penerapannya berlaku secara kompleks supaya perhatian dalam wacana, pemikiran, dan lakuannya dapat digambarkan oleh metafora.

5.3 Rumusan

Penggemblengan aspek nahu modaliti dan metafora yang terangkum dalam kajian leksikal berupaya untuk menyerlahkan gagasan pengirim terhadap sebarang pernyataannya. Pengaplikasian nahu modaliti menghubungkan bentuk sikap pengirim atau pemeran terlibat terhadap hubungan sosial yang ingin diwujudkan meliputi aspek politik, ekonomi, perdagangan, dan peribadi. Modaliti memperlihatkan cara pengirim mengekspresikan sikap terhadap sesuatu yang dibangkitkan dalam kandungan, iaitu kehendak (*hendak* dan *mahu*), keupayaan atau keizinan (*boleh* dan *dapat*), kepatutannya (*patut*), kemungkinan (*mungkin*) atau kemestian (*mesti*). Fungsinya sebagai perintah dan informasi daripada pengirim kepada sasarannya membangkitkan sikap pengirim terhadap ujaran yang dilontarkannya atau menggambarkan cara sebenar interaksi antara pihak yang berkenaan.

Penggunaan modaliti perintah sebagai usulan digambarkan oleh modaliti *hendak*, *boleh*, dan *patut*. Modaliti perintah menyerlahkan ekspresi sikap pengirim semasa menghasilkan sesuatu ujaran usulan yang perlu disambut dengan tindakan susulan oleh penerima sebagai respons terhadapnya. Modaliti perintahnya pula berasaskan bentuk permintaan, iaitu ujaran yang mendorong permintaan oleh penerima atau pihak lain yang berkaitan dengan kelangsungan warkah. Modaliti ini dapat menginterpretasikan kewujudan bentuk-bentuk hubungan seiring dengan ujaran perintah yang bertunjangkan permintaan dengan mengambil kira kedudukan atau kuasa antara pemeran terlibat.

Kehadiran modaliti *hendak* menggambarkan keadaan pengirim memerlukan penerima melakukan tindakan susulan. *Hendak* menuntut komitmen atau obligasi, iaitu penerima atau sasaran perlu menunaikan tanggungjawab seperti yang diujarkan pengirimnya. Hubungan yang dihasilkan pula lebih kepada hubungan separa formal dan

formal. Seterusnya, modaliti *boleh* dan variasi bentuknya menghuraikan pernyataan pengirim tentang permintaan berdasarkan keadaan keupayaan atau keizinan yang disandarkan kepada penerima warkah untuk merealisasikannya. *Boleh* memperlihatkan obligasi yang perlu diraih oleh pengirim ataupun penerima dan hubungan tercetus meliputi keformalan yang lebih besar. Modaliti *patut* pula untuk menggambarkan permintaan obligasi yang menjurus sikap atau tanggapan pengirim tentang kepututan pernyataan yang dibuat. Modaliti *patut* membayangkan keformalan tetapi masih menunjukkan toleransi, kerjasama, dan berhati-hati pengirim semasa mengutarakan permintaan kepada sasaran.

Modaliti informasi pula bentuk ekspresi yang menjurus makna ujaran bersifat keterangan, pemakluman, dan maklumat. Modaliti informasi hanyalah pemberitahuan, iaitu tidak memerlukan penerima melakukan sebarang tindakan susulan terhadap pernyataan. Penggunaannya sebagai pemakluman bagi khalayak semata-mata, iaitu menyalurkan maklumat yang membayangkan makna pengetahuan (*hendak* dan *mahu*), keupayaan (*boleh* dan *dapat*), dan keizinan (*boleh*). Modaliti informasi pengetahuan *hendak* dan *mahu* memaklumkan penerima warkah tentang makluman yang dibangkitkan serta menyatakan sikap daripada tindakan yang lahir daripada dirinya sendiri, penerima, dan pihak ketiga. Modaliti informasi keupayaan *boleh* dan *dapat* pula menggambarkan sikap tentang keupayaan pihak-pihak tertentu melakukan sesuatu tindakan. Komponen *boleh* yang juga menyerlahkan pendirian pengirim terhadap informasi keizinan menggambarkan kekuasaan pengirim membuat persetujuan tentang perkara yang melibatkan kepentingan pihak-pihak tertentu.

Kecenderungan penerapan elemen metafora dalam warkah sosial Melayu pula menyerlahkan tanggapan bahawa sesuatu perkataan berupaya untuk mewakili banyak makna daripada makna harfiahnya. Dalam erti kata yang lain, metafora mekanisme yang mempengaruhi penerima memahami konseptual dalam suatu domain berdasarkan konseptual domain lain. Kaedah ini sebagai pemanipulasian penggunaan kata untuk menyerlahkan ketertarikan warkah yang diutuskan. Penggunaannya juga secara tidak langsung membayangkan fungsi kognitif bahasa, iaitu konsep teras bagi pengirim menyerlahkan kemahiran berbahasa berdasarkan makna terhadap bahasa itu. Hal ini bermaksud metafora sumber untuk mengutarakan konseptual sesuatu kata tentang keperihalan maklumat yang terkandung dalam warkah tersebut.

Dalam kajian wacana warkah ini, pengaplikasian metafora melibatkan metafora perkembangan motor, metafora cinta, metafora pertanian, dan metafora nasib. Metafora tersebut menyerlahkan gaya pengirim mengimplementasikan sebarang pernyataannya. Misalnya, metafora perkembangan motor dapat mengungkapkan kekuasaan, kewibawaan, dan kepimpinan pihak tertentu menerusi leksikal yang berlingkungan domain pergerakan manusia seperti *duduk*, *dudu'lah*, *memegang*, *memegangkan*, *pegang*, *genggaman*, *memukul*, *dipukul*, *merusakkan*, *dirusakkan*, *melanggar*, dan *dilanggar*. Leksikal-leksikal tersebut pula mewakili metafora lakuan positif dan negatif. Metafora perkembangan motor dan kewibawaan kuasa positif memerihalkan keistimewaan kuasa pihak tertentu dapat memberikan keharmonian secara kolektif. Metafora perkembangan motor dan kewibawaan kuasa negatif pula membayangkan keputusan oleh sesuatu pihak memberikan impak negatif yang menggugat kewibawaan dan kemandirian kuasa politik pihak lain.

Metafora cinta pula mengiaskan sesuatu konsep dengan unsur-unsur dalam domain percintaan yang merupakan sebahagian daripada bidang sosiologi manusia. Leksikal ini menjelmakan keindahan dalam sesebuah perhubungan tentang makna kesetiaan, ketulusan, dan pertautan kasih. Oleh itu, pengungkapan konsep bagi hubungan ini dimanifestasikan menerusi leksikal *putih hati*, *putih jernih* dan *putih lagi jernih*, *pertambatan*, nafian *berputusan* dan *tiada bercerai* dan leksikal *bercerai* dan *penceraian*. Warkah ialah medium menjalinkan hubungan yang dapat menjamin kepentingan individu tertentu. Oleh itu, kebijaksanaan penggunaan leksikal oleh pengirim dituntut lantaran hubungan yang ingin dibina melibatkan kepentingan diplomatik, ekonomi, dan perdagangan. Misalnya, penggunaan metafora cinta ketulusan hati ialah strategi pengirim warkah mengeksploitasikan kata untuk menimbulkan kesan emotif dalam perhubungan. Metafora cinta yang menggambarkan tanggapan negatif pula memperlihatkan pengeseran atau pergolakan yang boleh menjejaskan sesebuah perhubungan politik.

Pemanfaatan metafora pertanian juga usaha pengirim warkah memanipulasikan wacana untuk mengaitkan sesuatu tindakan dengan keunggulan kepimpinan. Metafora pertanian memperlihatkan penggunaan leksikal dalam sektor pertanian, terutama bidang ternakan. Metafora pertanian membicarakan permintaan atau harapan pengirim tentang perkara yang melibatkan maslahat individu yang diperkatakan. Pemerihaln keadaan yang telah ditentukan akan berlaku kepada seseorang digambarkan menerusi penjanaan metafora nasib. Metafora nasib melahirkan kiasan yang dapat dipertalikan dengan permintaan dan pengharapan yang melibatkan kemandirian diri dan proses kepimpinan politik. Lazimnya, leksikal tersebut dihubungkan dengan kekuasaan Tuhan untuk menentukan nasib hamba-Nya. Misalnya, leksikal *untung*, *sejuk*, dan *sakit* adalah

untuk mengiaskan sesuatu keadaan keberuntungan atau ketentuan yang akan menimpa sesuatu pihak melibatkan kepentingan politik atau peribadi.

Secara umumnya, nahu modaliti bersifat multifungsi lantaran aspek tersebut merupakan kombinasi daripada fungsi ideasional, interpersonal, dan tekstual yang dapat menyerlahkan kewibawaan autoriti seseorang pengirim warkah. Hal ini dikatakan demikian kerana sikap modaliti itu akan diinterpretasikan dengan darjah hubungan sosial antara pengirim dan penerima warkah sekali gus mempengaruhi kelangsungan wacana. Sebaliknya, analisis leksikalisasi metafora pula memperlihatkan teks yang berbeza menerapkan leksikal yang bervariasi menerusi lonjakan fikiran daripada satu domain kepada domain yang lain. Metafora yang mempunyai signifikan ideologikal atau konsepsi yang membentuk penilaian pengirim warkah tentang sesuatu situasi mengambil tempat dan fungsi sendiri dalam struktur leksikalisasi.

BAB 6

PENUTUP

6.0 Pengenalan

Bab ini merupakan bab terakhir dalam kupasan kajian ini. Bab penutup ini mengemukakan rumusan daripada keseluruhan kajian yang telah dijalankan. Daripada bab ini akan dinyatakan kesimpulan keseluruhan hasil kajian dengan berpandukan permasalahan dan objektif kajian yang berbangkit. Di samping itu, kajian ini juga akan menyatakan beberapa cadangan atau saranan yang mungkin sedikit sebanyak dapat membantu pihak tertentu bagi kajian lanjutan. Kajian berorientasikan wacana atau warkah Melayu dengan variasi pendekatan secara tidak langsung menjadi nilai tambah kepada kajian sains sosial yang merangkumi kajian linguistik, sosiobudaya, sejarah, ekonomi, falsafah, peradaban, dan sebagainya.

6.1 Rumusan

Warkah-warkah sosial Melayu satu dokumentasi perhubungan penting bagi masyarakat Melayu yang berlingkungan dalam masyarakat tempatan ataupun dengan pihak asing. Ketinggian peradaban dan peranannya berupaya untuk merakamkan segala peristiwa komunikatif yang berlaku dalam masyarakat Melayu terdahulu. Segala perihal tentang sosiopolitik, diplomatik, sosial, ekonomi, dan perdagangan secara tidak langsung mempengaruhi perkembangan tamadun, kebudayaan, dan falsafah masyarakat Melayu dan negara hari ini.

Warkah sosial Melayu sebagai khazanah bangsa yang memperlihatkan ketinggian pemikiran bangsa Melayu menjalinkan karangan yang berstruktur sekali gus mencerminkan ketamadunan mereka. Kewujudan warkah Melayu pada asasnya bergerak seiring dengan perkembangan penggunaan bahasa Melayu tinggi dalam situasi rasmi yang terkarang dalamnya. Keadaan ini dapat menggambarkan bahawa masyarakat Melayu lampau telah berupaya untuk menghasilkan wacana yang tersendiri sebagai medium komunikasi. Oleh itu, dari aspek pengajian bahasa, Ab. Razak Ab. Karim (2006, p. 117) mengklasifikasikan warkah Melayu sebagai suatu genre yang tersendiri berdasarkan teknik, bentuk, dan kandungannya.

Oleh hal yang demikian, kupasan tentang cara pemanfaatan sebenar bahasa atau tujuan penghasilan amalan wacana dalam warkah Melayu telah diperlihatkan. Huraian tentang persoalan bahasa pada aras tekstual daripada pendekatan Konseptual Wacana Tiga Dimensi oleh Fairclough (1992) menumpukan sepenuhnya terhadap aspek pemerihalan teks seperti struktur teks, kohesi, nahu, dan leksikalisasi. Daripada 21 pucuk warkah sosial sekitar abad ke-17 hingga abad ke-19, kajian mendapati bahawa analisis dimensi tekstual berupaya untuk memerihalkan pembentukan dan makna teks yang dapat memanipulasi dan mempengaruhi tindakan khalayak terhadap kandungan warkah yang diutuskan.

Analisis terhadap struktur bentuk warkah sosial Melayu penting kerana berupaya untuk memerihalkan pengorganisasian sesebuah wacana. Dengan menganalisis struktur tersebut, tahap interpretasi penghasilan dan sifat wacana dapat ditelusuri sekali gus membayangkan hala tuju atau panduan penulisan warkah sosial. Kebanyakan daripada warkah kajian memperlihatkan keseragaman strukturnya dengan berpandukan enam komponen umum oleh pengirim warkah. Hal ini secara tidak langsung mentafsirkan

bahawa terdapat enam perkara utama sebagai inti pati dalam wacana warkah sosial tersebut. Lantaran itu, struktur sebahagian besar wacana warkah sosial ini memperlihatkan susunannya secara menegak (hierarki) seperti yang berikut:

1. Kepala surat
2. Cap
3. Kata-kata Pujian
4. Kandungan
5. Prapenutup
6. Penutup

Susun atur menegak tersebut menentukan kehadiran komponen yang mendahului dan komponen yang mengikuti dalam kebanyakan warkah sosial. Hal ini bermaksud setiap komponen struktur warkah sosial tersebut melibatkan beberapa proses yang bermula daripada proses pertama, proses kedua hinggalah proses terakhir. Sehubungan dengan itu, warkah sosial Melayu kajian memperlihatkan kepala surat sebagai proses yang pertama seterusnya diikuti oleh penggunaan cap sebagai proses kedua. Proses berikutnya pula ialah pengaplikasian kata-kata pujian. Seterusnya, proses keempat proses menulis kandungan warkah. Proses kelima melibatkan prapenutup, dan proses terakhir ialah penutup. Proses-proses tersebut pada asasnya ada perkaitan antara satu sama lain untuk menandakan wujudnya kesatuan yang dikenali sebagai genre.

Walaupun begitu, kewujudan variasi struktur daripada struktur umum dalam beberapa warkah kajian memperlihatkan bahawa penurunan komponen tersebut bukanlah bersifat mutlak. Panduan tersebut boleh diabaikan kerana beberapa faktor sosiobudaya seperti pemeran yang terlibat, status sosial antara pemeran dan kandungan

yang diperkatakan. Oleh itu, wujudlah kelainan seperti warkah tanpa kepala surat, warkah tanpa cap, warkah tanpa kata-kata pujian, kandungan prapenutup di luar acuan komponen, warkah tanpa prapenutup dan penggunaan tandatangan dalam warkah. Meskipun begitu, struktur warkah sosial kajian masih dapat menggambarkan bahawa masyarakat Melayu sangat menitikberatkan prosedur sistematik bagi pemerihaln wacana mereka pada waktu itu.

Penerapan setiap struktur wacana menitikberatkan kehadiran kendala sosial antara pengirim dan penerima warkah. Misalnya, pemilihan kepala surat sangat bergantung pada tujuan dan hubungan sosial antara pengirim dengan penerima warkah. Kepala surat dengan ungkapan nama-nama tuhan dan metafora kepada pegawai Barat memperlihatkan usaha oleh golongan Melayu, khususnya sultan atau raja membezakan taraf sosialnya. Kedudukan kepala surat juga membawa konotasi tertentu yang berkait rapat dengan hubungan sosial antara pemeran yang terlibat. Penggunaan cap juga membayangkan status dan ketinggian kuasa pengirimnya selain membezakan mereka daripada golongan lain. Hal ini dikatakan demikian kerana pemilikan cap bukanlah sewenang-wenangnya. Hanya golongan teratas seperti sultan, para pembesar, kerabat, saudagar, dan pegawai asing yang berhak memiliki cap sebagai tanda persetujuan dan pengesahan terhadap warkah.

Pengaplikasian kata-kata pujian pula sebagai strategi komunikasi oleh pengirim. Penggunaannya secara panjang atau ringkas mengambil kira latar belakang pemeran dan bentuk hubungan yang ingin dihasilkan. Struktur kandungan warkah juga menitikberatkan soal hubungan antara pengirim dengan penerima warkah. Warkah yang memperkatakan hal politik, ekonomi, perdagangan serta hal-hal peribadi ialah hasil daripada hubungan sedia ada atau hubungan baharu yang ingin diwujudkan. Misalnya,

kandungan peribadi lazimnya berkait rapat dengan hubungan erat antara pemeran. Prapenutup pula sebagai tanda kemesraan dan penghormatan tinggi daripada pengirimnya sebelum mengakhiri wacananya. Sebaliknya, struktur penutup yang terhasil daripada tindakan performatif penamat dan frasa khusus bertindak untuk mengakhiri komunikasi warkah.

Persoalan tentang struktur, makna, dan hubungan antara unsur bahasa wacana diperlihatkan daripada peranan kohesi. Analisis kohesi membentuk kesinambungan sesuatu klausa dan ayat sehingga menjadi teks yang lebih besar. Kajian kohesi terhadap warkah sosial Melayu dengan pendekatan Halliday & Hasan (1976) mendapati kesinambungan hubungan antara kata, klausa, dan ayat berlaku dalam berbagai-bagai cara sehingga melahirkan teks yang padu. Antaranya, menerusi kohesi rujukan, penggantian, elipsis, penghubung, pernyataan semula, dan kolokasi. Kesemua elemen kohesi ini mewujudkan pertalian dalam teks untuk menimbulkan kesatuan idea dan fikiran penerima warkah.

Misalnya, kohesi rujukan peribadi dan rujukan penunjuk mewujudkan kesatuan fikiran dan pemahaman terhadap rujukan aspek lain yang boleh mendukung konsep asalnya. Penggunaan kohesi rujukan menjadikan teks saling berpautan, berkaitan, dan menunjukkan kesatuan idea dan makna daripada pengirim. Kohesi penggantian pula mewakili kesamaan semantik dengan unsur yang diperkatakan sebelumnya secara nominal, verbal, dan klausa. Elipsis pula mewakili persamaan asas-asas hubungan antara bahagian teks, iaitu keserasian hubungan antara perkataan, golongan ataupun klausa. Meskipun begitu, kehilangan unsur tersebut dalam maklumat telah menghadkan penggunaannya kerana boleh mengganggu kebolehcapaian makna.

Seterusnya, kepelbagaian kandungan warkah yang memperkatakan banyak perkara digalurkan atau dijalinan oleh kohesi penghubung. Kohesi ini menyatukan unit-unit linguistik lain, iaitu menghuraikan hubungan antara klausa, ayat, dan semantik untuk mewujudkan kesinambungan maklumat antara konteks melalui perkaitan tambahan, pertentangan, sebab musabab, dan tempoh. Kesinambungan teks wacana warkah juga dicapai oleh kohesi leksikal menerusi unsur pernyataan semula dan kolokasi. Pernyataan semula merujuk unit leksikal dengan pengulangan unsur yang sama, pengulangan sinonim atau hampir sinonim, dan pengulangan superordinat. Sebaliknya, unsur kolokasi pula memerihalkan hubungan semantik antara item leksikal yang hadir secara bersama atau memiliki rujukan makna yang berkaitan. Kolokasi memanfaatkan leksikal sebagai perkaitan dengan sesuatu idea, topik, situasi, dan konteks komunikasi yang ingin dibangkitkan pengirim.

Tumpuan aspek nahu modaliti dan leksikalisasi metafora berupaya untuk menyerlahkan gagasan pengirim terhadap sebarang pernyataannya. Misalnya, nahu modaliti menghubungkan bentuk sikap pengirim atau pemeran terhadap hubungan sosial yang ingin dihasilkan. Modaliti memperlihatkan cara pengirim warkah mengekspresikan sikapnya terhadap sesuatu perkara yang dibangkitkan merangkumi sikap kehendak (*hendak* dan *mahu*), keupayaan atau keizinan (*boleh* dan *dapat*), kepatutannya (*patut*), kemungkinan (*mungkin*) atau kemestian (*mesti*). Fungsi pengaplikasiannya sebagai perintah dan informasi membangkitkan sikap pengirim terhadap ujaran yang dilontarkannya.

Penggunaan modaliti perintah digambarkan oleh modaliti *hendak*, *boleh*, dan *patut*. Modaliti perintah menyerlahkan ekspresi sikap pengirim semasa menghasilkan sesuatu ujaran usulan. Usulan tersebut perlu disambut dengan tindakan susulan oleh

penerima sebagai respons terhadapnya. Modaliti ini menginterpretasikan kewujudan bentuk-bentuk hubungan seiring dengan ujaran perintah yang bertunjangkan permintaan dengan mengambil kira kedudukan atau kuasa antara pemeran terlibat. Modaliti informasi mengekspresikan ujaran makna yang bersifat keterangan, makluman, dan maklumat. Modaliti informasi hanyalah satu pemberitahuan yang tidak memerlukan penerima melakukan sebarang tindakan susulan terhadap pernyataan tersebut. Pengaplikasiannya untuk memaklumkan sasaran tentang maklumat yang membawa makna pengetahuan (*hendak* dan *mahu*), keupayaan (*boleh* dan *dapat*), dan keizinan (*boleh*).

Kecenderungan penerapan elemen metafora dalam warkah sosial Melayu menyerlahkan tanggapan bahawa sesuatu perkataan dapat mewakili banyak makna daripada makna literalnya. Metafora mekanisme yang mempengaruhi penerima memahami konseptual daripada lonjakan satu domain kepada domain yang lain. Pemanipulasian penggunaan leksikal ini menyerlahkan ketertarikan terhadap warkah yang diutuskan. Metafora menjadi sumber untuk pengutaraan konseptual sesuatu kata tentang keperihalan maklumat yang terkandung dalam warkah tersebut.

Dalam kajian wacana warkah ini, pengaplikasian metafora melibatkan metafora perkembangan motor, metafora cinta, metafora pertanian, dan metafora nasib. Metafora-metafora tersebut menyerlahkan gaya pengirim mengimplementasikan pernyataannya. Misalnya, metafora perkembangan motor mengungkapkan kekuasaan, kewibawaan, dan kepimpinan pihak terbabit daripada leksikal yang berlingkungan dengan domain pergerakan manusia. Metafora cinta pula mengiaskan sesuatu konsep dengan unsur-unsur dalam domain percintaan yang merupakan sebahagian daripada bidang sosiologi manusia. Leksikal ini menjelmakan rasa keindahan dalam perhubungan dengan

memanifestasikan makna kesetiaan, ketulusan, dan pertautan kasih. Sebagai contoh, penerapan metafora cinta ketulusan hati ialah strategi pengirim warkah menimbulkan kesan emotif dalam hubungan politik, ekonomi mahupun peribadi.

Metafora pertanian pula memperlihatkan penggunaan leksikal dalam sektor pertanian, khususnya dalam sektor ternakan. Metafora pertanian dimanfaatkan untuk membicarakan permintaan atau harapan pengirim tentang perkara yang melibatkan kepentingan individu yang diperkatakan. Seterusnya, penjanaan metafora nasib pula dapat memerihalkan sesuatu keadaan yang ditentukan akan berlaku kepada seseorang. Metafora nasib melahirkan kiasan yang dapat dipertalikan dengan permintaan dan pengharapan yang melibatkan kemandirian diri dan proses kepimpinan politik. Lazimnya, leksikal-leksikal tersebut dihubungkan dengan kekuasaan Tuhan untuk menentukan kelangsungan nasib hamba-Nya.

6.2 Cadangan

Kajian analisis wacana ini ialah satu daripada kajian wacana yang pernah dijalankan oleh pengkaji-pengkaji lain berdasarkan keistimewaan yang ditonjolkan. Perkembangan pengajian wacana bahasa Melayu yang semakin mendapat perhatian dalam kalangan peneliti bahasa memungkinan bahawa perlunya kajian lanjutan yang lebih mendalam.

Kajian ini pada dasarnya mengaplikasikan pendekatan wacana kritis oleh Fairclough (1992). Namun, kajian ini dianggap wacana bukan kritis lantaran tidak mengambil kira faktor sosial dalam wacana yang dihasilkan. Tambahan pula, kajian ini hanya menfokuskan dimensi tekstual tertentu seperti struktur teks, kohesi, nahu modaliti, dan leksikalisasi metafora bagi penghuraian sifat teks wacana. Oleh itu, masih terdapat kelompangan melibatkan dua lagi rangkaian dimensi, iaitu amalan wacana dan

praktis sosial. Oleh sebab itu, untuk melihat proses sosial yang tersemat dalam warkah sosial secara menyeluruh, kajian lanjutan haruslah melibatkan kesemua dimensi yang dianjurkan oleh Fairclough. Hal ini disokong oleh sifat warkah sebagai peristiwa bahasa terancang yang menghasilkan bentuk hubungan sosial yang diinginkan. Selain itu, kajian wacana yang berorientasikan makro atau mikro dengan pendekatan yang bervariasi juga dapat dijalankan.

Kewujudan manuskrip warkah-warkah Melayu yang menyalurkan dokumentasi sosiobudaya, sejarah, ekonomi, perdagangan, falsafah, peradaban mempengaruhi perkembangan tamadun, kebudayaan, dan falsafah masyarakat Melayu dan kenegaraan kini. Oleh itu, warkah Melayu sebagai satu genre memungkinkan kajian daripada pelbagai disiplin kebahasaan dilakukan terhadapnya. Dengan itu, khazanah kajian fenomena bahasa terhadap warkah Melayu dapat diperkembang dan bukan hanya berlegar dalam analisis wacana. Kajian lanjutan boleh meneliti aspek sintaksis, sociolinguistik, stilistik, retorik, pragmatik, dan sebagainya. Misalnya, kajian retorik memperlihatkan kajian pemanfaatan bahasa secara berkesan, iaitu cara individu mempersembahkan pemikiran, tanggapan, atau perasaan secara berkesan. Kesimpulannya, kajian-kajian lanjut perlu dilakukan oleh pihak-pihak tertentu terhadap manuskrip warkah-warkah Melayu agar dapat memaparkan peristiwa komunikatif dalamnya.

Analisis wacana sebagai satu cabang ilmu linguistik berupaya untuk merungkaikan penggunaan bahasa sebenar oleh pewacana. Oleh itu, hubungan antara bahasa dengan konteks penggunaannya dalam masyarakat dapat digambarkan. Kajian analisis wacana juga dikatakan dapat menjawab segala persoalan dalam pelbagai rentas bidang ilmu. Oleh hal yang demikian, kajian analisis wacana warkah-warkah sosial

Melayu ini diharap sedikit sebanyak dapat menjawab gejala bahasa dari dimensi tekstual yang berlingkaran dalam masyarakat Melayu lampau.

University of Malaya

BIBLIOGRAFI

- Abdullah Hassan. (1978). *Rencana linguistik*. Kuala Lumpur, Malaysia: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abdullah Zakaria. (2008). Sejarah Malaysia: sorotan masa lalu, iktibar hari ini dan akan datang. *Jurnal Persatuan Sejarah Malaysia*, 1-23.
- Ab. Razak Ab. Karim. (1997). Manuskrip surat Sultan Iskandar Muda dari Aceh kepada Raja Inggeris James I, England, AH 1024 (AD 1615) – Aspek penggunaan kata-kata pujian. *Pengajian Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur, Malaysia: Akademi Pengajian Melayu (pp. 77-90).
- Ab. Razak Ab. Karim. (1998). *Warkah-warkah Melayu lama sebagai suatu genre*. (unpublished doctoral's dissertation). Universiti Malaya, Kuala Lumpur, Malaysia.
- Ab. Razak Ab. Karim. (2002). *Aspek penggunaan bahasa dalam warkah-warkah Melayu lama: satu kajian*. Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya.
- Ab. Razak Ab. Karim. (2006a). Surat Ahmad Tajuddin Halim Syah: stilistik penulisan warkah Melayu lama. In Mariyam Salim & Rogayah A. Hamid (eds.) *Kesultanan Melayu Kedah*. (pp. 323-356). Kuala Lumpur, Malaysia: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ab. Razak Ab. Karim. (2006b). Warkah-warkah Sultan Muhammad pada tahun 1839 (1254 Hijrah) di Kelantan: satu kajian struktur warkah. In Mariyam Salim & Rogayah A. Hamid (eds.). *Kesultanan Melayu Kelantan*. (pp. 311-334). Kuala Lumpur, Malaysia: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ab. Razak Ab. Karim. (2006c). *Warkah Melayu lama*. Kuala Lumpur, Malaysia: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ab. Razak. Ab. Karim (2011). Naskhah Bau-Bau dan Wakatobi - Kesenambungan tradisi ilmu Nusantara. *Masyarakat Melayu Buton: Kilauan khazanah manuskrip, kesenian, budaya, bahasa dan pantunnya*. Kuala Lumpur, Malaysia: Akademi Pengajian Melayu.
- Ab. Razak Ab. Karim. (2013). *Warkah raja-raja Melayu: struktur, stilistik dan nilai estetika*. Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya.
- Ab. Razak Ab. Karim. (2014, Mei). *Iluminasi dalam warkah-warkah sosial*. Kertas kerja dibentangkan di Persidangan Antarabangsa Manuskrip Melayu (PAMM): Memartabatkan Manuskrip Melayu di Persada Dunia, Kuala Lumpur, Malaysia.
- Agus Syahrani. (2012). *Warkah-warkah Sultan Pontianak: analisis genre*. (unpublished masters's thesis). Universiti Malaya, Kuala Lumpur, Malaysia.
- Ahzami Samiun Jazuli. (2006). *Kehidupan dalam pandangan al-Quran*. Jakarta, Indonesia: Gema Insani Press.
- Amat Juhari Moain. (1985). *Sistem panggilan dalam bahasa Melayu: Suatu analisis sosiolinguistik*. (unpublished doctoral's dissertation). Universiti Malaya, Kuala Lumpur, Malaysia.

- Asmah Haji Omar (1980a). Analisa wacana (bahagian pertama). *Jurnal Dewan Bahasa*, 24(3), 11-25.
- Asmah Haji Omar. (1980b). Analisa wacana (bahagian kedua). *Jurnal Dewan Bahasa*, 24(4), 9-25.
- Asmah Haji Omar. (1985). *Bahasa diraja*. Kuala Lumpur, Malaysia: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Haji Omar. (1992). *The linguistic scenery of Malaysia*. Kuala Lumpur, Malaysia: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Haji Omar. (1995). *Bahasa kesusasteraan klasik Kedah*. Kuala Lumpur, Malaysia: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Haji Omar. (1996). *Wacana perbincangan, perbahasan dan perundingan*. Kuala Lumpur, Malaysia: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Haji Omar. (2001). *Penyelidikan bahasa di lapangan*. Kuala Lumpur, Malaysia: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Haji Omar. (2008). *Ensiklopedia Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur, Malaysia: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Haji Omar. (2009). *Nahu Melayu mutakhir (5th.ed.)*. Kuala Lumpur, Malaysia: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Azhar Md. Sabil. (2012). *Warkah-warkah perjanjian Melayu abad ke-19: analisis wacana kritis*. (unpublished doctoral's dissertation). Universiti Malaya, Kuala Lumpur, Malaysia.
- Berk, L.E. . (2005). *Infants, children and adolescents (5th. ed.)*. Boston, United State of America: PearsonAllyn and Bacon.
- Chilton, P. & Schaffner, C. . (2011). Discourse and politics. In van Dijk, T.A (ed.). *Discourse studies: a multidisciplinary introduction*. (2nd vol.). (pp:323-330). London, England: SAGE Publication Ltd.
- Coulthard, M. . (1977). *An introduction to discourse analysis*. Essex, England: Longman .
- Dede Oetomo. (1993). Pelahiran dan perkembangan analisis wacana. In Bambang Kaswanti Purwo (ed.). *PELLBA 6*. Yogyakarta, Jakarta: Kanisius.
- Dictionary of linguistics*. (1960). London, England: Peter Owen Limited.
- Dictionary of language and linguistics*. (1972). London, England: Applied Science Publishers.
- Ding Choo Ming (2009). *Manuskrip Melayu. Sumber maklumat peribumi Melayu*. Bangi, Malaysia: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Dressler, W. & de Beaugrande, R. . (1981). *Introduction to text linguistics*. London, England: Longman.
- Fadzeli Jaafar. (2013). Penanda wacana dalam teks Melayu lama berunsur sejarah. *Jurnal Bahasa*, 13 (2), 243-258.

- Fairclough, N. . (1992). *Discourse and social change*. United Kingdom, England: Polity Press.
- Fairclough, N. . (1995). *Media discourse*. London, England: Edward Arnold.
- Fairclough, N. . (1995a). Critical analysis of media discourse. *Media discourse* (53-74). United States of America: Oxford University Press Inc.
- Fairclough, N. . (1995b). *Discourse change and hegemony. Critical discourse analysis: the critical study of language*. United States of America: Oxford University Press Inc.
- Fairclough, N. . (2001). *Language and power*. (2nd ed.). London, England: Longman.
- Fowler, R. . (1985). Power. In van Dijk, T.A (ed.). *Handbook of Discourse Analysis: discourse analysis in society* (4th vol.). (pp: 61-80). Orlando, United States of America: Academic Press.
- Gallop, A.T. . (1991a). Malay manuscripts art. *The British Library Journal*, 17(2), 167-189.
- Gallop, A.T. . (1991b). *Golden letter: writing traditions of Indonesia*. London, England: The British Library.
- Gallop, A. T. . (1994). *The legacy of Malay letter/Warisan warkah Melayu*. London, England: The British Library.
- Glosari sains kesihatan*. (2003). Kuala Lumpur, Malaysia: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hall, D. G. E. (1979). *Sejarah Asia Tenggara* (2nd ed.). Kuala Lumpur, Malaysia: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Halliday, M.A.K. (1985). *An introduction to functional grammar* (2nd ed.). United Kingdom, England: Edward Arnold.
- Halliday, M. A.K & Hasan, R. . (1976). *Cohesion in English*. London, England: Longman.
- Harimurti Kridalaksana. (1970). *Nya sebagai penanda anafora*. Jakarta, Indonesia: Fakultas Sastra Universitas Inonesia.
- Harimurti Kridalaksana. (1978). Keutuhan wacana. *Jurnal Dewan Bahasa*, 20(7), 507-516.
- Hasnah Mat Adnan. (2002). *Analisis tautan dan runtutan dalam teks klasik dan moden*. (unpublished masters's thesis). Universiti Malaya, Kuala Lumpur, Malaysia.
- Henry Guntur Tarigan. (1995). *Pengajaran wacana*. Kuala Lumpur, Malaysia: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hill, A.H. . (1969). The Hikayat Abdullah. *The autobiography of Abdullah bin Abdul Kadir*. Singapore: Oxford university Press.
- Hodge, K. & Kress, G. . (1993). *Language a ideology* (2nd ed.). London, England: Routledge.

- Idris Aman. (2001). *Wacana dan kepimpinan: satu analisis terhadap perutusan Perdana Menteri Mahathir Mohamad*. (unpublished doctoral's dissertation). Universiti Malaya, Kuala Lumpur, Malaysia.
- Idris Aman. (2006). *Analisis wacana Mahathir Mohamad*. Bangi, Malaysia: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Idris Aman. (2010). *Analisis wacana*. Bangi, Malaysia: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Idris Aman & Maserah Shabudin. (2012). Wacana dan ideologi iklan produk kecantikan berbahasa Jepun. *Jurnal Pengajian Bahasa*, 12 (3), 789-816.
- Isnariah et.al. (2017). Hati budi Melayu dalam warkah Melayu lama. *Jurnal Sultan Alauddin Sulaiman Shah*. 14 (2), 1-16.
- Kamus dewan (4th ed.)*. (2005). Kuala Lumpur, Malaysia: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kamus lengkap bahasa Arab (3rd ed.)*. (1998). Kuala Lumpur, Malaysia: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kittay, E. F. . (1987). *Metaphor: its cognitive force and linguistic structure*. Oxford, England: Clarendon Press.
- Lakoff, G. & Johnson, M. . (2003). *Metaphors we live by*. Chicago, United States of America: The University of Chicago Press.
- M. Abdul Nasir (tanpa tarikh). *Tarasul*.
- Malinowski, B. (1923). The problem of meaning in primitive languages. Suplemen to Ogden, C.K & Richard, I. A. *The meaning of meaning*. London, England: Kegan Paul.
- McCarthy, M. (1991). *Discourse analysis for language teacher*. Cambridge, England: Cambridge University Press.
- Mohd Amin H. A. Shariff. (1998). *Perkembangan kanak-kanak*. Kuala Lumpur, Malaysia: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Muhammad Idris Rauf al-Marbawi. (1990). *Kamus al-Marbawi Arab – Melayu*. Singapura: Pustaka Nasional.
- Muhammad Yusof Hashim. (1988). *Persejarahan Melayu Nusantara*. Kuala Lumpur, Malaysia: Teks Publishing Sdn. Bhd.
- Mu'jizah. (2009). *Illuminasi dalam surat-surat Melayu abad ke-18 dan ke-19*. Jakarta: Kepustakaan Populer Gramedia.
- Nik Safiah Karim et al. (2008). *Tatabahasa dewan (3rd. ed)*. Kuala Lumpur, Malaysia: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Norita Rahmad. (2011). *Analisis wacana dari sudut kata adjektif berdasarkan teori tatabahasa fungsional*. (unpublished master's thesis). Universiti Malaya, Kuala Lumpur, Malaysia.
- O' Halloran, Kieran. (2007). Critical discourse analysis and the corpus-informed interpretation of metaphor at the register level. *Applied Linguistics*. 28(1), 1-24.

- Palmer, F. R. (1986). *Mood and modality*. Cambridge, England: Cambridge University Press.
- Raja Ali Haji Raja Haji Ahmad. (1892). *Bustan al-Katibin*.
- Raja Mashittah Raja Ariffin. (1999). *Bahasa Melayu dalam warkah Melayu terpilih*. (unpublished masters's thesis). Universiti Malaya, Kuala Lumpur, Malaysia.
- Rohaidah Haron. (2012). *Bahasa dan identiti: analisis wacana Umno Najib Razak*. (unpublished doctoral's dissertation). Universiti Malaya, Kuala Lumpur, Malaysia.
- Rohaizah Ab. Karim. (2014). *Analisis wacana ucapan perdana menteri keenam sempena 100 hari menakhoda negara*. (unpublished master's thesis). Universiti Malaya, Kuala Lumpur, Malaysia.
- Rozmi Ismail. (2011). *Psikologi sosial*. Bangi, Malaysia: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Salmah Jan Noor Muhammad. (2015). Warkah sebagai medium diplomatik kesultanan Melayu dalam menjalinkan hubungan dengan kuasa Barat. *Jurnal Melayu*. 14 (1), 136-148.
- Sanat Md. Nasir. (1996) *Tautan dalam wacana bahasa Melayu akhbar: analisis rencana pengarang Utusan Zaman (1957-1961)*. (unpublished doctoral's dissertation). Universiti Malaya, Kuala Lumpur, Malaysia.
- Sanat Md Nasir. (1996). Kewacanaan Za'ba. In. Wan Abdul Kadir (ed.). *100 tahun Za'ba*. (pp. 39-48). Kuala Lumpur, Malaysia: Akademi Pengajian Melayu.
- Sanat Md. Nasir. (2002). *Tautan dalam wacana bahasa Melayu akhbar: analisis rencana pengarang Utusan Zaman (1957-1961)*. Kuala Lumpur, Malaysia: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Sato Hirobumi. (1991). *Analisis nahu wacana bahasa Melayu klasik berdasarkan teks Hikayat Hang Tuah*. (unpublished doctoral's dissertation). Universiti Malaya, Kuala Lumpur, Malaysia.
- Simpson, P. . (1993). *Language, ideology and point of view*. London, England: Routledge.
- Suraya Jantan. (2009). *Analisis konteks dan wacana dalam novel Kawin-Kawin*. (unpublished master's thesis). Universiti Malaya, Kuala Lumpur, Malaysia.
- Suryadi. (2015). A linguistic kaleidoscope of the Malay letter. *Wacana*. 16 (2), 304-338.
- Tan Joo Seng. (1992). Kajian awal mengenai modaliti dalam bahasa Melayu. *Jurnal Dewan Bahasa*. 10, 969-976.
- Terence, D.L. . (1968). *The London school of linguistics: a study of the linguistic theories of B. Malinowski and Firth, J. R.* Cambridge, England: M.I.T Press.
- van Dijk, T. A. . (1985). Discourse analysis as a new-cross-discipline. In van Dijk, T.A (ed.). *Handbook of discourse analysis* (1st vol.). (pp :1-7). Orlando, United States of America: Academic Press.

- van Dijk, T. A. . (1985). The role of discourse analysis in society. In Van Dijk, T.A (ed.). *Handbook of discourse analysis: discourse analysis in society*. (4th vol.). (pp: 1-8). Orlando, United States of America: Academic Press.
- van Dijk, T. A. . (1998). *Ideology: a multidisciplinary approach*. London, England: Sage Publication.
- Wan Abdul Kadir Wan Yusoff. (2003). *Pengkaedahan penyelidikan pengajian Melayu*. Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya.
- Wan Shamsudin Mohd Yusof. (2006). Surat Sultan Ahmad Tajuddin Halim Syah II (1804-1845): Suatu pengenalan. In Mariyam Salim & Rogayah A. Hamid (eds.). *Kesultanan Melayu Kedah*. (pp. 357-381). Kuala Lumpur, Malaysia: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Widdowson, H. G. . (2007). *Discourse analysis*. London, England: Oxford University Press.
- Wilkinson, R. J. . (1907). Paper on Malay subject. Malay literature part III. *Letter Writing*. Kuala Lumpur: Government of the Federal Malay State.
- Wilkinson. (1913). Notes on Malay letter writing. *Malay grammar by R.O. Windstedt*. Oxford, England: Carendon.
- Wilkinson, R. J. . (1959). *A Malay-English dictionary part II*. London, England: Macmillan & Co. Ltd.
- Winstedt, R. O. . (1919). *Neraca Sahifah*. Singapura: Education Department Federal Malay States.
- Wong Khek Seng. (1992). Sejarah perkembangan analisis wacana. *Jurnal bahasa*, 24(5), 438-446.
- Wong Khek Seng. (1995). *Kesinambungan topik dalam bahasa Melayu*. Kuala Lumpur, Malaysia: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Za'ba. (1962). *Ilmu mengarang Melayu*. Kuala Lumpur, Malaysia: Pejabat Karang-Mengarang Jabatan Pelajaran Persekutuan Tanah Melayu.